

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGKAL KEDUA  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

**Bil. 34**

**Selasa**

**14 Oktober 2014**

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Perbekalan 2015	(Halaman 24)
<b>USUL-USUL:</b>	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 24)
Anggaran Pembangunan 2015	(Halaman 24)

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL KEDUA**  
**MESYUARAT KETIGA**

**Selasa, 14 Oktober 2014**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Raime Unggi [Tenom]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan usaha Malaysia untuk menghantar nota bantahan kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) terhadap negara Israel yang melancarkan peperangan selama 50 hari ke atas Gaza di Palestin.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Hamzah bin Zainudin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk memberikan jawapan kepada pertanyaan ini dan menjawab secara serentak kepada empat pertanyaan yang menyentuh isu yang sama iaitu Yang Berhormat Tumpat, Yang Berhormat Paya Besar, Yang Berhormat Libaran dan Yang Berhormat Kubang Kerian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, berikutan serangan ketenteraan Israel ke atas Palestin selama 50 hari baru-baru ini, Malaysia bersama-sama masyarakat dunia yang bersependapat telah mendesak supaya Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) menggesa rejim Israel menghentikan serta-merta serangan ketenteraan ke atas rakyat Palestin di Gaza. Kerajaan Malaysia melalui Perwakilan Tetap Malaysia di PBB telah menyampaikan kenyataan Malaysia semasa mesyuarat tergepar UNFC mengenai situasi di Timur Tengah dan termasuk Palestin yang telah diadakan pada 22 Julai 2014. Dalam kenyataan tersebut, Malaysia sekali lagi menggesa Majlis Keselamatan PBB untuk mendesak Israel menghentikan segera serta-merta serangan ketenteraan tidak berperikemanusiaan mereka ke atas rakyat Palestin khususnya di Gaza.

Dalam usaha untuk membantu meringankan beban rakyat Palestin di Gaza, satu pasukan khas yang dianggotai oleh Tuan Yang Terutama Duta Besar Malaysia ke Republik Arab Mesir yang ditauliahkan secara serentak ke Palestin, Tuan Yang Terutama Duta Besar Palestin ke Malaysia dan Yang Berhormat Baling yang juga merupakan Presiden Kelab Putera 1Malaysia yang juga merupakan Pengerusi Biro Kebajikan UMNO Malaysia telah memasuki Gaza, Palestin pada 18 Ogos hingga 20 Ogos 2014 bagi menghantar bantuan kemanusiaan serta mendapatkan maklumat lanjut mengenai jenis bantuan yang sesuai dan boleh dihulurkan kepada pihak di Gaza, Palestin.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun risiko untuk memasuki Gaza begitu tinggi sekali, mereka bertiga berjaya menghulurkan bantuan lebih kurang sebanyak USD3 juta kepada penduduk Gaza. Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan berbilang-

banyak terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Baling yang berjaya untuk menghulurkan bantuan tersebut. [Tepuk] Kerajaan melalui Kedutaan Besar Malaysia di Kaherah, Mesir juga telah membantu menyelaraskan kemasukan pertubuhan-pertubuhan badan bukan kerajaan atau NGO dari Malaysia untuk memasuki Gaza melalui Sempadan Rafah, Mesir yang membolehkan mereka menyampaikan bantuan kemanusiaan kepada rakyat Palestin di Gaza.

Daripada aspek sumbangan kewangan, Kerajaan Malaysia telah mengumumkan kesediaan untuk membuat sumbangan kewangan berjumlah USD100 ribu kepada *United Nation Relief and Works Agency (UNRWA)* iaitu sebuah badan yang dipertanggungjawabkan untuk memberi perlindungan kepada pelarian-pelarian Palestin. Bantuan kewangan tersebut akan digunakan oleh UNRWA untuk melaksanakan program bantuan kepada pelarian-pelarian Palestin terutamanya di Gaza. Kerajaan sememangnya mempunyai hubungan yang baik dengan UNRWA di mana Malaysia diiktiraf oleh mereka sebagai salah sebuah negara penderma.

Selain sumbangan tahunan kepada UNRWA berjumlah RM25,000 pada tahun 2012 hingga 2017, Malaysia juga pernah menghulurkan sumbangan kewangan secara *one-off* dengan izin, kepada UNRWA pada tahun 2009, tahun 2011, 2012 dan 2013 berjumlah menghampiri atau sudah mencapai jumlah USD1.8 juta. Kerajaan juga telah mengumumkan kesediaan untuk memberi sumbangan kewangan berjumlah USD100 ribu kepada salah sebuah organisasi subsidiari pertubuhan kerjasama Islam OIC iaitu *Islamic Solidarity Fund* bagi membolehkan pihaknya melaksanakan bantuan-bantuan kemanusiaan kepada rakyat Palestin di Gaza.

Kesediaan kerajaan memberi kedua-dua sumbangan tersebut telah diumumkan semasa *The Meeting of the OIC Committee of Six on Palestine* pada 24 September 2014 di New York. Sumber kewangan bagi kedua-dua sumbangan kepada UNRWA dan OIC berjumlah USD100 ribu tersebut telah diperolehi daripada Tabung Akaun Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin iaitu sebuah tabung di bawah seliaan Kementerian Luar Negeri sendiri yang bertujuan untuk mengumpul serta menyelaraskan sumbangan kewangan orang awam Malaysia yang seterusnya akan disampaikan kepada rakyat Palestin melalui kaedah-kaedah yang sesuai.

#### ■1010

Semasa persidangan antarabangsa mengenai pembangunan semula Gaza, Palestin yang telah diadakan pada 12 Oktober 2014 di Kaherah, Mesir, Kerajaan Malaysia bersedia untuk memberikan sumbangan kewangan tambahan secara terus kepada Palestin.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia tidak mempunyai sebarang hubungan diplomatik dengan Israel. Malaysia juga ialah sebuah negara yang menitikberatkan prinsip-prinsip kemanusiaan dan amat prihatin terhadap penderitaan rakyat Palestin. Status ini tidak pernah berubah dan masih kekal, lebih-lebih lagi selepas serangan ketenteraan Israel ke atas Gaza selama lebih kurang 50 hari baru-baru ini.

Berhubung nilai dagangan Malaysia-Israel pula, Kementerian Luar Negeri tidak mempunyai maklumat mengenainya memandangkan perkara ini adalah di luar bidang kuasa kementerian ini.

Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan. Saya juga turut ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada kerajaan kita terutama kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah menghantar bantuan kemanusiaan kepada penduduk-penduduk Palestin yang diketuai oleh Yang Berhormat Baling.

Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, apakah hasil yang diperoleh dan tindakan yang telah diambil oleh pihak kementerian setelah menghantar Yang Berhormat Timbalan Menteri ke Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Luar Biasa Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) bagi membincangkan perkembangan terbaru serangan tentera Israel ke atas Wilayah Gaza di Palestin?

Saya juga ingin mengetahui Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan status negara kita untuk melobi kerusi anggota tidak tetap dalam Majlis Keselamatan PBB bagi tahun 2015 sehinggalah tahun 2016. Saya juga ingin mendoakan supaya usaha negara kita untuk melobi kerusi akan mendapat tempat dalam Majlis Keselamatan PBB itu.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Tenom atas soalan yang dibangkitkan ini. Saya bersetuju dengan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Saya hendak jelaskan di sini Tuan Yang di-Pertua, semasa lawatan yang dibuat oleh Yang Berhormat Baling, sebenarnya selama seminggu kumpulan mereka tidak boleh memasuki kawasan Gaza. Akan tetapi atas hubungan yang baik Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Presiden Mesir, mereka dapat akhirnya membenarkan Yang Berhormat Baling dan kawan-kawannya seramai dua orang lagi untuk memasuki untuk membantu rakyat Palestin di Gaza. Terima kasih kepada Yang Berhormat Tenom.

Keduanya, mengenai hasil yang diperoleh dalam mesyuarat yang saya sendiri menghadirinya di Jeddah baru-baru ini. Di sana, Presiden Palestin sendiri, Mahmoud Abbas telah pun memberitahu kita, menjelaskan apa yang berlaku dan meminta bantuan daripada OIC bagaimana hendak membangunkan semula Gaza. Maka, sebab itulah banyak *pledges* yang telah pun dibuat dan kesediaan daripada banyak negara Islam tersebut adalah untuk membantu mereka untuk membangunkan Palestin semula termasuklah mesyuarat yang dibuat semalam di Mesir.

Di situ nampak bahawa walau bagaimana sekalipun, yang penting kepada kita adalah untuk menghulurkan bantuan sehingga Palestin dapat dibangunkan semula supaya rakyat di seluruh dunia memahami bahawa yang sebenarnya hari ini kezaliman berlaku adalah oleh kerana Israel mengebom kawasan Palestin dan bukan sebaliknya. Apa yang kadang-kadang mengelirukan manusia hari ini seolah-olah Palestin yang telah pun menyebabkan Israel mengebom kawasan Palestin tersebut. Itu adalah salah satu yang OIC ingin tunjukkan kepada dunia untuk membantu Palestin untuk membangunkan semula kawasan tersebut.

Tentang status negara kita untuk menjadi anggota Majlis Keselamatan PBB yang akan diadakan pengundiannya pada 16 Oktober, Tuan Yang di-Pertua, *insya-Allah*, saya merasakan dan kita yakin bahawa, *insya-Allah*, kita boleh menang kali ini. Cuma, kedudukannya bagaimana, susah saya hendak jelaskan tetapi kerja kuat oleh Yang Berhormat Menteri saya sendiri sehinggalah dua tiga bulan tidak balik ke Malaysia daripada tiga bulan yang lepas

menunjukkan bahawa inilah salah satunya kerja kuat yang dijalankan oleh Yang Berhormat Menteri. Kita kena sedar bahawa dibantu oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dan semua pegawai Wisma Putra yang bertungkus-lumus untuk menentukan untuk mencapai kejayaan kita pada 16 hari bulan nanti.

Terima kasih Yang Berhormat Tenom.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berterima kasih kerana kita ada mengambil beberapa tindakan terhadap apa yang telah dibuat atau penganiayaan orang Palestin oleh Israel.

Akan tetapi saya hendak tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita telah bersidang tergepar, *emergency sitting* dua tahun dulu di mana beberapa resolusi telah diluluskan oleh Dewan ini untuk merujuk Israel kepada badan-badan *security council*, tindakan diambil terhadap negara Israel dan juga menggunakan *normal diplomacy*. Di antaranya ialah pandangan kerajaan pada masa itu, dan sekarang juga saya ingat, adalah merujuk Israel kepada *International Criminal Court*. Apakah tindakan susulan yang telah diambil dalam hal ini? Adakah hanya setakat memberitahu negara bahawa kerajaan ingin mengambil tindakan tetapi tidak ada *follow up* dalam isu tersebut?

Berkaitan dengan hal ini, walaupun kita tidak ada hubungan dengan Israel, macam mana berjuta-juta ringgit lagi ada perhubungan perniagaan dengan Israel secara terus menerus atau *indirect way*? Apakah ini satu persetujuan *on the right hand with disagree, on the left hand on the interest of money, we agree? How do we rationalize?* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Menteri, soalan pertama jawab. Yang kedua tidak payah.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mudah kerja saya, Tuan Yang di-Pertua.

Tentang apa yang telah pun kita buat dalam Dewan ini, *emergency sitting*, saya lupa bila, tetapi untuk makluman Yang Berhormat Ipoh Barat, sebenarnya setiap kali persidangan di PBB melalui UNSC, kita memberitahu kepada mereka secara tegas. Walaupun pada hari ini jawapan saya mengatakan bahawa kita setiap kali dalam mesyuarat PBB kita berikan ketegasan, kita mahukan supaya rakyat Palestin dibantu dan kita mahukan Israel diambil tindakan yang tegas terhadap rejim Israel, tetapi sebenarnya sebagai sebuah negara yang kecil seperti Malaysia ini, kita hanya mampu untuk memberi tekanan melalui *international forum* ataupun mesyuarat-mesyuarat *international* yang kita sendiri menjadi ahlinya.

Walau bagaimanapun, dalam dunia hari ini, kita kena sedar bahawa macam mana cara sekalipun ketegasan yang kita buat, yang pentingnya sama ada Israel mahu mendengar ataupun dia tidak ambil peduli langsung tentang tekanan yang PBB lakukan terhadap mereka. Itulah yang menjadi satu persoalan yang paling besar pada hari ini, bukan hanya kepada Malaysia tetapi banyak negara OIC. Itu yang sebenarnya berlaku, Tuan Yang di-Pertua. Jadi kalau kata kita tidak ada *follow up*, kita buat. Akan tetapi yang penting kepada kita pada hari ini, apa pun yang berlaku dalam PBB tersebut, kita sentiasa mempunyai polisi untuk membantu...

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Kepada *International Criminal Court*.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Tentang untuk membawa ke Mahkamah Antarabangsa, saya hendak jelaskan kepada Yang Berhormat Ipoh Barat, seperti yang kita katakan, walau

apa pun yang berlaku, kita beri ketegasan, kita hantar macam-macam pun, kalau ia tidak berlaku, ia tetap tidak berlaku. Akan tetapi kita akan sentiasa seperti dulu, kini dan selamanya, akan sentiasa berjuang bersama untuk menentukan hak kebebasan diberikan kepada Palestin. Terima kasih.

#### ■1020

**2. Tuan Loke Siew Fook [Seremban]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada kementerian menerima laporan DNA sebagai bukti sokongan untuk kes-kes permohonan kewarganegaraan di kalangan kanak-kanak *stateless* yang bapanya merupakan warganegara dan adakah kementerian bersedia menggunakan pendekatan ini untuk menyelesaikan kes-kes tertunggak.

#### **Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian dalam Negeri mengambil maklum bahawa pertanyaan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah merujuk kepada permohonan kewarganegaraan Malaysia. Bagi kanak-kanak yang dilahirkan di Persekutuan tetapi perkahwinan ibu bapa tidak didaftarkan di bawah undang-undang semasa yang berkuat kuasa dan ibu bukan merupakan warganegara Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak semua kanak-kanak yang dilahirkan di Malaysia akan dianugerahkan kewarganegaraan Malaysia secara automatik. Sebaliknya asas-asas penentuan kewarganegaraan kanak-kanak berkenaan adalah berdasarkan kepada peruntukan undang-undang yang termaktub di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan. Secara umumnya peruntukan Perlembagaan Malaysia, seorang kanak-kanak adalah bergantung terhadap status yang pertama, perkahwinan.

Kedua, taraf kewarganegaraan ibu bapa. Dalam hal ini Perlembagaan Persekutuan telah menetapkan bahawa kanak-kanak dilahirkan di Persekutuan tetapi perkahwinan ibu bapa tidak didaftarkan di bawah undang-undang semasa yang berkuat kuasa ibunya bukan merupakan warganegara Malaysia sebagai bukan seorang warganegara. Mengikut peruntukan undang-undang di bawah seksyen 17, Jadual Kedua, Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan, justeru setiap kanak-kanak yang dilahirkan tanpa perkahwinan yang sah akan mempunyai taraf kewarganegaraan mengikut taraf kewarganegaraan ibunya. Walau bagaimanapun bagi anak-anak yang dilahirkan di Persekutuan atau di luar Persekutuan, perkahwinan ibu bapanya tidak didaftarkan di bawah undang-undang semasa berkuat kuasa dan ibunya warganegara Malaysia kanak-kanak tersebut akan bertaraf Malaysia kerana ibunya merupakan seorang warganegara Malaysia.

Penganugerahan kewarganegaraan Malaysia seseorang individu merupakan satu anugerah tertinggi Kerajaan Malaysia kepada individu tersebut. Oleh itu kewarganegaraan Malaysia tidak akan diberi, satu ditawarkan sewenang-wenangnya kepada sesiapa sahaja yang memohon. Sebaliknya kerajaan akan membuat pertimbangan yang sewajarnya berdasarkan dokumen yang dikemukakan oleh pemohon. Oleh yang demikian beban untuk membuktikan bahawa setiap permohonan, setiap dokumen adalah layak dianugerahkan kewarganegaraan. Dia adalah terletak di bawah tanggungjawab pemohon itu sendiri. Sehubungan dengan itu, ujian DNA boleh dijadikan sebagai dokumen sokongan permohonan kewarganegaraan

Malaysia apabila terdapat keraguan ke atas permohonan dikemukakan. Namun demikian dokumen tersebut bukanlah satu dokumen mandatori yang diperlukan oleh pihak Kerajaan Persekutuan dan dipertimbangkan permohonan kewarganegaraan Malaysia mendatangkan permohonan masih lagi tertakluk kepada undang-undang yang termaktub di bawah Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan sebagaimana yang saya sebutkan tadi.

Untuk makluman Yang Berhormat, juga tidak ada permohonan kewarganegaraan Malaysia yang dikategorikan sebagai terbuka pada masa kini. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya merujuk kepada satu kes tahun lepas yang bernama N.Vanisha yang telah mendapat status kewarganegaraan selepas menjalani ujian DNA dan dipersembahkan kepada mahkamah. Seterusnya Jabatan Pendaftaran Negara terus memberikan status kewarganegaraan kepada kanak-kanak ini. Akan tetapi selepas beliau membawa kes ini ke mahkamah untuk meminta mahkamah mengisytiharkan status kewarganegaraan.

Persoalan yang saya hendak timbulkan di sini ialah mengapakah pihak Kementerian Dalam Negeri tidak boleh memudahkan cara pemohon-pemohon? Sebab saya rasa ada banyak kes permohonan yang saya pun sendiri ada *handle* beberapa kes di mana ayahnya warganegara, tetapi ibunya bukan warganegara tetapi tidak mendaftarkan perkahwinan semasa anak itu dilahirkan.

Apabila mereka memohon status kewarganegaraan dengan Kementerian Dalam Negeri, selalunya ditolak tanpa diberikan apa-apa alasan. Kebanyakan pemohon tidak faham bagaimana untuk mendapatkan rayuan dalam status ini. Jadi soalan saya ialah mengapakah tidak pihak Kementerian Dalam Negeri apabila membalas surat permohonan itu kalau ditolak, beritahu alasan ditolak. Kalau mereka diperlukan untuk menjalani laporan DNA untuk mendapatkan status kewarganegaraannya, itu boleh diletakkan dan supaya pemohon itu tahu apakah salurannya untuk mereka berjaya mendapatkan permohonan. Sebab saya rasa ada banyak lagi kes *stateless child* ini yang sepatutnya pihak kerajaan memberikan perhatian yang serius.

Sehubungan dengan itu, laporan DNA ini mungkin merupakan satu pendekatan yang dapat membantu kes-kes ini. Akan tetapi bayaran yang dikenakan oleh pihak Jabatan Kimia untuk kes-kes seperti ini berharga RM150. Jadi saya hendak tanya adakah pihak Kementerian dalam Negeri boleh berbincang dengan pihak Jabatan Kimia untuk sama ada memberikan kalau tidak percuma pun mungkin mengurangkan kos ini supaya dapat membantu kes-kes *stateless child* ini untuk mendapat status kewarganegaraan. Terima kasih.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, ada dua soalan. Satu persoalan untuk memudahkan cara permohonan pada kewarganegaraan Malaysia pada pemohon-pemohon yang ada di luar sana. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua kita telah memudahkan prosedur-prosedur untuk memohon kewarganegaraan Malaysia. Akan tetapi yang pentingnya syarat undang-undang itu mesti dipenuhi. Syaratnya tadi sebagaimana yang saya sebut menentukan bahawa sama ada ibu atau ayah ini orang Malaysia yang sebenarnya.

Kedua, perkahwinan mereka ini adalah sah di sisi undang-undang Malaysia dan kalau perkahwinan ini berlaku di luar negara adakah tidak didaftar mengikut garis panduan undang-

undang. Kalau seseorang itu bukan mendaftar wakil Malaysia di sana. Kalau dia bukan Islam, dia mendaftar kepada pihak-pihak yang perlu didaftarkan juga di Malaysia apabila selepas mendaftar di luar negara. Kalau dia orang Islam, dia perlu mendaftar kepada pihak JAKIM dan tiga perkara ini mesti ditentukan oleh pihak proses di Kementerian Dalam Negeri.

Jadi kita tidak boleh menafikan bahawa proses ini dipermudahkan. Ini sudah mudah, tetapi yang pentingnya orang yang memohon itu mesti memberi bukti-bukti yang sah, bukti-bukti yang boleh diterima, bukti-bukti yang sah yang sebenarnya untuk syarat-syarat untuk menentukan nilai-nilai utama yang tegas oleh Kerajaan Malaysia, tegas oleh negara ini mesti dipertahankan di bawah undang-undang dan Perlembagaan Malaysia iaitu perkahwinan, keibubapaan, kewarganegaraan ini mesti diperlukan. Itu yang pertama.

Kedua, soalan kos untuk menilai DNA daripada pihak Jabatan Kimia. Ini kita boleh bincang dengan pihak Jabatan Kimia. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya cukup yakin pengamal DNA di luar sana mungkin boleh menawarkan kos-kos yang rendah. Mungkin Jabatan Kimia itu banyak kerja yang tertentu kerana mengendalikan semua kerja, tugas dan tanggungjawab kerajaan daripada mengenal pasti hal makanan halal haram dan sebagainya hinggalah kepada hal kes jenayah yang lain. Di antaranya banyak kes lain Jabatan Kimia itu buat. Jadi dalam keadaan sedemikian saya cukup yakin mereka juga dalam keadaan yang terdesak untuk mengadakan kes-kes sedemikian yang perlu dengan secepat mungkin dikehendaki oleh pihak pemohon. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebelum saya mengajukan soalan saya, saya ingin merakamkan ucapan selamat hari lahir kepada Yang Berhormat Muar pada hari ini.

■1030

Tuan Yang di-Pertua saya ingin menyatakan di sini bila melihat tentang golongan *stateless* ini. Saya melihat golongan ini semakin hari semakin meningkat terutama sekali di kawasan saya di Kuala Selangor.

Ia seterusnya menyebabkan kedudukan mereka agak terpinggir dan disisihkan di kalangan masyarakat. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sekiranya kanak-kanak *stateless* ini dipastikan sebagai bukan warganegara, apakah terdapat sebarang usaha bagi kita mendokumentasikan atau kita mendokumenkan data-data diri mereka ini serta program yang boleh dilakukan oleh kementerian bagi membantu pembangunan diri mereka supaya mereka ini tidak terus disisihkan ataupun tercicir daripada dipinggirkan dalam komuniti? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Yang Berhormat. Soalan ini juga tidak jauh beza dengan soalan Yang Berhormat tadi, soalan *stateless*. Saya hendak sebut mengenai soalan *stateless* ini Yang Berhormat, sebenarnya ada sedikit sahaja manusia di dunia ini boleh dikatakan *stateless*. Makna dia tidak ada negara. Orang ini yang dipanggil *stateless* di Malaysia ini ialah kalau sebagaimana disebutkan tadi seseorang itu kahwin dengan orang Indonesia, berkahwin dengan orang Myanmar, kahwin orang China, kahwin dengan orang India, ibunya adalah orang-orang itu tetapi kalau perkahwinannya tidak sah, dengan sendirinya status kewarganegaraannya



mengikut ibu dia. Dia tidak *stateless* Yang Berhormat sebenarnya. Dia ada status sendiri tetapi bukan warganegara Malaysia.

Jadi kelahirannya mungkin diberi sijil kelahiran tetapi bukan bermakna secara automatik dia menjadi warganegara Malaysia. Dia kena memohon. Kalau dia daripada anak yang dilahirkan sebelum perkahwinan umpamanya. Kalau anak-anak itu lahir sebelum perkahwinan, ibu bapanya kahwin mungkin anak ini jadi anak warganegara ibunya. Kalau warganegara ibunya dia memohon berlandaskan ada satu peruntukan di bawah perlembagaan yang menurut syarat-syarat ini dipenuhi, baru boleh kita meluluskan dia sebagai warganegara.

Akan tetapi kedudukannya sebagai warga negara asing, bukan negara kita tetapi pensijilan, dokumen-dokumen boleh diberi Tuan Yang di-Pertua. Pihak-pihak pendaftaran, pihak-pihak imigresen boleh beri dokumen kepada mereka ini menunjukkan siapakah sebenarnya ini dan di bawah seksyen mana, di bawah peraturan mana mereka boleh memohon pada satu ketika nanti sebagai warganegara Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**3. Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah keselamatan yang telah dirangka oleh APMM untuk memerangi aktiviti penyeludupan diesel seperti yang berlaku di Parlimen Pengerang dengan nilai rampasan yang agak tinggi di mana aktiviti ini dapat memberi kesan kepada kesejahteraan ekonomi negara.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim ]:**  
*Auzubillahi Minashaithonir Rojim, Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia.* Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor sebab mengucapkan selamat hari lahir.

Tuan Yang di-Pertua, Agensi Penguat kuasa Maritim Malaysia ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dalam soal aktiviti penyeludupan terutamanya dalam kegiatan penyeludupan diesel yang telah mengakibatkan kerugian besar kepada hasil negara. Bagi menangani fenomena ini, APMM telah meningkatkan rondaan dan pemeriksaan ke atas kapal-kapal di seluruh perairan negara termasuklah di perairan Pengerang.

Pergerakan dan aktiviti kapal di perairan Pengerang sentiasa dikawal dan dipantau melalui radar yang dikendalikan oleh Sistem Pengawasan Maritim (Laut) iaitu SWASLA milik APMM. Dalam masa yang sama radar mudah alih juga turut digunakan di mana perlu bagi menangani isu ini. Selain rondaan dan pemantauan dengan menggunakan kapal dan bot, APMM turut menggerakkan aset operasi udara bagi memantau dan mengawasi pergerakan dan aktiviti kapal-kapal terutamanya di kawasan perairan selatan negeri Johor. Dalam masa yang sama, APMM turut menggerakkan operasi memerangi penyeludupan diesel secara bersepadu, holistik dan berkesan melalui operasi bersama dengan agensi-agensi yang berkaitan melalui *task force* yang terdiri daripada Jabatan Peguam Negara, KPDNKK, Bank Negara dan SPRM.

Selain itu, APMM juga telah melaksanakan operasi bersama MKN Johor mulai tahun 2012 dan melalui operasi tersebut sebanyak enam kes tangkapan berjaya dibuat dengan melibatkan nilai rampasan sebanyak RM1.2 juta. Sebagai langkah tambahan melalui Program

Sahabat Maritim yang telah dilancarkan kerajaan pada 17 November 2013 yang telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Shahidan bin Kassim, APMM amat mengharapkan kerjasama daripada semua komuniti maritim untuk berkongsi dan melaporkan kepada APMM mengenai kegiatan penyeludupan minyak serta lain-lain kegiatan haram yang merugikan negara. Terima kasih.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri dan selamat hari jadi yang ke-44 ya. Yang Berhormat Timbalan Menteri saya memang kagumlah dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan sebab daripada jawapan ini nampak begitu agresif APMM. Akan tetapi yang mewujudkan kemusykilan ini dalam masa saat kita berhujah dalam Parlimen aktiviti haram penjualan diesel ini memang sedang berlaku dan sentiasa berlaku. Jadi disebabkan Yang Berhormat Pengerang yang akan berhadapan dengan pembangunan minyak dan gas iaitu Projek Rapid ya, saya lihat daripada *website* APMM, kita tengok pejabat-pejabat maritim yang ada di negeri Johor ialah di Sedili, Batu Pahat dan Mersing ya.

Jadi soalan tambahan saya, adakah salah satu daripada langkah secara agresif yang perlu dilakukan ialah mewujudkan jabatan-jabatan yang boleh berpusat di aktiviti-aktiviti yang banyak berlakunya aktiviti jualan diesel secara haram iaitu dari segi kajian. Kalau di situ banyaknya berlaku, di situlah diwujudkan ibu pejabat. Sebagai contohnya yang kita tahu Pengerang yang berhadapan dengan Rapid sama ada itu ialah kemungkinan antara langkah-langkah yang perlu dilakukan sebab kalau kita tengok yang berlaku sekarang ini berpusat di Sedili dan juga di Mersing walaupun kita tahu pengairan laut.

Walaupun kita tahu bot-bot laju tetapi dari segi aktiviti, aktiviti malam, apa yang sedang berlaku? Apakah tidak mempunyai operasi berpusat di sana sebagai salah satu langkah yang lebih dapat dilakukan secara serta-merta? Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerang kerana umumkan usia saya pula. Saya setuju dengan Yang Berhormat Pengerang kerana antara aktiviti yang paling aktif sebenarnya berada di sekitar pengairan di sekitar Pengerang. Kalau kita lihat jumlah kapal dagang yang berada di sekitar Pengerang sehingga September tahun ini adalah berjumlah 3,715 buah kapal yang dipantau secara terus melalui radar yang saya nyatakan tadi. Saya juga bersetuju dengan Yang Berhormat Pengerang disebabkan aktiviti, peluang untuk berlakunya penyeludupan minyak diesel di situ, *base* APMM telah pun diwujudkan di Tanjung Pengelih dengan kekuatan seramai 34 orang sepenuh masa dengan satu buah kapal aset dan dua buah bot petir yang membantu operasi tersebut.

Jadi apa yang kita harapkan adalah untuk sahabat maritim di kawasan tersebut memberikan maklumat kepada *hotline* yang lebih mudah 999 yang beroperasi 24 jam kerana aktiviti-aktiviti yang berlangsung itu berlaku sepanjang masa dan melalui radar yang berada di Lumut. Kita dapat melihat jika ada kesangsian berlaku, kita akan hantar juga kapal terbang daripada Subang untuk menyiasat kapal-kapal dagang yang menimbulkan kecurigaan tadi. Jadi cadangan Yang Berhormat Pengerang itu sudah pun diadakan bagi memantau kawasan sekitar Pengerang-Mersing yang dinyatakan. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Sungai Petani.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri saya hendak tanya isu diesel kita cakap lama sudah saya rasa dan macam-macam cadangan telah pun dikemukakan, bukan saja di sebelah sana tetapi juga di sebelah sini bagaimana menangani masalah ini. Saya nampak seolah-olah macam kita masih lagi tercari-cari apakah benda yang perlu kita lakukan supaya ia lebih berkesan?

■1040

Cuma saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, apakah kita mungkin memperkenalkan ataupun sedang sudah ada satu mekanisme di mana bila diesel ini dikeluarkan daripada sumber utama, tentu ada rekod yang kita berikan kepada pengedar-pengedar dan juga pengguna-pengguna. Sudah tentu daripada rekod-rekod itu, kita ada satu *tracking* yang jelas. Kalau kapal, berapa penggunaan dia. Kalau *construction*, berapa penggunaannya. Sudah tentu kalau rekod-rekod ini dikawal selia begitu rapi, kita sudah pasti tahu. Tidak mungkin satu tempat yang projeknya tidak besar, tetapi nampaknya *distributors* menggunakan minyak yang jumlahnya yang agak luar biasa.

Saya rasa di samping fasilitas-fasilitas yang lain ada tetapi *tracking* ini juga mesti kemas dan saya kira pihak penguasa boleh menggunakan ini dengan lebih teliti lagi. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri tentang ini? Terima kasih.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya harap juga Yang Berhormat sebut sekali bahawa berlakunya penyeludupan ini sebab harga diesel kita murah. Itu salah satu perkara penyebab yang perlu kita terima hakikat sehingga menyebabkan kerugian. Buatlah apa juga cara, kalau harga kita itu memang terlalu murah sehingga menyebabkan penyeludup-penyeludup ini berniaga atas kemurahan kerajaan, maka ia tetap akan berlaku.

Oleh sebab itu Yang Berhormat Pengerang menyatakan perkara yang lebih baik iaitu untuk memastikan rakyat kita dapat menikmati harga yang sedikit murah tetapi meningkatkan kawalan. Sistem yang disebutkan itu telah pun kita guna pakai tetapi peluang kepada para penyeludup sentiasa terbuka. Malahan kita juga mendapati bahawa sejak tahun 2006 operasi ini dijalankan, sebanyak 175 kes telah pun dapat kita banteras yang melibatkan jumlah sebanyak RM6.1 juta. Ini kerugian kepada negara yang perlu kita tangani dan sebab itu kita akan bersama-sama dengan KPDNKK di dalam *task force* yang saya nyatakan tadi untuk melihat mekanisme pengeluaran diesel yang dibekalkan dan juga menggunakan kaedah itu untuk mengenal pasti jika ada ruang-ruang peluang kepada pengguna untuk menyalahgunakan diesel Malaysia yang agak murah ini.

Jadi kepada Yang Berhormat, saya rasa ini adalah tugas yang sangat sukar dan paling mudah kalau harga diesel kita itu tidak lagi dapat menampung aktiviti mereka, perkara ini mungkin boleh selesai. Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Jawapan Yang Berhormat Menteri menyatakan APMM sangat aktif. Saya bercerita pasal penyeludupan ini bukan diesel tetapi makanan-makanan lain. Makanan saya sudah beritahu di dalam Parlimen bahawa barang subsidi bukan orang Sabah makan. Barang subsidi di kawasan Pantai Timur, semuanya orang Indonesia yang makan. *[Ketawa]* Orang Indonesia kerana kita sudah kenal pasti tempat-tempat penyeludupan ini kita pasti. Akan tetapi

nampaknya, APMM ini tidak peduli pun. Nampak, orang nampak. Kita tertanya-tanya, rakyat tertanya-tanya, mengapa terang-terangan barang ini dieksport pergi Indonesia? Tidak ada penguatkuasaankah?

Jadi, saya cadangkan mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri, satu hari boleh saya bawa pergi tengok tempat ini. Boleh tengok tempat ini dan boleh ambil tindakan terus di sana. Ini kerana kalau kita minta APMM ini mengambil tindakan, tentu sekali dia tutup mata sebelah, mungkin ada sesuatu. Jadi kita mahu bertanya, penguatkuasaan ini tidak betul, APMM tidak buat kerja. Jadi kalau boleh minta Yang Berhormat Timbalan Menteri atau Yang Berhormat Menteri dia buat sesuatu untuk mengawal, kalau boleh. Minta jawapan.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Yang Berhormat Menterilah, kalau Yang Berhormat Menteri beri arahan, saya buat. Kalau tidak, dia buat sendiri. Akan tetapi saya setuju dengan Yang Berhormat, ini dakwaan yang sangat serius kepada APMM dan saya percaya di belakang saya ini ada pegawai APMM yang mendengar kenyataan Ahli Yang Berhormat Kalabakan, dan perkara ini hendaklah kita tangani. Saya bersetuju, kalau berlaku depan mata kita biarkan, apa juga langkah yang cuba dibuat oleh kerajaan akan terus berlaku pembaziran.

Cumanya saya hendak beritahu ada lagi jabatan-jabatan lain yang juga turut terlibat dalam aktiviti penyeludupan ini Tuan Yang di-Pertua seperti UPP, pencegahan penyeludupan yang menjaga sempadan kita. Barang-barang kawalan ini yang terlibat dengan subsidi sebenarnya juga menjadi tugas KPDNKK. APMM sebagai badan pencegahan berserta dengan lain-lain jabatan pencegahan, Jabatan Laut dan juga UPP dan sebagainya mengambil serius dakwaan-dakwaan di kalangan rakyat yang menyatakan berlaku perkara seumpama ini untuk kita atasi segera.

Kalau tidak saya rasa, masyarakat akan *disillusion* dengan izin terhadap sistem yang cuba kita bina. Jadi saya mengharapkan laporan dibuat dan saya anggap ini juga satu laporan, cuma tadi tak disebut tempatnya di mana. Kita akan jumpa Ahli Yang Berhormat untuk dapatkan maklumat yang dimaksudkan. Terima kasih Yang Berhormat.

*[Soalan No.4 – Y.B. Tuan Charles Anthony Santiago (Klang) tidak hadir]*

**5. Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]** minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan bagaimanakah kerajaan melihat isu kebebasan media yang diberi oleh kerajaan seperti telah dicabuli dengan tersebarunya perkara-perkara dan maklumat yang melangkaui batas sosial seseorang.

**Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Tanjong Karang di atas soalan yang dikemukakan dan saya juga memohon keizinan untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat Jelebu pada 29 Oktober; Yang Berhormat Bachok pada 3 November; Yang Berhormat Kubang Kerian pada 5 November; Yang Berhormat Pasir Gudang pada 6 November; Yang Berhormat Silam pada 10 November; Yang Berhormat Tenom pada 12 November; Yang Berhormat Bagan Serai dan Yang Berhormat Lanang pada 18 November; Yang Berhormat Kuala Kedah pada 24 November; dan Yang Berhormat Pendang dan Yang Berhormat Saratok pada 26 November kerana semuanya menyentuh perkara yang sama iaitu

berkenaan dengan isu kebebasan media, penyalahgunaan kandungan *internet* dan media sosial. Semuanya saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang bertanya.

Pada prinsipnya Tuan Yang di-Pertua, Malaysia ingin menuju kepada sebuah negara yang maju, menjadi negara maju salah satu daripada kriteria yang kita percaya bahawa ia mestilah memperlihatkan tahap kepercayaan atau dengan izin, *trust* di kalangan masyarakatnya yang lebih tinggi. Terutama sekali kepercayaan dalam membenarkan pengaliran maklumat sama ada di dalam kerajaan itu sendiri atau antara rakyat dengan kerajaan, kerajaan dengan rakyat atau pun rakyat dengan rakyat.

Oleh sebab itulah kita percaya bahawa dengan adanya teknologi internet dan media pada hari ini, kita mesti percaya bahawa internet adalah sebuah satu daripada alat untuk membenarkan kebebasan pengaliran maklumat di kalangan masyarakat kita kerana ini adalah sebahagian daripada ciri-ciri penting untuk menjadi negara yang maju.

Namun begitu, selain kita percaya, kita tahu bahawa apa pun yang kita pegang pada prinsip kebebasan ini, ia mestilah berasaskan kepada lunas undang-undang.

Kalau sekiranya kebebasan itu melanggar lunas undang-undang, maka ia perlu diuruskan mengikut lunas undang-undang yang ada pada negara kita sekarang ini. Oleh sebab itu, daripada 19.2 juta pengguna internet di Malaysia, menurut statistik yang kita dapati bahawa pada tahun ini 1,225 *complaint* ataupun aduan telah diadakan kepada berkaitan dengan penyalahgunaan media sosial. Sebenarnya ia hanya mencerminkan 0.006% daripada keseluruhan penggunaan internet di dalam negara kita.

Daripada jumlah itu, kita juga telah mengambil pelbagai tindakan termasuk meminta kepada penyedia khidmat untuk menutup laman-laman yang tertentu. Misalnya sehingga bulan Ogos tahun ini, kira-kira 1,400 laman-laman yang dianggap tidak sesuai telah pun ditutup. Ertinya beberapa tindakan telah diambil dan kita memahami bahawa kebebasan mutlak tidak boleh dilaksanakan sekiranya melanggar undang-undang yang ada di dalam negara kita. Terima kasih.

#### ■1050

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Menteri bahawa kebebasan ini bukanlah kebebasan mutlak dan mesti ada batas-batasnya. Lebih-lebih lagi sekarang ini kita tahu melalui media sosial ini boleh mencetuskan huru-hara perpaduan di kalangan rakyat.

Tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa sudah ada laman-laman sosial ini yang ditutup. Akan tetapi saya dapati ada beberapa laman-laman media sosial ini yang masih lagi berterusan. Saya ambil contoh media sosial *Facebook* seorang rakyat Malaysia yang kita anggap sebagai biadab dan juga pengkhianat. Dia didakwa dan dia lari ke luar negara. Tidak silap saya semalam keluar lagi satu berita dia dalam *Facebook*nya menghina dan mencabar kewibawaan Ketua Polis Negara.

Saya juga lihat satu lagi *Facebook* yang menghasut supaya Sabah dan Sarawak ini keluar dari Malaysia. Saya tengok, tidak silap saya dekat 15,000 orang hingga 19,000 orang *likes Facebook* ini. Hari ini kita baca dalam surat khabar *Utusan Malaysia* bahawa kumpulan militan menjadikan pelajar sekolah sasaran terbaru menyertai jihad di Syria. Jadi kerja-kerja memujuk dan merekrut dilakukan melalui *Facebook*.

Apakah kementerian hendak menunggu sehingga gerakan-gerakan ini berjaya merekrut *students*, baru kita hendak mengambil tindakan? Jadi adakah kerajaan bercadang supaya mengambil tindakan mencegah itu lebih baik daripada kita hendak menyelesaikan masalah.

Kedua, adakah kementerian telah mewujudkan atau belum mewujudkan saya hendak tanya. Boleh jadi Jabatan Media Sosial mungkin menggantikan Jabatan Penerangan yang saya lihat masih menggunakan secara konvensional untuk menerangkan dasar-dasar kerajaan. Jadi kalau kita sudah ada satu media atau platform yang baru media sosial, mengapa tidak wujudkan, kalau belumlah mengapa tidak wujudkan Jabatan Media Sosial yang lebih berkesan untuk memberikan penerangan kepada rakyat. Terima kasih.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sekali lagi di atas soalan yang dikemukakan. Saya percaya soalan itu mencerminkan betapa keprihatinan Yang Berhormat tentang gejala yang berlaku dalam negara kita yang berkaitan dengan penggunaan media sosial. Saya juga bersetuju bahawa salah satu daripada media sosial yang paling popular dalam negara kita ialah *Facebook*. Perkara-perkara yang berkaitan dengan apa yang disebutkan penyalahgunaan akaun *Facebook* ini adalah perkara yang menjadi kecaknaan di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat dan ramai di kalangan rakyat dalam negara kita.

Kita mendapat kalau tidak silap saya aduan mengenai *Facebook* sahaja sepanjang masa ini lebih kepada 2,000. Akan tetapi jumlah itu adalah kecil kalau dibandingkan dengan jumlah pengguna *Facebook* iaitu sebanyak kira-kira 15 juta akaun yang didaftarkan melalui *Facebook* dalam negara kita lebih kurang 15 juta akaun *Facebook*. Antara negara yang tertinggi dalam dunia penggunaan *Facebook*.

Namun begitu kita mesti memahami tentang apa yang disebutkan *the nature* ataupun alam semula jadi *Facebook* dan juga alam semula jadi internet itu sendiri kerana sebahagian daripada pengguna tidak menggunakan nama yang sebenar yang berselindung di sebalik apa yang disebutkan *anonymity* ataupun kesamaran namanya ataupun membuat *parody* dan sebagainya. Ini adalah antara perkara yang menjadi sebahagian daripada kesukaran untuk kita mengenali siapa yang melakukannya.

Dari segi rekod tindakan-tindakan yang telah diambil misalnya sehingga tahun 2013, 14 kes telah didakwa ke mahkamah atas kesalahan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia itu sendiri. Tahun ini sahaja 11 kes didakwa termasuk saya fikir orang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi.

Mereka didakwa setelah tiga hari mereka membuat apa yang disebutkan *posting* dengan izin dalam laman *Facebook*nya yang dianggap menghina agama Islam dan sebagainya. Akan tetapi dia kemudiannya telah didakwa, dia mencabar di mahkamah tentang pendakwaan yang dibuat atas kes-kes yang lain. Bukan sahaja di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia tetapi di bawah Akta Hasutan, di bawah Akta Penapis Filem dan sebagainya.

Ini menyebabkan mahkamah meminta supaya kes ini ditangguhkan dan pada waktu itulah dia mengambil kesempatan untuk keluar daripada negara ini dan membuat *posting-posting* lain dari luar negara. Jadi antara kesukarannya ialah bagi kita untuk bertindak apabila dia berada di luar negara kerana undang-undang yang ada dalam negara kita tidak terpakai di negara yang lain.

Keduanya, *the nature of Facebook* itu sendiri ialah ianya tidak dikendalikan oleh sesiapa dalam negara kita. Ia bukan dalam kuasa misalnya di bawah kuasa Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia untuk mengawal selia *Facebook* itu sendiri. Kita boleh meminta *Facebook* untuk menutup akaun-akaun tertentu tetapi hak untuk menutup terpulang kepada *Facebook* itu sendiri dan bukannya kita ada kuasa.

Apatah lagi misalnya ada beberapa persoalan yang ditanya apakah kita kena daftar sesiapa yang ingin membuka akaun kena daftar? Kita katakan bahawa pendaftaran bukan pendaftaran dalam negara kita tetapi pendaftaran adalah kepada *Facebook* itu sendiri yang dibuat secara *online*. Ia adalah di luar daripada kemampuan kita.

Ada juga yang bertanya apakah cadangan kerajaan kalau begitu? Susah sangat kita menggunakan model negara China mengharamkan terus *Facebook*. Bagi saya ini bukan pilihan yang baik. Kerajaan tidak berniat dan tidak ada cadangan untuk menutup aplikasi *Facebook* dalam negara kita kerana kita belajar daripada pengalaman yang dibuat oleh negara-negara lain misalnya seperti Korea pada suatu ketika dahulu mereka pun rasa tidak senang dengan beberapa laman media sosial mereka termasuk *YouTube* dan sebagainya. Mereka cuba menutupnya tetapi mahkamah di sana mengatakan bahawa manfaat menutup keseluruhan daripada aplikasi tersebut adalah kecil kalau berbanding dengan kebaikan yang boleh dihasilkan daripada aplikasi-aplikasi yang disebutkan dapat dibangunkan oleh internet dan media sosial itu.

Cadangan tentang membuka Jabatan Media Sosial itu adalah satu cadangan yang akan saya pertimbangkan atau pun menguatkan Jabatan Penerangan itu untuk menjadikan jabatan yang lebih *savvy* dari segi penggunaan media sosial dalam kerja-kerja penerangan. Itu saya rasa tidak ada masalah untuk kita mengambil berat atas pandangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat. Terima kasih.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Untuk menuju sebuah negara maju, kebebasan media sepatutnya menjadi amalan sebuah negara. Jadi saya ingin penjelasan yang berkaitan dengan salah satu akhbar yang menjadi lidah rasmi parti dalam negara kita Utusan Malaysia yang banyak mengeluarkan berita-berita provokasi, berita-berita hasutan.

Setakat ini kita lihat apakah *Utusan Malaysia* pernah didakwa di bawah Akta Hasutan?

**Beberapa Ahli: [Tepuk]**

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Soalan saya lagi saya tanya ialah berkaitan kenapa *Utusan Malaysia* menjadi lidah rasmi semua parti tetapi diberi laluan untuk akhbar harian sedangkan kami *Harakah* hanya terhad kepada ahli, hanya diberi dua kali seminggu sahaja. Begitu juga *Roket* dan sebagainya. Kenapa ini membuktikan tidak ada kebebasan media yang didakwa oleh Menteri. Minta penjelasan.

**Beberapa Ahli: [Tepuk]**

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Tuan Yang di-Pertua, akhbar adalah merupakan media yang berada di bawah akta yang lain daripada Akta Komunikasi dan Multimedia yang ditadbir oleh kementerian ini. Yang Berhormat boleh tanya Kementerian Dalam Negeri kerana yang berkaitan dengan akhbar bercetak itu di bawah Kementerian Dalam Negeri. Terima kasih.

**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]: [Bangun]**

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Tuan Yang di-Pertua, pohon soalan tambahan satu lagi?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti yang dikatakan dan saya setuju di mana Menteri pun setuju kebebasan akhbar merupakan komponen penting dalam satu sistem demokrasi yang matang. Mengikut laporan *Borderless Reporters* yang bertapak di Paris *indexes on the national freedom of press* yang diumumkan saban tahun.

■1100

Kedudukan Malaysia adalah antara yang terendah di mana Malaysia menduduki kedudukan 141. *The ranking in the world is really shameful*. Di mana kedudukan kita menunjukkan tanah air kita menghadapi kekangan kebebasan media. Saya beri contoh, *MalaysiaKini.com* telah pun memohon untuk menerbitkan surat khabar, menang di mahkamah. Akan tetapi sampai hari ini Kementerian Dalam Negeri dan kementerian Menteri gagal mengeluarkan lesen untuk mereka menerbitkan surat khabar.

Apakah justifikasi sekiranya kerajaan percaya masyarakat madani ini bila mana rakyat mempunyai *the right to know*. Persoalan kedua saya ialah Radio TV Malaysia (RTM) sepatutnya menjadi lidah lingua franca ataupun medium telekomunikasi semua rakyat. Akan tetapi saya perhatikan laporan RTM sentiasa berat sebelah. Laporan yang ada hanya di sebelah sana sahaja. [Merujuk kepada pihak kerajaan]

Di sebelah sini cukup— boleh dikatakan tidak ada ruang langsung. Maka, sebagai Menteri yang mewakili semua rakyat, saya hendak tanya kepada pihak Menteri, apakah rancangan Menteri untuk mempertingkatkan kebebasan media dalam negara kita memandangkan kedudukan kita begitu rendah, lebih teruk dari Indonesia. Kedua, bagaimanakah Menteri hendak memastikan supaya RTM ini benar-benar menjadi media yang mencerminkan ia sebuah media untuk semua rakyat tanpa mengira fahaman politik sama ada Barisan Nasional ataupun Pakatan Rakyat. Sekian, terima kasih.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Taiping. Saya pun macam Yang Berhormat Rantau Panjang, hendak jawab, tidak jawab kerana kalau disebutkan dari segi *print*, akhbar itu di bawah Kementerian Dalam Negeri, pentadbirannya bukan saya. Akan tetapi kalau hendak bercakap tentang RTM Tuan Yang di-Pertua, sewaktu ketua yang menjadi Ketua Pembangkang yang hendak didewakan sebagai pemimpin alternatif dalam negara kita. Sewaktu dia berkuasa dahulu pun dia tidak ada hendak benarkan Yang Berhormat bercakap sekarang ini disiarkan dalam televisyen.

Yang Berhormat kena tahu sekarang ini Yang Berhormat bercakap tadi berhujah, ramai lagi di kalangan kita yang berhujah disiarkan secara langsung oleh RTM sekarang ini. Ya, di Parlimen. Ini bukan satu perkara yang bermula daripada dahulu, bermula pada kami sekarang ini. Ini adalah sebagai satu tanda kita menuju kepada satu ke arah baru bahawa kita lebih terbuka sekarang ini. Zaman kami jauh lebih terbuka dari zaman Yang Berhormat Permatang Pauh sewaktu dia berada dalam kerajaan.

Sehinggakan orang membuat perbandingan, misalnya sidang Dewan Undangan Pulau Pinang, misalnya pernah berkata *Utusan Malaysia*, akhbar ini tidak boleh masuk. Kerajaan kita



ada beritahu akhbar-akhbar ini, *MalaysiaKini* apa tidak boleh datang untuk membuat laporan dalam sidang Dewan Rakyat. Pulau Pinang ada membuat arahan begitu, yang tertentu tidak boleh diberikan. Pulau Pinang di negeri yang dipimpin oleh parti Yang Berhormat. Itu belum dapat kuasa di sini lagi pun sudah membuat sekatan sebegitu.

Jadi, kalau dikatakan bahawa *reporters without borders* yang mengatakan bahawa kebebasan berakhbar dalam negara kita kurang, bukan semestinya kerana kerajaan yang buat. Misalnya, kalau dibuat oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang menghalang akhbar untuk membuat liputan sidang dewannya, itu menyebabkan *ranking* kita jatuh juga. Ini salah satu daripada sebab. Adakah Yang Berhormat pernah mengatakan ini tidak benar. Di Pulau Pinang pun ada buat begitu.

Saya beritahu bahawa dalam dunia kita kebebasan berakhbar adalah satu daripada ciri-ciri menjadikan negara itu negara yang lebih baik. Kalau dikatakan bahawa di kalangan negara Asia Tenggara, kebebasan akhbar kalau *ranking reporters without borders* yang terbaik ialah Timor Leste. Apakah kita hendak menjadi seperti Timor Leste. Dianggap sebagai negara yang terbaik. Akan tetapi Yang Berhormat selalu—saya ada lihat dalam parti Yang Berhormat memuji Singapura misalnya, adalah negara yang menjadi contoh.

Akan tetapi kebebasan akhbar mereka adalah jauh lebih rendah dari Malaysia. Yang menjadi model, yang menjadi pujaan, yang menjadi pujian ialah Singapura. Itu ialah contoh yang baik tetapi kebebasan medianya bukanlah yang terbaik. Ini kerana saya percaya mereka juga mempunyai alasan-alasan yang tersendiri bagaimana untuk menguruskan masyarakat yang aman, baik, tidak mendatangkan keburukan kepada masyarakat. Misalnya, saya katakan bahawa, Tuan Yang di-Pertua, maaf saya ambil sedikit. Contoh, saya kaitkan dengan *Facebook* misalnya. Pada hari sambutan Hari Malaysia, salah seorang daripada rakan Yang Berhormat dari Kuching. Akaun dia, menggunakan akaun Kuching, akaun Yang Berhormat Kuching. Membuat kecaman apabila kementerian ini mengadakan supaya—katanya apabila dia masuk panggung wayang pada waktu tersebut...

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Sudah tarik baliklah.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Nantilah dahulu. Ramai yang tidak tahu ini. Dia masuk panggung wayang, lagu 'Negaraku' dimainkan, diminta berdiri. Dia kata '*What's going on?*', dia kata. Apakah negara kita sudah mahu menjadi negara komunis seperti pada zaman Mao Tze Tung? Malu saya, kata dia. Malu saya kalau saya hendak jawab pada kawan-kawan *overseas, my overseas friend*. Negara kita sebab kena berdiri ketika mendengar lagu 'Negaraku' dimainkan. Ini Yang Berhormat, ini yang sebenarnya bukan mencerminkan Yang Berhormat Kuching tetapi mencerminkan sikap parti Yang Berhormat terhadap lagu 'Negaraku' apabila dimainkan. [*Tepuk*]

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Dia sudah mohon maaf, tarik balik. [*Dewan riuh*]

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Ini kebebasan. Kebebasan bersuara tetapi ia mencerminkan satunya tahap patriotisme Yang Berhormat Kuching, Yang Berhormat—Yang Berhormat daripada parti yang sama pada waktu itu. Ini kerana kata dia, malu berdiri di panggung wayang kerana takut apa kawan-kawan luar negara, *overseas friends* kata pada

waktu tersebut. Ya, dia tarik balik kerana mendapat ribuan kecaman daripada seluruh rakyat Malaysia.

Akan tetapi sehingga sekarang, kalau saya tanya lagi sebenarnya apakah pendirian parti Yang Berhormat, sama ada setuju atau tidak setuju pada waktu menyambut hari kebangsaan, kita memainkan lagu 'Negaraku' pada waktu menyambut hari kebangsaan. Thailand sepanjang tahun, India, banyak negara lain tetapi Yang Berhormat, parti Yang Berhormat berasa malu untuk berdiri mendengar lagu 'Negaraku'. Apakah ini— tetapi kalau hendak kata apakah perlu kita bertindak? Tidak perlu. Yang Berhormat...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Sebut sahaja parti DAP.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** ...Sudah dihitung oleh rakyat melalui media sosial yang ada. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Sebut parti DAP itu Yang Berhormat.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Ini putar belit kan.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Apa putar belit? *[Dewan riuh]*

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** *[Menyampuk]*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Bila kena, cakap putar belit, malulah! Sebut sahaja parti DAP.

**Dato' Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [Mukah]:** *[Menyampuk]*

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Sudah minta maaf, cukuplah. *Cannot get over it? You never did any wrong?*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, banyak soalan yang belum dijawab.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *[Menyampuk]*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Lain kali jangan jolok sarang tebuan!

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** *[Bangun]*

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Penyokong UMNO yang rempuh DUN Pulau Pinang belum minta maaf lagi. Itu tidak hormat DAP, tidak hormat *Governor*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat...

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Itu masuk mahkamah, bodoh!

**6. Tuan Teo Kok Seong [Rasah]** minta Menteri Kesihatan menyatakan secara terperinci usaha yang telah dilakukan oleh kementerian untuk mencegah wabak Ebola merebak di Malaysia.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Terima kasih Yang Berhormat Rasah. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon untuk menjawab pertanyaan ini secara bersekali bersama-sama dengan tujuh soalan yang lain yang menyentuh isu yang berkaitan penyakit virus Ebola. Iaitu pada 15hb - Yang Berhormat Gopeng dan Yang Berhormat Puchong, 28 Oktober - Yang Berhormat Bagan Serai, 29 Oktober - Yang Berhormat Setiu, 11 November - Yang Berhormat Tanjung Malim, 19 November - Yang Berhormat Parit dan 26 November - Yang Berhormat Tanjung Piai.

## ■1110

Tuan Yang di-Pertua, penyakit Ebola telah pun dikenal pasti, telah pun dikesan pada tahun 2006 dahulu di Congo dan Sudan, kemudian dapat dikawal, sekarang timbul balik penyakit Ebola ini di empat buah negara iaitu Guinea, Liberia, Sierra Leone dan Nigeria. Sehingga 8 Oktober baru-baru ini terdapat seramai 8,399 kes yang telah pun dikesan dan kematian berlaku seramai 4,033 orang. Maknanya hampir 50% kematian dan ada dua kes yang dibawa ke United State dan satu kes lagi dibawa ke Sepanyol.

Tuan Yang di-Pertua, risiko kemasukan Ebola ke Malaysia amatlah saya kira amatlah rendah kerana satu, tiada *direct flight* atau pun tiada penerbangan langsung dari negara-negara yang berkenaan. Kedua, pelawat yang datang daripada negara berkenaan apabila dia berhenti di mana-mana lapangan terbang di seluruh dunia akan diperiksa dulu, kalau didapati ada gejala Ebola mereka tidak dibenarkan untuk meneruskan penerbangan.

Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia memang kita sudah ada satu Akta Pencegahan dan Kawalan Penyakit Berjangkit 1988 iaitu [Akta 342] dalam senarainya terdapat 27 penyakit yang dikawal termasuk *yellow fever* dan juga Ebola.

Tuan Yang di-Pertua selanjutnya untuk kawalan di pintu masuk antarabangsa, kita sudah keluarkan Kad Amaran Kesihatan atau pun *Health Alert Card*, ini akan diedarkan kepada semua pelawat. Kalau berlaku gejala Ebola ini maknanya dia ada demam, selesema, batuk, sakit otot dan berbagai-bagai lagi, mereka hendaklah pergi ke klinik yang berdekatan dan dia akan hendaklah diperiksa.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat juga rakyat Malaysia yang bekerja di negara tersebut iaitu empat buah negeri itu, mereka bekerja di sektor kelapa sawit, *oil and gas*, tentera pun ada di sana, dalam bidang perikanan pun ada dan mereka ini telah pun diberi nasihat kesihatan melalui kedutaan besar kita di sana. Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu *student* daripada empat buah negara ini ada 7,000 semuanya dan sama ada di IPTA atau pun IPTS dan majoritinya sebanyak 75% adalah dalam IPTS dan mereka juga telah pun dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Malaysia kita pernah bagi nasihat kepada mereka. Pelajar yang baru masuk akan dibuat saringan kesihatan dan pelajar lama yang bercuti dalam masa 21 hari juga mereka akan dibuat saringan.

Tuan Yang di-Pertua, di Kementerian Kesihatan Malaysia kita ada pusat yang disebut *Crisis Preparedness and Response Centre (CPRC)* dan pusat ini yang monitor semua sekali dan kita sentiasa pantau keadaan di semua pintu masuk. Pintu masuk yang ada sekarang di KLIA, kita letakkan tambahan pegawai-pegawai kesihatan kita iaitu di KLIA, di lapangan terbang di Pulau Pinang, di Kota Kinabalu, di Johor, di Kuching, Causeway di Johor dan juga di sempadan Thailand. Untuk pengurusan penyakit pesakit di klinik kesihatan di hospital-hospital yang telah pun diberikan tugas. Anggota di Jabatan Kecemasan, wad perubatan, wad pediatrik, wad rawatan rapi, jabatan forensik dan makmal semuanya dalam keadaan siap siaga.

Tuan Yang di-Pertua, bagi daerah pula, tiap-tiap daerah kita ada *Rapid Response Team (RRT)* dan *Rapid Assessment Team (RAT)*. Kalau ada kes yang disyaki mereka akan digerakkan segera dan mereka akan buat siasatan. Untuk *transport* Tuan Yang di-Pertua, kita gunakan *designated ambulance* iaitu ambulans khas untuk membawa pesakit-pesakit ini. Kita sudah kenal pasti 21 buah hospital di seluruh Malaysia yang boleh terima kes-kes yang disyaki.

Apabila kes itu di *confirm*, mereka hanya akan di tempatkan di Sungai Buloh bagi Semenanjung, di Queen Elizabeth di Sabah dan Hospital Umum di Kuching. Makmal yang telah pun di peruntukan khas untuk menyiasat kes-kes ini ialah di MR, di Sungai Buloh dan juga di Kota Kinabalu iaitu untuk Sabah, Sarawak dan juga Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga ada *personal protective equipment* yang digunakan kalau ada kes-kes yang disyaki. Untuk jemaah haji Tuan Yang di-Pertua, semua kakitangan kesihatan Tabung Haji telah pun diberi taklimat tentang penjagaan kesihatan dan mereka akan sampaikan kepada jemaah haji. Setakat ini yang pulang Tuan Yang di-Pertua, terdapat kes yang kita syaki dan apabila disiasat dengan rapi didapati semuanya negatif dan satu lagi belum *diconfirm*. Yang negatif dan yang disyaki itu sebenarnya ialah malaria, yang lain belum *diconfirm* kan lagi Tuan Yang di-Pertua. Untuk maklumat lanjut rakyat Malaysia kita boleh masuk ke website MOH Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Timbalan Menteri. Jadi saya dimaklumkan bahawa pihak kerajaan ada cadangan untuk menghantar pasukan pakar perubatan ke negara yang dilanda Ebola. Jadi dalam perkara ini saya rasa sebenarnya pegawai-pegawai perubatan, mereka terpaksa menghadapi risiko yang tinggi dalam perkara ini. Saya rasa adalah tanggungjawab bagi kita semua khususnya kepada kementerian agar memastikan keselamatan pegawai-pegawai perubatan kita terjamin.

Di sini saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, apakah perkembangan terkini cadangan untuk menghantar pegawai-pegawai atau pun pakar-pakar perubatan kita ke negara yang dilanda wabak Ebola. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, ini masih di peringkat cadangan. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan umum bahawa tidak ada larangan sebenarnya untuk perjalanan kita ke negara-negara yang terlibat dan pihak yang terbabit itu tidak ada larangan. Akan tetapi cuma larangan kepada pesakit-pesakit yang disahkan mengidap Ebola dan mereka-mereka yang *contact*, tidak ada larangan, yang ada larangan tidak boleh keluar dari negara-negara tersebut.

Bagi rakyat Malaysia dan seluruh dunia mereka boleh pergi, tidak ada larangan. Akan tetapi kena mengikut nasihat-nasihat yang spesifik untuk mengelak daripada kena penyakit. Katakan rakyat Malaysia hendak pergi ke sana, mereka hendaklah berjaga-jaga mengelakkan diri daripada melawat isi rumah atau pun fasiliti kesihatan yang terjejas dengan Ebola ini atau pun jangan menyentuh barang-barang yang telah pun berkemungkinan telah pun dipegang oleh pesakit. Mengelakkan daripada mendekati, menyentuh haiwan yang mati di mana-mana kalau berjumpa dan mengamalkan tahap kebersihan, basuh tangan dan sebagainya. Segera mendapatkan rawatan kalau berlaku gejala-gejala seperti demam, sakit otot, sakit kepala, sakit tekak, sakit perut, muntah, cirit-birit atau pun terdapat ruam dan letih dalam masa 21 hari ke sana, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih juga di atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita dimaklumkan bahawa ada pegawai kesihatan di pintu-pintu masuk di *airport-airport* yang telah dinyatakan. Cuma saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, bagaimanakah cara saringan ini dibuat? Maksud

saya adakah ia melalui jenis *flight* yang tiba daripada negara mana atau pun secara rambang atau pun kepada semua penumpang-penumpang yang tiba di *airport-airport* ini.

Ini kerana saya dapati bahawa ia agak - pegawai kesihatan ini tidak nampak terutamanya di KLIA. Daripada pengalaman saya sendiri saya didapati bahawa hendak masuk ke negara Cameroon itu lebih susah lagi daripada apabila kita hendak balik kepada Cameroon dan hendak masuk ke Malaysia. Ini kerana kita tidak mahu penyakit ini masuk ke negara kita. Jadinya saya harap Yang Berhormat dapat memberikan kepastian bahawa lebih lagi siasatan atau saringan ini dibuat dengan lebih terperinci lagi terutamanya kepada *flight-flight* yang masuk daripada peringkat antarabangsa, terima kasih.

■1120

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, memang saringan tentang penyakit-penyakit yang tidak berjangkit. Penyakit yang saya sebut tadi ada tujuh penyakit yang di bawah Akta Pencegahan 1988. Pelawat-pelawat yang datang daripada 44 buah negara iaitu dari Afrika, *Central America* dan juga di Amerika Selatan dan termasuk empat negara, mereka akan disaring.

Kita ada pengesan suhu badan Tuan Yang di-Pertua, di KLIA. Baru-baru ini saya tengok ada juga di KLIA2, ia mengesan suhu badan. Maknanya itu kes-kes... Kita juga ada pegawai di situ yang sentiasa monitor, melihat *temperature* ini. Kalau ada, kita tarik mereka dan kita buat pemeriksaan. Masing-masing di lapangan terbang ada pejabat kesihatan kita.

Di Imigresen kita, dia akan tengok dari mana pelawat ini datang. Kalau dia datang daripada salah satu daripada 44 buah negara ini, kita akan tanya lebih *detail* dan mereka ini akan dibawa ke klinik kita di lapangan terbang dan akan ditanya lebih lanjut lagi. Kalau perlu dikuarantin, akan dikuarantinkan, Tuan Yang di-Pertua. Maknanya ini semua berlaku di pintu masuk antarabangsa, Tuan Yang di-Pertua.

**7. Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]** minta Perdana Menteri menyatakan pembinaan Universiti FELDA dalam melahirkan kelompok saintis bidang pertanian dan asas tani serta mampu menjadi penyumbang utama golongan profesional yang diiktiraf di seluruh dunia.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini, FELDA tidak mempunyai cadangan untuk membina atau menubuhkan Universiti FELDA. Walau bagaimanapun, pihak pengurusan FELDA sentiasa memberi penekanan kepada aspek pembangunan generasi baru FELDA khususnya dalam soal pendidikan.

Justeru, antara inisiatif yang telah dilaksanakan termasuklah memberi bantuan kewangan dalam bentuk pinjaman boleh ubah tanpa faedah, insentif kepada pelajar yang layak menyambung pengajian ke universiti di dalam atau luar negara serta menyediakan dana khas kepada anak warga FELDA yang cemerlang untuk melanjutkan pengajian dalam bidang-bidang kritikal seperti perubatan, kejuruteraan, perakaunan dan bioteknologi.

Bagi meningkatkan lagi hasil pencapaian anak-anak FELDA mencapai kecemerlangan, FELDA turut mengadakan kerjasama dengan institusi pengajian tinggi awam melalui memorandum persefahaman bersama Kementerian Pendidikan Malaysia serta mewujudkan

kerjasama rapat bersama lebih 40 buah institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) dalam memastikan prestasi akademik pelajar tajaan FELDA di IPTA dan IPTS tersebut berada di tahap yang diharapkan dan seterusnya mampu melahirkan golongan profesional sebagai tenaga kerja kompetitif pada masa hadapan seperti Yang Berhormat Paya Besar nyatakan tadi.

Terima kasih.

**Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Bagi pihak Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Paya Besar, saya mengucapkan selamat hari lahir kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Cadangan pembinaan Universiti FELDA ini telah diuar-uarkan sejak tahun 2007 dan matlamat penubuhan universiti ini adalah untuk menjamin peluang pendidikan tinggi kepada anak-anak peneroka FELDA di Malaysia. Kalau kita lihat daripada aspek pendidikan seperti Skim Tuisyen FELDA (STF) yang diperkenalkan sejak tahun 2004, ia cukup berjaya membantu meningkatkan tahap kecemerlangan pendidikan anak-anak peneroka.

Kalau kita ikut statistik tahun 2006, seramai 72,062 orang anak peneroka FELDA berjaya menamatkan pengajian di institusi pengajian tinggi awam dan swasta. Daripada jumlah tersebut, seramai 46,873 orang berjaya menamatkan pengajian di peringkat diploma, seramai 24,269 orang di peringkat ijazah pertama dan seramai 920 orang di peringkat ijazah lanjutan. Saya kira pada tahun 2014, jumlah ini sudah tentu berlipat ganda.

Soalan tambahan saya. Yang Berhormat Timbalan Menteri, tolong nyatakan inisiatif-inisiatif serta program-program yang disediakan termasuk jumlah anak-anak peneroka FELDA yang telah mendapat manfaat dan faedah daripada pelaksanaan ini. Terima kasih.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar. Saya setuju bahawa memang ada pertimbangan untuk menubuhkan sebuah universiti, tetapi apabila kita melihat daripada segi kos dan juga apa yang boleh kita mengguna pakai peruntukan yang ada, maka perkara itu tidak diteruskan.

Menjawab soalan Yang Berhormat mengenai program atau inisiatif yang ada, boleh saya nyatakan bahawa, pertama, Skim Latihan Kemahiran FELDA yang telah pun memberi manfaat kepada seramai 2,411 orang yang melanjutkan pengajian dalam sijil kemahiran, diploma, ijazah dan kursus berprofil tinggi sepanjang tahun 2013. Seramai 716 orang dalam bidang diploma dan seramai 97 orang pada peringkat ijazah.

Manakala dalam Skim Pinjaman Pelajaran Tinggi FELDA, seramai 183 permohonan telah pun diluluskan dengan jumlah pinjaman sebanyak RM3.4 juta. Skim ketiga dipanggil Skim Insentif Anak Peneroka yang telah memberi manfaat kepada hampir 3,040 orang dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM2.4 juta. Pada peringkat diploma seramai 1,169 orang; pada peringkat ijazah seramai 1,833 orang; dan peringkat ijazah luar negara seramai 38 orang.

Terakhir adalah dana khas pelajar cemerlang ke luar negara. Buat masa ini, sukacita saya umumkan bahawa seramai 34 orang penerima dana khas ini yang telah pun melanjutkan pengajian ke luar negara dan seramai 23 orang lagi sedang mengikuti program persediaan ke luar negara.

Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya merasakan bahawa tentang

hasrat penubuhan Universiti FELDA ini mesti kerajaan ambil berat dan perlu dilaksanakan. Ini kerana saya ambil kira begini.

Kita mempunyai aset yang banyak di FELDA dalam bentuk tenaga manusia ataupun sumber manusia di kalangan generasi kedua FELDA. Kalau kita ada Universiti FELDA, mungkin kita akan lebih memanfaatkan lagi hasrat untuk melahirkan generasi kedua yang akan menjadi aset kepada negara dalam pelbagai bidang kepakaranlah termasuk pertanian, bioteknologi dan seumpamanya, berbanding dengan kita hanya memberi insentif-insentif untuk mereka masuk bersaing dalam universiti-universiti yang lain. Kalau kita ada Universiti FELDA, mungkin kita boleh memberi fokus yang lebih tepat dan juga baik kepada generasi kedua FELDA. Ini kerana agensi-agensi gergasi yang lain macam Petronas, mereka ada universiti mereka masing-masing. Kenapa tidak FELDA? Saya percaya FELDA mempunyai kemampuan.

Saya dapat maklumat, geran yang dibayar oleh FELDA kepada Universiti Limkokwing ialah RM25 juta setahun. Kita juga sudah ada Kolej FELDA, kita sudah ada MRSM FELDA. So, kenapa kerajaan masih bimbang ataupun tidak mahu menubuhkan Universiti FELDA? Itu satu. Kemudian kedua, saya hendak tanya berapa sebenarnya peruntukan yang telah digunakan oleh kerajaan selain daripada geran kepada Universiti Limkokwing tadi, kepada Kolej FELDA dan juga MRSM FELDA?

Terima kasih.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Saya tidak ada maklumat *detail* tentang perbelanjaan atau pembiayaan FELDA, bukan kepada FELDA, kepada MRSM, kepada kolej ataupun kepada Universiti Limkokwing. Akan tetapi jumlah yang saya bacakan tadi yang tahun 2013 adalah kepada penerima-penerima tersebut termasuk mereka yang belajar di Universiti Limkokwing, institut pengajian tinggi swasta, Limkokwing.

Akan tetapi dalam menjawab soalan tentang keperluan untuk mengadakan universiti ini, ia pernah dibincangkan. Buat masa ini, daripada segi perbelanjaan hendak menyelia sebuah universiti milik penuh FELDA, itu yang tidak diteruskan. Namun begitu, saya tidak menolak sebarang kemungkinan untuk perkara itu boleh berlaku suatu masa nanti bergantung kepada kemampuan FELDA untuk menguruskannya.

Akan tetapi untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini, terhadap apa yang telah kita laksanakan, kita telah pun berjaya melihat seramai 44 daripada pelajar tumpuan kita yang kita hantar dalam jurusan-jurusan profesional yang telah pun kita ambil bekerja dengan FELDA. Maknanya daripada 54 orang pelajar ini, seramai 44 orang sudah berkhidmat dengan FELDA.

Saya tidak menolak kemungkinan bahawa memang inisiatif ini telah pun memberi manfaat kepada warga FELDA keseluruhan. Jadi saya harap Yang Berhormat teruslah menyokong FELDA dan doa supaya FELDA dapat keuntungan berlipat kali ganda untuk kita merealisasikan hasrat anak-anak FELDA tadi.

■1130

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingat sudah habis masa tadi. Terima kasih kerana baik hati. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri juga mengenai tadi satunya telah ditanya oleh Yang Berhormat Temerloh, cadangan untuk menubuhkan Universiti FELDA ini telah dijawab di dalam Dewan

Rakyat ini pada bulan Jun tahun 2007. Di mana Timbalan Menteri JPM pada masa itu memberitahu bahawa kerajaan memang berhasrat untuk menubuhkan sebuah Universiti FELDA. Ini satu percanggahan daripada jawapan Yang Berhormat Menteri.

Keduanya saya ingin bertanya, soalan daripada Yang Berhormat Paya Besar tadi memang cantik kerana kita dengan adanya pembinaan Universiti FELDA ini mungkin kita boleh fokuskan anak-anak FELDA menjadi graduan dan profesional bidang pertanian. Akan tetapi apa yang berlaku sekarang ini, apabila anak-anak FELDA dihantar ke universiti-universiti tempatan IPTA atau IPTS, bidang yang diberikan kepada mereka itu tidak ada kaitan langsung dengan harapan yang diberikan kepada mereka. Sebagai contohnya di Universiti Lim Kok Wing, 100 pelajar anak-anak FELDA ini mengambil kursus Diploma Rekaan Grafik.

Baru-baru ini dalam beberapa tempoh yang lalu dalam tahun ini juga, Tan Sri Pengerusi FELDA sendiri mengumumkan anak-anak FELDA dihantar ke Universiti Chester di United Kingdom mengambil jurusan perhotelan dan hospitaliti. Jadi ini kursus-kursus yang kita rasa tidak ada kaitan dan tidak boleh memberi manfaat kepada harapan supaya generasi kedua FELDA ini dapat meneruskan apa yang diusahakan oleh ibu bapa mereka, generasi pertama FELDA. Mohon penjelasan.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Pertama, saya hendak menafikan bahawa ada percanggahan. Kita beritahu sehingga hari ini kita belum ada cadangan untuk bina, tidak bermakna kita kata tidak bina. Ia bergantung kepada kemampuan, Yang Berhormat walaupun mungkin Yang Berhormat rasa itu bercanggah seperti apa yang pernah dijawab sebelum ini.

Keduanya, dalam soal kursus yang kita hantar saya ambil contoh macam grafik. FELDA kalau Yang Berhormat perasan kita ada mengeluarkan barang-barang makanan, pelabelan dan pembungkusan yang juga memerlukan kemahiran grafik supaya pembungkusan kita itu dapat juga bersaing dengan produk-produk di luar. Dari segi perhotelan, FELDA memiliki beberapa set hotel di Sabah dan juga di Kota London. Hospitaliti dan kulinari ini ialah satu peluang kepada anak-anak FELDA untuk terus mencari dan meneroka bidang-bidang baru dalam sektor pemakanan dan kita ada farmaseutikal, satu badan *wellness* di bawah FELDA yang mengeluarkan ubat-ubatan berasaskan negara kita yang juga diuruskan oleh FELDA.

Jadi maknanya pengurusan FELDA beranggapan bahawa tidak semua anak-anak FELDA perlu terus jadi peneroka. Mereka perlu meneroka bidang-bidang baru yang mana FELDA juga terlibat perkara tersebut termasuk bidang pengurusan, pentadbiran dan juga lain-lain bidang perniagaan. Jadi pada Yang Berhormat, ini yang sedang kita laksanakan dan tidak semua anak-anak FELDA perlu balik ke FELDA mengerjakan kepala sawit ataupun getah.

***[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]***



**USUL****WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN  
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

11.34 pg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:**

*Bunga-bunga sedang blossom,  
Untuk Majlis yang cukup kerap,  
Tan Sri Tuan Yang di-Pertua cukup handsome,  
Keputusannya tegas dan juga mantap.*

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 7.30 malam dan selepas itu Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi, hari Selasa 15 Oktober 2014. Terima kasih.”

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]:** Saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2015****Bacaan Kali Yang Kedua****Dan****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2015**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2015 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.”

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari lima puluh bilion empat ratus sembilan puluh sembilan juta sembilan ratus sembilan puluh empat ribu ringgit (RM50,499,994,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2015, dan bagi tujuan dan butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2015, yang dibentangkan sebagai Kertas

Perintah 42 Tahun 2014, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut. **[13 Oktober 2014]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya dengar tadi Yang Berhormat Seputeh tidak bersetuju dia tidak boleh ikut berbahas. *[Dewan riu]* Yang Berhormat Kota Kinabalu sila. Ada baki 20 minit Yang Berhormat saya difahamkan.

**11.35 pg.**

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana masa yang ada singkat, untuk makluman Yang Berhormat Sipitang, Yang Berhormat Penampang dan Dewan yang mulia ini, Sabah atau North Borneo telah mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1963, dengan izin.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Sabah atau North Borneo, Sarawak, Singapore dan Persekutuan Malaysia kemudiannya bergabung dan membentuk Persekutuan Malaysia pada 16 September 1963. Inilah fakta sebenar dan tidak boleh dinafikan oleh sesiapaupun. Untuk maklumat lain-lain bolehlah tanya terus kepada Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, contoh-contoh yang diberikan jelas menunjukkan satu persepsi bahawa Kerajaan Persekutuan telah mengabaikan dan tidak memelihara hak-hak rakyat Sabah. Nampaknya Kerajaan Malaysia tidak pernah menghormati semangat dan perjanjian yang diberikan kepada rakyat Sabah ketika pertubuhan negara. Saya memang faham perasaan rakyat biasa di Sabah kerana dilayan dengan tidak adil dan tidak sama rata berbanding dengan Semenanjung Malaysia. Itulah, itulah punca perasaan ingin keluar dari Malaysia wujud. Yang penting Tuan Yang di-Pertua, bagaimana kita selesaikan masalah ini?

Selain itu, Sabah menghadapi ketidaksamarataan berbanding Semenanjung iaitu harga barangan yang tidak seragam antara Semenanjung dan Sabah. Harga barangan di Sabah adalah 20% kepada 30% lebih tinggi berbanding dengan Semenanjung. Kerajaan Persekutuan memang sedar akan masalah ini dan telah mengambil inisiatif untuk menyeragamkan harga barangan di Sabah. RM1.25 bilion adalah diperuntukkan untuk tujuan ini dari tahun 2012 hingga 2015, tetapi apakah kita nampak apa-apa perubahan dan adakah penyeragaman harga barangan itu telah berjaya. Jelas sekali tidak, tidak sekali.

Di Sabah, surat khabar seperti *The Star* dari Semenanjung harganya adalah dua kali ganda berbanding Semenanjung. Kereta Proton Saga atau Kancil lebih mahal RM2000 hingga RM3000 dari Semenanjung. Ini kita punya Proton Saga. Kalau kos dan harga barang buatan tempatan produk kebanggaan kita seperti Kancil dan Proton pun tidak dapat diseragamkan. Konsep *1Nation, 1Price* tidak mungkin akan dicapai, Tuan Yang di-Pertua. *[Tepuk]*

Jikalau kerajaan serius menyeragamkan harga Proton sepatutnya menjadi contoh dengan menetapkan harga yang sama bagi semua jenis kereta Proton di seluruh Malaysia.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Kota Kinabalu, you jadi ejenlah selepas itu jual murah tengok, apa jadi.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Tidak, tidak saya tidak cukup masa. Ini kena mahu *listen* dahulu. Proton *as a new wira, you make Proton* untuk membuktikan keikhlasan kerajaan *made Proton as a new wira to achieve the national gold* dengan izin, *1Nation, 1Price*. Wira yang sepatutnya. Betulkah?

■1140

Tuan Yang di-Pertua, jika kita tidak menyeragamkan kos dan harga barang di Sabah tiada makna kita terus memberi subsidi tiap-tiap tahun. Saya bercadang agar kerajaan mengambil pertimbangan dengan membenarkan *liberalization of* pengangkutan laut di Sabah. Mansuhkan *Cabotage Policy*. Naik taraf pelabuhan dan memberi peluang sama rata dengan menjarakkan perjalanan. Masalah ini tidak mungkin diatasi dalam tempoh yang pendek tetapi dengan adanya cara-cara yang dibuat tadi sudah tentu penyeragaman harga ini boleh diatasi dalam jangka masa yang panjang.

Infrastruktur diabaikan Tuan Yang di-Pertua. Saya berasa amat kesal dan kecewa kerana tidak ada satu pun projek mega infrastruktur di Kota Kinabalu atau Sabah atau Timur Malaysia dalam rancangan prasarana tujuh mega projek infrastruktur oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Jumlah peruntukan untuk tujuan membangunkan infrastruktur iaitu tujuh projek infrastruktur lima projek penyambungan bekalan elektrik dan Projek Pengerang Integrated Petroleum Complex yang melebihi RM100 bilion. Sekali lagi hanya tertumpu di Semenanjung.

Saya tidak mempertikaikan pembangunan infrastruktur di Semenanjung, malah saya memang bersetuju dengan projek pembangunan di Semenanjung. Akan tetapi bagaimana dengan Sabah? Bagaimana dengan Sabah? Bandar raya Kota Kinabalu dengan penduduk melebihi satu juta orang sedang menghadapi masalah *urbanization* yang serius tapi tidak diberi keutamaan. Ini amat mengecewakan. Kemudahan infrastruktur di bandar raya Kota Kinabalu haruslah dipertingkatkan atau dinaik taraf supaya Kota Kinabalu boleh menjadi sebuah bandar raya yang maju, moden dan bertaraf antarabangsa tetapi sehingga hari ini Sabah masih tidak mempunyai *highway* yang bermutu berbanding dengan Kuala Lumpur pada tahun 1990 yang mempunyai lebih satu juta penduduk...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Putatan bangun Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Minta penjelasan, boleh? Yang Berhormat boleh minta...

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Pelbagai projek infrastruktur...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat ini Sabah.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Dia tidak berani punya, tidak ada berani. Kalau berani kasilah.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Saya menyokong, saya menyokong.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Terima kasih tidak cukup masa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Putatan tidak boleh Yang Berhormat Putatan.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tidak apalah Yang Berhormat Kota Kinabalu.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Projek infrastruktur seperti LRT dan Lebuhraya Persekutuan telah dijalankan.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Kota Kinabalu kasilah. Takutlah, takut.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat bagilah.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Minta maaf tidak cukup masa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Hendak bagi Yang Berhormat? Yang Berhormat Putatan duduk Yang Berhormat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Kota Kinabalu takutkah?

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Duduk, sila duduk. Jangan kacau. Nanti saya minum kopi baru tambah ucapan.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Dia takut, dia takut.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Sekejaplah boleh? Kita tolong ini.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Parti Yang Berhormat ini dari...

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga mengumumkan menaik taraf pengangkutan awam di bandar tetapi saya tidak dapat melihat apa-apa peruntukan atau program pembangunan untuk Kota Kinabalu. Saya telah...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Saya bantu.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** ...Merayu berulang kali ini di Dewan ini supaya...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat, Yang Berhormat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri bangun Yang Berhormat.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Jangan kacaulah.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Sini, sini, sini.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Yang Berhormat Menteri mari duduk sini dahulu baru celah. Yang Berhormat Menteri, mari duduk sini dahulu baru celah.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Yang Berhormat Menteri nanti mahu jawab bukan mahu tanya. Yang Berhormat Menteri mahu jawab bukan tanya.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tidak, saya mahu tanya.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat, saya mahu tanya.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Saya tidak boleh jawab sama Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri nanti mahu jawab sama saya. Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat Menteri duduk dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Semua tidak boleh macam ini. Yang Berhormat Menteri pun berdiri, *backbencher* pun berdiri.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat setuju dengan elaun tidak?

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Nanti dahulu baru saya cakap. Jangan kacau.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Setuju tidak elaun?

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Itu saya akan timbangkan.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Setuju tidak elaun?

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Boleh diberi pertimbangan. Akan tetapi Yang Berhormat Menteri ingat Sabah punya kos tinggi jadi mesti MP dari Sabah dan Sarawak mungkin ada *special* sedikit untuk elaun. *[Ketawa]*

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ha, cakaplah macam itu, cakaplah macam itu.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Betulkah? Kita 20 sana 30.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Itu sudah sokong, itu sudah sokong.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Jadi kalau selaras dengan Semenanjung tidak patut.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Mintalah.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Jadi MP elaun mesti harga lain.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat, sahabat saya menyokong. Saya menyokong Yang Berhormat.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Setujukah? Setujukah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Putatan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Saya pun sokong. Bagi saya peluang.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Kami mahu belanja *assistant* punya tiket. *Air ticket* pun mahu beli guna MP punya gaji untuk kita punya *assistant*. Jadi malukah tidak.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Jadi Yang Berhormat minta elaun lebih di Sabah?

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Ya, ambil perhatianlah. Sabah dan Sarawak ada *special allowance* untuk MP dari Sabah dan Sarawak. Itu saya minta.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Berapa mahu minta?

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Itu saya baru cakap. Nanti *subcommittee* baru cakap.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Sekarang cakaplah.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Tuan Yang di-Pertua, dalam belanjawan ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga mengumumkan menaik taraf pengangkutan awam di bandar tetapi saya tidak dapat melihat apa-apa peruntukan atau program pembangunan untuk Kota Kinabalu. Saya telah merayu berulang kali di Dewan ini supaya kerajaan mengambil perhatian kepada masalah pengangkutan di Kota Kinabalu. Kami

mengalami kesesakan jalan yang semakin serius, kekurangan tempat *parking* di bandar, pengangkutan awam yang tidak mencukupi dan tidak efisien, jalan raya tidak mencukupi dan sebagainya, Tuan Yang di-Pertua.

Tambahan pula Kerajaan Persekutuan telah berjanji untuk membina dua *flyover* atau persimpangan bertingkat di Jalan Lintas sebagai projek naik taraf seluruh Kota Kinabalu *outer range road* sepanjang 50 kilometer tetapi tidak ada apa-apa perkembangan sehingga hari ini. Saya haraplah janji dapat ditepati bukan capati. Malahan banyak projek lebuhraya yang telah dijanjikan oleh Kerajaan Persekutuan seperti lebuhraya Tuaran–Kudat dijanji oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Lebuhraya Persisiran Pantai Tawau-Semporna hilang tanpa berita.

Di samping itu masalah *urbanization* telah menyebabkan infrastruktur di sekitar Bandar Kota Kinabalu tidak mencukupi dan perlu dipertingkatkan dengan segera. Sistem pengairan dan saliran yang tidak dinaik taraf juga telah menyebabkan masalah banjir kilat setiap kali jika hujan lebat turun. Ini jelas dengan masalah banjir yang berlaku di Penampang baru-baru ini sehingga kerugian yang teruk oleh rakyat. Masalah ini berlaku kerana proses *urbanization* yang pantas di Bandar raya Kota Kinabalu dan sekitarnya. Jikalau Kerajaan Persekutuan terus mengabaikan isu ini dan tidak memperuntukkan program pembangunan infrastruktur masalah di Kota Kinabalu akan menjadi semakin serius, Tuan Yang di-Pertua.

Cadangan untuk Kota Kinabalu. Sebagai Ahli Parlimen Kota Kinabalu saya selalu perhatikan kepada masalah-masalah Kota Kinabalu. Saya ingin mengambil kesempatan di sini memberi sedikit pandangan dan cadangan supaya kerajaan akan mengatasi masalah yang saya sebut tadi. Saya berpendapat bahawa masa sudah sampai kerajaan membuat kajian terperinci dan pertimbangan untuk mentransformasikan pembangunan infrastruktur di Bandar raya Kota Kinabalu.

Pertama sekali menurut pelan pembangunan koridor Sabah pihak kerajaan akan menjalankan *feasibilities study* untuk membina LRT atau monorel pada tahun 2015.

#### ■1150

Saya harap kerajaan akan mengambil pertimbangan dan segera untuk pembangunan pengangkutan awam di Kota Kinabalu.

Kedua, landasan kereta api di Sabah masih merupakan rangkaian yang dibina pada zaman penjajahan British dan Jepun. Saya harap kerajaan mengambil pertimbangan memberi peruntukan Jabatan Keretapi Negeri Sabah untuk menaik taraf pengangkutan untuk kereta api di Sabah. Bukan sahaja menjadikannya sebagai pengangkutan dari *interior* ke bandar tetapi juga membesarkan rangkaian kereta api dari Pantai Timur ke Pantai Barat serta menghubungkan bandar dengan rangkaian kereta api.

Ketiga, seperti di Kuantan, Pulau Pinang dan Kuala Lumpur Bas Rapid transit atau BRT...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat kenyataan Yang Berhormat itu memesongkan Dewan. Boleh...

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Transit atau BRT juga harus diperkenalkan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Boleh, untuk pencelahan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan?

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Tidak, tidak. Terima kasih, duduk.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Memesongkan Dewan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Duduklah Yang Berhormat Putatan. *[Dewan riuh] [Ketawa]*

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Jambatan kereta api juga harus diperkenalkan di Bandar Kota Kinabalu supaya masalah trafik di Kota Kinabalu boleh dikurangkan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ini ajaran Yang Berhormat Kota Kinabalu ada sediakan ia punya teks kah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat...

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, keempat saya bercadang bahawa kerajaan menyediakan lebih banyak peruntukan kepada kerajaan negeri dan kerajaan tempatan seperti TBKK untuk membina bangunan tempat *parking* dan juga memperkenalkan jalan basikal di Bandaraya Kota Kinabalu untuk mengurangkan trafik di Kota Kinabalu. Saya harap kerajaan akan betul-betul mengutamakan rakyat dan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh rakyat. Saya percaya jika kerajaan membantu pembangunan Kota Kinabalu tentu Kota Kinabalu akan menjadi satu bandar raya yang akan membanggakan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa amat hairan kenapa kerajaan sekali lagi mengumumkan pembinaan projek Lebuhraya Pan Borneo. Jelas sekali ini merupakan pembohongan. Projek ini telah dicadangkan dan *highway development plan* beberapa tahun yang lalu dan juga dibentangkan dalam Belanjawan 2014. Seperti Ahli Parlimen Permatang Pauh *[Disampuk]* sebutkan, ini adalah projek yang dikitar semula atau *recycle project*. Projek Pan Borneo sebenarnya telah dicadangkan sejak tahun pertahunan Malaysia pada tahun 1963. Selepas 51 tahun...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya boleh gulung Yang Berhormat.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Masih dalam cadangan. Ini memang memalukan... *[Disampuk]* Memalukan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Ini jelas...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Duduk sebentar Yang Berhormat, ada pengumuman. Ahli-ahli Yang Berhormat sukacita dimaklumkan bahawa bersama-sama kita di Dewan yang mulia ini, Delegasi Seo-gu Council Busan Metropolitan City, Republik Korea ke Malaysia. *[Tepuk]* Dewan ini mengalu-alukan kedatangan mereka ke Dewan ini. Terima kasih. Teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini memang memalukan dan ini jelas membuktikan pembahagian sumber yang tidak seimbang.

Tidak sama rata antara timur dan barat Malaysia seperti yang saya sebutkan tadi. Dalam Belanjawan 2014, kos projek ini adalah hanya RM23 bilion. Tahun 2014 hanya RM20 bilion. Akan tetapi tahun 2015 kos telah meningkat ke RM27 bilion. Saya amat hairan apakah sebab meningkatkan kos pembinaan sebanyak RM4 bilion ini. *No wonder* dengan izin, orang Sabah melabelkan Barisan Nasional sebagai barang naik, naik, naik. *[Dewan riu]* Tidak pernah turun. Dalam masa setahun sahaja Tuan Yang di-Pertua kos projek sudah naik RM4 bilion menjadi RM27 bilion ini sahaja. *[Dewan riu]* Selain itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata, bagi melahirkan usahawan-usahawan bumiputera berapa inisiatif telah dirancang, memperluaskan program *carve-out and compete* secara meritokrasi meliputi projek kerajaan...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Saya tertarik dengan usahawan bumiputera...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat...

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Penswastaaan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** ...Sudah habis Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Saya sokong usahawan bumiputera.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Termasuk projek MRT...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Boleh, bantu?

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Jajaran kedua dan Lebuhraya Pan Borneo. Tuan Yang di-Pertua, suruh dia jangan kacau. Suruh dia duduk.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Usahawan bumiputera, saya minat ini. *[Dewan riu]* Saya sokong.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Ini bikin kacau sahaja.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Saya bumiputera, saya sokong. Usahawan bumiputera...

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Boleh?

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Masa habis Yang Berhormat.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** *The keywordnya* ialah penswastaaan. Adakah kerajaan sekali lagi memperkenalkan projek Lebuhraya Pan Borneo dengan harga kos yang lebih tinggi? *[Dewan riu]* Adakah bertujuan untuk menswastakan Lebuhraya Pan Borneo atau *highway privatization* yang seperti Lebuhraya Utara-Selatan.

**Beberapa Ahli:** Masa habis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, habiskan Yang Berhormat.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Ini persoalan yang penting oleh semua rakyat Sabah. Adakah lebuhraya ini akan diswastakan dengan dikenakan tol seperti lebuhraya di Semenanjung Malaysia? Ini saya mahu tanya. Di samping itu saya juga hairan kenapa projek Lebuhraya Pan Borneo diletakkan di bawah tajuk memperkasa agenda



bumiputera. Saya tidak bantah syarikat atau usahawan bumiputera menyertai projek penswastaaan Lebuhraya Pan Borneo.

Akan tetapi persoalan saya yang penting ialah, adakah projek ini ditawarkan secara open tender? Saya diberitahu bahawa projek ini telah ditawarkan dan diswastakan secara *negotiated tender*. Ini merupakan masalah yang paling terbesar di negara kita. Rundingan langsung ini akan menimbulkan proses rundingan yang tidak *transparent* dan membolehkan *corruption* berlaku sewenang-wenangnya. Adakah ini betul Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, habiskan Yang Berhormat. Habiskan.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Mahu habis sudah. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak boleh menggunakan alasan memperkasa agenda bumiputera untuk menawarkan projek yang begitu besar kepada syarikat-syarikat yang tertentu tanpa rundingan.

**Tuan Nogeh anak Gumbek [Mas Gading]:** Yang Berhormat Kota Kinabalu minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Masa sudah habis Yang Berhormat.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Mahu habis sudah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Kinabalu habiskan. Sudah masuk tujuh minit *extra time* Yang Berhormat.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Okey, okey. Habis sudah. Ada sikit yang penting kasi masa sikit kerana kena kacau. [*Dewan riuh*] Minta peluang.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Kita berhentilah, sakit telinga sudah.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Penting Sabah penting. Lebih masa Sabah. Yang Berhormat Menteri kacau tadi.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Ya, ya. Tanpa rundingan dan *transparent* dan idea. Jika hendak membantu bumiputera, kalau mahu membantu bumiputera saya memang bersetuju melalui *open tender* yang adil. Projek ini ditawarkan kepada penyertaan syarikat bumiputera dengan adil dan bersih. Jika tanpa *open tender* tentu kos pembinaan itu akan meningkat. Sebenarnya agenda itu hanya memperkayakan golongan bumiputera yang tertentu, bukan memanfaatkan seluruh masyarakat bumiputera.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Kita dapat tahu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, habiskan Yang Berhormat. Saya minta dihabiskan.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Masa Yang Berhormat sudah...

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Sikit lagi, sikit lagi, akhirnya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Habiskanlah Yang Berhormat.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Sokong Sabah, sokong Sabah bagi masa tambahan.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Ada sikit lagi, hendak habiskan.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Hidup Sabah.

#### ■1200

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Seperti Ahli Parlimen Permatang Pauh telah berkata, jika kerajaan hendak menambah pendapatan, maka kerajaan harus menghapuskan proses tender yang tidak bersih ini dan menghapuskan *corruption* serta aliran wang keluar negara. Selain itu, daripada keseluruhan RM27 bilion itu, berapakah peruntukan sumbangan dari Kerajaan Persekutuan untuk pembinaan projek ini? Berapakah kos pembinaan itu akan ditanggung oleh syarikat swasta? Apakah syarikat akan ditawarkan projek ini? Tanggungan kos syarikat itu adakah akan dikembalikan dengan syarat kenakan tol kepada pengguna lebuhraya ini? Adakah syarikat ini diberi keutamaan tawaran kepada syarikat bumiputera di Sabah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat duduklah Yang Berhormat. Duduklah.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya harap soalan-soalan tersebut akan diberi penjelasan seperti yang diberitahu tadi. Sudahlah orang Sabah hidup dalam kemiskinan, harga barang sudahlah mahal daripada Semenanjung, tidak lama lagi dikenakan tol pula, tentu harga barang akan meningkat dan rakyat Sabah akan terus menderita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Okey dengan ini Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua yang sangat disayangi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sayang pun tidak ada masa lebih sudah, Yang Berhormat.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Dengan itu saya harap semua cadangan...

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Yang Berhormat Kota Kinabalu bodek Tuan Yang di-Pertua!

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** ...Dan soalan saya akan diberi penjelasan dan perhatian oleh kerajaan. Sekian, terima kasih. *[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih ya. Yang Berhormat Kinabatangan.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Hidup Sabah!

#### 12.02 tgh.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pun terpegun melihat kawan saya dari Kota Kinabalu dan saya tengok Yang Berhormat Sungai Petani dia melihat Yang Berhormat Kota Kinabalu tanpa menggerakkan kepalanya. Macam *stress*. *[Ketawa]*

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Kita pun *stress* bila *you* cakap.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengatakan sesuatu dalam perbahasan bajet yang di bentang baru-baru ini oleh Yang Amat Berhormat. Saya melihat bahawa kebijaksanaan yang akan menentukan masa depan sebuah bangsa dan sebuah negara. Bukan emosi, bukan perasaan, bukan hasad dengki dan bukan rasa sakit hati.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Macam Yang Berhormat Kota Kinabalu.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Macam Yang Berhormat Kota Kinabalu, macam, macam di sana.

Saya melihat bahawa kebijaksanaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan melihat keutamaan ekonomi negara, keutamaan rakyat, maka beliau kombinasi ikut kapital ekonomi dengan *people economy*. Ini bermakna bahawa UMNO dan Barisan Nasional melihat masa depan yang lebih baik daripada hari ini. Bukan seperti pembangkang. Saya tidak seperti kawan saya, Yang Berhormat Ketereh, mengulas, mengadu bajet pembangkang sebab saya melihat bajet pembangkang itu tidak ada yang perlu dirujuk. Ia cuma khayalan dan retorik semata-mata. Saya ingin membincang bajet kerajaan untuk rakyat, kepada rakyat dan kepada kita semua termasuk pembangkang.

Rakan saya daripada Kota Kinabalu dengan sebutan-sebutan yang tidak tepat, seharusnya dia balik ke sekolah dan belajar menguasai bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi.

**Seorang Ahli: *English?***

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *English* dalam Dewan ini bukan tidak penting tetapi tidak perlu. Ini Dewan Rakyat. Dewan dalam negara Malaysia ini.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, ini ada niat jahat ini Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Dia kena belajar sebab kerja pembangkang, dia menghasut rakyat di Sabah. Masuk kampung, keluar kampung dengan membawa kamera, menggambar jalan raya bocor, parit tersumbat. Tidak ada kerja dia. Itu saja kerja dia. Oleh sebab itu kalau di Sabah, pembangkang tidak laku, Tuan Yang di-Pertua. Besar kemungkinan, masa akan datang semua hilang dan kalah dalam pilihan raya.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** [*Bangun*]

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Oleh sebab itu saya tidak bimbang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan, Yang Berhormat? Yang Berhormat Rasah bangun.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Boleh, Yang Berhormat Kinabatangan?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tidak ada laluan di sini. Duduk.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Tidak berani jawab, Yang Berhormat Kinabatangan?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tidak apa, tidak apa. Saya akan jelaskan sebab Yang Berhormat Kota Kinabalu tidak bagi laluan. Bercakap soal keadilan, soal demokrasi, soal *transparent*. Takutkah Yang Berhormat Kinabatangan?

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** [*Menyampuk*]

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat Kinabatangan. Sikit sahaja. Sikit sahaja.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *This is my floor. So you just quiet and listen to me!*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Duduklah Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tolong beritahu dalam bahasa Malaysia, Yang Berhormat. Yang Berhormat, *you* pun guna bahasa Inggeris.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Orang kacau, Yang Berhormat Kinabatangan kacau. Hendak tanya soalan pun tidak boleh.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *You sit down and listen to me!*

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *I can sit down, my friend* tetapi dalam bahasa Malaysia.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tunggu, tunggu, tunggu.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Pergi belajar dulu.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Belajar dulu.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Dia ingat dia *perfect*.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Pembangkang terus mengatakan bahawa Kerajaan Barisan Nasional tidak adil tetapi rupa-rupanya DAP yang suka bercakap soal *transparent*, soal ketelusan, ketirisan tetapi apabila ahlinya tegur, pecat. PAS tegur, gantung. *Masya-Allah*. Inilah parti yang hendak membina masa depan negara? Kalau inilah parti yang menang, pemerintah, kiamat negara Malaysia ini. Rakyat Malaysia di luar sana, hati-hati dengan pemimpin DAP dan PKR ini. Mereka ini racun hendak membunuh masa depan negara kita ini. Saya tidak sebut PAS.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Seputeh bangun, Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Yang Berhormat Permatang Pauh juga dipecat oleh UMNO. UMNO buat lagi teruk.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Oleh sebab PAS ini dia cakap permainan kotor oleh DAP. Dia kena buli. Sehingga hari ini saya terbaca surat khabar, Mursyidul Am Pas berkata, *"Mana-mana ahli PAS yang keluar PAS itu tidak siuman. Ini termasuk pemimpin Pasma yang cuba merancang parti baru dalam PAS."* Saya tidak tahu mana satu Pasma, mana bukan.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Tun Dr. Mahathir pun kata mana-mana ahli yang masuk UMNO pun tidak pandai.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Jadi kalau ada yang Pasma sini, bermakna kalau dia cuba keluar, dialah orang yang tidak siuman. Bukan saya kata tetapi Nik Aziz kata.

Tuan Yang di-Pertua, bajet yang di bentang oleh Perdana Menteri. Saya bercakap dan sentuh sedikit dalam konteks Sabah sebab rakan-rakan saya daripada Sabah menyatakan bahawa tidak adil peruntukan ini. Tidak ada untuk Sabah. Rupa-rupanya wakil rakyat Kota Kinabalu ini bukan sahaja buta hati tetapi tidak pandai baca. Dia mengatakan bajet untuk Pan Borneo dulu sebanyak RM23 bilion dan sekarang RM27 bilion. Akan tetapi sebelum itu dia kata

tidak ada peruntukan diberi. Tidak adil. Kerajaan bagi lebih, dia marah. Tidak bagi, dia marah. Ini apa ini?

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bandar Kuching bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Minta penjelasan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini Yang Berhormat Bandar Kuching saya bagi sebab sebentar lagi saya pun mahu bagi juga dia.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Okey, *thank you, thank you*. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Kinabatangan. Yang Berhormat kata ada peruntukan untuk *Pan Borneo Highway*. Bolehkah Yang Berhormat tunjukkan dalam buku itu anggaran Perbelanjaan Persekutuan di mana anggarannya ataupun butirannya ada sebut *Pan Borneo Highway* kerana saya *check through* buku itu tidak ada sebut langsung ada peruntukan untuk *Pan Borneo Highway*. Hanya cakap angin sahaja. Bolehkah Yang Berhormat tunjuk ajar saya di mana dalam buku itu ada sebut *Pan Borneo Highway*.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Bandar Kuching.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Boleh baca atau tidak, Yang Berhormat Kinabatangan?

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Dia tidak bacalah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Rasa saya kita sama-sama jadi wakil rakyat. Seharusnya Yang Berhormat faham. Pan Borneo ini peruntukan PFI dan apabila kerajaan berjanji, ini Kerajaan Barisan Nasional bukan kerajaan sana. Janji pembohong!

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Berapa tahun sudah janji? Berapa tahun mahu janji? Janji 'dicapati'.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tahun ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan buat cara Pan Borneo sahaja PFI dengan RM27 bilion. Apa masalah? Yang Berhormat Bandar Kuching ini, saya sebetulnya saya memang terpanggil dengan dia ini sebab saya terguris hati saya apabila terbaca *Facebook* dia melalui akaun Chong Chieng Jen iaitu mengatakan dia rasa terperanjat. Rasa sedih. *'Last Saturday, I went to MBO Cinema at the Spring, Kuching to...*

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Surat khabar lama ini. *Old story*.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *...Watch 'The Maze Runner' with my family*". Wow!

#### ■1210

Saya tidak sangka rakan saya ini tak ada patriotisme langsung. Kalau inilah nak jadi pemimpin di Kuching, nampaknya memang salahlah...

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Mana isu Sabah? Mana isu Sabah?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** ...orang Kuching pilih pemimpin DAP seumpama ini. Dia tak ada patriotisme langsung, dia *criticise*. Yang sedihnya yang ada sini, *"Next will be before dinner, before bedtime and before maybe before sex"*.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Salah. Saya bukan kata seks, tak ada.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Tak pandai baca.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Itu memesongkan Dewan.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Tak boleh macam ini, dia tokok tambah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Inilah pemimpin DAP. Ha inilah dia, ha inilah dia. Ha tengok, dia tak tahan dia keluar.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Tuan Yang di-Pertua, siapa nak sokong Germany? Dia tak ada patriotisme, dia nak sokong Germany, sokong Hitler.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Inilah dia, patriotisme tidak ada tetapi mereka berkata soal keadilan sejagat. Mana ada keadilan? Paling tak ada keadilan dalam pakatan pembangkang, inilah! Saya tak tahu kenapa rakyat beria-ia nak menyokong. Tak ada langsung nak ditengok kebaikan dia. Buat 'Langkah Kajang', akhirnya langkah Gombak juga. Rakyat menderita berbulan-bulan, tiga bulan, nak mengurus Menteri Besar pun tak boleh, nak mengurus kewangan negara lagi.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Tuan Yang di-Pertua, ada apa-apa kena mengena dengan bajet?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak melanggar peraturan, Yang Berhormat. Tak melanggar peraturan ya. Teruskan Yang Berhormat Kinabatangan.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Tak ada isu untuk orang Sabah kah?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kalau saya panggil...

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Memang betul bajet tak ada isu untuk orang Sabah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** ...Bodoh, tak betul tapi *go back to school. Learn from Gelang Patah, that's your taiko.*

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Sekolah *Irish International University* kah ha?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *Learn from him, learn from him.* Jangan tak ada *class*.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** *You* balik tadikalah Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Masuk Dewan Rakyat kena ada *class*, jangan tak ada *class*.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Apa *class*?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Nak mengurus negeri pun tak boleh, nak mengurus negara pula. Saya kenal Yang Berhormat Gombak ini, dia main *play game, play safe*. Yang Berhormat Pandan buat strategi macam-macam, Yang Berhormat Gombak *relax* tapi dia main *chess*, dia *checkmate*. Habis, *game over. Game over, semua game over*. Langkah-langkah tak menjadi dah, habis dah. Di situlah letaknya bahawa pembangkang ini, pemimpin-pemimpin pembangkang memang tidak boleh dipercayai, tidak boleh diberi mandat, tidak boleh diberi amanah dan tidak boleh diundi pada pilihan raya masa-masa akan datang.

Oleh kerana itu saya ingin merakamkan terima kasih kepada Kerajaan Malaysia sebab menyediakan peruntukan yang banyak untuk Sabah. Contohnya, memberi peruntukan RM900 juta lebih untuk membangun jalan raya luar bandar termasuk juga di Kuching. Kalau ada jalan-jalan kampung yang rosak pun, akan dibina. Ini Kerajaan Barisan Nasional, dia adil. Dia tidak mendiskriminasikan mana-mana rakyat, mana-mana negeri yang dikuasai pembangkang pun

kerajaan bagi peruntukan. Yang Berhormat Seputeh boleh kata tidak ada peruntukan untuk Selangor, tidak ada peruntukan untuk Pulau Pinang? Boleh?

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Cukup.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih. Dia kata cukup, bermakna memang betul. Oleh kerana itu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Seputeh bangun, Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Yang Berhormat sekarang berkata jalan-jalan raya di Sabah ini memang sempurna, kan?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Sikit sahaja.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Eh, jantanlah.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tengok jalan di satu kampung di Pitas sana. Orang kampung kena bergotong royong buat jalan sehingga DAP kena pergi tolong mereka. Apa Kerajaan Barisan Nasional di Sabah buat ini?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Memang ada jalan-jalan macam ini, cuma dia *on progress*. Tiap-tiap tahun ada bajet, ada peruntukan. Di Selangor, jalan-jalan negeri pun dalam bandar berlubang-lubang. Macam mana? Itu lagi teruk, dalam bandar.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Kadang-kadang ada lubang di jalan tapi tak macam Sabah, tak ada jalan langsung. Orang kampung tak boleh keluar dengan kereta.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Minta penjelasan, minta penjelasan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Apa penjelasan? Ini bukan debat, duduklah. Kita bukan berdebat di sini.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya nak bagi penjelasan. Sebab itulah Yang Berhormat Seputeh itu dia tak layak jadi exco, sebab dia tak lawat luar bandar. Saya orang Selangor. Kalau nak ambil sikit-sikit tempat, pergi ke luar bandar dekat Sabak Bernam, dekat Tanjong Karang itu pun masih lagi ada jalan yang teruk. Kerajaan negeri langsung tak buat.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Yang Berhormat Tanjong Karang pun tak layak jadi MB.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Duduk Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Janganlah nak ambil contoh yang spesifik. Jadi, menunjukkan bahawa pembangkang ini apa yang dia buat, apa yang kita buat, dia tak nampak. Yang dia buat salah, dia cuba tutup. Saya nak tanya satu, tadi Yang Berhormat kata tadi pembangkang tak boleh percaya. Saya nak minta komen Yang Berhormat, bayangkan di negeri Selangor, dua orang ADUN daripada PAS dipanggil pengkhianat dan juga broker oleh Presiden parti dia. Tiba-tiba DAP pula kata dia ini sebagai hero di negeri Selangor. Ini boleh percaya kah yang kata pakatan yang nak makan kawan ini? Minta komen Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Rakyat tahu Yang Berhormat Tanjong Karang. Rakyat tahu PAS ini bukan sahaja kena buli, kena macam-macam. Suka dibuli. Saya pun hairan tapi PAS tak ada, yang ada Pasma saya nampak. PAS tak ada, yang ada Pasma. Jadi, itu masalah. Memang kena buli sebab DAP ini tukang buli. Dia punya pemimpin, ini Yang Berhormat Seputeh ini, tapi Yang Berhormat Seputeh lain. Dia punya anak emas, Yang Berhormat Gelang Patah punya anak emas. Apabila anak emas, dia cakap apa pun dia tak kisah. Macam juga apa ini...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Boleh saya tanya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Yang Berhormat Kinabatangan sudah empat penggal masih belum duduk dekat sana. Yang Berhormat Tanjong Karang duduk dekat sana sekarang pindah ke sini. [*Dewan riuh*] Adakah dua-dua ini dipinggirkan oleh UMNO Barisan Nasional?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kalau saya duduk sana, siapa boleh cakap apa Yang Berhormat Seputeh buat? Saya pilih duduk sini, saya boleh tengok apa pembangkang buat, saya boleh kasi tahu rakyat melalui *live telecast*. Rakyat boleh tahu pembohongan pembangkang, satu demi satu buat pembohongan. Ha, inilah dia pembohongan pembangkang ini tidak boleh percaya tapi dia buat *manipulator*, dia *speculate* macam-macam. Dia janji bulan bintang, dia janji semua dia janji. Dia buat bajet tak tahulah, saya pun tak mahu baca 70 muka surat. Yang Berhormat Seputeh kena gugur daripada exco, tak boleh tanding.

Yang Berhormat Bagan bercakap soal ketelusan, soal jimat cermat tapi kereta dia tukar. Daripada kereta *Mercedes* pergi kereta yang mahal-mahal.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Seputeh bangun lagi, Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Siapa? Kereta siapa?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Dia kata *for security reason*.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Eh, ini bohonglah, ini pembohongan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Aduh, tapi cakap...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Memesongkan Dewan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini betul. Apa ini? Ini tak tahu peraturan ini, ini tak tahu peraturan. Duduk.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ini memesongkan Dewan, 36. Peraturan Mesyuarat 36(12).

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Duduklah. Tak apalah, nanti Yang Berhormat Seputeh jawablah. Ini saya punya *argument*. Saya punya *argument*, saya punyalah. Yang Berhormat Seputeh janganlah. Tenang, *relax* bah. Saya ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berterima kasih sebab kerajaan melihat masalah rakyat terutama sekali di Sabah dan di Sarawak. Kalau kerajaan menumpukan perhatian iaitu tahun 2015 dibagi dengan tambahan 2016 lagi, dilipatgandakan.

Tahun 2017, 2018 akhirnya semua masalah di Sabah dan di Sarawak akan selesai. Ini termasuk juga gangguan elektrik di Sabah iaitu di Inanam dan di Kota Kinabalu yang begitu serius. Jadi, dengan adanya peruntukan yang sebegini banyak, rasa saya kerajaan boleh



mempertingkatkan kualiti perkhidmatan elektrik dan sebagainya. Ya, rakan saya. Sedikit sahaja.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Yang Berhormat Kinabatangan, saya mendengar hujah Yang Berhormat Kinabatangan seperti juga saya mendengar hujah Yang Berhormat Kota Kinabalu dengan cukup tenang, cukup serius tadi. Cuma saya melihat, apakah komen Yang Berhormat Kinabatangan berkenaan apabila mantan Perdana Menteri mengatakan bahawa Perdana Menteri Pekan sekarang ini lebih teruk daripada Yang Berhormat Kepala Batas dahulu. Saya cukup bimbang sebab bekas Perdana Menteri dibandingkan dengan Perdana Menteri sekarang dan ini memberikan kesan kepada rakyat. Jadi, mantan Perdana Menteri yang telah pun bertugas cemerlang 25 tahun tiba-tiba mengeluarkan satu *statement* yang amat mengejutkan. Apakah pandangan Yang Berhormat Kinabatangan tentang hal ini? Terima kasih.

■1220

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, kita ini duduk dalam sebuah negara yang demokrasi. Bukan sahaja mantan Perdana Menteri, kerja Yang Berhormat semua memburuk-burukkan Perdana Menteri pada hari ini. Ceramah di sana sini, saya dengar Perdana Menteri tidak boleh membawa pembangunan negara, ekonomi tidak baik. Itulah kerja Yang Berhormat semua. Yang Berhormat Seputeh lah, Yang Berhormat lah, semua, saya tahu tetapi tidak apa. Biar rakyat yang buat keputusan siapa yang mereka sokong, itu sahaja. *[Dewan riuh]* Apa yang hendak dijawab, kita negara demokrasi.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Komen mantan Perdana Menteri dulu.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya pun boleh kata Yang Berhormat tidak baik, apa masalah? Saya boleh kata Yang Berhormat lah wakil rakyat yang paling teruk dalam Malaysia, boleh, bolehkah? Apa hendak dijawab?

**Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** *[Bangun]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Sila.

**Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Saya hendak tanya Yang Berhormat juga. Kalau tadi Yang Berhormat Sungai Petani tanya komen mantan Perdana Menteri kepada Yang Berhormat Pekan. Apa pula komen Yang Berhormat mengenai mantan Perdana Menteri komen lebih teruk kepada Ketua Pembangkang yang menjadi idola kepada semua pembangkang. Itu sebab Ketua Pembangkang dipanggil Ketua Umum, 'ketum'. Ketum ini Yang Berhormat sedia maklum, ketum ini kalau orang minum dia mabuk, hendak ambil tindakan bawah Akta Dadah, belum diwartakan. Jadi sebab ada ketum inilah yang menyebabkan semua ini mabuk, dengar cakap ketum. Jadi apa komen Yang Berhormat, komen bekas Perdana Menteri kepada 'ketum' ini.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Tanjong Karang, saya tidak mahu komen. Itulah sebetulnya penjelasan yang sebenarnya. Siapa pun kita, kita layak untuk membuat pandangan, komen kita masing-masing terhadap siapa-siapa. Saya cuma fokus balik ke arah bagaimana Kerajaan Barisan Nasional, Perdana Menteri mengunjurkan pertama ekonomi negara kena baik. Apabila ekonomi baik, maka kerajaan boleh membuat bajet yang baik untuk rakyat.

Isu soal subsidi dari dulu, semenjak saya masuk Dewan Rakyat ini, saya telah menyuarakan subsidi perlu direalisasikan sebab subsidi kita tidak bersasar. Siapa pun boleh menerima subsidi, rakyat, orang kaya, orang miskin, orang syarikat beratus-ratus kereta pun dapat subsidi. Pendatang asing dapat subsidi tetapi oleh kerana pembangkang suka membuat manipulasi, makanya, saya ambil contoh Tuan Yang di-Pertua, bagaimana harga barang-barang mentah yang selektif sahaja. Contoh antara negara ASEAN iaitu RON95, di Malaysia satu liter hari ini cuma RM2.10. Di Indonesia - RM3.16. Di Singapura - RM5.81. Di Thailand - RM4.91. Di Filipina - RM5.40.

**Seorang Ahli:** Brunei?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Brunei negara kecil macam lubang hidung Yang Berhormat. Kita banding segala total, Singapura negara idola Yang Berhormat tetapi lagi tinggi. Daripada 61 buah negara, Malaysia negara yang keenam, negara termurah di dunia. Ini kena faham. Kemudian, harga diesel di Malaysia - RM2. Di Indonesia - RM3.58, Singapura - RM4.46, Thailand - RM3.04, Filipina - RM4.30. Yang Berhormat Seputeh.

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini lagi penting, LPG, sekejap, LPG.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat Kinabatangan sedikit sahaja.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** LPG 14kg di Malaysia RM26. Di Thailand - RM28, di Singapura - RM120.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat Kinabatangan, sedikit.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Yang Berhormat, sedikit.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Di Thailand - RM38, di Filipina - RM41. *Last*, minyak makan. Satu kg di Malaysia RM2.50, di Indonesia - RM3.11, di Singapura - RM9.43. Di Thailand - RM3.80.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Penjelasan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Di Filipina - RM11.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Sedikit boleh.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Bayangkan... *[Disampuk]* Saya buat *survey* lah sumber daripada negara yang kita pergi.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Yang Berhormat Kinabatangan buat *survey*, bolehkah berikan penjelasan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kalau Yang Berhormat Seputeh tidak percaya, boleh ikut saya ke negara-negara ini.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Boleh celahkah? Mohon mencelah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh tapi jangan lama.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Okey terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan, terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa terpanggil, tadi Yang Berhormat Kinabatangan membuat perbandingan di mana harga minyak di antara negara-negara pengeluaran minyak. Saya beri contoh, katakan Oman - 99 sen, Qatar - 85 sen, UAE - RM1.53. Arab Saudi - 51 sen. Brunei, tadi kata Brunei kecil tetapi Singapura kecil pun mengapa dibandingkan juga. Ini logiknya, logik songsang Yang Berhormat Kinabatangan. Kenapa tidak tengok bagaimanakah negara-negara pengeluaran minyak bandingkan dengan contoh yang baik,

mengapa bandingkan dengan contoh yang tidak baik. Ini ialah masalah Yang Berhormat Kinabatangan, *double standard*. Sekian, terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Okey Yang Berhormat, saya faham jumlah pengeluarannya berapa? Sebab saya dapat, *Bloomberg* telah melaporkan bahawa 2014 bertajuk '*Highest and Cheapest Gas by the Countries*', Malaysia berada pada kedudukan ke-54 daripada 61 buah negara. Bayangkan kalau negara-negara pengeluar seperti Nigeria, Arab Bersatu, UAE, Iran, Egypt, Kuwait, Saudi Arabia dan Venezuela, harganya lebih tinggi dari Malaysia. Ini negara pengeluar minyak terbesar. Ini Yang Berhormat.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini Yang Berhormat suka putar belit, cakap bohong. Macam juga isu GST, Yang Berhormat semua masuk kampung keluar kampung, GST menyeksa menyusahkan rakyat.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat Kinabatangan, sedikit boleh?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Cukup, cukup sebab saya mahu, saya banyak perkara.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Sedikit, sedikit, satu minit Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tidak boleh, saya banyak perkara.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Duduk Yang Berhormat, duduk.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Isu harga minyak, isu harga minyak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Rasah duduklah, dia tidak bagi jalan Yang Berhormat. Hendak bagi?

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Okey. Tadi kita telah pun mendengar bahawa begitu yakin sekali pihak Barisan Nasional bahawa sebenarnya harga minyak di negara kita cukup murah. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Kinabatangan dan kawan-kawan di sebelah sana, kalau begitu yakin bahawa harga minyak kita cukup rendah. Jadi mengapa Barisan Nasional tidak mengumumkan masa kempen PRU ke-13, mengapa tidak mengumumkan bahawa kalau BN menang Putrajaya, BN akan naik harga minyak sebanyak 40 sen. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Kinabatangan, mengapa tidak sebutkan kenaikan harga minyak pada masa itu. Kalau sebut pada masa itu, saya rasa kita yang duduk di sebelah sana, mereka duduk di sebelah sini. Terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Okey, okey. Ini soalan orang tidak matang. Kalau saya cakap bodoh tidak bagus tetapi orang tidak matang. Kalau matang dia tidak tanya macam itu. Kalau orang bijaksana dia tidak macam itu.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat, itu fakta.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Duduklah, tadi saya dah bagi peluang.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Barisan Nasional tidak berani mendedahkan kenaikan 40 sen ketika berkempen, itu fakta.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Duduklah. Sedangkan negara Malaysia ini bukan negara terdiri daripada OPEC. Indonesia ini negara OPEC, pengeluar

minyak terbesar tetapi harganya pun lebih tinggi daripada kita. Cuma saya tahulah, Yang Berhormat semua pembangkang, semua pun kena bangkanglah.

Soal Sabah mundur, kita jangan lupa sejarah politik Sabah tahun 80-an. Pertukaran kerajaan setiap sembilan tahun kerajaan bertukar, sembilan tahun kerajaan bertukar, tiga kali kerajaan bertukar. Itulah antara faktornya Sabah mundur dari negeri-negeri yang lain. Apabila Barisan Nasional mengambil alih tahun 1994, maka bermulalah di situ langkah Barisan Nasional terus maju menjurus ke arah pembangunan rakyat dan negara. Bukan macam langkah Yang Berhormat Seputeh, langkah Kajang, langkah yang tidak tentu arah.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Bangun]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Duduklah, bukan saya undang, bukan saya jemput.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Macam mana dengan projek IC, pendapat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Di bawah Barisan Nasional, yang paling miskin di Malaysia.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Apa ini?

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Kerana di bawah Barisan Nasional.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Apa ini Yang Berhormat Seputeh, duduklah. Jadi sebab itu saya kata jangan lupa. Yang Berhormat Kota Kinabalu dia sengaja, sejarah politik Sabah ini setiap sembilan tahun bertukar kerajaan, tiga kali bertukar kerajaan. Apabila bertukar, maka tidak ada hala tujuanya. Selepas daripada USNO sembilan tahun, BERJAYA sembilan tahun, PBS sembilan tahun. Barulah Barisan Nasional masuk tahun 1994. *[Disampuk]* Sarawak tengok maju, rakyat banyak maju, apa mahu dicakap? Yang tidak maju bagi pandangan. Orang yang hati dia buta, yang putih pun dia nampak hitam. Apabila seorang pembangkang *mind set* dia pembangkang, maka dia terus jadi pembangkang.

#### ■1230

Tuan Yang di-Pertua, apa yang hangat dibincangkan hari ini adalah Akta Hasutan. Saya terus terang, saya menegaskan bahawa Akta Hasutan perlu dikekalkan untuk mengekalkan kemakmuran dan keamanan kita dalam negara kita. Apa yang takut? Kalau kita tidak menghasut, kita tidak akan kena. Yang takut Akta Hasutan ialah orang yang suka menghasut. Kalau zaman Jepun dahulu, siapa menghasut, dia tembak kepala dia. Di China, komunis pun, siapa didapati menghasut, dia tembak orang itu. Akan tetapi kita di Malaysia, kita bicara dengan adil. Jikalau Yang Berhormat Seputeh suka menghasut, jangan *tolerate*, tangkap dia, bicara dia. Kalaulah, kalau. Kalau tidak, tidak apa. Itulah gunanya akta itu. Rakan-rakan sini pun kalau menghasut, kita tangkap... *[Disampuk]* Sebab, kita bukan menghasut. Yang menghasut di situ, sebab hendakkan kuasa. Itu sahaja dia punya perbezaan.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat Kinabatangan, saya rasa menghasut ditetapkan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Apa yang sini kata semua...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ia diputuskan oleh mahkamah. Ada dibicara di mahkamah. Lawanlah di mahkamah.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Tetapi sampai sekarang tidak ada seorang pun dari Barisan Nasional didakwa.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Memang tidak ada, sebab dia tidak menghasut.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Banyak laporan polis telah pun dibuat, tetapi tidak ada tindakan diambil.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Jadi oleh kerana itu, saya meminta kerajaan supaya mengekalkan Akta Hasutan ini. Kalau boleh, perketatkan lagilah. Ini kerana saya melihat, saya geram, saya sakit hati, saya kecewa dengan kerajaan, kerana banyak di media sosial ada unsur-unsur penghinaan agama, menghina Sultan, kepada Raja, kepada bangsa, kepada agama Islam, macam-macam.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Kinabatangan, sedikit sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Kinabatangan, kita lihat hari ini kita beri kebebasan untuk orang kritik memberi pandangan melalui laman-laman media. Setuju tidak Yang Berhormat Kinabatangan, kita benarkan orang kritik, kita benarkan orang bercakap pasal kerajaan, tetapi semua laman media ini, *Facebook* kah, mesti didaftarkan? Biar ada tanggungjawab di situ. Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tahun lalu, saya telah cadangkan perkara yang sama. Pembangkang kata Yang Berhormat Kinabatangan balik ke gua batu. Akan tetapi di Singapura, dia buat macam ini, tidak pula dia cakap balik gua batu. Kalau di China, di mana-mana tidak ada *Facebook* pun, tidak ada *Twitter*, tidak ada. Ini kerana dia tahu media sosial ini digunakan untuk menghasut. Jadi dia tutup semua.

Akan tetapi oleh kerana kita tidak mahu ke arah itu, saya setuju dengan Yang Berhormat Lenggong, daftarkan semua akaun *Twitter* kah, *Facebook* kah, apa-apa. Jadi, siapa yang suka menghasut, siapa yang buat tidak betul, dia kena. Dia hadapilah risiko yang dia buat. Jadi saya mahu minta kerajaan supaya mempertimbangkan Akta Hasutan ini untuk kita perketatkan untuk menjamin masa hadapan negara yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya terbaca komen Fellow Utama Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Dr. Teo Kok Seong. Dia punya komen antara lain, "*Sekolah satu aliran mampu membentuk perpaduan*" dalam temu bual dengan *Utusan Malaysia*. Antara lain dia kata, bahawa di negara kita ini masalahnya kita banyak sekolah aliran. Ada tujuh jenis sekolah aliran iaitu sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan, sekolah agama, sekolah persendirian Cina yang tidak tertakluk kepada sukatan pelajaran ditetapkan kerajaan, sekolah swasta, sekolah antarabangsa dan sekolah belajar di rumah. Jadi oleh kerana itu, dia juga berkata bahawa untuk memastikan perpaduan terpujuk di negara ini, maka dia, Dr. Teoh Kok Seong ini mencadangkan iaitu supaya sekolah satu aliran dapat dilaksanakan di negara kita.

Antara lain dia berkata, "*Apabila menyebut tentang perpaduan yang sempurna, sepatutnya semua rakyat yang berbilang kaum dan agama di negara ini perlu ada rasa untuk berkongsi dan saling mempercayai antara satu dengan yang lain. Lebih-lebih lagi orang bukan asal iaitu bukan Melayu harus mengidentifikasikan diri mereka dengan orang asal iaitu orang Melayu.*"

Ini bermakna, kerajaan sudah tiba masanya untuk memperkasakan sekolah kebangsaan dan sekolah kebangsaan ini direalisasikan sebagai satu sekolah Malaysia dan bahasa ibunda seperti termaktub dalam perlembagaan itu dimasukkan dalam sekolah kebangsaan. Bahasa ibunda ini tidak semestinya mewujudkan sebuah sekolah. Dalam Perlembagaan itu menyebut perlu ada pembelajaran bahasa ibunda, tetapi dia tidak sebut perlu ada sekolah jenis-jenis kebangsaan sebab ia akan menuju kehancuran masa hadapan sebuah negara itu.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Oleh kerana itu, saya...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Seputeh, *I will do the job* Yang Berhormat. Saya cuma ingin berlaku adil...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Seputeh, saya mahu gulung sudah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sebentar Yang Berhormat. Saya ingin respons dua tiga kali yang disebut oleh Yang Berhormat Seputeh tentang masa. Saya cuma ingin berlaku adil. Apabila Yang Berhormat Kota Kinabalu berucap makan masa 10 minit lebih, sebab itu saya ingin berlaku adil, *the next speaker from BN will have 10 minutes extra. You must be* adil kepada semua pihak, bukan kepada pihak Yang Berhormat sahaja. Teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Mahu habis sudah.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Sedikit, sedikit. Terima kasih kepada Yang Berhormat Kinabatangan. Tadi apa Yang Berhormat Kinabatangan baca itu memang salah satu cadangan daripada ahli akademik.

Saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat Kinabatangan, sebenarnya beberapa hari yang lepas, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri berada di Perhimpunan Agung MCA telah pun mengumumkan bahawa sekolah Cina ini akan tetap dikekalkan agar anak-anak kita dapat terus bersekolah dalam sekolah Cina. Sebenarnya kita juga memperlihatkan sebenarnya bukan sahaja kaum Cina, sebenarnya ramai kawan dari Melayu, India dan juga pelbagai kaum, mereka juga turut belajar di sekolah Cina. Jadi saya rasa sebenarnya kita harus melihat itu merupakan satu kekuatan kepada negara kita tetapi bukan merupakan sesuatu yang menghancurkan keharmonian negara kita. Terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya faham, saya faham. Saya sudah cakap tadi bahawa sekolah kebangsaan pun boleh meletakkan pembelajaran bahasa ibunda. Apa masalah? Seperti Yang Amat Berhormat cadangkan di perhimpunan MCA itu, itu keputusan Yang Amat Berhormat. Akan tetapi selaku wakil rakyat dalam negara ini, saya berhak untuk melontarkan pandangan daripada orang yang ada ilmu pendidikan, melihat menjurus ke arah masa hadapan negara yang lebih cemerlang bahawa sekolah satu aliran itu harus dilaksanakan. Itu pandangan dia. Dengan syarat, bahasa ibunda juga diselitkan dalam

sekolah kebangsaan itu. Bermakna, bahasa ibunda Cina kah, Tamil kah, Kadazan, Dusun kah, Sungai kah, Iban kah, pun boleh masuk. Apa masalah?

Tuan Yang di-Pertua, saya sampai ke penghujung. Saya berharap Bajet 2015 ini dapat direalisasikan dengan sebaik mungkin supaya rakyat dapat menikmati limpahan ekonomi ini seimbang dan sama rata. Saya tidak mahu melihat rakan-rakan kita, rakyat Sabah dan Sarawak melalui media sosial, mereka masih melahirkan kekecewaan mereka. Memang ada kekecewaan tetapi dengan ketelusan dan keyakinan daripada kerajaan memberi peruntukan yang banyak untuk memastikan masalah ini dapat diselesaikan.

■1240

Saya cukup yakin bajet kali ini dapat menambat hati rakyat di peringkat akar umbi. Dengan ini saya menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ada yang bangun? Yang Berhormat Parit Buntar.

12.40 tgh.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*Buah kedondong, buah bidara*

*Dua insan bertentang mata*

*Izinkan saya mula bicara*

*Tentang Bajet 2015 negara kita*

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, alhamdulillah saya mulakan dengan firman Allah dalam surah Al-Haj, ayat yang ketujuh. [Membaca sepotong ayat al-Quran]*

*"Apa yang Allah kurniakan kepada Rasul-Nya dari harta penduduk negeri tanpa peperangan maka ia adalah ditetapkan bagi Allah dan Rasul serta kaum kerabat yang miskin, anak-anak yatim dan orang-orang miskin serta musafir supaya harta tidak beredar di antara orang yang kaya di kalangan kamu. Dan apa yang dilarang, maka berhentilah dari melakukannya dan apa yang disuruh maka lakukanlah. Bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah maha pedih seksaan-Nya."*

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil skop perbahasan kali ini bagi pihak Parit Buntar untuk melihat benda-benda yang *basic* tentang bagaimanakah ekonomi itu harus digerakkan. Saya memerhatikan sahabat-sahabat saya khususnya daripada Yang Berhormat Kinabatangan dan rakan-rakan lain telah mempertahankan hujah-hujah dan menyokong bajet ini. Saya tidak bercadang untuk menyokong ataupun tidak tetapi saya mengajak keseluruhan Ahli Dewan untuk meneliti perkara-perkara asas apa yang menyebabkan masalah di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita melihat dalam apa sahaja istilah yang dipakai sama ada dalam Al-Quran atau pun dalam teks-teks yang lain bahawa sepanjang sejarah, pembelaan kepada rakyat ini adalah merupakan perkara yang pokok walaupun bahasanya disebut dengan berbeza-beza. Akan tetapi yang kita fahami dari bahasa hari ini ialah kalau kita melihat perkataan *dhuafa'* ataupun *masaakin* atau kadangkala dipakai *the oppress* ialah kelompok yang kita faham di negara kita mewakili 40% masyarakat yang berpendapatan RM1,500 ke bawah dan mereka adalah agak besar iaitu 40%.

Kedua, apa yang disebut sebagai peredaran harta yang hanya berlegar di sekitar orang-orang kaya di kalangan kamu juga adalah satu amaran bagaimanakah kekayaan sesebuah negara itu perlu dikongsi oleh rakyat yang lebih ramai. Kalulah boleh kita faham bahasa ekonomi hari ini ia disebut sebagai *inequalities* ataupun *disparity*. Itu istilah-istilah yang saya kira masuk dalam perbahasan sebahagian besar daripada para pembahas. Saya ingin mencadangkan satu pemikiran kepada istilah yang dipakai iaitu *economic growth* dengan *economic development*. *Economic growth* adalah pertumbuhan ekonomi yang melihat angka-angka, peratus dan sebagainya. Adapun *economic development* adalah merupakan pembangunan ekonomi yang sifatnya *inclusive* dan sifatnya juga *sustainable*.

Oleh sebab itu izinkan saya untuk membuat beberapa kritikan terhadap bajet ini supaya dapat difikirkan bersama apa yang saya namakan sebagai ekonomi keterangkuman dan lestari, *inclusive, sustainable economic*. Kritikan saya terhadap perbelanjaan ini adalah berdasarkan kepada persoalan yang lebih membumi, apa yang lebih berada di bumi dari sudut permasalahan realiti yang berlaku.

Saya mengandaikan dan saya mencadangkan bahawa implikasi kepada fahaman kita terhadap bagaimana ekonomi itu harus digerakkan sama ada hanya melihat angka dari sudut pertumbuhan ataupun melihat dari sudut pembangunan yang melibatkan keseluruhan komponen di dalam sesebuah negara itu.

Saya ingin mengajak atau menarik perhatian semua Ahli-ahli Parlimen dan Tuan Yang di-Pertua. Ada empat perkara yang akan saya jadikan asas perbincangan yang berbaki lagi beberapa minit ini iaitu:

- (i) saya ingin melihat bahawa dalam *economic inclusive* dan *sustainable* ini perhatian harus dibuat kepada pergerakan menaik pendapatan rakyat Malaysia atau apa yang dinamakan sebagai *the earn wages* iaitu gaji;
- (ii) kemampuan menyimpan, melabur serta pemilikan harta apa yang dinamakan sebagai *unearned wages*;
- (iii) perubahan progresif menuju kepada suasana pendemokrasian dan segala bentuk perkara yang boleh melahirkan inovasi dan kebebasan. Sepanjang perbahasan Yang Berhormat Pekan sebagai Menteri Kewangan dan Perdana Menteri, banyak sekali ditekankan soal-soal negara maju. Saya tidak mahu *argue* negara maju hanya sekadar menyatakan negara maju mesti ekonominya begini, mesti ekonominya begitu. Negara maju juga mengandaikan bahawa sebuah negara itu benar-benar menjulang erti demokrasi dan kebebasan. Ini harus kita menganjak kepada aspek-aspek seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Kinabatangan dan rakan-rakan tentang Akta Hasutan dan sebagainya yang akan saya sentuh sebentar lagi; dan
- (iv) menjadi *Human Development Index* (HDI) sebagai piawaian kepada *inclusive development* bukan hanya sekadar *economic growth* peratusnya berapa dan berapa.



Now, saya sebut tadi tentang kenaikan gaji Tuan Yang di-Pertua. Perdana Menteri ada menyebut sebenarnya dalam bajet bahawa kerajaan menyasarkan 40% pulangan kepada pekerja berbanding dengan majikan. Ini sesuatu yang kita amat menggalakkan kerana pada tahap hari ini peratus pulangan kepada pekerja berbanding dengan majikan ialah 33%. Walaupun disebut 34% tetapi secara tepatnya 33.6% dan selebihnya dinikmati oleh majikan. Ini tidak baik dalam konteks menuju negara maju kerana sasarannya ialah 60% atau 66%. *The emerging market* sekarang ini ialah 58%.

Walaupun saya menyambut baik kerajaan menuju kepada 40%, saya juga agak skeptikal. Skeptikal saya ini mahu menuntut supaya pihak kerajaan mengambil langkah-langkah. Antaranya ialah kita tengok soal gaji ini bagaimana kita hendak naik kalau tekanan pasaran buruh yang murah dan tidak berkemahiran menyebabkan eksploitasi majikan. Bagaimanakah majikan boleh ditekan supaya diberi gaji yang lebih baik kepada pekerja kalaulah pasaran buruh itu pasaran yang murah dan tidak berkemahiran? Sudah tentu majikan akan ambil kesempatan dalam suasana ini untuk menindas pekerja lantas menghalang usaha untuk kita mencapai *ratio* yang lebih baik.

Kedua dalam bab gaji ini, kebanjiran buruh asing yang begitu ramai yang kita tidak dapat kawal lagi sehinggakan kita berkompromi kepada kualiti. Apabila kita kompromi kepada kualiti, maka pengguna akan mendapat substandard kualiti di dalam servis-servis yang mereka nikmati.

Ketiga, perkhidmatan awam juga ingin saya sentuh sedikit. Birokrasi yang ada dalam perkhidmatan awam itu melambatkan pergerakan dari pekerja kurang mahir kepada pekerja separuh mahir dan seterusnya naik kepada pekerja mahir sepenuhnya.

#### ■1250

Jadi oleh itu, perkhidmatan awam perlu memikirkan termasuk kos yang tinggi supaya dapat kita menggunakan pendekatan supaya kemahiran itu lebih diutamakan. Dalam konteks hendak capai 40% dalam ucapan bajet itu dari sudut pulangan kepada pekerja, saya juga skeptikal dalam konteks hari ini permasalahan yang besar ialah penciptaan pekerjaan yang berkemahiran semakin kurang dan ini amat membimbangkan. Bagi saya, untuk mendapat 40% pulangan kepada pekerja itu perlu kita garap dahulu persoalan-persoalan yang saya lontarkan bagi perhatian pihak kerajaan.

Poin kedua yang saya ingin sentuh iaitu tentang potensi menyimpan dan saya menyatakan menyimpan ini sama ada pemilikan harta. Harta yang kita maksudkan ini bukan kereta tetapi harta yang harganya tidak *depleting*, seperti syer ataupun rumah, aset-aset yang lain. Ini seperti mana yang disebut oleh Piketty, seorang pemikir ekonomi Perancis, dia mengkritik apa yang dinamakan sebagai *unearned wages* yang begitu melebar dalam konteks *inequality* ataupun kesenjangan antara yang memiliki harta dengan tidak memiliki harta ini.

Piketty menyebut, tadi saya baca ayat al-Quran, sekarang saya hendak ambil daripada Piketty. Dia menyatakan bahawa, kesenjangan pendapatan, *inequality in income* bukanlah sesuatu yang tidak sengaja berlaku. *It is not accidental*, dia kata. Akan tetapi ia adalah merupakan ciri kapitalisme, *the features of capitalism* yang mana dia menyatakan bahawa ia boleh diperbetulkan. *It can be reversed with the intervention of the state*, dengan campur tangan kerajaan. Yang lebih bahaya daripada kenyataan Piketty ini bahawa jika tidak

diselesaikan isu kesenjangan pendapatan ini, maka demokrasi yang menjadi asas itu juga akan tergugat. So, ini yang kita bimbang.

Apabila kita tengok macam mana di New York berlakunya kebangkitan tentang mereka yang kaya memiliki harta yang besar sedangkan yang miskin tidak memiliki apa-apa harta, maka dia akan berlaku di sana ketidakpuasan dan dia akan menggugat demokrasi itu sendiri.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Yang Berhormat, boleh saya..

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Untuk menjadi lebih realistik dalam...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Saya sebelum itu saya minta duduk dahulu sebab saya hendak bagi habis statistik di Malaysia dan saya hanya melayan soalan yang bajet. Soalan politik yang lain kalau tanya, boleh tetapi saya tidak akan layan. Minta maaf.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Boleh saya kemukakan soalan sekarang?

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Sebentar lagi. Saya hendak bagi statistik Malaysia dalam isu kesenjangan pendapatan. Kesenjangan pendapatan di Malaysia seperti yang dibuat kajian oleh Dr. Muhammed Khalid, saya rasa dia antara orang yang awal membawa *model inequalities* dalam bukunya "*The Colors of Inequality in Malaysia*" dan saya ada buat sedikit catatan dalam buku itu. Dia menyatakan statistik yang ada hari ini ialah, 53% rakyat Malaysia tidak ada aset harta Tuan Yang di-Pertua. *53% without any wealth, unearned wages* yang tadi saya sebut tadi. Sejumlah 2.2% rakyat Malaysia ada harta tetapi mereka daripada kelompok 80% yang berpendapatan rendah.

*Now*, belum menarik lagi. Yang menarik, 77% rakyat Malaysia yang mempunyai harta terdiri daripada 10% kelompok terkaya di Malaysia. Di situ kita boleh lihat apa yang dinamakan sebagai *reality inequalities*, kesenjangan pendapatan yang kita lihat orang kaya memiliki harta yang besar sedangkan orang yang miskin hanya 2.2 dan 53% yang saya sebut tidak ada apa-apa harta itu, 80% adalah daripada bumiputera. Saya bagi laluan kepada Yang Berhormat Ketereh.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Terima kasih Yang Berhormat. Ucap tahniah, saya memang tertarik dengan apa yang Yang Berhormat sebutkan. Saya cuma sekadar untuk bertanya pendapat selanjutnya daripada Yang Berhormat kerana kita tahu penulisan Thomas Piketty berlegar kepada beberapa pengalaman yang berpunca daripada ledakan kapitalisme yang ekstrem yang berlaku di Eropah dan juga kurangnya *intervention* daripada kerajaan-kerajaan di negara-negara yang maju. Itu menyebabkan satu analisa dibuat oleh Thomas Piketty dalam penulisannya.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, apa pandangan Yang Berhormat ataupun adakah Yang Berhormat bersetuju menyatakan dalam soal mengatasi kesenjangan ini, rekod negara kita telah pun diakui termasuk oleh World Bank dan beberapa badan dunia di mana *intervention* kerajaan dilakukan melalui banyaknya tindakan *pre-emptive* terutama sekali

sejak terlancarnya Dasar Ekonomi Baru seperti mana waktu dilancarkan Dasar Ekonomi Baru adalah atas kesedaran isu yang Yang Berhormat bangkitkan untuk merapatkan jurang perbezaan antara kaum, untuk merapatkan jurang perbezaan antara wilayah kerana tahu kerana dinamik ekonomi dalam mengamalkan sistem kapitalisme, intervensi akan terus berlaku. Akan tetapi saya bersetuju macam Yang Berhormat bangkitkan intervensi kerajaan adalah satu instrumen yang penting.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Terima kasih Yang Berhormat Ketereh. Piketty sudah tentu mempunyai latar belakang berbeza. Akan tetapi apa yang saya petik di sini adalah bukan untuk mengambil keseluruhan model itu tetapi hanya melahirkan, jika tidak ada intervensi yang lebih progresif, maka akan berlaku kesenjangan yang lebih buruk seperti mana hari ini yang telah dilihat dalam statistik yang saya sebut walaupun disebut sejak adanya intervensi itu melalui DEB dan sebagainya tetapi realiti yang terkini kita dapati, itulah dia hasilnya iaitu 53% masih lagi belum memiliki harta.

Saya harap satu dasar yang lebih progresif, kalau perlu disebut yang lebih revolusioner dalam memastikan pemilikan harta ini boleh berlaku, dapat kita perkukuhkan bersama demi untuk kepentingan warga pekerja khususnya yang terdiri daripada sebahagian besar daripada mereka yang menyumbang kepada pembangunan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya masuk kepada faktor yang ketiga dalam model ekonomi lestari dan *sustainable* ini, yang *inclusive* ini iaitu menuju kepada perubahan yang progresif. Semua kita sedia maklum bahawa *benchmark* ataupun piawaian untuk melahirkan negara maju itu juga telah diletakkan kepada perkara-perkara yang kualitatif, bukan sahaja kuantitatif tetapi yang kualitatif. Antara lain yang disebut ialah bagaimana menuju ke arah negara maju itu memerlukan perubahan yang progresif. Perubahan yang memastikan pendemokrasian berlaku. Perubahan yang memastikan kebebasan bersuara dipelihara. Perubahan yang memastikan dalam konteks kepelbagaian diraikan dan inilah yang saya rasa antara perkara yang saya minta penjelasan bahawa di dalam konteks Bajet yang ada hari ini adalah satu aspek gerakan sivil. Gerakan sivil adalah merupakan satu gerakan yang penting bagi mengimbangi negara supaya dia menjadi *check and balance* selain daripada proses politik.

Saya melihat dalam hal ini, kita perlu dalam Bajet ini dan bincang bersama bagaimana gerakan masyarakat sivil ini boleh diperkasakan, boleh diperkukuhkan supaya ia diberi satu peranan yang cukup besar bagi memastikan pendemokrasian berlaku dan kebebasan dipelihara. Saya gagal melihat secara khusus bajet kepada masyarakat sivil dan ini satu perkara yang mungkin kurang dari sudut menuju kepada negara maju dalam konteks kualitatif bagaimana sebuah negara maju itu boleh kita andaikan dia sebagai sebuah negara maju. Ia juga berpandukan kepada suasana politik dunia yang ada pada hari ini.

Suasana politik dunia yang semua kita tahu mutakhir ini melibatkan kebangkitan ekstremisme, kebangkitan radikalisme, kebangkitan ISIS yang hari ini menjadi tajuk utama dunia. Ini adalah sesuatu yang Malaysia perlu ambil kira kerana sebagaimana yang kita faham dalam konteks global yang berlaku dalam dunia tanpa sempadan hari ini, apa yang berlaku di Iraq dan apa yang berlaku di Syria, apa yang berlaku di Lebanon, pasti akan mempunyai *effect* kepada negara kita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, sambung petang 10minit Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang ini.

**[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat]**

#### ■1430

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Parit Buntar. Sepuluh minit lagi.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Saya ucapkan terima kasih kerana diberikan sambungan lagi. Saya sebelum berakhir tadi, saya menyentuh tentang indeks kepada negara membangun itu menuju kepada perubahan progresif. Setelah dua fakta di atas saya telah sentuh. Saya juga mengambil kira hari ini Tuan Yang di-Pertua latar belakang perkembangan politik dunia, khususnya apa yang dinamakan sebagai kebangkitan ekstremisme dan radikalisme yang juga mendesak kerajaan kita supaya mempunyai komitmen dan sikap yang jelas untuk kita memastikan dasar kesederhanaan atau apa yang diulang sebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu *wasatiyyah*.

Cuma komen saya di sini ialah *wasatiyyah* ataupun kesederhanaan itu mestilah efektif dan bukan sekadar bercakap tentang kesederhanaan. Ini membawa kita kepada masalah yang kita hadapi dalam mengejar, menuju kepada negara membangun. Salah satu indeks yang utama ialah melihat suasana pendemokrasian. Ini saya sebut sebelum ini tidak dapat dilaksanakan melainkan adanya satu kerjasama yang baik dengan pihak *civil society*. Kerajaan harus mempunyai dasar yang mesra *civil society*, di mana salah satu daripada *advocacy* yang kerajaan perlu ambil serius dalam menanganinya bersama iaitu juga di negara kita kebangkitan sikap ekstrem di kalangan penduduk di negara ini merentas semua kaum, bangsa dan agama.

Begitu juga sikap prejudis, yang mana antara lainnya sikap prejudis ini bukan sekadar satu budaya tetapi kadang kali malangnya disusun begitu rupa menjadi satu doktrin sehingga kita menjadi hubungan antara kaum dan galakan kepada lahirnya perkauman sempit itu menjadi-jadi di dalam negara ini. Sebab itu, Malaysia juga antara tersenarai dalam indeks apa yang dikatakan sebagai *social hostility against religion* yang dibuat oleh kajian Pew di *United States of America* yang juga menggambarkan bahawa *social hostility against religion* ini perlu dikawal kerana dalam rangka menuju kepada arah negara maju, kita tidak boleh membiarkan perkara ini terus berleluasa.

Apa yang perlu kita ambil pilihan ialah *social cohesion between religion* iaitu bagaimana mendamaikan hubungan antara agama. Kita juga berdepan dengan apa yang di istilahkan oleh Barat sendiri yang nyatakan adanya *aggressive secularism* pun ada juga.

*Aggressive Secularism* yang menyatakan sekularisme totok yang langsung tidak mahu melihat peranan agama. Begitu juga dengan antiagama yang juga sedang berkembang biak sebagai respons daripada ekstremisme dan juga radikalisme.

Oleh itu saya minta kepada kerajaan supaya sudah sampai masanya kita sebagai negara yang menuju kepada negara membangun iaitu dalam bajet yang disebut ini, apa saja akta yang menyekat ke arah tersebut perlu diberi penilaian semula dan saya mohon untuk berbeza pandangan dengan rakan-rakan di sebelah sana. Akta Hasutan sebenarnya adalah satu akta yang sudah tidak relevan lagi. Dalam rangka kita dalam mengejar negara membangun, saya tidak menyatakan kita tidak memerlukan satu undang-undang tetapi saya menyatakan bahawa perlunya ada di sana keseimbangan antara kebebasan bersuara dan juga perkara-perkara yang boleh menjadikan kebencian antara agama itu wujud.

Oleh kerana itu, sudah sampai masanya bagi kita menangani isu yang sedang berkembang di seluruh dunia, *the rise of extremism, the rise of radicalism* untuk kita mempunyai satu undang-undang yang tegas bagi kita menangani masalah ini di mana kebencian antara kaum, kebencian antara agama mesti dianggap sebagai satu jenayah yang mesti dihukum. Hanya kerana ini sahaja yang kita yakin negara kita ada satu komitmen untuk memelihara hubungan antara agama.

Adapun Akta Hasutan, ia adalah merupakan peninggalan *British*. Antara lainnya dalam undang-undang kita yang mentalitinya adalah mentaliti penjajah dengan orang yang dijajah. Saya rasa setelah kita merdeka berpuluh tahun, kita tidak perlu mentaliti ini. Rakyat Malaysia sudah matang, rakyat Malaysia sudah berkembang pemikirannya. Hubungan antara kaum bukan lagi seperti tahun 50-an ataupun 60-an dan sesiapa sahaja yang cuba merosakkan perjalanan panjang yang dilalui oleh negara ini dengan mencetuskan kebencian agama, kebencian kaum, perlu dikenakan undang-undang dan perlu dianggap sebagai satu jenayah. Hanya cara ini sahaja Malaysia boleh maju. Kita bercakap tentang negara maju, tapi kontrak diknya kita kata perlu Akta Hasutan. Ini satu *contradiction* dalam fahaman sebenar kepada maksud kepada negara yang sudah merdeka dan juga menuju kepada negara maju.

Saya rasa Perdana Menteri telah berucap pada Hari Malaysia tahun 2012 menyatakan perlunya satu undang-undang baru yang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebut iaitu Akta Keharmonian Nasional. Akta ini akan membawa negara kepada satu tahap yang baru. Bukan lagi hasutan tetapi keharmonian dan barang siapa yang mencetuskan keharmonian itu, dialah yang dianggap sebagai penjenayah yang merosakkan kemakmuran dan juga keharmonian dalam negara ini. Masyarakat sivil perlu diberikan peruntukan yang besar dalam mencapai maksud ataupun mencapai hasrat ini supaya cita-cita keharmonian nasional ini boleh kita harungi bersama dan apa saja cita-cita dalam bajet hendak sampai kepada negara maju dan sebagainya lebih mudah kita capai mengikut indikator-indikatornya.

Yang keempat Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Puchong bangun.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Kalau boleh.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Silakan.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih sahabat saya daripada Parit Buntar. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya soalan berkenaan dengan berhubungan dengan apa yang Yang Berhormat sebut tadi, Akta Hasutan.

■1440

Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa walaupun kita sudah ada akta yang digubal untuk tujuan seperti mana Yang Berhormat sebut tadi tetapi apa yang penting kita juga pastikan bahawa siapa yang ada kuasa untuk membuat pendakwaan itu, dia kena adil. Apa yang dia akan lakukan, melaksanakan tugas tanpa mengambil berat sebelah. Seperti mana kita lihat sekarang dengan Peguam Negara yang ada.

Kita lihat ramai sangat yang dituduh melanggar Akta Hasutan tetapi di mana kita lihat kebanyakan daripada mereka daripada pembangkang, NGO-NGO yang menyokong pembangkang dan sebagainya, ahli akademik juga yang menyebut berkenaan dengan pendapat *and opinion*, *professional opinion* berkenaan dengan undang-undang dihulur ke mahkamah dan dipertuduh. Akan tetapi kita lihat ramai, lain yang membawa juga ataupun menyebut perkara-perkara yang cukup serius tetapi dipertuduh.

*That's why* kita ambil satu contoh berkenaan dengan apa yang disebut oleh Ibrahim Ali, Presiden Perkasa. Tidak ada sebarang tindakan di mana beliau menyatakan hendak membakar *Bible* dan sebagainya tetapi tidak ada tindakan. Apa yang lebih menekankan adalah Peguam Negara membawa jawapan itu kepada Dewan Rakyat.

Apabila jawapan Peguam Negara dibaca oleh Menteri, Menteri yang kena kutuk, dikritik berkenaan dengan jawapan itu tetapi kita lihat bagaimana Peguam Negara kita, Tan Sri Ghani Patail duduk diam sahaja, *no response at all. Not prepared to take responsibility for his own answer. So*, apakah pendapat Yang Berhormat bahawa kita perlu undang-undang yang ketat, saya setuju. Akan tetapi apa yang kita perlukan juga adalah orang yang diberikan kuasa pendakwaan itu kena adil dan bertanggungjawab. Kemungkinan Yang Berhormat juga dibawa ke Parlimen supaya beliau dapat dipersoalkan oleh Ahli-ahli Parlimen dan memberi jawapan kepada rakyat Malaysia. Apakah pendapat Yang Berhormat?

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Ya terima kasih kepada Yang Berhormat Puchong yang memang merupakan pejuang kepada mangsa-mangsa Akta Hasutan. Memang menarik kalau kita tengok bagaimana kita hendak menuju kepada negara maju apabila salah seorang daripada mangsa Akta Hasutan. Bukan seseorang tetapi beberapa adalah terdiri daripada golongan ahli akademik. Kalau di dalam negara yang kita kata status negara maju untuk bebas memberikan pandangan, kalau orang akademik pun boleh dalam memberikan pandangan itu dianggap sebagai hasutan, saya tidak tahu apa akan terjadi kepada orang yang bawahan yang tidak tahu apa-apa malah kami Ahli-ahli Parlimen juga terdedah. Jadi saya amat bersetuju dan saya rasa isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puchong tadi ialah antara lainnya tentang *selective persecution* dan juga tanggungjawab Peguam Negara.

Saya ingin menyatakan bahawa apa yang disebut dalam jawapan kononnya salah seorang yang mengugut untuk membakar *Bible* itu adalah tindakan mempertahankan Islam, saya menafikan sekeras-kerasnya kerana Islam tidak pernah mengajar mahupun mengugut mana-mana agama untuk dibakar bahan sucinya. Saya minta maaf, saya tidak mungkin

menerima itu sebagai mewakili pandangan Islam. Mungkin mewakili dia, mungkin. Akan tetapi bukan Islam. Jangan sandarkan dengan Islam dalam hal-hal sedemikian. Terima kasih Yang Berhormat Puchong, saya masuk kepada poin yang keempat iaitu *human development index*. Sebagaimana yang saya kata...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, tolong ringkaskan dan gulung ya.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Terima kasih. *Human development index* ini adalah merupakan satu piawaian yang kita boleh ukur bukan sekadar melihat *economic growth* tetapi juga melihat bagaimana pembangunan manusia itu dijadikan sebahagian daripada usaha untuk menuju- salah satu daripadanya adalah isu hak asasi manusia.

Kita tidak tahu sejauh mana kerajaan telah memastikan isu-isu hak asasi manusia ini menjadi agenda utama untuk diamalkan oleh pihak polis, penguat kuasa dan juga mereka yang terlibat dalam pelaksanaan undang-undang. Begitu juga saya ingin bertanya kepada kerajaan, salah satu ciri negara maju ialah kita bersama dengan masyarakat antarabangsa dan salah satu yang Malaysia belum tandatangani ialah *International Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination (ICERD)*.

Saya faham kita ada *local issues*. Kita ada masalah di negara kita sendiri. Akan tetapi dalam banyak hal negara-negara yang menandangnya *United Nations* memberikan kelonggaran untuk melihat keperluan dalam negara ini. Isunya ialah sudi dan bersedia kah kita untuk bersama masyarakat antarabangsa menandatangani perjanjian ini. Kalau tidak, saya rasa apa yang kita sebut untuk menuju ke arah negara maju tetapi kita masih lagi jauh dalam melihat piawaian itu.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya sampai kepada penghujungnya untuk membuat rumusan. Saya mohon posisi Islam dalam negara kerana Islam ialah Agama Rasmi Persekutuan perlu diberikan suntikan dan makna, memenuhi maksud Islam disampaikan iaitu... *[Bercakap dalam bahasa Arab]* Kita minta kerajaan mengambil dasar... *[Bercakap dalam bahasa Arab]* Ini bahawa apa sahaja dasar yang bertentangan dengan... *[Bercakap dalam bahasa Arab]* Politik rahmat ini mesti disanggah dan mesti ditentang termasuk ekstremisme, rasisme, prejudis mesti ada satu ketegasan dan ini bercanggah dengan Islam sebagai Agama Rasmi Persekutuan dan saya mencadangkan dasar negara rahmat perlu menjadi asas kepada bajet kita kali ini.

Keduanya, akhirnya memperkukuhkan gerakan masyarakat sivil bagi membina jambatan yang baik dengan kerajaan mengeluarkan geran, sokongan kepada program, aktiviti-aktiviti, insentif dan pengiktirafan tokoh-tokoh yang berusaha ke arah itu dan menggarap isu kos bebanan hidup dan tahap keberhutangan dengan pekerja dan pekerja melalui modal ekonomi keterangkuman dan kelestarian.

Jadi bagi mengakhiri seperti mana saya mulakan dengan ayat al-Quran, Tuan Yang di-Pertua saya juga ingin mengakhirinya dengan ayat al-Quran daripada surah Al-Baqarah, ayat 188... *[Membaca sepotong ayat al-Quran]*. "Janganlah kamu memakan harta sesama kamu dengan bakhil lalu kamu merasuhkannya kepada hakim-hakim supaya dengan itu kamu dapat makan, ambil sebahagian daripada harta manusia dengan penuh dosa sedangkan kamu

*mengetahui ianya satu dosa*". Dengan ayat tersebut, Tuan Yang di-Pertua saya mengakhiri ucapan saya bagi Parit Buntar dalam membahaskan Bajet 2015. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Setiawangsa.

#### 2.47 ptg.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** *Bismillahi Rahmani Rahim*. Tuan Yang di-Pertua terima kasih kerana mengizinkan saya mengambil bahagian dalam ucapan perbahasan bajet ini. Tahniah kepada Kerajaan Malaysia kerana telah berjaya mengadakan bajet kesejahteraan bagi menutup tirai Rancangan Malaysia Kesepuluh di mana Rancangan Malaysia Kesebelas akan dilaksanakan pada Mei 2015. Pada saya kerajaan telah mengambil semua yang patut diambil kira contohnya masyarakat berbilang kaum Melayu, Cina, bumiputera dan sebagainya wanita, belia, usahawan dalam menggarap Bajet 2015 ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya bercakap mengenai GST ini. GST ini walaupun telah pun dimaklumkan akan dilakukan pada Bajet 2014 tahun lepas iaitu semasa pembentangan bajet pada tahun 2013 masih lagi ada kekeliruan dan sebagainya. Ini untuk maklumat GST ini telah mula difikirkan kerajaan pada tahun 1983 lagi,. Ini bermakna selepas 32 tahun kemudian berfikir dalam mencari jalan yang terbaik bagi menjalankan sistem GST ini. Maka pada tahun ke-32 barulah kerajaan mengambil keputusan untuk melakukan GST ini pada kadar 6%. Untuk menggantikan sistem SST ini yang telah diperkenalkan pada tahun 1972.

Tuan Yang di-Pertua, yang penting dalam GST ini ialah ke manakah wang yang telah diambil ini pergi sementara GST itu menggantikan SST lebih kepada kutipan itu yang rakyat mahu tahu. Hanya sekadar makluman walaupun ia dinyatakan oleh Yang Berhormat Pekan. Pada tahun 2015, anggaran kutipan kepada GST ini adalah sebanyak RM23.2 bilion di mana RM13.8 bilion itu adalah disebabkan – RM23.2 bilion, RM13.8 bilion telah hilang disebabkan kita telah menukar sistem itu daripada SST kepada GST. Sebanyak RM3.8 bilion lagi hilang disebabkan *exemption* kepada 900 produk yang kita telah wartakan semalam, yang itu sahaja kerajaan telah kehilangan sebanyak RM17.6 bilion ditolak daripada RM23.2 bilion ini bermakna ada lagi lebih RM5.6 bilion. RM5.6 bilion ini pula ke mana perginya? RM4.9 bilion adalah diberikan kepada bentuk BR1M. Tinggal yang efektif, tinggalnya kepada kerajaan hanyalah RM690 juta.

#### ■1450

Apakah kebaikan daripada GST in? Contohnya, tahun depan 300,000 daripada mereka yang sepatutnya membayar cukai, terlepas. Taraf takrifan kepada *tax* dinaikkan kepada RM4,000, BR1M yang dulu RM650, dia naikkan pada RM950. Sebanyak RM450 dinaikkan kepada RM650.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Pencelahan Yang Berhormat Setiawangsa.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Silakan.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Yang Berhormat Setiawangsa memberi angka bagi tahun 2015. Tahun 2015, GST hanya akan bermula daripada April. Jadi, RM23 bilion itu dikutip pada permulaan yang mana pendaftaran syarikat yang masih lagi belum penuh dan bukanlah satu tahun fiskal yang lengkap. Lebih baik jika rakyat dan Dewan diberikan



maklumat bagi tahun 2016, tahun 2017, tahun 2018 atau pun jika kerajaan menaikkan daripada 6% kepada 8% atau 10% atau pun 17% seperti mana di negara-negara lain. Pohon penjelasan daripada Yang Berhormat Setiawangsa.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Terima kasih Yang Berhormat Pandan. Walaupun apa yang dikatakan Yang Berhormat Pandan itu ada asasnya tapi walau bagaimanapun kerajaan dalam mendatangkan kepada RM23 bilion ini ia mestilah mempunyai asas-asas yang telah ditetapkan sebelum ia dibentangkan dalam bajet. Walau bagaimanapun, saya setuju bahawa ia hanya akan dilakukan pada bulan April. Kita menjangkakan- *my assumption is* kerajaan dalam lapan bulan daripada Mei itu akan dapat mengutip sebanyak RM23 bilion ini, *insya-Allah*.

Walaupun bagaimanapun *detail* Yang Berhormat Pandan, pihak kerajaan akan bagi. Akan tetapi apa yang saya hendak cakap ialah wang yang dikutip ini ke mana perginya seperti yang saya cakap itu. Maknanya, yang dikutip itu daripada rakyat untuk rakyat dan kepada rakyat juga akhirnya. Kita bukan macam negeri Selangor, contohnya menyimpan sampai RM3 bilion. Walau bagaimanapun saya mempunyai respek yang tinggi kepada Menteri Besar yang lama yang dapat mengurus tadbir kewangan negeri sehingga dapat menyimpan sebanyak RM3 bilion itu.

Kedua adalah saya ingin pergi ke CGT yang diletakkan sebagai alternatif sementara kepada GST ini di mana telah diberi contoh Amerika Syarikat dan United Kingdom. Contohnya, Amerika Syarikat mengenakan sebanyak 50.8% manakala *United Kingdom* 46.7%. Saya ingin hanya merujuk kepada laman 53, bajet pembangkang ini hanya sepintas saya baca. CGT di Malaysia mengambil kira pelaksanaan terbaik dari seluruh dunia termasuklah kaedah-kaedah menstabilkan kutipan cukai CGT supaya tidak terlalu turun naik seperti yang telah diamalkan di California. Dalam bacaan saya bahawa CGT ini pun tidak berada dalam keadaan tetap. Ia berada dalam keadaan terumbang-ambing, ia akan menjadi sukar untuk kita membuat perbelanjaan negara sekiranya ia berada dalam keadaan tersebut.

Kedua, apabila diletakkan itu di Amerika, di letakkan juga di *United Kingdom* sebagai contoh. Akan tetapi saya hendak baca satu artikel yang keluar di majalah *Spectator* yang saya telah maklumkan semalam. Dalam majalah *Spectator* ini salah satu majalah yang terkenal di *United Kingdom*. Pada bulan Februari tahun 2013 yang lalu melaporkan para pengamal ekonomi di *United Kingdom* telah tersilap langkah dalam meningkatkan kadar CGT dengan meramalkan pendapatan negara mereka akan meningkat dengan lebih banyak hasil kutipan dari pelaburan untuk tahun itu. Jangkaan tersebut tersasar kerana saham jatuh mendadak setelah kenaikan kadar CGT.

*United Kingdom* telah dilaporkan kehilangan hasil kerajaan sebanyak USD2.48 bilion kerana rakyat mereka tidak lagi berminat untuk melakukan pelaburan *security*. Tuan-tuan dan puan-puan serta Tuan Yang di-Pertua, saya tidak rasa CGT ini juga tidak harus dilihat. Akan tetapi untuk dalam keadaan sekarang ini, kita telah membuat keputusan untuk mengadakan GST yang telah kita telah kaji begitu lama dibandingkan dengan CGT ini yang baru difikirkan semula untuk dilakukan. Maka, saya beranggapan bahawa GST ini yang telah kita fikir lama, lebih membawa manfaat kepada negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiga saya ingin menyentuh mengenai rasionalisasi subsidi minyak ini. Tujuan utama rasionalisasi ini kerana ia sudah tidak rasional lagi. Contohnya, subsidi pada tahun 1994 ia hanyalah RM588 million. Akan tetapi pada tahun 2014 subsidi telah meningkat sebanyak RM40.5 bilion untuk RON95, LPG dan diesel. Pada tahun 2002 sebanyak RM1.6 bilion. Pada tahun 2013 sebanyak RM23.5 bilion. Rakyat kita meningkat, kereta kita meningkat.

Contoh, rakyat Malaysia pada dua pagi hari Khamis, 27 Februari 2014, tahun ini, rakyat kita telah meningkat sebanyak 30 juta. Bayi yang lahir pada dua pagi itu, pada 27 hari bulan adalah yang ke-30 juta tahun ini. Rakyat telah meningkat, kalau subsidi ingin ditambahkan lagi ianya terus meningkat, kereta telah meningkat daripada 13.68 bilion pada tahun 2008 kepada 13.6 bilion. Ini menunjukkan peningkatan subsidi ini akan terus meningkat kerana penggunaan meningkat, rakyat meningkat. Saya agak ia akan membebankan lagi *finance* kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pandan ada membawa isu bahawa kutipan kerajaan daripada *import duty, sales tax, car registration* dan sebagainya telah membawa kerajaan mengutip RM17 bilion lebih. Itu satu perkara yang kita tidak sorok. Yang Berhormat Pandan memberitahu kita bahawa ia berada dalam buku ini. So, apa yang saya hendak cakap ialah kutipan itu benar kerana kita tidak ada apa yang hendak sorok. Apa yang lebih penting ialah ke mana wang itu pergi. Wang itu pergi ialah melalui bajet dan semua buku-buku yang kita beri itu. Itu menunjukkan secara *detail* di mana *collection* GST kita ambil, di mana wang-wang daripada kereta atau pun *import duty* kita ambil dan kita bagi kepada rakyat. Tidak ada benda yang ingin disorokkan. Sebanyak RM17 bilion yang dikatakan oleh Yang Berhormat Pandan, saya akui itu adalah salah satu daripada pendapatan kerajaan.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Mencelah ya Yang Berhormat Setiawangsa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Tuan Yang di-Pertua, maknanya Yang Berhormat Setiawangsa bersetuju bahawa setiap tahun secara puratanya rakyat Malaysia membayar lebih cukai kenderaan berbanding daripada menerima subsidi minyak. Jadi, cukup-cukuplah Menteri memberi gambaran bagaimana minyak ini, subsidinya menjadi tanggungan besar kepada kerajaan kerana cukai daripada kenderaan sahaja lebih daripada mencukupi untuk menanggung subsidi.

Jadi, apa masalahnya untuk mengekalkan harga minyak kalau cukai daripada kenderaan sahaja itu sudah mencukupi. Bukan soal sorok atau tidak, soalnya kenapa menyalahkan rakyat kononnya itu punca masalah ekonomi negara kerana subsidi sedangkan kerajaan mencukai ikut cara lain melalui cukai kenderaan yang terlalu tinggi berbanding dengan negara-negara lain.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Terima kasih Yang Berhormat Pandan. Seperti yang saya cakap tadi bahawa RM17 bilion ini adalah salah satu daripada pendapatan kerajaan. Sama ada ia hendak beri cara bagaimana, itu saja persoalannya. Daripada yang tersasar kepada bersasar. Kalau subsidi yang kita berikan sekarang ini adalah seperti macam pukut harimau yang digunakan oleh nelayan. Pukat harimau ini menyebabkan semuanya ditangkap seperti ikan kecil ditangkap, rumput rampai ditangkap sehingga ekosistem laut itu

rosak disebabkan itu. Apa yang kerajaan mahu buat sekarang- ingin lakukan ialah mengambil wang itu daripada rakyat benar. Akan tetapi ke mana akhirnya wang ini pergi, itu lebih penting pada saya.

Saya akui Yang Berhormat Pandan, bahawa kerajaan telah mengutip tetapi yang lebih penting pada saya, akhiran kepada ini, sekali lagi saya mempertahankan bahawa ke mana wang itu pergi. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak pergi ke perkara keempat iaitu mengenai perumahan ini. Saya bimbang kerana kerajaan telah menaikkan isi rumah sehingga RM10,000 untuk membeli rumah pada tahap RM500,000. Saya punya *concern* ialah dalam keadaan keinginan kerajaan untuk membantu rakyat, belia dan sebagainya untuk mendapat rumah, saya takut bahawa pemaju-pemaju ini mengambil kesempatan dengan hanya membuat rumah yang berharga sedemikian walaupun mereka berkebolehan untuk merendahkan harga rumah ini.

#### ■1500

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin petik seorang *developer* ini, dia keluar dalam Rakyat Post pada bulan September, nama dia Datuk Benny Khoo. Dia adalah seorang *Managing Director* Seri Mutiara Development Sdn. Bhd. Kalau orang ini tidak benar saya minta kerajaan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tangkap dia kerana memberi satu *advertisement* ataupun satu penipuan dalam erti kata rumah ini. Ini beliau katakan, nama dia Datuk Benny Khoo, nama syarikat dia Syarikat Mutiara Development Sdn. Bhd. Dia *claimed*, "*It is possible to develop* rumah *double storey*" ini pada harga RM400,000 dalam Greater KL. Apakah Greater KL ini Tuan Yang di-Pertua? Greater KL ini termasuk Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Putrajaya, Shah Alam, Majlis Perbandaran Petaling Jaya, Klang, Kajang, MPSJ, Subang Jaya, Selayang, MPAJ, Sepang.

Saya cukup hairan bahawa beliau mengatakan masih berkebolehan melakukan rumah dua tingkat pada kadar RM350,000 hingga RM380,000. Seterusnya memberitahu harga-harga kepada barang untuk membuat rumah ini telah turun semenjak setahun yang lepas. Contohnya besi. Beliau mengatakan bahawa harga besi telah turun sebanyak setengah daripada satu tahun yang lepas. Ini saya khawatir bahawa kerajaan mestilah berhati-hati dalam keinginan untuk membantu rakyat juga mesti memantau bahawa mereka tidak mengambil kesempatan disebabkan kerajaan telah menaikkan kepada RM500,000 ini. Akan tetapi saya masih menekankan bahawa kerajaan mesti melakukan sesuatu untuk mengurangkan harga rumah ini kepada RM300,000 ke bawah. Dengan membekukan semua harta atau tanah-tanah kerajaan untuk maksud pembinaan rumah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya cukup bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Titiwangsa. Dengan mengatakan bahawa dilihat semula bagaimana cara untuk membantu belia ini untuk membayar bulanan rumah ini. Beliau memberi pandangan supaya EPF ini yang 11% dibayar oleh *employee* dan 13% lagi oleh *employer* boleh digunakan sebagai pembayaran kepada rumah ini, bulanan rumah ini.

Saya hendak tambah sedikit lagi kepada apa yang mahu, cadangan Yang Berhormat Titiwangsa ini. Satu lagi ialah mengenai ASB *loan* ini. Kebanyakan belia yang saya tahu juga mengambil ASB *loan*, ada yang ambil RM100,000, RM150,000 dan RM200,000. Saya ingin mencadangkan kepada bank-bank, kepada kerajaan untuk dibawa kepada bank-bank ini.

Supaya mereka ini berkebolehan untuk membayar *bullet payment* dalam erti kata mereka dibenarkan, disebabkan mereka sudah bayar sedikit rumah untuk mengurangkan lagi bebanan ini. Saya ingin mencadangkan supaya dividen yang mereka dapat daripada ASB ini, yang saya tengok dari tahun 1990, dari tahun 2000 hingga tahun 2013 tidak pernah jatuh ke bawah daripada RM700. Itu dividen belum masuk bonus.

Apa saya hendak cakap ialah mereka dikecualikan daripada membayar bulanan kepada rumah ini. Akan tetapi sebaik sahaja menerima dividen ini pada Januari tahun berikutnya mereka bolehlah membayar satu tahun yang mereka tidak bayar ini. Walau bagaimanapun, saya sedar bahawa bank mahu juga dibayar tiap-tiap bulan. Akan tetapi bank boleh mengambil perkiraan berapa lama yang tidak dibayar akhirnya dividen ASB ini yang dibayar secara *consistently* tinggi boleh digunakan untuk membayar kepada pinjaman *loan* ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara ialah tentang perumahan ini. Saya tahu bahawa ada kekangan untuk membina rumah yang murah kerana harga tanah yang cukup tinggi di Wilayah Persekutuan ini. Saya ingin mencadangkan kepada kerajaan setelah saya melihat bahawa perbelanjaan yang besar dibuat kepada MRT. Satu, saya agak sekitar RM20 bilion. Hendak dibuat lagi MRT2 dianggarkan MRT1 dengan jajaran 130 kilometer RM20 bilion lebih. Untuk MRT2 dengan jajaran yang lebih kurang sama adalah pada RM20 bilion lebih juga.

Saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya memikirkan mekanisme supaya dapat dilakukan 'transportasi' begini rupa tidak lagi *diconcentrate* di dalam bandar tetapi dijauhkan lagi laluan jajaran ke luar bandar. Contohnya ke Bukit Beruntung atau luar Kuala Lumpur ini yang akan menyebabkan tanah-tanah ini dibangunkan dengan harga yang boleh murah. Supaya mereka boleh *commit* satu jam hatta pun jauh tetapi boleh *commit* daripada tempat yang jauh ini ke bandar. Dengan dapat dilakukan kerana tanah-tanah di luar bandar ini murah. Saya minta kerajaan untuk memikirkan ke arah itu.

Seterusnya REHDA, Persatuan Perumahan mengatakan bahawa disebabkan GST ini akan ada kenaikan sebanyak 3% hingga 4% kepada harga rumah. Saya ingin mencadangkan kepada kerajaan bagi maksud membina rumah mampu milik ini, maka semua alat-alat yang kena mengena dalam membina GST ini mestilah dikosongkan atau *exemptkan* supaya rumah ini dapat dipertahankan pada harga yang mampu dimiliki oleh rakyat. Supaya ianya tidak terlalu tinggi untuk diambil untuk dibeli oleh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, ada dua perkara lagi. Lagi satu ialah tentang PLKN. Saya difahamkan mungkin diadakan jenama semula ataupun dilihat semula. Tuan Yang di-Pertua, dalam sekarang ini kita budak-budak yang keluar daripada PLKN ini sebanyak- keluar daripada Tingkatan 5 ini sebanyak 450,000 orang hingga 500,000 orang. Tidak mungkin semua tempat-tempat yang ada sekarang ini boleh menampung 500,000 orang ini. Ini bermakna mereka yang masuk PLKN ini atau tidak, tidak, tidak membawa *value* yang tinggi kerana ianya bukan satu perkara yang mesti dilakukan seperti mana di Singapura.

Oleh itu saya ingin mencadangkan kerajaan supaya memasukkan kokurikulum PLKN ini untuk dihabiskan semasa mereka di sekolah menengah. Ini yang mana selepas mereka habis Tingkatan 5 maka semua kurikulum-kurikulum yang ada dalam PLKN ini dapat diselesaikan. Ini bermakna tidak siapa pun yang terlepas daripada menjalankan khidmat

negara ini. Walaupun ianya berbelanja besar tetapi ianya lebih menyeluruh. Saya minta dipertimbangkan.

Akhir sekali mengenai tangga gaji Ahli Parlimen yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Secara dasarnya saya boleh bersetuju. Akan tetapi saya ingin cadangkan supaya gaji wakil rakyat ini tidak diletakkan dalam sistem kerajaan seolah-olah kita ini juga adalah pentadbir kerajaan [*Tepuk*] Saya ingin mencadangkan supaya diletakkan dalam Parlimen. Contohnya sekarang saya baca seolah-olah kita meletakkan JUSA C.

Dalam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ini Tuan Yang di-Pertua, JUSA C ini adalah *Head of Department*. Bagaimana kita sebagai pembuat dasar, bukan saya hendak membezakan antara pangkat tetapi kadang-kadang dalam kedudukan kerajaan ini apabila kita hendak bercakap kita mestilah berada dalam kedudukan yang selesa untuk bercakap dalam kedudukan yang lebih tinggi sedikit. Akan tetapi kalau setakat kita pergi ke tempat kerajaan JUSA C ini hanyalah *Head of Department*.

Kita yang menggubal undang-undang ini mestilah diletakkan di tempat yang sedikit berbeza. Bukan berbeza untuk menunjukkan dua darjat, tidak ada keinginan pun langsung. Oleh itu kita letakkan dalam Parlimen, letakkanlah apa nama dia. 'SUA A' kah, apa nama sekali pun tetapi ia mesti diletakkan *properly*. Kepada Dewan yang mulia ini dipanggil Dewan mulia. Kita berada di tempat yang mulia. Maka saya minta kerajaan mempertimbangkan supaya diletakkan di tempat yang sepatutnya. Dengan itu saya mohon mencadangkan. Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Kedah. Lepas Yang Berhormat Kuala Kedah, Yang Berhormat Sekijang.

■1510

3.10 ptg.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk bersama membahaskan Belanjawan ataupun Bajet 2015.

Saya akan bercakap lebih sedikit khusus kepada Kementerian Kesihatan sebagai suatu bidang, satu kementerian yang fokus yang diletakkan kepadanya iaitu salah satu daripada amanah yang diberikan kepada saya yang dekat dengan hati saya juga.

Saya pertama sekali akan menyatakan bahawa Bajet ini memang menyediakan peruntukan yang agak mengecewakan bagi sesiapa sahaja yang telah mengikuti perkembangan bajet di Kementerian Kesihatan. Nampaknya, itu salah satu daripada sifat ataupun *features* bajet Yang Amat Berhormat Pekan sejak beliau menjadi Perdana Menteri.

Tahun 2011 misalannya, peruntukan bagi pembangunan bagi Kementerian Kesihatan ialah RM1.958 bilion; tahun 2012 turun menjadi RM1.785 bilion; tahun 2013 menjadi RM1.71 bilion; tahun 2014 turun lagi kepada RM1.662 bilion; dan tahun 2015 menjadi RM1.598 bilion. Jadi penyusutan berbanding dengan tahun lepas, 3.58%.

Ini bagi saya adalah suatu yang malang kerana kesihatan adalah satu aset yang penting. Kalau kita sihat, kita boleh buat berbagai-bagai benda. Rakyat yang sihat, maka negaranya yang lebih sempurna, negara juga 'sihat'. Akan tetapi kalau rakyat sakit, rakyat tidak produktif dan tidak dapat menyumbang kepada negara, itu sangat malang.

Jadi saya tidak faham rasionalnya dikurangkan dana pembangunan setiap tahun sejak Yang Amat Berhormat Pekan menjadi Perdana Menteri bagi Kementerian Kesihatan. Pembangunan sangat penting, pengurusan juga penting tetapi perbezaan di antara pengurusan dengan pembangunan itu sangat besar bagi bajet ini.

Kalau kita lihat juga kalau berdasarkan *figure* terakhir yang saya dapat, tahun 2012, dana untuk pembangunan bagi Kementerian Kesihatan hanyalah 3.9% daripada KDNK negara kita, dan walaupun tidak ada *figure* yang boleh kita sebut sebagai autoritatif, mesti diikuti, tetapi bagi saya, apa yang disyorkan oleh Persatuan Persekutuan Pengamal Perubatan Swasta Malaysia yang memohon supaya bajet untuk kesihatan diberikan sekadar 6% atau 7% KDNK itu adalah agak munasabah.

Jadi itu sangat-sangat kita sedih kerana kalau hendak dibandingkan pengurusan dengan pembangunan bagi Bajet 2015 ini, pembangunan hanya dapat 3.36% iaitu RM1.598 bilion daripada RM47.469 bilion dana pembangunan keseluruhan bajet. Pada saya, ini sangat tragik kerana negara kita Tuan Yang di-Pertua... Bagi semua negara, indikator kesihatan itu sangat penting.

Di negara kita mempunyai beberapa masalah kesihatan awam terutamanya yang perlu kita bagi perhatian khusus. Kalau kita tidak bagi perhatian khusus, penekanan khusus, maka dia jadi *business as usual*, dengan izin. *Business as usual* bagi Kementerian Kesihatan, sekarang doktor juga kena *clock in* datang, *punch in*, dan sampai masanya pulang dan masalahnya tidak selesai.

Denggi contohnya, saya ingin sebut di sini, salah satu daripada masalah kesihatan awam yang sangat menonjol dan meresahkan sebahagian besar rakyat. Daripada Januari hingga September 2014, kita ada 74,335 kes denggi dan dari situ kita ada 143 kematian. Ini suatu yang sangat tragik. Kita faham bahawa denggi adalah satu perkara yang berlaku merata-rata tempat di dunia dan yang berlaku ledakan sekarang ialah yang juga disebabkan oleh perubahan mutasi pada virus. Kita tidak salahkan semua. Itu kita tidak boleh buat apa-apa.

Akan tetapi macam yang disebut oleh bijak pandai, *we cannot control the weather*, dengan izin, *but we can adjust our sail*. Kita tidak dapat mempengaruhi cuaca, mengawal cuaca tetapi kita boleh memperbetulkan layar kita. Kita patutnya mengambil iktibar, mengambil peluang daripada wabak denggi ini kerana juga disebut oleh bijak pandai, "*In any adversity, there is always an opportunity*". Itu yang disebut oleh pepatah lama Cina, dengan izin. Dalam mana-mana kesukaran dan kesusahan, sentiasa ada peluang kalau kita dapat mencari.

Pada saya, wabak denggi ini bila jadi di negara Malaysia dan meresahkan sebahagian besar rakyat, patutnya kita memberikan satu dana khusus yang besar, yang cukup untuk kita menjalankan *research*, penyelidikan yang cukup mantap dan kita jadi tempat rujukan denggi di seluruh dunia. Apakah halangan kita? Rakyat kita sudah kena banyak yang demam, hilang produktiviti, yang mati dan kita ada pakar-pakar perubatan. Sekarang kita ada *medical school*, kolej perubatan yang begitu banyak sekali. Universiti, hospital- Hospital Kuala Lumpur terkenal

buat *research*, *Institute for Medical Research* (IMR), Kuala Lumpur. Apa salahnya kalau kita berikan dana, kita kumpulkan pakar-pakar dan kita jadi tempat rujukan?

Awal tahun 80-an dan kemudiannya ketika saya mula-mula jadi doktor, kita banyak belajar tentang penyakit *melioidosis* misalnya. *Melioidosis* dari Thailand. Di Thailand ada penyakit itu dan kita juga ada, tetapi Thailand membuat *research* dan penyelidikan bersungguh-sungguh dengan Amerika, maka mereka menjadi *world leader*. Kita pergi belajar di sana.

Sekarang denggi, patutnya orang datang belajar di sini. Itu patut kita gunakan. Apa yang kita beri sekarang ialah RM30 juta untuk pengesanan awal. Saya tidak mengatakan itu tidak baik tetapi itu tidak cukup baik. Kita kesan awal mengelakkan komplikasi. Bila orang demam, tidak dapat pergi kerja, orang demam terganggu, Ahli Parlimen tidak dapat datang Parlimen misalannya, justeru akan mengganggu. Kalau kita dapat cegah terus.

Sekarang kita ada langkah-langkah mencegah, mengawal denggi, merawat denggi tetapi tidak ada yang cukup baik dan kita tidak buat *research* yang cukup. Misalannya, vaksin denggi, tentang vaksin denggi. Vaksin denggi sekarang yang *reading* nya dalam *research*, dalam penyelidikan tentang vaksin denggi adalah beberapa *big pharma*. Syarikat farmaseutikal yang besar di dunia, Sanofi Pasteur di hadapan sekali, kemudian ada beberapa syarikat Amerika dan Jepun, dan daripada Jepun, Takeda.

Apa yang menjengkelkan saya ialah, Sanofi Pasteur misalannya, dia ada kerjasama dengan Singapura, dia ada kerjasama dengan Thailand, dia ada kerjasama dengan Filipina, dia ada kerjasama dengan Vietnam. Di Vietnam, dia ada *Pasteur Institute* di Ho Chi Minh City. Mereka bekerjasama untuk menghasilkan vaksin denggi. Kenapa tidak ada kerjasama dengan Malaysia? Kenapa kita tidak ambil peluang? Kalau tidak dapat dengan Sanofi misalannya, ada syarikat Jepun, juga *pharmaceutical giant* yang bernama Takeda, kenapa kita tidak ada kerjasama dengan mereka? Kalau kita membuat kerjasama, pelaburan tadi, kita juga dapat memberikan latihan dan juga pendedahan kepada saintis-saintis kita.

Sedikit masa dahulu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon penjelasan daripada kementerian yang berkenaan, ada ura-ura bahawa kita menubuhkan satu badan organisasi khusus untuk menghasilkan vaksin, kerjasama dengan Cuba. Akan tetapi sekarang saya cuba *Google* dan cari, tidak ada banyak maklumat. Kenapa kita tidak berusaha menggunakan- dulu untuk hepatitis B vaksin, seingat saya yang halal terutamanya dan vaksin denggi di mana, di mana institut tadi? Kita juga telah melaburkan sejumlah wang yang juga berbilion. Saya harap Menteri yang berkenaan... Saya rasa kalau tidak silap saya di bawah projek Kementerian Kewangan, jadi ada penjelasan tentang apa yang berlaku.

Dalam denggi ini, kita patut terlibat *at the forefront*, di hadapan, barisan hadapan, berusaha mencari vaksin denggi misalannya. So, dunia belajar daripada kita. Kalau di New York, mereka hendak membuat uji kaji dan apa itu, mereka ada masalah kesukaran kerana kes dengginya tidak banyak. Sekali sekala sahaja ada yang tersesat. Kita ada beratus-ratus, beribu-ribu, kematian pun ada.

Misalannya satu lagi usaha di hadapan denggi oleh negara serantau yang agak sensitif kalau saya hendak sebut tetapi terpaksa sebut, Singapura. Singapura, *Singapore General Hospital* misalannya, bekerjasama dengan *Duke-National University of Singapore Graduate*

*Medical School*, telah menghasilkan, mengenal pasti satu *anti-viral*, satu ubat yang anti-virus, virus denggi yang diberi nama *Celgosivir* yang merupakan daripada pokok *Moreton Bay Chestnut*, pokok berangan. Dihasilkan *Celgosivir* dan sekarang dalam peringkat ujian, *clinical trial* dan lain-lain lagi.

Kalau Singapura boleh melakukannya di sini kerjasama dengan satu badan gergasi antarabangsa dan ahli-ahli akademik yang terlibat dalam perubatan yang dianggap mutunya tinggi, *top medical institution*, kenapa kita tidak boleh cari? Melabur tidak banyak wangnya berbanding dengan pelaburan-pelaburan lain yang kita buat yang tidak memberikan banyak pulangan kepada kita.

#### ■1520

Daun betik misalannya sebagai contoh disebut sekarang oleh IMR dan hospital kita dan diberikan edaran bahawa daun betik boleh digunakan untuk merawat denggi iaitu meningkatkan jumlah *platelet*. Akan tetapi benda ini bukan baru. Telah lama digunakan malahan daun betik ialah salah satu komponen penting jamu. Jadi kenapa kita tidak buat penyelidikan yang cukup mantap. Malahan bila daun betik itu disebut penyelidikan yang dibuat oleh *Asian Institute of Medical Science and Technology* (AIMST) di Bedong, Kedah. Bukan kerajaan tetapi swasta. Kenapa kita tidak buat penyelidikan dengan *detail* yang sainsnya mantap melihat adakah klorofilnya sahaljanya atau ada bahan lain dalam daun betik tadi yang menjadi *active ingredient* atau bahan aktif dan ini kita boleh manfaatkan dan kita boleh ke depan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan bahawa ini satu peluang yang terlepas. Kita sudah ada penyakit denggi itu jadi sepatutnya kita menjadi negara yang ke hadapan. Akhirnya orang belajar daripada kita dan kita boleh menjana pendapatan daripada orang datang belajar daripada kita. Kaedah pencegahan juga sekian lama kita sebut tentang menyuruh orang ramai membersihkan rumah, mencari larva, memusnahkan tempat-tempat larva membiak tetapi ada kaedah-kaedah yang kita juga telah cuba serba sedikit dan kita tidak tahu hujung pangkal, apa kesimpulannya.

*Bio-insecticide* misalnya, menghapuskan larva pakai bakteria yang dibuat di beberapa negara tetapi saya tidak lihat satu kajian ilmiah yang mantap di negara kita. Bakteria yang digunakan ialah *Bacillus thuringiensis israelensis* (Bti) dan banyak negara lain buat kajian. Kita yang kena banyak denggi tetapi kita tidak ada buat kajian yang mantap sedangkan kita terkena denggi dan kita ada kes-kesnya. Kita ada banyak nyamuk dan larva untuk dicuba. Jika kontrol kita juga sekarang junior menyebut *genetic biological control*. Begitu juga kita bercakap secara *superficial*. Kulit sahaja.

Sebenarnya kalau kita sediakan dana yang cukup, kita ada saintis yang cukup, hospital dan pakar-pakar yang cukup, penyelidik yang cukup, maka *insya-Allah* kita boleh majukan ke peringkat yang maju semaju-majunya dan akhirnya walaupun kita dapat mengatasi masalah denggi, walaupun kita diserang denggi, tetapi akhirnya kita juga dapat mengeksport benda yang kita dapati tadi untuk kebaikan seluruh dunia, manusia seluruhnya dan juga kita dapat kebaikan dan keuntungan. Itu satu perkara yang saya rasa yang kita tertinggal.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sungai Petani bangun.



**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Ya, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Kuala Kedah, saya rasa Yang Berhormat Kuala Kedah banyak memperkatakan tentang denggi dan saya rasa maklumat-maklumat yang telah pun diberikan oleh Yang Berhormat Kuala Kedah itu memang memberikan manfaat kalau betul-betul digunakan oleh kementerian dan kerajaan untuk menyelesaikan masalah yang sekian lama kita ada. Cumanya, sama ada kerajaan meletakkan itu sebagai *priority* ataupun tidak.

Soalan yang saya hendak ajukan kepada Yang Berhormat Kuala Kedah ialah bukan sahaja soal denggi tetapi juga kadang-kadang kita tengok paradoks. Dalam keadaan kita hendak lihat rakyat kita sihat tetapi kita tengok banyak di kawasan-kawasan perumahan khususnya dalam bandar dan separuh bandar, tempat untuk *exercise* pun tidak ada. Padang-padang yang sepatutnya dijadikan tempat riadah pun tidak ada. Di bandar, separuh bandar tengok banyak kawasan-kawasan yang tidak disediakan peralatan-peralatan ataupun *facilities* ini untuk rakyat sendiri mengambil bahagian dan ini akhirnya menyebabkan bila berpenyakit, kita pergi hospital. Berpenyakit, kita pergi hospital sedangkan penyakit itu boleh diselesaikan sebelum dia sakit maknanya kalau rakyat mengamalkan kehidupan yang lebih sihat. Jadi apa pandangan Yang Berhormat Kuala Kedah tentang hal ini?

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Saya sangat bersetuju dengan apa yang beliau sebut tadi tentang pencegahan tetapi kebetulan saya tidak sebut kerana sudah banyak kali saya berucap tentang pencegahan penyakit kronik sehingga saya rasa itu topik yang telah diulang banyak kali. Akan tetapi nampaknya kita kena ulang banyak kali baru ada kesan.

Cuma, saya hendak memaklumkan bahawa memang betul yang disebut oleh Yang Berhormat Sungai Petani tadi. Saya melihat dalam praktis saya, orang berumur 31 tahun kena serangan sakit jantung sekarang dan kebetulan di Kedah, kita mendapat berita sedih. Bekas Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri Kedah, Ustaz 'Izzat Shauki meninggal di usia 34 tahun kerana strok. Jadi itu adalah rentetan daripada kegagalan kita menggunakan dana dan kepakaran untuk membuat rawatan pencegahan yang berkesan. Pencegahan untuk penyakit kronik lagilah banyak masalah yang tidak diselesaikan dan tidak dilakukan dengan berkesan. Saya berharap supaya dalam bajet yang akan datang misalnya kita dapat meningkatkan dana untuk pembangunan dan kita betul-betul *target* atau kita sasarkan kepada masalah-masalah kesihatan yang utama.

Saya sebut denggi tadi, kebetulan Tuan Yang di-Pertua, bukanlah sengaja hendak denggi atau teringat denggi. Tidak tetapi di luar negara, Malaysia kebetulan dikaitkan dengan denggi. Hendak datang ke Malaysia itu di ibarat misalnya. Baru-baru ini saya ke Amerika, misalnya diberikan peringatan akan pergi ke satu tempat yang banyak nyamuk yang akan kena penyakit demam macam hendak pergi ke hulu Afrika mana. Hendak pergi ke hulu Amazon misalnya. Itu satu perkara yang tidak baik untuk imej Malaysia kerana kita negara yang hendak maju dan bukan kita ke belakang. Memanglah denggi berlaku merata-rata tetapi imej itu berlaku antaranya ialah kerana kegagalan kita mengawal benda ini daripada jadi sebegitu luas, begitu banyak dan dalam masa yang sama bukan sahaja banyak kes tetapi kita juga tidak

secara aktif menunjukkan kita melakukan sesuatu untuk mengatasi masalah tadi. Itu tentang Kementerian Kesihatan.

Saya juga hendak sebut sedikit benda yang perlu saya sebut di kawasan saya kerana kawasan saya laut. Kuala Kedah ialah pelabuhan ikan. Saya hendak bercakap tentang satu isu yang saya rasa sangat penting tentang laut iaitu pemulihan laut. Laut ialah tempat dihasilkan dan kita dapat sumber omega 3 kita yang sangat penting. Tidak dinafikan bahawa hasil tangkapan semakin kurang dan semakin kecil. Saya hendak cerita pengalaman saya dengan orang di satu tempat di kawasan saya iaitu bandar Kuala Kangkung dalam bulan Januari lepas. Dialog di situ kita dapat tahu bahawa hasil tangkapan berkurangan, ikan sukar didapati dan berbagai-bagai masalah. Akhirnya perbincangan itu memutuskan kita buat apa yang dipanggil tuas. Orang di sana panggil unjang. Istilah Kedah ialah unjang. Dibuat daripada batang kelapa dan ditegakkan di laut supaya ikan boleh membiak. Maka itu kita lakukan dengan dana yang dikutip daripada orang kampung, derma dan lain-lain lagi. Saya juga turut menyumbang dan kita letakkan di laut.

Baru-baru ini kita hendak menuai hasilnya. Bila nelayan Kuala Kangkung pergi, tidak ada apa yang tinggal. Habis semua. Rupa-rupanya malam itu, ikan sudah cukup banyak, pukut tunda datang. *Trawler* datang sapu habis. Ini masalah yang berlaku berulang-ulang. Pencerobohan kawasan oleh pukut tunda ini berlaku berulang-ulang. Baru-baru ini pada sesi yang lepas kita ada pengusaha-pengusaha pukut tunda datang. Mereka juga beritahu. Mereka juga mahu laut dikekalkan, dibaiki tetapi mereka kata, *the repeat offender*, dengan izin, pukut tunda yang menceroboh kawasan berkali-kali tidak dilihat, diambil tindakan kepada mereka. Ini datang dan sapu bersih habis. Habis. Usaha orang kampung berbulan-bulan habis langsung.

Tuan Yang di-Pertua, ini berlaku antaranya ialah kerana saya rasa kelemahan penguatkuasaan oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM). Saya tidak mengatakan APMM membuat kerja yang sangat teruk. Tidak. Dia ada ramai dalam APMM itu yang baik, yang profesional tetapi mereka juga mungkin kurang anggota, mereka juga mungkin kurang bot, kurang *vessel*, kurang peralatan atau aset. Maka saya mengesyorkan supaya diberikan aset, diberikan peralatan tadi kepada mereka yang secukupnya. Akan tetapi dalam masa yang sama, salah satu perkara pokok yang APMM kena buat ialah selain daripada mengawal bot penceroboh kawasan tadi ialah juga penyeludupan diesel. Penyeludupan diesel ini berlaku dengan cara yang tidak lagi begitu sembunyi-sembunyi. *It's not a big secret anymore*, dengan izin. Orang tahu siapa yang buat, bot mana yang buat begitu tetapi itu terus berlaku. Ini kerapnya bila kita bincang dengan orang ramai, maka disebut bahawa kemungkinan berlaku rasuah dalam jabatan-jabatan lain. Jabatan Laut misalnya, APMM sendiri juga.

#### ■ 1530

Maka saya mengesyorkan supaya kita dapat mengadakan juga menambahkan pegawai-pegawai SPRM yang bukan sahaja *professionally trained* tetapi juga profesion tindakannya bersama dengan APMM misalnya. Agensi-agensi yang mengawal di laut sana, yang mengawal pergerakan bot dan lain-lain lagi. Kita kena fikirkan supaya daripada aspek rasuah tadi, sudut korupsi tadi supaya agensi ini lebih menyengat, lebih berbisa sengatnya. Ini

sebab berlaku besar. Disebutkan pada saya besar. Masa sebelum saya bercakap tadi juga saya dapat mesej daripada nelayan.

Dia kata bukan sahaja penjualan diesel itu berlaku tanpa rahsia, tidak ada pengawasan akan tetapi banyak juga bot yang datang ambil diesel di sini *park* di Thailand. Botnya *parking* di Thailand, dieselnnya ambil di Malaysia. Jadi benda-benda ini boleh diselesaikan kalau ada profesionalisme yang cukup satu, pegawai yang cukup, dua dan juga kerjasama yang cukup dengan agensi tadi. Akan tetapi kalau ada pegawai SPRM bersama dengan agensi-agensi ini saya rasa dia akan lebih berkesan. Itu satu perkara yang kena hendak disebutkan.

Dalam masa yang sama saya ingin menyebut juga tentang laut. Apa yang disebut oleh seorang penyelidik laut bernama Paul Greenberg dalam buku, "*Four Fish*". Dia menulis tentang isu-isu perikanan. Dalam buku *Four Fish*, Paul Greenberg menyatakan satu-satunya cara untuk memulihkan laut, stok ikan di laut, hidupan laut yang berkesan ialah ditiadakan aktiviti menangkap ikan atau hidupan laut bagi sesuatu masa tertentu, empat, lima tahun misalannya. Maka ikan-ikan yang pupus tiba-tiba muncul balik benih-benihnya. Tidak ada langsung.

Walaupun idea itu saya sebut pada nelayan di Kuala Kedah mereka berpandangan bahawa laut kita terlampau kecil kawasannya, wilayahnya terlampau kecil, tidak mungkin kita dapat dan praktikal untuk kita membuat benda tadi. Kita tiadakan aktiviti menangkap ikan. Akan tetapi saya rasa kementerian punya bijak pandai dan kita boleh tolong buat dasar yang baik, kita boleh sokong dasar yang baik. Kalau kita boleh buat misalannya zon-zon tertentu, buat beberapa lama tidak ada aktiviti menangkap, tangkap di tempat lain. Segala sara nelayan tadi diberikan dalam bentuk lain, diberikan *cash* yang lain dan dibawa nelayan itu ke tempat lain, misalannya kalau boleh kita fikirkan.

Saya mendapat juga sedikit *encouragement*, dengan izin, apabila saya bercakap dengan nelayan-nelayan tua, mereka beritahu bahawa sesetengah ikan yang pupus di kawasan ini apabila mereka tidak pergi tangkap di tempat itu sekian lama tiba-tiba muncul balik. Misalannya ada di Kuala Kedah telah hapus, pupus langsung ikan terubuk, tetapi bila ada tempat tertentu yang mereka tidak pergi lama-lama apabila pergi ada anak terubuk dilihat dan juga apabila bot pukut tunda tidak datang. Jadi pengawalan pukut tunda tadi boleh kita lakukan, akan tetapi kita juga padukan, kita *integrate* dengan izin, dengan usaha kita mengawal pukut tunda tadi dengan kita memulihkan laut. Kita tiadakan aktiviti perikanan tadi.

Dalam buku *Four Fish* oleh Paul Greenberg juga disebut dengan jelas pengalaman Amerika. Saya mengesyorkan supaya kita turut sama memanfaatkan maklumat itu supaya dapat kita pulihkan laut kita. Ini kerana kalau kita bergantung kepada ikan pemeliharaan, ikan belaan itu satu yang merugikan dari segi kesihatan. Ikan belaan kandungan nutrisinya tidak akan sama dengan ikan liar. Omega 3nya tidak akan sama dengan ikan liar. Sama sekali rasanya juga berbeza, tetapi yang paling penting ialah dia tidak dapat menjadi sumber Omega 3. Cuma sumber protein biasa sahaja. Itu sangat malang sekali.

Kita punya Semenanjung di kelilingi laut kalau kita punya dasar yang baik, pelaksanaan yang baik maka kita dapat memelihara keunikan dan juga kekayaan hasil laut kita, itu sangat baik untuk generasi yang akan datang kita tinggalkan. Sekurang-kurangnya kalau daripada Parlimen ini dasar-dasar yang kita buat menyebabkan anak cucu kita lagi 50

tahun yang akan datang dapat menikmati hasil lautnya itu, itu satu yang boleh kita banggakan walaupun kita tidak ada lagi pada waktu itu.

Tuan Yang di-Pertua sebagai satu permintaan akhir sebelum saya mengakhiri, saya menyebut di sini tentang satu soalan saya kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar tahun lepas, kelihatan remeh tetapi sangat penting di kawasan saya. Ada satu tempat bernama Kampung Seberang Titi Gajah dan Alor Madi. Tempat itu ialah tempat yang dulunya pernah merupakan satu tempat yang pernah menjadi sebahagian ibu kota negeri Kedah ketika Kedah diperintah dijajah oleh Siam. Itu sebahagian ibu kota di Padang Jahana tempatnya. Tempat itu jadi terpisah, terasing kerana dengan pembangunan dan jalan dibuat di seberang sini, ia di sebelah sana sungai. Malangnya ia dihubungkan dengan orang-orang kampung menggunakan sampan atau perahu.

Pada abad 21 tahun 2014 masih menggunakan perahu untuk berulang alik menyeberangi sungai, itu satu yang sangat malang. Kebetulan kampung-kampung ini di belakang rumah bekas Perdana Menteri kita Tun Dr. Mahathir. Tidaklah berkaitan dengan Tun Dr. Mahathir tetapi maksudnya seolah-olah sangat berbeza. Seberang sini sangat maju seberang sana terus *gloomy*, tidak boleh maju, tidak boleh apa, tanahnya tidak berharga kerana terpaksa menggunakan sampan dan perahu yang ada ramai orang sekarang ini rasa ngeri hendak naik sampan, kadang-kadang bila airnya banjir.

Jadi berpuluh-puluh tahun dahulu telah diputuskan untuk membina jambatan dan pengambilan tanahnya telah dibuat. Macam juga *airport* Kota Bharu, pengambilan tanahnya telah selesai lama sudah. Orang-orang tuan tanah itu pun telah mengambil wang dan telah meninggal lama, habis tidak ada dah. Akan tetapi sampai hari ini tidak dibuat jambatan. Saya berikan soalan kepada Menteri yang berkenaan dari Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar tahun lepas, jawapannya ialah menunggu bajet tahun 2015. Jadi saya berharap di sini rekodnya di sini bahawa jambatan itu akhirnya akan menjadi realiti. Tidak mahal pun dan bukannya satu yang sangat-sangat susah dibina. Bukan sofistikated macam mana pun, tidak, *simple* jambatan. Akan tetapi itu akan merencanakan pertumbuhan ekonomi dan menghidupkan balik tempat bersejarah Kedah. Di situ ada masjid yang beratus tahun. Tidak ada manusia lagi, tidak diketahui di mana, siapa orang dulu. Itu tempat peperangan dengan Siam, Aceh dan lain-lain lagi. Sejarah Kedah ialah sejarah sungai.

Jadi saya mengakhiri dengan ucap terima kasih banyak kerana peluang yang diberi dan semoga kita bersama-sama mendapat kebaikan dan dapat memperbaiki sekurang-kurangnya implementasi apa yang kita putuskan di sini dan supaya *insya-Allah* walaupun tidak ada dana yang khusus yang banyak akan tetapi kita dapat menjalankan program denggi dan lain-lain itu dengan baik dan dapat kita perbetulkan di masa depan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sekijang.

### 3.37 ptg.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk bersama-sama menyertai perbahasan Rang

Undang-undang Perbekalan 2015 ini. Minggu yang lalu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun membentangkan Bajet 2015 yang merangkumi pelbagai aspek bagi dalam memastikan kesinambungan kemajuan serta pembangunan negara terus pesat seiring dengan hasrat dan harapan seluruh rakyat negara ini ke arah mencapai sasaran negara maju 2020.

Bajet 2015 yang membawa pendekatan baru iaitu strategi pembangunan nasional Malaysia mengetengahkan keseimbangan antara *capital economy* dan *people economy* ini memperuntukkan sebanyak RM273.9 bilion, pastinya telah dikaji sedalam mungkin agar ia memberi kesan serta keberkesanan sistem penyampaian kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan belia sangat penting dalam sesebuah negara. Belia hari ini merupakan pemimpin untuk masa hadapan. Pelbagai perancangan serta program khusus untuk pembangunan mempersiapkan belia mendepani masa hadapan sangat giat dijalankan. Dalam bajet yang dibentangkan oleh Perdana Menteri sebanyak RM320 juta diperuntukkan untuk pembangunan belia melalui pelbagai program. Ini termasuklah bagi mengkaji semula modul program Latihan Khidmat Negara ataupun PLKN.

Sehubungan dari itu memandangkan PLKN adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Pertahanan adalah lebih baik jika modul yang akan dilaksanakan kelak turut mendapat kerjasama serta khidmat nasihat daripada Kementerian Belia dan Sukan sesuai dengan portfolio kementerian ini. Saya juga berharap modul yang akan dilaksanakan ini mampu memenuhi hasrat jati diri seorang belia Malaysia yang bukan sahaja sayang kepada negara malah mampu menggalas tanggungjawab sebagai seorang pemimpin masa hadapan. Saya juga sangat tertarik dengan rancangan untuk memperkenalkan program Kem Uniti.

Saya berharap inti pati dari kem ini perlulah menekankan betapa pentingnya keharmonian serta keamanan yang di kecapi hari ini hasil peninggalan bapa-bapa kita yang terdahulu.

#### ■1540

Konsep "*Let's celebrate unity in diversity*" bolehlah dijadikan salah satu modul untuk kem tersebut, kerana apa yang menjadikan Malaysia yang ada pada hari ini adalah keunikan pelbagai agama dan budaya dalam negara kita. Selain itu juga saya bersetuju bahawa negara perlu mengasah bakat kepimpinan di kalangan golongan belia.

Justeru dalam Pelan Transformasi Belia Negara ada disebut pengenalan Akademi Kepimpinan Belia. Seharusnya akademi ini kelak akan dapat bekerjasama erat dengan badan tertinggi belia iaitu Majlis Belia Malaysia. Ini diakui selama ini bahawa MBM adalah antara institusi yang telah melahirkan ramai kepimpinan muda dan pelapis daripada pelbagai kaum. Dengan pengalaman dan kepakaran yang dimiliki oleh MBM, saya percaya akademi ini kelak akan dapat memenuhi keperluannya sebagai institusi yang akan melahirkan pimpinan pelapis kita.

Cuma Tuan Yang di-Pertua, kita dimaklumkan dalam jawapan bertulis kementerian berkenaan dengan CSR GLC, ada menyatakan sebuah syarikat *GLC Axiata Foundation* menerusi Axiata Group Berhad ada menyumbangkan peruntukan mereka untuk pembangunan belia negara. Bolehkah dimaklumkan ke mana peruntukan itu disalurkan dan apakah program yang telah dilaksanakan di bawah peruntukan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat tawaran di bawah Skim Perumahan Belia sebagai sesuatu yang sangat menarik. Cuma saya ingin bertanya, bagaimanakah RM200 yang akan diberi untuk mengurangkan kos ansuran bulanan selama dua tahun tersebut akan kita serahkan. Adakah ia berbentuk wang tunai ataupun ditolak terus dari bayaran ansuran bulanan? Saya juga berharap kerajaan mempertimbangkan untuk menambah bilangan unit rumah daripada 20,000 unit tahun ini kepada jumlah yang lebih besar pada masa yang akan datang memandangkan masih ramai lagi belia yang berkahwin belum lagi memiliki rumah. Saya juga minta kerajaan mengutamakan permohonan belia dari kawasan luar bandar memandangkan kita semua maklum kebanyakan tanah di luar bandar adalah hak milik persendirian. Jadi agak sukar bagi generasi baru Malaysia yang ada kini untuk memiliki aset di kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, statistik Jabatan Perangkaan Malaysia pada bulan Julai menunjukkan bahawa 2.8% daripada rakyat Malaysia ialah golongan penganggur. Jumlah itu termasuklah lepasan universiti yang mempunyai masalah mencari pekerjaan yang sesuai dengan kelulusan mereka. Selain itu juga persaingan yang tinggi untuk mendapatkan pekerjaan juga disumbangkan oleh migrasi belia luar bandar ke bandar-bandar besar. Ini kerana peluang pekerjaan di kampung halaman mereka yang sangat terhad.

Justeru saya sangat gembira apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan tentang rancangan kerajaan untuk melaksanakan Program Agropreneur Muda di bawah kendalian FAMA. Jika kita lihat secara asasnya, kerajaan mensasarkan penglibatan seramai 1,200 orang belia dengan sasaran jumlah pendapatan sebanyak RM5,000 sebulan. Ini ialah satu jumlah yang mampu menarik perhatian orang muda untuk menyertai bidang pertanian memandangkan keadaan semasa melihatkan orang muda tidak begitu berminat untuk menceburi pekerjaan konvensional ini.

Selain itu juga sebagai langkah mengurangkan migrasi belia luar bandar ke bandar selain mengurangkan pekerja asing di industri perladangan, saya juga ingin merayu agar kerajaan meningkatkan lebih banyak program latihan kemahiran berkonsepkan perladangan. Suka saya nyatakan di sini, walaupun pekerjaan ini merupakan pekerjaan berat, tidak seronok, tawaran pendapatan industri ini juga boleh dikatakan sebenarnya agak lumayan. Selain itu juga pekerjaan dalam industri perladangan ini juga turut menyediakan *benefit* ataupun kemudahan yang sama dengan pekerjaan lain. Apa yang menyedihkan perladangan kini dimonopoli oleh pekerja-pekerja asing sehinggakan orang muda di luar bandar terpaksa berhijrah ke bandar mencari pekerjaan lain.

Maka di sini saya ingin meminta agar kerajaan mengambil tindakan sewajarnya seperti membuat satu peraturan baru bagi menghadkan syarikat-syarikat perladangan terutamanya GLCs ini dari mengambil pekerja-pekerja asing dan memberi keutamaan kepada anak tempatan, dengan memberi insentif-insentif yang menarik apabila mereka bekerja di ladang. Contohnya kita berikan mereka potongan caruman KWSP dan juga SOCSO, elaun perumahan, elaun kenderaan, bantuan sekolah untuk anak-anak, insurans kemalangan berkelompok sebagai contoh, rawatan pesakit luar dan juga gaji kita berikan lebih daripada RM1,000.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun ini kerajaan memperuntukkan sebanyak RM21 bilion dana awam untuk menanggung subsidi bahan api. Jumlah ini bukanlah kecil jika dibandingkan pada tahun 2002. Kerajaan hanya membelanjakan RM1.6 bilion untuk memastikan harga bahan api kekal rendah. Sebagai rekod dalam tempoh 24 tahun sejak tahun 1990, purata kenaikan harga jualan minyak dalam negara adalah rendah iaitu lima sen setahun. Walaupun ada satu ketika kerajaan pernah menaikkan harga minyak sehingga 78 sen. Namun bagi memastikan kelangsungan hidup rakyat, kerajaan juga pernah menurunkan harga minyak sehingga 90 sen pada tahun 2009.

Namun kita perlu akui kenaikan harga minyak akibat daripada pengurangan subsidi baru-baru ini sedikit sebanyak meningkatkan kos sara hidup rakyat. Penurunan subsidi 20 sen harga bahan api menyebabkan kesan domino terhadap rantaian harga barangan harian yang lain. Keputusan kerajaan ini walaupun mendapat tanggapan yang negatif beberapa pihak adalah tepat demi kelangsungan masa hadapan negara apabila dilihat kedudukan fiskal negara yang agak tidak menentu disebabkan tanggungan subsidi yang tinggi selain bagi mengelakkan peruntukan subsidi turut dinikmati oleh mereka yang tidak sepatutnya. Namun begitu pengurangan subsidi 20 sen bagi setiap liter jualan minyak pastinya memberikan kesan langsung kepada rakyat. Apabila berlaku kejutan dalam pasaran maka ramailah yang akan mengambil kesempatan termasuklah peniaga-peniaga barangan harian yang lain.

Justeru saya ingin mencadangkan agar kerajaan membuat semakan harga bahan api pada setiap hujung suku tahunan. Sama ada berlaku kenaikan, penurunan mahupun kekal harga bahan api mekanisme ini boleh membuatkan rakyat sentiasa bersedia dengan segala kemungkinan. Melalui ini juga kerajaan boleh membuat penyelarasan harga dengan jumlah yang lebih kecil seperti lima sen bagi setiap kenaikan mahupun penurunan. Setidak-tidaknya tidak akan berlaku kejutan pasaran yang mendadak dan ini membolehkan kerajaan mengawal harga pasaran barangan yang lain.

Selain itu kerajaan juga perlu membuat kajian terperinci sama ada pemberian subsidi minyak perlu di kekal atau dihapuskan sama sekali dengan menjual minyak mengikut harga apungan pasaran dunia. Saya sedar jika subsidi minyak dihapuskan terus maka akan berlaku kenaikan mendadak harga barangan lain disebabkan kejutan pasaran dan kesan domino yang akan berlaku. Namun begitu jika dilihat dari sudut positif kenaikan yang berlaku ini hanya sekali. Selepas itu tiada lagi kejutan pasaran yang begitu mendadak. Para peniaga tidak boleh lagi menaikkan harga jualan barangan lain sesuka hati tanpa alasan kukuh. Cara ini bukan sahaja boleh menghalang berlakunya inflasi malah ia turut memudahkan kerajaan mengawal harga barangan harian kita yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, Program Rasionalisasi Subsidi merupakan langkah kerajaan dalam memastikan pemberian subsidi berstruktur dan hanya diterima oleh mereka yang benar-benar layak ataupun dengan kata lain kumpulan sasaran. Pemberian subsidi secara *one-off* seperti BR1M walaupun sering kali dipertikai beberapa pihak ia merupakan langkah baik dalam memastikan subsidi diterima secara terus kepada mereka yang layak.

Perkara ini diakui sendiri oleh wakil Yang Berhormat Petaling Jaya Utara di dalam sebuah forum minggu lalu seperti yang disiarkan dalam sebuah portal. Beliau turut bersetuju bahawa subsidi perlu dikurangkan secara beransur-ansur dalam jangka masa yang panjang.

Walaupun begitu, kerajaan sehingga kini masih belum mempunyai cara yang benar-benar berkesan dalam mengenal pasti kumpulan sasaran tersebut. Sebagai contoh terdapat laporan yang mengatakan kerajaan membayar lebih RM490 juta daripada jumlah yang sepatutnya melalui BR1M tahun ini.

Justeru Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan agar kerajaan mempertimbangkan bahawa setiap rakyat Malaysia berumur 21 tahun ke atas sama ada mempunyai pendapatan atau tidak wajib mengisytiharkan pendapatan mereka. Ini membolehkan kerajaan mengenal pasti setiap individu itu layak menerima subsidi ataupun perlu membayar cukai. Memandangkan pendapatan kena cukai pun sudah dinaikkan dan boleh dikatakan hampir semua yang tidak perlu membayar cukai layak menerima BR1M, saya rasakan mekanisme ini sesuai untuk kita laksanakan.

#### ■1550

Jika ada di antara mereka tidak mengisytiharkan pendapatan mereka, orang seperti ini akan hilang kelayakan menerima bantuan. Bagi mereka yang cuba membuat pengisytiharan palsu, kerajaan boleh mengenakan tindakan ke atas mereka. Saya merasakan ianya sesuai dilaksanakan memandangkan Lembaga Hasil Dalam Negeri kini sudah boleh melantik syarikat untuk membuat kawal selia terhadap sistem kita yang baru ini. Saya juga menyambut baik pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menaikkan jumlah BR1M kepada RM950 selain penambahbaikan untuk menyerahkan bantuan tersebut melalui agihan tiga kali setahun. Tindakan ini dilihat sangat tepat kerana ia membolehkan rakyat menikmati bantuan tersebut sepanjang tahun.

Seperti yang saya katakan tadi, BR1M ini sememangnya membantu rakyat tetapi saya juga ingin mencadangkan agar pemberian subsidi secara tunai ini turut dikaji sama ada keberkesanannya adalah menyeluruh. Selain pemberian secara tunai, kerajaan juga boleh menyalurkan subsidi melalui pengeluaran kad diskaun yang mana kad ini hanya boleh digunakan di premis perniagaan terpilih terutamanya yang menjual barangan kegunaan harian. Kad diskaun ini mempunyai nilai yang sama seperti wang tetapi hanya terhad untuk pembelian barangan harian sahaja. Saya suka mengambil contoh Kedai Rakyat 1Malaysia. Andai kata kad diskaun ini dihadkan kepada penggunaan di KR1M sahaja, ianya secara tidak langsung akan berjaya mempromosikan Kedai Rakyat 1Malaysia seterusnya menarik lebih ramai rakyat untuk membeli barangan di kedai tersebut.

Sehingga hari ini Tuan Yang di-Pertua, masih belum ada kes kesihatan melibatkan penggunaan produk KR1M. Justeru, cakap-cakap kononnya produk di sini tidak berkualiti tidak timbul dan jika ada di kalangan rakyat yang meragui kualiti produk tersebut, mereka mempunyai opsyen lain yang mana mereka perlu membayar dengan harga yang lebih mahal tanpa diskaun.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dijangka sebanyak 56% barangan serta perkhidmatan yang terdapat dalam *basket of goods* akan mengalami penurunan harga selepas pelaksanaan GST manakala sebanyak 354 barangan serta perkhidmatan lain pula bakal melihat kenaikan harga tidak melebihi 5.8% daripada harga semasa. Namun begitu, suka atau tidak kerajaan harus akui masih terdapat kepincangan dalam aspek penguatkuasaan terutamanya berkaitan kawalan harga barangan.



Kita tidak mahu akibat daripada kelemahan penguatkuasaan, para peniaga mengambil kesempatan tersebut untuk menaikkan harga barangan mereka. KPDNKK pada satu ketika pernah melancarkan Skuad Pengguna sebagai langkah membantu kerajaan dalam memantau harga barangan.

Jadi saya minta kerajaan memperluaskan konsep ini, jalinkan kerjasama dengan badan-badan berkaitan dengan kepenggunaan serta konsumerisme terutamanya persatuan-persatuan pengguna yang ada dalam negeri masing-masing. Saya bersetuju dengan langkah kerajaan untuk mengeluarkan *shoppers guide* bagi memudahkan orang ramai membuat perbandingan harga sebelum dan selepas GST dilaksanakan.

Namun begitu, sebagai langkah memberi gambaran awal mengenai perubahan harga yang bakal berlaku melalui pelaksanaan GST ini, saya ingin mencadangkan agar bermula awal tahun 2015, jika boleh seawal 1 Januari 2015 ini, setiap resit terutamanya pembelian melibatkan barangan keperluan harian turut dinyatakan harga semasa yang perlu dibayar serta harga jangkaan yang perlu dibayar pengguna selepas GST dilaksanakan. Ini sekali gus mampu memberi pendidikan awal kepada pengguna terutama melibatkan peruntukan kewangan harian mereka dalam persediaan menghadapi GST.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai anak luar bandar, keadaan semasa yang menyaksikan harga getah yang semakin hari semakin menurun menimbulkan kegusaran. Perkembangan ini merupakan suatu topik hangat apabila saya pulang ke kawasan. Ramai pengusaha ladang getah terutamanya pekebun kecil menyatakan kebimbangan tentang masa hadapan mereka jika harga getah ketika ini kekal rendah.

Saya mengalu-alukan pengumuman Perdana Menteri untuk memperuntukkan RM1.3 bilion kepada kementerian berkenaan untuk menjalankan kajian serta program berkaitan dalam memastikan industri getah negara mampu dipertingkatkan seterusnya dapat membela nasib pekebun getah di Malaysia. Untuk pengetahuan Dewan, keluasan tanaman getah di Malaysia adalah 1.057 juta hektar yang mana daripada jumlah ini, sebanyak 980,000 hektar dimiliki dan diusahakan oleh lebih 400,000 pekebun kecil. Manakala pengeluaran negara untuk tahun lalu adalah sebanyak 753,000 tan bagi getah kering. Manakala getah lateks pula sebanyak 73,000.

Untuk rekod juga, pengeluaran serta penggunaan getah di peringkat global pula meningkat pada tahun lalu namun yang menyedihkan, di Malaysia, pengeluaran dan penggunaannya menurun kerana kebanyakan pekebun kini berpindah daripada mengusahakan getah kepada mengusahakan kelapa sawit. Saya ingin berterima kasih kepada Perdana Menteri di atas keprihatinan beliau terhadap ketidakpastian harga getah. Terima kasih di atas peruntukan RM100 juta bagi melaksanakan mekanisme kawal selia harga di peringkat LADA untuk melindungi kepentingan pekebun kecil. Saya menyambut baik peruntukan RM6.4 juta kepada LGM ataupun Lembaga Getah Malaysia untuk memberikan pinjaman pusingan kepada 64 buah koperasi pekebun kecil bagi membeli getah terus daripada lebih 400,000 pekebun kecil sedia ada.

Sebagai penambahbaikan, LGM perlu bekerjasama dengan agensi-agensi lain seperti RISDA dalam membuat tapisan terhadap pekebun kecil yang benar-benar mengusahakan ladang mereka. Selain itu juga, LGM juga perlu mempergiat untuk memastikan setiap pekebun kecil berdaftar dengan koperasi bagi memastikan mereka dapat menikmati bantuan yang

diberikan oleh kerajaan. Saya juga ingin mencadangkan agar setiap koperasi ini turut menyediakan perlindungan insurans kepada ahli mereka bagi menampung kerugian jika sekiranya berlaku bencana alam mahupun kerosakan terhadap kebun-kebun mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat tertarik dengan perkembangan beberapa hari lalu berkenaan perbincangan antara Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi Malaysia dengan rakan sejawatannya di Thailand. Dinyatakan dalam laporan tersebut bahawa antara langkah yang diambil Thailand bagi membantu pekebun getah menghadapi penurunan harga getah adalah dengan melaksanakan pembinaan jalan raya menggunakan getah.

Perkembangan ini secara tidak langsung bakal menggembirakan lebih 400,000 pekebun kecil getah jika kerajaan benar-benar serius untuk mempelbagaikan penggunaan getah ini. Sebenarnya Malaysia dah lama menggunakan getah dalam pembinaan jalan raya, sejak sebelum merdeka lagi. Sebagai contoh, Jalan Kota Bharu-Kuala Krai. Pada tahun 80-an pula kita pernah sekali lagi menjalankan kajian penggunaan getah untuk jalan raya dan hasilnya sangat positif apabila jalan raya yang menggunakan getah ini lebih lama tahannya.

Saya akui kos pembinaan jalan raya menggunakan getah adalah lebih mahal kira-kira 30% berbanding penggunaan biasa tetapi harus saya tekankan jalan raya ini jauh lebih lama jangka hayatnya dan tidak banyak pula penyelenggaraan yang perlu dilakukan. Maknanya di sini, kerajaan boleh berjimat daripada segi kos penyelenggaraan, pada masa yang sama membantu pengusaha ladang getah sedia ada. Saya sangat berharap kerajaan dapat mempertimbangkan perkara ini.

Selesai perihal getah. Kita pergi pula perihal kelapa sawit. Tahun 2006, kerajaan telah melancarkan Dasar Bio Bahan Api. Sejak daripada itu kerajaan telah memberi penekanan kepada penggunaan bahan bakar yang lebih mesra alam. Hasilnya tahun 2011, kerajaan melancarkan penggunaan bio diesel di Wilayah Tengah Negara iaitu B5 gabungan diesel daripada kelapa sawit serta diesel petroleum yang mana permulaannya bio diesel ini dijual di stesen minyak di sekitar Putrajaya sahaja. Manakala tahun lalu, ianya diperluaskan di Wilayah Selatan tanah air. Bajet 2015 yang dibentangkan baru-baru ini menyatakan pelaburan RM69 bilion telah dan akan dijalankan di *Pengerang Integrated Petroleum Complex*. Sehubungan daripada itu, saya ingin meminta kerajaan agar mempertimbangkan untuk memperluaskan lagi R&D terhadap penghasilan bio diesel ini sesuai dengan pembinaan kompleks ini.

Buat masa ini, produk bio diesel yang dihasilkan masih belum dapat menembusi pasaran luar negara terutamanya di Amerika Syarikat dan Negara Eropah kerana produk yang kita hasilkan itu belum dapat memenuhi piawaian pengurangan gas hijau antara 35% hingga 50%. Memandangkan Malaysia merupakan pengeluar minyak sawit terbesar dunia, adalah satu kerugian jika kita tidak mempertingkatkan penyelidikan terhadap penghasilan bio diesel kerana sehingga kini, tiada lagi kenderaan berat di dunia ini yang menggunakan teknologi hijau sepenuhnya dalam pengendalian mesin tersebut...

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Wow, dahsyat!

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Betullah!

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Betullah itu.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Walaupun kos yang akan dibelanjakan untuk penyelidikan ini mungkin agak tinggi, namun andai kata kita berjaya hasilkan teknologi

bio diesel yang memenuhi standard piawaian antarabangsa, ianya sekali gus bakal membawa keuntungan besar kepada negara.

■1600

Giatkan usaha sedia ada memandangkan kita sudah mempunyai teknologi asas pembuatan biodiesel ini. Jangan lepaskan peluang kerana saya yakin suatu hari nanti tidak mustahil kita mampu menjadi peneraju dunia dalam industri biodiesel. Pada tahun hadapan juga kerajaan bersetuju untuk memberi elaun bulanan kepada lebih 44,000 orang nelayan darat di seluruh negara. Saya pernah membawakan isu ini pada tahun lalu dan keputusan kerajaan ini sangatlah saya hargai. Walaupun elaun ini hanya RM200 sebulan, bagi saya ia adalah permulaan yang baik kerana selama ini apa yang kita lihat nelayan darat sering kali dipinggirkan berbanding dengan nelayan laut. Saya juga berharap peruntukan RM250 juta untuk projek perumahan nelayan yang diumumkan oleh Perdana Menteri turut sama boleh dinikmati oleh rakan-rakan daripada nelayan darat ini.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

Tuan Yang di-Pertua, tahun 2015, kerajaan bercadang membina beberapa projek infrastruktur termasuk pembinaan lebuh raya baru serta fasiliti pengangkutan awam. Saya berharap kerajaan mengkaji semula pembinaan lebuh raya-lebuh raya baru ini. Terutamanya di Lembah Kelang, sesuai dengan hasrat kerajaan dalam mengurangkan kebanjiran kenderaan yang lebih teruk. Tahun 2008 hingga 2013, terdapat sepuluh juta pertambahan kenderaan baru yang secara puratanya dua juta buah kenderaan setahun. Pembinaan lebuh raya baru bakal menggalakkan rakyat membeli kenderaan baru memandangkan lebih banyak jalan-jalan baru yang telah dibuat.

Saya bukanlah hendak menafikan hak rakyat untuk membeli kereta tetapi pembinaan lebuh raya ini bakal disusuli dengan kehadiran tol-tol baru. Seperti yang kita maklum setiap kali berlaku kenaikan tol, rakyat akan berasa marah sedangkan hakikat sebenar kos pembinaan serta penyelenggaraan lebuh raya adalah tinggi. Selain itu juga jika kita lihat di Lembah Klang ini, mana-mana lebuh raya pun tetap akan sesak ketika waktu puncak sedangkan pembinaan lebuh raya itu adalah bagi mengurangkan kesesakan. Kenapa ini terjadi? Ia terjadi kerana apabila lebih banyak aset jalan raya dibuka ia secara tidak langsung bakal membuatkan lebih ramai orang hendak memiliki kenderaan.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** *[Bangun]*

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Ini adalah hakikat di kawasan Lembah Klang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Kuala Langat bangun.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Ya.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Yang Berhormat Sekijang hebat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Dah selesai *interview* Yang Berhormat?

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Dah *interview*, dahsyat Tuan Yang di-Pertua. Mendengar daripada keluhan peningkatan kenderaan yang dimaksudkan oleh anak muda daripada Sekijang ini, saya yakin penyelesaian ini perlu diambil langkah tertentu untuk memastikan bahawa ianya boleh diselesaikan dengan cara yang terbaik. Apakah Yang Berhormat Sekijang bersetuju dengan saya, kalau di negara-negara jiran, ada kedapatan waktu-waktu tertentu yang dibenarkan kemasukan kereta-kereta yang dipenuhi penumpangnya dengan bersyarat.

Kalau ia dilaksanakan seperti mana negara jiran di Singapura, ia akan sedikit memberikan ruang ketidakpadatan kepada kenderaan untuk menerjah ke tempat-tempat ataupun destinasi yang tertentu yang membolehkan kesesakan itu berlaku. Maksud saya ialah perlukah ada satu langkah kerajaan untuk mengenal pasti syarat-syarat tertentu untuk kenderaan-kenderaan ini melalui ke sesuatu destinasi yang padat yang membolehkan sedikit kesesakan itu dapat tercapai. Apa pandangan Yang Berhormat Sekijang dalam langkah seperti ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Datuk Seri Dr. Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Huh, dahsyat. Terima kasih sahabat daripada Hulu Langat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Sekijang, sikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sepang bangun Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Sekijang. Tentang *highway* ini, saya ingin tanya pada Yang Berhormat Sekijang. Adakah Yang Berhormat Sekijang bersetuju bahawa salah satu kaedah untuk kita mengurangkan kos-kos berkaitan dengan *highway* ini adalah dengan kerajaan sepatutnya komited kepada prinsip *transparency* dengan memastikan semua projek *highway* ini dibuat secara *open tender*. Jadi, sebab telah dibuktikan apabila projek-projek besar ini diberikan melalui *open tender*, ia telah berjaya mengurangkan kos. Jadi, saya hendak tanya pada Yang Berhormat Sekijang, adakah Yang Berhormat Sekijang boleh, berani untuk menasihatkan kerajaan supaya buat *open tender*. Walaupun ada enam projek *highway* disebut dalam bajet ini semuanya tidak melalui *open tender*, melalui *negotiation* sahaja. Jadi, saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Sekijang, apa pendapat Yang Berhormat. Terima kasih.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih Yang Berhormat Sepang, hendak kena nasihat menteri itu, hebat juga. Hendak nasihat tentang lebuhraya ini, saya minta biar menteri yang jawablah, itu lebih sesuai, *open tender* dan sebagainya ini. Tentang jawapan daripada Yang Berhormat Hulu Langat tadi, saya hendak sambung jawapan ini.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Kuala Langat.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Ha minta maaf, Kuala Langat. Saya sangat bersetuju jika lebih banyak peruntukan disediakan untuk menaik taraf kemudahan pengangkutan awam. Selain daripada cadangan sahabat saya tadi untuk kita hadkan

kemasukan kenderaan, saya lebih setuju jika kita menaik taraf lebih banyak kemudahan pengangkutan awam. Jika pengangkutan awam kita berada di satu tahap yang lebih baik terutamanya lebih banyak akses ke suatu tempat, saya pasti akan berlaku pengurangan kenderaan di jalan raya. Saya memuji rancangan kerajaan hendak membina projek LRT3 serta MRT2. Apa yang saya lihat pembinaan ini bakal menjadikan pengangkutan awam kita lebih efisien.

Selain daripada kemudahan akses ke kawasan Lembah Kelang, saya hendak minta kerajaan memberikan perhatian terhadap akses antara bandar serta kawasan luar bandar. Buat masa ini projek landasan berkembar ke utara tanah air sedang giat dilaksanakan. Saya hendak minta juga kerajaan mempertimbangkan untuk mempercepatkan juga pembinaan projek landasan berkembar antara Gemas dan Johor Bahru. Jika projek ini dapat disiapkan, ia bukan sahaja bakal memudahkan akses ke kawasan-kawasan terlibat malah ia juga mampu meningkatkan kegiatan ekonomi di kawasan tersebut. Yang ini jangan Yang Berhormat Sepang bangun hendak minta buka *open tender* lagi. Harus saya tekankan pembinaan projek landasan berkembar ini bakal membolehkan rakyat menuju ke destinasi mereka dengan lebih mudah tanpa perlu memandu kenderaan sendiri terutamanya ketika musim perayaan. Kita semua sedia maklum apabila tiba musim perayaan, lebuhraya pastinya akan berlaku kesesakan.

Selain daripada itu, saya ingin memohon kerajaan dapat mempertimbangkan untuk menaik taraf, yang ini dalam kawasan Pelabuhan Darat Segamat yang kita tahu kemudahan ini kurang mendapat sambutan. Oleh kerana jajaran kemudahan bagi industri ini kurang sesuai dalam daerah Segamat, maka saya ingin mencadangkan agar Kementerian Pengangkutan kita *convert* pelabuhan darat itu, kita bina terminal bersepadu Segamat bagi menggantikan fungsi pelabuhan darat kepada hab pengangkutan bersepadu bagi daerah Segamat. Kerajaan telah membina sebuah pelabuhan darat di Segamat pada tahun 1996. Namun, apa yang dilihat kini ia tidak dapat digunakan semaksimum mungkin atau dalam bahasa mudahnya gajah putih. Pembinaan terminal bersepadu ini akan dilihat sebagai permulaan kepada keberkesanan sistem pengangkutan di kawasan tersebut memandangkan Segamat merupakan lokasi strategik sebagai penghubung antara negeri pantai timur dan barat selain terletak persempadanan dengan negeri Pahang dan Negeri Sembilan.

Pembinaan terminal bersepadu Segamat juga bakal menjana lebih banyak pembangunan di kawasan paling utara negeri Johor ini selain mewujudkan peluang pekerjaan baru kepada penduduk di sekitar daerah tersebut. Terminal ini merupakan hab pengangkutan dan ia tidak lengkap sekiranya tidak mempunyai hab penyampaian sistem kerajaan. Justeru, saya memohon agar kerajaan mempertimbangkan untuk membina sebuah RTC, mewujudkan sebuah RTC di daerah ini. Seperti yang saya katakan tadi, Segamat merupakan sempadan antara negeri Pahang dan Negeri Sembilan yang mana kedudukan sempadan ketiga-tiga negeri ini terletak jauh dari bandar utama. Saya tidak minta sebuah bangunan baru untuk dibina, cukup sekadar menaik taraf. Dua cadangan iaitu bangunan lama milik MARA, Arkib MARA Segamat yang dibina pada tahun 1980 dinaiktarafkan atau menaik taraf tingkat satu Terminal Segamat. Bagi saya, pembinaan RTC di daerah ini bakal membolehkan rakyat sekitar menikmati sistem penyampaian kerajaan dengan lebih mudah kerana hampir semua

agensi kerajaan boleh beroperasi di bawah satu bumbung. Selain ianya memberi peluang kepada orang muda di sekitar Segamat untuk menjalankan perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan saya ketika Bajet 2014 tahun lalu, saya ada menyentuh mengenai *high speed broadband* dan keperluan beberapa kawasan luar bandar untuk dibina pencawang telekomunikasi. Saya ingin berterima kasih kepada Perdana Menteri dalam Bajet 2015 ini kerana memperuntukkan RM2.7 bilion khas untuk *high speed broadband* termasuk pembinaan seribu menara pencawang telekomunikasi dan kabel bawah dasar laut.

■ **1640**

Seperti yang saya katakan tahun lalu kos pembinaan menara pencawang telekomunikasi ini adalah sekitar RM300,000. Maknanya di sini jurang minimum yang bakal dibelanjakan untuk pencawang telekomunikasi adalah sekitar RM3 juta. Memandangkan masih banyak lagi tempat terutamanya di luar bandar termasuklah di kawasan saya di Sekijang yang kurang kemudahan akses telekomunikasi, saya minta agak kerajaan membina lebih banyak pencawang ini.

Lebih peruntukan menaiktarafkan kabel fiber optik dengan teknologi unifi dan sebagainya bagi membolehkan lebih ramai rakyat menikmati akses jalur lebar sebagai persediaan kita menjadi negara maju. Sebagai negara maju sudah tentu kita mahukan seramai mungkin rakyat yang tahu dan menggunakan kemudahan teknologi maklumat ini. Jika ia di naik taraf, ia sesuai dengan keperluan telekomunikasi tanpa sempadan.

Sebagai penutup perbahasan saya Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas pembentangan bajet 2015 tempoh hari. Pelbagai insentif serta manfaat kepada rakyat dapat dilihat melalui bajet ini. Saya berharap kerajaan dapat membuat promosi mahupun hebahan terhadap inisiatif- inisiatif ini agar setiap rakyat dapat merebut peluang mereka sebaik mungkin. Juga saya yakin setiap inisiatif mahupun program yang ditawarkan kerajaan adalah ikhlas demi memastikan kemajuan negara serta menjaga kebajikan rakyat. Akhir kata Tuan Yang di-Pertua,

*Pergi ke hilir naik penambang,*

*Untuk membeli langsung dan dokong,*

*Bajet 2015 bajet seimbang,*

*Saya Sekijang nyata menyokong... [Tepuk]*

Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bandar Kuching.

**4.12 ptg**

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2015. Sebelum saya menyentuh tentang apa-apa yang diperuntukkan dalam bajet ini, saya ingin memberi pandangan sedikit sebanyak tentang apa yang telah berlaku pada 18 September 2014 di mana di *Scotland* ada satu *referendum*. Banyak yang boleh kita pelajari daripada *referendum* Rang Undang-undang Kemerdekaan *Scotland* pada 18 September 2014.

Pertamanya apa yang telah menjadi punca gerakan *referendum* itu. Penyebab utama yang mendasari konflik antara *England* dan *Scotland* sehingga mengakibatkan gerakan *referendum* adalah persepsi umum bahawa *Scotland* telah diperlakukan dengan tidak adil oleh Kerajaan *British* dan *Scotland* akan lebih baik sebagai sebuah negara yang merdeka. Hal ini agak sama dengan situasi antara Sabah dan Sarawak dan Semenanjung Malaysia sekarang. Kebanyakan rakyat Sarawak merasakan bahawa Sarawak telah diperdaya dan dianaktirikan oleh Kerajaan Persekutuan.

Saya boleh sebut beberapa contoh ketika orang di Semenanjung Malaysia mengeluh tentang kesesakan lalu lintas, kami di Sabah mengeluh kerana kami tidak ada jalan di kebanyakan kampung dan rumah panjang.

Ketika orang Semenanjung mengeluh monorel, LRT, KTM Komuter tidak dapat menampung kehendak penduduk Kuala Lumpur dan Kerajaan Persekutuan memperuntukkan RM50 bilion untuk sistem baru MRT. Sistem pengangkutan awam di kebanyakan bandar besar di Sarawak masih tidak boleh pakai dan ketika Kerajaan Persekutuan tahun lepas membayar syarikat tol sebanyak RM400 juta agar kadar tol tidak dinaikkan atas alasan mengurangkan beban rakyat di Semenanjung Malaysia. Kerajaan tidak melakukan apa-apa untuk Sarawak dan Sabah.

Oleh itu perasaan dianaktirikan dan hakikat bahawa sememangnya Sarawak dan Sabah telah dianaktirikan telah menyebabkan munculnya gerakan seperti *Sarawak for Sarawakian*, *Sarawak Sovereignty Movement*, Sabah Sarawak Keluar Malaysia (SSKM). Itulah gerakan yang amat dialu-alukan dan disambut oleh sesetengah orang di Sabah Sarawak. Kita boleh juga belajar daripada apa yang dilakukan oleh *British Government* bagaimana mereka menguruskan dan menyelesaikan konflik itu. Cara Kerajaan *British* menyelesaikan konflik *Scotland* dan *England*.

Kerajaan *British* menggunakan cara yang paling demokratik untuk menyelesaikan konflik itu dengan membiarkan rakyat mereka sendiri membuat keputusan melalui *referendum* dan bukannya menggunakan undang-undang yang zalim seperti Akta Hasutan untuk menyenyapkan suara-suara yang menentang. Akhirnya *British* tetap bersatu dan utuh dengan cara yang paling damai dan meyakinkan tidak seperti *the trouble* seperti yang berlaku di Island Utara yang telah terjadinya kekerasan selama 30 tahun yang mana lebih daripada 3,000 nyawa terkorban dan puluhan ribu cedera.

Bagaimanakah Kerajaan Persekutuan mahu mengatasi sentimen rakyat Sabah Sarawak itu? Apakah Kerajaan Persekutuan akan menekan perasaan mereka dengan menggunakan Akta Hasutan atau adakah kerajaan sudi membenarkan *referendum* dijalankan di Sarawak dan Sabah seperti yang dilakukan di *Scotland*. Penyelesaian yang terbaik dan paling tepat yang saya akan cadangkan untuk menyelesaikan masalah ini adalah dengan mengatasi keprihatinan dan diajukan oleh Sarawak. Salah satunya adalah untuk mengembalikan kepada Sarawak. Sebanyak 20% royalti minyak dan gas yang diminta oleh Dewan Undangan Negeri Sarawak supaya Sarawak boleh membuat perancangan pembangunan sendirinya.

Tindakan Kerajaan Persekutuan menolak permintaan 20% royalti minyak dan gas hanya akan menyebabkan bertambah buruknya perasaan bahawa Sarawak telah dianaktirikan

oleh Kerajaan Persekutuan selama ini. Semua janji manis Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tentang peningkatan peruntukan untuk Sarawak hanyalah caka-cakap kosong sahaja. Jika kita melihat pada Bajet 2015 saya tidak nampak Sarawak mendapat apa-apa lebih banyak peruntukan dari segi peruntukan pembangunan.

Isu kedua yang saya ingin sentuh adalah cara Kerajaan Persekutuan menangani isu berkaitan Islam dan agama lain. Rakyat Sarawak telah hidup dalam keadaan damai dan harmoni. Kita menghormati agama masing-masing dan tidak ada ketegangan perhubungan agama di Sarawak dan Sabah juga meskipun kami membenarkan al-Kitab yang diterbitkan dalam Bahasa Malaysia dan ramai penganut Kristian merujuk tuhan mereka sebagai Allah.

Ketiga kita terbaca di surat khabar bahawa Ibrahim Ali menyeru untuk membakar al-Kitab yang dicetak dalam Bahasa Malaysia. Kami merasa terhina dan marah dan bahkan kami lebih marah lagi ketika kerajaan membela ancaman Ibrahim Ali dalam Dewan yang mulia ini dengan mengatakan bahawa ia tidak akan didakwa di mahkamah kerana membuat ancaman itu atas alasan dia mempertahankan Islam di Sarawak. Bukan sahaja orang bukan Muslim yang marah tetapi ramai daripada teman-teman Muslim saya juga berasa malu dan marah kerana menurut mereka Islam tidak mengajjar mereka untuk membakar kitab-kitab suci dari agama-agama lain.

#### ■1620

Ramai yang respons kepada kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat dari Batang Sadong yang mempertahankan ancaman Ibrahim Ali itu. Mereka menyeru supaya beliau meletak jawatan. Saya tidak akan menyeru untuk peletakan jawatan beliau kerana beliau hanya menyatakan pendirian seluruh Kabinet Barisan Nasional.

Memandangkan...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Minta penjelasan, Yang Berhormat Bandar Kuching.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Sila.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching. Setiap kali bercakap tentang Akta Hasutan ini, saya nampak *double standard*. Kalau pihak pembangkang, macam-macam alasan akan diberikan untuk mengenakan mereka dengan Akta Hasutan. Akan tetapi di sebelah sana, apabila kita ada contoh seperti Ibrahim Ali, sebaliknya sampai hendak *defense*, dia guna agama lagi. Ini yang saya nampak macam sudah keterlaluan. *So defensive* apabila hendak guna Akta Hasutan dan memang wujud *double standard*.

Saya perlu penjelasan sebab saya sebagai seorang Hindu yang menghormati agama Islam, hendak tahu betul kah apa yang dicakapkan oleh Menteri itu, *in defense of Islam* itu? Saya perlukan penerangan sebab kawan-kawan Hindu saya pun minta penjelasan. Saya sebagai seorang yang hormat agama Islam dan asalnya orang Hindu, memerlukan penjelasan. Setahu saya dari sekolah, ramai kawan saya beragama Islam keturunan kaum Melayu tidak pernah kita dididik sebegitu. Kita tak nak benda ini jadi satu *precedent* yang salah.

Penjelasan Yang Berhormat. Terima kasih.



**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Mungkin rakan saya dari PAS boleh memberi penjelasan atas perkara ini.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Baik, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching.

Saya rasa perkara ini semua sudah sedia maklum, Islam sebenarnya tidak ajar umatnya bertindak dengan tindakan yang sebegitu rupa. Ini semua merupakan permainan politik. Saya rasa Yang Berhormat Bandar Kuching boleh bersetuju bahawa walaupun Ibrahim Ali itu bukan merupakan anggota parti UMNO ataupun Barisan Nasional, yang amat jelas, dia dilindungi oleh Barisan Nasional.

Saya merasakan amat terkejut apabila parti-parti komponen Barisan Nasional di Sabah dan Sarawak boleh mendiamkan diri dalam keadaan yang sebegini rupa. Mungkin daripada UMNO, daripada MCA, MIC di Semenanjung ini dia rasa selamat kalau dia diam, dia tidak tegur, dia tidak kritik dan sebagainya. Akan tetapi saya hairan bagaimana parti-parti komponen Barisan Nasional yang lain di Sabah dan Sarawak boleh terus menyokong Barisan Nasional dalam keadaan yang sebegini rupa di mana Islam itu sendiri dicemari dengan...

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]:** Boleh?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Hendak bagi Yang Berhormat? Yang Berhormat Kapitan dengan Yang Berhormat Putatan.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Saya bagi Yang Berhormat Kapitan.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Bandar Kuching, biar saya habiskan.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Biarkan Yang Berhormat Shah Alam habiskan.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Terima kasihlah...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Nantilah sekejap, saya belum habis lagi. Duduk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, perlu duduk Yang Berhormat Putatan.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Duduk Yang Berhormat Putatan. Pasal saya risau apabila orang belakang berdiri itu, takut-takut dia capai kah. Manalah tahu kan? Sekarang ini bakar al-Kitab pun sudah dilihat sebagai satu benda yang biasa, lalu kita duduk dan kita ikut, *steady* sahaja.

Saya rasa ini satu perkara yang amat mendukacitakan. Saya meminta supaya Kerajaan Barisan Nasional itu sendiri lebih bertanggungjawab dan jangan mempolitikkan isu ini. Kita tahu apa yang mereka hendak berikan gambaran bahawa di bawah Pakatan Rakyat sekarang ini oleh sebab Pakatan Rakyat sekarang ini sudah kuat, maka yang bukan Islam pun kononnyalah sudah menjadi lebih kuat bersuara dan sebagainya. Sedangkan, perkara ini tak patut dan tidak perlu dipolitikkan. Bagi UMNO, saya minta sangat-sangat supaya jangan merosakkan dan membenarkan imej Islam itu dirosakkan oleh subkontraktor-subkontraktor kamu macam Ibrahim Ali itu. Terima kasih.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Bandar Kuching, boleh?

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Beri laluan kepada Yang Berhormat Kaput.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Kaput.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Ya Yang Berhormat Bandar Kuching, saya rasa terpanggil kerana dicabar oleh Yang Berhormat Shah Alam tadi yang mendakwa seolah-olah...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya tidak cabar, saya tanya sahaja.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Ya, tanyalah. Seolah-olah mengatakan kami komponen Barisan Nasional di Sarawak seolah-olah berdiam diri dalam perkara ini. Tidak! Sudah jelas Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak bertubi-tubi beberapa kali, kerap kali berucap, nombor satu, mengatakan kalimah Allah boleh digunakan di Sarawak. Nombor dua, Ibrahim Ali dan sesiapa semacam Ibrahim Ali tidak boleh masuk ke negeri Sarawak. Kalau Yang Berhormat Shah Alam berperangai dan bersikap atau membuat pendirian seperti Ibrahim Ali pun tidak boleh masuk ke Sarawak, tetapi setakat ini boleh lagi. Kami tidak berdiam diri tetapi kami tidak ingin hendak mempolitikkan perkara ini.

Oleh itu, kami tidak macam bersikap yang tidak tertentu. Pemimpin kami, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri sudah menyatakan dengan terus terang dan juga pemimpin-pemimpin lain seperti Yang Berhormat Tan Sri Dr. James Masing, Presiden Parti PRS, komponen Barisan Nasional Sarawak juga telah berterus terang dalam perkara ini. Jadi janganlah tuduh seolah-olah kami berdiam diri.

Akan tetapi kami tidak mahu perkara ini, perkara sensitif, jadi punca huru-hara di negara kita. Oleh sebab itulah kami, *we are more discipline because we love the country. We want peace, we want harmony and we love Malaysia. That's why we behave as one people.*

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** *You want other people...*

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** *I'm not talking to you.*

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** *You are asking penjelasan from me.*

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Okey Yang Berhormat Bandar Kuching.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Salah *parking* kah?

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Biarlah saya jawab. Nanti saya akan...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Bandar Kuching...

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Yang Berhormat Putatan, biarlah saya jawab.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Sambung, sambung, Yang Berhormat Bandar Kuching.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak bagi Yang Berhormat.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Saya memang sokong dengan sepenuhnya pendirian Kerajaan Negeri Sarawak atas perkara dan pengurusan agama, atas isu pengurusan agama.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Bandar Kuching, orang Sabah.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Saya memang sokong keputusan...

**Seorang Ahli:** *[Mencelah]*

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Baguslah kalau...

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Akan tetapi ancaman yang dikeluarkan oleh Ibrahim Ali itu *affected the Dayak*.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Oleh sebab itulah kita larang dia masuk Sarawak.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Apa yang dia lakukan di sini juga ada kesan ke atas Dayak kerana ramai Dayak yang bekerja di sini.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Bandar Kuching, jangan jadi herolah, Yang Berhormat Bandar Kuching.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Dia menghasutlah, Yang Berhormat Bandar Kuching. Sudah semestinya tidak ada isu di Sarawak.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Bagi ruang Putatan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat...

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Kecuali Yang Berhormat Bandar Kuching, yang lain duduklah Yang Berhormat.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Tuan Yang di-Pertua, itu Yang Berhormat Putatan itu tidak mengapalah. Dia jerit-jerit sahaja.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Saya jelaskan kepada Yang Berhormat Bandar Kuching ini, soal-soal SSKM, sama, terimalah, saya jelaskan. Duduk. Ya, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, *I allow you but this is not the way, okay?* Jangan ikut macam sesetengah orang ya?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya setuju dengan Yang Berhormat Bandar Kuching soal masalah SSKM ini, memang ada. Akan tetapi kalau soal Yang Berhormat Shah Alam yang bilang kami berdiam ini saya tidak setuju. Ini Yang Berhormat Shah Alam sengaja mahu buat satu sensitiviti dalam Dewan ini seolah-olah dia sahaja yang pandai. So...

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** *[Bangun]*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bangun]*

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Duduk Yang Berhormat Shah Alam. Ini soal SSKM ini, ini permainan siapa?... Permainan kami? Ini pembangkang punya pasal. Ini Doris Jones ini, di mana dia beroperasi? Di London. Ada lagi beroperasi di Australia. Ini golongan kecil yang diapi-apikan oleh pihak pembangkang, kalimah "Allah" ini. Ditunjukkan dengan gambar... *[Disampuk]* Ya, waktu pilihan raya di Sabah, dibuatnya *Bible* itu dipijak. Satu undi kepada Barisan Nasional, satu *Bible* dibakar. Sekarang tengok, ada *Bible* dibakar? Ada atau tidak?

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Ancaman supaya membakar *Bible*!

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Kami mempertahankan ini supaya negara yang kita cintai...

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Ancaman dari Kerajaan Barisan Nasional membenarkan dan menggalakkan tindakan sebegini.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Bukan macam Yang Berhormat Bandar Kuching mengapi-apikan, sama juga dengan Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Saya bagi kepada Yang Berhormat Shah Alam lah. Saya tak mahu bagi pada Yang Berhormat Putatan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Jangan cuba kamu mengapi-apikan perasaan kami di negeri Sabah. Ada *Bible* dibakar?

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Dah macam orang liar tidak ada tamadun.

#### ■1630

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya ucapkan terima kasihlah pada Sarawak. Pada Sarawak, saya cukup setuju dengan sikap Ketua Menteri Sarawak yang mengharamkan UMNO masuk Sarawak [*Ketawa*] Pasal dia dah tahu...

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]:** Putar belitlah!

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Jenis politik UMNO ini memang politik perkauman dan politik adu domba.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** UMNO ialah UMNO tidak pernah membakar, ia membakar Bible. Ini pendapat Ibrahim Ali.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya minta, saya minta semua..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bandar Kuching, tak payah bagi jalanlah Yang Berhormat.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]:** Ini pendapat Ibrahim Ali.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Shah Alam, UMNO tidak pernah, tak pakai. Ibrahim Ali ini bukan UMNO, bukan daripada Kerajaan Barisan Nasional.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Menuntut supaya Ibrahim Ali itu dikenakan tindakan kerana memang tindakan dia melampau dan menjejaskan imej umat Islam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Bandar Kuching..

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Shah Alam.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]:** Yang bab itu saya setuju.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Biarlah saya melanjutkan ucapan saya. Memandangkan jawapan yang diberikan ada di dalam *Hansard*, kini pendirian rasmi Kerajaan Barisan Nasional adalah okey untuk membakar kitab yang dicetak dalam Bahasa Malaysia

yang mengandungi perkataan “Allah”. Inilah pendirian rasmi. Apakah Yang Berhormat kata itu, Yang Berhormat dari Kapit kata itu tidak merupakan satu rekod rasmi?

**Seorang Ahli:** Bohonglah!

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Jika Yang Berhormat Menteri dalam Jabatan Perdana Menteri perlu meletakkan jawatan untuk kenyataan itu maka seluruh Kabinet juga perlu berbuat demikian.

**Seorang Ahli:** Pasal apa?

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Oleh itu satu-satu caranya untuk Kerajaan Barisan Nasional untuk menebus kesalahan mereka, *redeem yourself* adalah dengan menarik balik jawapan itu dan mendakwa Ibrahim Ali dalam mahkamah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Bandar Kuching. Boleh ya? Terima kasih kepada Yang Berhormat Bandar Kuching. Yang Berhormat Bandar Kuching, saya ingin bertanya. Pertamanya, Yang Berhormat Bandar Kuching bersetuju dengan saya, isunya di sini ialah isu mengapakah dalam keadaan ramai individu dan ahli politik khususnya di sebelah sini didakwa kerana mengeluarkan kenyataan yang dikatakan berbaur hasutan.

Akan tetapi dalam kes yang melibatkan Datuk Ibrahim Ali ini yang bagi saya sebagai seorang peguam, terlalu jelas. Terlalu jelas dia telah melakukan kesalahan. Apa yang lebih malangnya kita dengar, tak dakwa satu hal. Memberikan alasan kononnya dia *defense* Islam berdasarkan Perlembagaan. Saya pun tak nampak dari segi *provision* mana dalam Perlembagaan apabila kita menyeru orang membakar al-Kitab ini dikatakan membela Islam.

Dekat mana, artikel berapa yang dikatakan itu? Jadi ini jelas menunjukkan bahawa ada satunya *double-standard selective prosecution*. Saya ingin jelaskan juga kepada Yang Berhormat Bandar Kuching, sebenarnya di dalam akta hasutan ini jelas adanya unsur diskriminasi, unsur *selective prosecution* dan *double-standard*. Saya hendak bagi contoh dalam kes-kes yang melibatkan beberapa orang, kenyataan yang diambil tindakan kerana dikatakan menghina Raja. Sekejap...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, 10 minit tinggal Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sikit, sikit. Saya hendak katakan, Akta Hasutan ini telah disalahgunakan. Sebagai contoh, dalam *Utusan Malaysia* tahun 1983, ini laporan akhbar ini. UMNO minta siasat harta Raja-Raja. Tahun 1983 kenyataan ini sampai sekarang tidak ada pendakwaan. PEMUDA minta Raja jangan campur tangan, 1983 daripada UMNO. Ini daripada Kerteh ini bekasnya, Sultan Kelantan diminta usah berpolitik. Ini juga, Raja enggan dengar suara rakyat, tak kekal. Ini semua kenyataan-kenyataan dari *Utusan Malaysia*. Ulama wajar nasihatkan Raja daripada Timbalan Perdana Menteri. Perak berkuasa pecat Raja. Raja enggan dengar suara rakyat. Ini semua tahun 1983, kenyataan yang menghina Raja, tetapi sampai sekarang tidak ada pendakwaan. Tiba-tiba, Yang Berhormat Shah Alam bercakap sikit sahaja tentang perlunya kita naikkan institusi raja ini dengan kekalkan Raja Berperlembagaan, didakwa. Jadi saya hendak tanya, setujukah atau Sultan telah disalah guna oleh UMNO untuk mendiamkan rakyat dan juga untuk menzalimi rakyat...?

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Setuju, setuju, setuju!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bandar Kuching, lapan minit tinggal.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Lapan minit tinggal? *[Ketawa]* Okey, ya saya hendak ulang lagi walaupun lapan minit tinggal.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Yang Berhormat Bandar Kuching, boleh saya mencelah?

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Tak apa, tak apa, tak apa.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Dua minit, dua minit.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Masa cukup. Lapan minit tinggal sahaja.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Referendum.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Lapan minit tinggal sahaja, masih mahu gaduh?

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Dua minit, dua minit, referendum.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Tak mahu, tak mahu. *The only way for the Barisan Nasional government though to redeem itself is to charge Ibrahim Ali in court... [Dewan riuh]* And to withdraw the statement, dengan izin.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Ibrahim Ali. Yang Berhormat Bandar Kuching, dua minit.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Jangan bagi, jangan bagi alasan bahawa ini peguam negara yang tidak mahu berpendapat bahawa tak ada langkah-langkah undang-undang. Kalau peguam negara tidak sudi mendakwa Ibrahim Ali, pecatkan itu peguam negara. Tukarkan Peguam Negara!

**Seorang Ahli:** Setuju!

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Kalau tidak, kerajaan itu sendiri yang membiarkan dan menggalakkan sifat pelampau agama sedemikian. *Religious* ekstremisme. Tuan Yang di-Pertua, ini bukan matlamat Sarawak dan Sabah membentuk, menyertai membentuk Malaysia pada tahun 1963.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Yang Berhormat Bandar Kuching boleh sebut...

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Tindakan ekstremisme..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tak bagi Yang Berhormat...

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Agama sebegitu akan memusnahkan dasar pembentukan Malaysia. Isu ketiga...

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Yang Berhormat Bandar Kuching, dua minit tentang referendum dan Sarawak.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Tak, tak, tak, tak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tak bagi jalan Yang Berhormat.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Bandar Kuching, sekejap Yang Berhormat Bandar Kuching, tambahkan.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Isu ketiga, saya ingin menyatakan sekali lagi, kami di Sarawak menghormati agama satu sama lain...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Penampang bangun Yang Berhormat.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Yang Berhormat Bandar Kuching sekejap..

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Tidaklah, tidak ada masa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tak, tak bagilah, duduklah Yang Berhormat.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Sekejap, tambah sahaja.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Oh, Dorell boleh [*Ketawa*]

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Okey, terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching [*Dewan riuh*] Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga MP Kuching. Boleh minta tambah satu isu juga Yang Berhormat Bandar Kuching iaitu seminar Ancaman Kristianisasi di UiTM yang telah dipertahankan oleh Timbalan Perdana Menteri. Beliau menjawab bahawa seminar itu adalah fakta dan perbincangan dalam seminar sepatutnya dilihat secara positif. Seminar itu adalah satu seminar yang telah mengancam dan mengkritik orang-orang Kristian dan saya rasa ini tidak sepatutnya terjadi di negara ini. Terima kasih.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Yang Berhormat Bandar Kuching, satu minit nak tanya.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Ya lah, masuk dalam ucapan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Kangsar nak bagi Yang Berhormat?

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Tak apalah, tak apalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tak bagi Yang Berhormat.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Itu rakan saya dari Sabah, kena pasti kasi jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tak sama waktu Yang Berhormat, duduk.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Saya ingin menyatakan sekali lagi...

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Saya hendak tanya Yang Berhormat Bandar Kuching, Yang Berhormat bandar Kuching *one minute*..

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Kami di Sarawak menghormati agama satu sama lain. Dalam Perlembagaan Sarawak, tidak tertakluknya agama rasmi dan tidak ada konsep ketuanan Melayu di Sarawak. Pada bulan Mei tahun ini, sekumpulan orang dari Semenanjung Malaysia yang bekerja untuk Jabatan Pendidikan Malaysia pergi ke Balai Ringin, Seri Aman bagi menjalankan beberapa program anak angkat bertujuan untuk menukar agama anak-anak Iban yang penganut Kristian kepada penganut Islam.

Apabila ini telah didedahkan dalam media, program tersebut dihentikan. Bulan ini, satu lagi kumpulan yang lain, Yayasan Amal Malaysia pergi ke Belaga, untuk cuba menukar kepercayaan Orang Asli kepada Islam. Ini telah didedahkan dalam berita dan telah dihentikan oleh Kerajaan Sarawak. Kami DAP Sarawak, menyokong sepenuhnya pendirian Kerajaan Sarawak yang tidak membenarkan segala perbuatan menyebarkan Islam di kalangan masyarakat Kristian. Saya mendesak Kerajaan Persekutuan, UMNO BN untuk menghormati hak-hak rakyat Sarawak. Jangan cuba untuk menghuru-harakan hubungan yang harmoni di antara agama-agama yang berbeza di Sarawak. Jangan cuba eksportkan ekstremisme agama ke Sarawak.

Saya ingin tahu, pada masa ini berapa banyak lagi kumpulan-kumpulan sebegini telah dihantar oleh Kerajaan Persekutuan di bawah apa jua kementerian, Kementerian Kebajikan Masyarakat, Kementerian Pendidikan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar atau apa-apa kementerian untuk menjalankan program-program menukarkan Kristian di pedalaman Sarawak kepada penganut agama Islam. Saya menggesa Kerajaan Persekutuan agar segera menghentikan melakukan kerja sedemikian dan menarik balik kumpulan-kumpulan itu dari Sarawak.

■ 1640

Isu yang keempat yang saya ingin sentuh adalah mengenai Hospital Sri Aman. Hospital Sri Aman dalam tahun 2011. Pada masa pilihan raya negeri Sarawak, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pergi ke Sri Aman buat janji bahawa hospital baru Sri Aman akan di siap bina, di guna pakai pada hujung tahun 2013. Sekarang sudah sampai hujung 2014. Itu saya tidak nampak apa-apa projek dijalankan. Sungguhpun itu papan iklan, satu lagi projek Barisan Nasional. Papan iklan ini ada lalang, ada rotan tumbuh ke atas papan itu dan pada masa itu penduduk-penduduk di Sri Aman masih tunggu hospital yang baru itu. Ramai pesakit yang harus dihantar ke Hospital Umum Kuching, mereka mati di tengah jalan.

Ini adalah satu janji ditepatikah? Tiga hari lalu Yang Amat Berhormat kata, *you help me, I help you* tetapi rakyat di Sri Aman sudah *help*, sudah bantu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Yang Berhormat Sri Aman pun di sini, Yang Berhormat Sri Aman pun menang Barisan Nasional tetapi hospital tidak ada. Hari ini, tadi saya baru terima satu jawapan hospital yang sepatutnya di bagi, di siap bina tahun 2013, sekarang anggaran dijangka siap pada tahun 2018...

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Lima tahun, lima tahun *late*. Apakah *you help me, I help you?*

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** *You never help.*

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Akhirnya saya ada lagi satu perkara yang saya ingin bangkitkan adalah mengenai projek pembinaan Jalan Song di Kapit yang di mana saya telah bangkitkan dalam soalan saya, kenapa tender terbuka ini dijadikan dengan diam-diam, ditukar kepada *selected* tender. Telah di terbit dalam surat khabar untuk dijalankan melalui tender terbuka selepas kontraktor-kontraktor *submit* tender, dia ditukar kepada *selected* tender. Ini adalah Pakej B, Pakej C untuk Jalan Song, Kapit dan untuk Batang Kanowit, itu



jambatan Kanowit. Alasan yang diberi adalah untuk supaya projek ini perlu disegerakan tetapi sampai hari ini walaupun *selected tender project* ini belum *out work* lagi. Sudah *delay by six months* dan akhirnya saya juga ingin merujuk kepada apa dikatakan oleh Yang Amat Berhormat, yang saya tahu Tuan Yang di-Pertua. Itu *last topic*, supaya peniaga-peniaga jangan mengambil kesempatan untuk menaik harga barangan mereka.

Akan tetapi saya ingin merujuk kepada satu kes UTC iaitu *Urban Transformation Centre* yang baru disiapkan, boleh dioperasi di Kuching. *UTC Centre* itu dibina di kompleks letak kereta bertingkat, dua tingkat telah digunakan untuk *UTC Centre* ini dan kos pembinaannya RM48 juta. Ini amatlah terlampau dan tapi ada isu yang lain selepas *UTC Centre* ini boleh diguna, syarikat mengurus *parking* sistem itu. Itu syarikat SEDC, *Sarawak Economic Development Corporation*. Ini syarikat agensi kerajaan. Menaikkan harga *parking fee* nya 100%. Dulu satu jam RM1.00. Selepas ini *UTC* boleh beroperasi satu jam RM2.00. Bukankah ini ambil kesempatan. Belum lagi peniaga-peniaga naik harga mereka. Belum lagi GST dilaksanakan, sudah agensi kerajaan negeri yang ambil kesempatan untuk menaikkan harga dan membebankan rakyat.

Oleh itu saya seru kepada kerajaan supaya Menteri yang berkenaan supaya mengambil tindakan atas agensi negeri Sarawak ini, SEDC yang mengambil kesempatan itu untuk membebankan rakyat. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu Sapi.

#### 4.46 ptg

**Datuk Linda Tsen Thau Lin [Batu Sapi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada 10 Oktober 2014, Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan kita, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak telah membentangkan Bajet 2015 di Dewan yang mulia ini dan mencadangkan jumlah peruntukan sebanyak RM 223.9 bilion. Belanjawan telah mengambil kira kehendak jangka panjang negara, menitik beratkan kesejahteraan rakyat, mengurangkan defisit dan mengukuhkan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua kita sedia maklum bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyediakan Belanjawan 2015 melalui satu proses panjang yang melibatkan ramai kumpulan berkepentingan ataupun *stakeholders*, dengan izin. Saya percaya Belanjawan 2015 yang telah dibentangkan akan mendapat sambutan yang baik dan saya menyokong penuh Bajet 2015 yang bertemakan, "Ekonomi Keperluan Rakyat" dan merangkumi tujuh strategi utama.

Walau bagaimanapun, izinkan saya memberi sedikit cadangan dan ulasan berkaitan dengan Bajet 2015 yang telah dibentangkan dengan merujuk kepada pandangan dari sudut negara, negeri Sabah dan kawasan yang saya wakili iaitu kawasan Batu Sapi bagi tujuan penambahbaikan terhadap Bajet 2015 ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang wakil rakyat wanita, saya menyokong penuh strategi kelima bajet kali ini iaitu memartabatkan peranan wanita termasuk memperkukuh program pengarah wanita untuk mencapai 30% penglibatan wanita dalam kumpulan pembuat keputusan. *Program 1Malaysia Support for Housewife* dan *Program Women Career Come*

*Back*, dengan izin. Saya yakin program-program ini akan menggalakkan kaum wanita memainkan peranan yang lebih aktif dalam pembangunan negara dan memberi lebih banyak sumbangan kepada kesejahteraan rakyat.

Saya juga menyokong cadangan untuk memberi lebih banyak bantuan kepada Orang Kurang Upaya (OKU) dengan menaikkan kadar bantuan iaitu bagi OKU bekerja dinaikkan daripada RM300 kepada RM350 dan bagi OKU tidak bekerja daripada RM150 kepada RM200. Penambahan kadar bantuan ini mencerminkan keikhlasan kerajaan untuk mewujudkan masyarakat penyayang terutamanya bagi golongan yang kurang bernasib baik ini. Tuan Yang di-Pertua, saya memuji langkah untuk menambahkan perkampungan di persisiran pantai di Pantai Timur Sabah ke kawasan darat.

Kebanyakan rumah di kampung-kampung air ini adalah kampung papan yang mudah terbakar. Saya mencadangkan rumah batu kos rendah dibina dengan bantuan kewangan kerajaan di kawasan perkampungan baru supaya rakyat tempatan mendapat tempat tinggal yang selesa dan tanpa risiko kebakaran yang tinggi selain daripada peningkatan pengawalan keselamatan di kawasan ESSZONE ini. Sehubungan dengan ini oleh kerana di kawasan Batu Sapi terdapat banyak rumah papan, baik di kampung, di darat mahupun di air.

#### ■1650

Saya menggesa Jabatan Bomba dan Penyelamat membina sebuah balai bomba di kawasan Batu Sapi dengan segera untuk menyelamatkan nyawa dan harta dengan lebih cepat apabila kebakaran berlaku di rumah papan di kawasan ini. Seperti kebakaran yang berlaku baru-baru ini di Kampung Pukat, di mana 14 buah rumah telah dijilat api dan Kampung Karamunting Baru yang memusnahkan 30 buah rumah papan dan mengakibatkan kerosakan di 8 buah rumah papan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan untuk memperuntukkan RM660 juta kepada Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM) untuk memperkukuhkan keselamatan di kawasan Zon Keselamatan Pantai Timur Sabah (ESSZONE) sangat dialu-alukan. Penempatan satu batalion Pasukan Gerakan Am dan satu batalion tentera darat dengan jumlah anggota baru seramai 1280 anggota di kawasan ESSCOM. Langkah-langkah lain untuk melindungi rakyat di Pantai Timur Sabah daripada ancaman pegganas dan penculik akan dapat menjamin ketenteraman dan merangsang kegiatan ekonomi di sana. Terutamanya dalam sektor pelancongan dan perikanan yang telah merosot sejak penculikan yang kerap berlaku pada awal tahun ini dan pelaksanaan perintah berkurung sejak bulan Julai tahun ini. Dengan peningkatan pengawalan keselamatan di Pantai Timur Sabah, mudah-mudahan perintah berkurung boleh ditamatkan tidak lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, banyak projek lebuhraya termasuk Lebuhraya Pan Borneo yang melibatkan jajaran Sabah sepanjang 727 kilometer dan landasan kereta api bertaraf antarabangsa yang dicadangkan dalam Bajet 2015 akan memberikan manfaat kepada rakyat. Malangnya Sabah yang meliputi keluasan 73,000 kilometer persegi kurang diberikan perhatian. Di Sabah, jaringan jalan raya masih tidak memuaskan dan liputan landasan kereta api pula tidak pernah ditambah sejak zaman penjajahan British iaitu hanya terdapat sebuah landasan kereta api dari Kota Kinabalu ke Tenom di bahagian selatan pantai barat sahaja. Memandangkan kemudahan infrastruktur asas seperti jalan raya dan landasan kereta api

sangat penting untuk pembangunan ekonomi sesebuah kawasan, saya menggesa Kerajaan Persekutuan memberikan perhatian kepada Sabah terutamanya pembinaan jalan raya yang bermutu tinggi dan perwujudan rangkaian landasan kereta api untuk menghubungkan bandar-bandar utama. Kebanyakan jalan raya di dalam bandar dan luar bandar di Sabah juga dalam keadaan yang buruk. Sebagai contohnya Jalan Batu Sapi dan Jalan Labuk di kawasan Parlimen saya telah dalam proses menaik taraf dalam tempoh yang lama. Akan tetapi para pengguna kedua-dua jalan ini masih terpaksa menggunakan jalan yang sempit dan buruk dan menyebabkan kesesakan lalu lintas yang teruk. Perhatian juga harus diberikan kepada masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat *Malaysia Year of Festival 2015* adalah satu inisiatif yang sangat baik untuk menarik pelancong asing. Sehubungan dengan ini, penstrukturan organisasi Sistem Penerbangan Malaysia untuk meningkatkan pengurusan dan keselamatan, peningkatan kawalan keselamatan di lapangan terbang dan di destinasi pelancongan dapat menjayakan inisiatif ini. Saya telah perhatikan Kementerian Pengangkutan sedang menaiktarafkan Bangunan Terminal Lapangan Terbang Sandakan. Di sini saya menggesa agar lebih banyak penerbangan terus yang menghubungkan Sandakan ke lebih banyak destinasi di dalam dan luar negara dibuka oleh Kerajaan Persekutuan untuk memacu sektor pelancongan dan sektor ekonomi lain di Sandakan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang Ahli Parlimen dari Sabah saya mengalu-alukan penaiktarafan beberapa buah hospital di Sabah yang dicadangkan dalam Bajet 2015. Malangnya Hospital Sandakan nampaknya ditinggalkan. Saya telah menerima maklumat bahawa kemudahan dan kelengkapan di *Hospital Duchess of Kent*, Sandakan masih kekurangan. Contohnya mesin mamografi telah lama rosak dan tempat letak kereta tidak mencukupi. Saya menggesa Kementerian Kesihatan memberikan perhatian kepada masalah-masalah yang dihadapi di hospital ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun GST yang akan dilaksanakan tahun depan sebagai satu cara tadbir urus fiskal nampaknya akan mengenakan lebih banyak cukai kepada rakyat. Namun dengan pengurangan 1% hingga 3% cukai pendapatan bagi individu, koperasi dan syarikat pemansuhan cukai jualan dan perkhidmatan, penambahan Bantuan Rakyat 1Malaysia sebanyak RM50 hingga RM300, pengecualian banyak barangan dan perkhidmatan daripada GST saya yakin beban GST kepada rakyat adalah minima dan pada tahap yang boleh diterima. Walau bagaimanapun saya telah menerima maklum balas daripada ramai peniaga di Sandakan yang masih belum faham mekanisme pelaksanaan GST.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** *[Bangun]*

**Datuk Linda Tsen Thau Lin [Batu Sapi]:** Memandangkan peniaga-peniaga ini akan membantu mengutip cukai GST adalah wajar kerajaan mengadakan lebih banyak taklimat dan kursus GST untuk peniaga-peniaga dalam bidang perniagaan yang berlainan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Batu Gajah bangun Yang Berhormat.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Sini.

**Datuk Linda Tsen Thau Lin [Batu Sapi]:** Yang Berhormat Batu Gajah.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Sini, sini. Boleh?

**Datuk Linda Tsen Thau Lin [Batu Sapi]:** Okey teruskan.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Apabila Yang Berhormat memulakan perbahasan tadi Yang Berhormat ada mengatakan bahawa dalam Bajet 2015 ini sejumlah wang yang besar iaitu kira-kira RM2.2 bilion disediakan untuk pembangunan wanita. Akan tetapi apabila saya meneliti pada program-program yang akan dilaksanakan untuk kaum wanita, saya tidak nampak apa-apa program ataupun peruntukan yang dikhaskan kepada ibu tunggal. Ia ada peruntukan untuk OKU tetapi saya tidak nampak. Saya hendak tahu sama ada Yang Berhormat ada terlintas atau tidak dalam peruntukan Bajet 2015 ini dikhaskan kepada ibu tunggal. Oleh sebab saya rasa ini merupakan satu masalah yang besar. Di Selangor sahaja saya rasa lebih daripada 25,000 orang ibu tunggal yang berdaftar dan kalau kita lihat di seluruh negara mungkin hampir 500,000 ataupun mungkin lebih daripada itu adalah ibu tunggal dan mereka menghadapi masalah yang begitu susah sekali. Kalau kita turun padang kita berjumpa dengan masyarakat, kita selalu berjumpa dengan kaum wanita yang menghadapi masalah dan kebanyakannya daripada ibu tunggal. Apakah pandangan Yang Berhormat supaya perlu diadakan peruntukan khas untuk membantu golongan ibu tunggal ini. Terima kasih.

**Datuk Linda Tsen Thau Lin [Batu Sapi]:** Terima kasih Yang Berhormat. Mungkin Yang Berhormat Menteri akan menjawab soalan tersebut, *thank you*. Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang Ahli Parlimen dari Sabah, saya mengalu-alukan usaha untuk menyeimbangkan harga keperluan antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Dengan peruntukan RM262 juta untuk membiayai kos pengangkutan dan penguatkuasaan kawalan harga barangan keperluan harian terutamanya di Sabah dan Sarawak. Sehubungan dengan ini, saya telah dimaklumkan oleh peniaga-peniaga di Sabah bahawa sejak 15 Mac 2012, syarikat-syarikat perkapalan telah mengenakan caj tambahan kontena kosong ataupun *local container handling charge* dengan izin, sebanyak RM148 untuk kontena berukuran 20 kaki panjang dan RM260 untuk kontena 40 kaki panjang.

■1700

Di pelabuhan Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau, caj tambahan LCFC sudah tentu menampakkan kos barangan di Sabah dan menjadi beban kepada rakyat di Sabah. Saya mencadangkan caj tambahan dibuat oleh kerajaan dibiayai dengan sebahagian daripada peruntukan RM262 juta ini. Penambahan dua buah Kedai Rakyat 1 Malaysia di Sabah dan tiga buah Kedai Rakyat 1 Malaysia di Sarawak adalah usaha yang baik kerana ia akan meringankan beban rakyat terutamanya rakyat yang berpendapatan rendah di wilayah timur ini.

Tuan Yang di-Pertua sebelum saya mengundur diri sekali lagi saya memberi sokongan penuh kepada Belanjawan 2015 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan dan dengan ini saya menamatkan ucapan perbahasan saya. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pengkalan Chepa.

**5.01 ptg**

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya hendak ucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Bajet 2015. Saya juga hendak mulakan dengan sepotong ayat Quran... [*Membaca sepotong ayat Quran*], Tuan Yang di-Pertua saya memilih ayat ini kerana pertama dari sudut maknanya, "*Maka nikmat tuhan kamu yang manakah yang kamu dustakan*". Apa yang pentingnya ialah dalam surah ini diulang-ulang sebanyak 31 kali di dalam surah yang begitu pendek.

Tujuannya ialah kalau kita tengok hari ini sudah ke-20 orang sudah barangkali Ahli-ahli Dewan yang mengambil bahagian dalam perbincangan dan sudah tentulah ianya pasti akan ada *point-point* atau perkara-perkara yang akan diulang. Jadi pengulangan ini adalah suatu benda yang biasa kerana ianya penting kerana untuk sama-sama kita mengambil kebaikan daripada perbincangan bajet ini.

Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita perhatikan Bajet 2015 ini, saya perhatikan ia merupakan bajet yang berulang seperti mana yang bajet-bajet yang lalu juga yang mana kalau kita perhatikan bahawa bajet ini merupakan bajet yang defisit secara berterusan. Saya rasa ini sudah masuk tahun ke-17 perbelanjaan defisit. Dalam masa yang sama juga hutang negara saban tahun sentiasa meningkat dan kelihatan tidak ada tanda-tanda hutang negara ini akan berkurangan. Hal ini kerana kita melihat bahawa dalam pengurusan hutang ini, negara sentiasa mengadakan hutang-hutang yang baru dan juga *refinance* hutang-hutang yang lama.

Ketiga, kita juga dapat memerhatikan daripada bajet-bajet yang lepas dan ke hari ini, jurang pendapatan antara miskin dan kaya terus melebar. Begitu juga jurang pengagihan kekayaan di antara wilayah, antara negeri-negeri maju dan negeri-negeri yang miskin juga kian melebar, itu adalah pemerhatian. Kos sara hidup rakyat juga dari saban tahun juga kita melihat sentiasa meningkat. Hutang isi rumah juga sentiasa meningkat.

Jadi kita lihat bajet tahun ini merupakan bajet terakhir dalam Rancangan Malaysia Ke-10. Apakah kerajaan mencapai sasaran Rancangan Malaysia Ke-10? Salah satu benda yang dilihat gagalannya ialah selain daripada yang saya sebutkan tadi ialah pertumbuhan KDNK kita yang dijanjikan setiap 6% setiap tahun tidak pernah dicapai.

Tuan Yang di-Pertua begitu juga dengan dasar fiskal kita yang banyak boleh diperbaiki. Persoalan rasuah tidak dapat dinafikan. Persoalan rasuah merupakan suatu gejala yang besar bagi negara kita yang ditunjukkan oleh indeks persepsi rasuah. Ini adalah suatu fakta. Begitu juga mengenai pembaziran, pemborosan, dan ketirisan juga adalah suatu fakta yang disebutkan oleh Ketua Audit Negara walaupun ianya tujuan untuk pembaikan, *continues corrective correction* tetapi ianya merupakan suatu yang berterusan.

Begitu juga tata kelola mengenai monopoli juga masih banyak yang kita sendiri tahu bahawa kesan monopoli itu sendiri ialah tidak ada persaingan harga yang menyebabkan harga barangan itu akan menjadi tinggi. Itu juga masih menjadi keutamaan atau masih lagi berjalan di negara kita.

Seterusnya juga disebutkan oleh kawan-kawan yang lain juga ialah cara kerajaan menganugerahkan projek-projek mega yang kita tahu ada tender secara terbuka dan tender

runding. Kedua kaedah ini kita semua sudah tahu bahawa tender runding harganya lebih mahal daripada tender terbuka. Kenapa Kerajaan masih meneruskan dan kerajaan memilih tender runding yang mengakibatkan kerugian kepada pendapatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, daripada keadaan ini kita melihat pada kewangan kerajaan itu tertekan dan hasil daripada keadaan tersebutlah maka kerajaan memperkenalkan satu GST, yang kedua rasionalisasi subsidi petrol dan juga bukan petrol. Dua keadaan ini ialah cara kerajaan untuk mendapatkan pendapatan. Kalau kita tengok rasionalisasi petrol misalnya, kenaikan 20 sen akibat rasionalisasi selepas PRU Ke-13 kita semua tidak dapat nafikan bahawa daripada kenaikan harga itu harga barang menjadi tinggi, inflasi juga tinggi. Maknanya kerana kos tolakan inflasi itu terjadi.

Dengan demikian kos kenaikan barangan dan kenaikan kos sara hidup itu daripada mula kita menarik subsidi 20 sen itu sehingga hari ini masih terasa. Dua, tiga hari sebelum pembentangan bajet, sekali lagi kerajaan menarik petrol dan sudah tentulah ini akan memberi kesan kepada inflasi dan seterusnya meningkatkan harga barangan. Saya malaslah hendak sebut BN ini "*barang naik*" tetapi kebetulan "B-N" itu "*barang naik*". Jadi dengan yang demikian Tuan Yang di-Pertua..., "*Tidak gelar*" [Ketawa] Dengan sendirinya kos hidup rakyat makin meningkat.

Kemudian kerajaan pula memperkenalkan pula GST. Ramai kita sudah berbincang fasal GST. Teman-teman sebelah sana dan di sini juga semua masing-masing memberi pendapat mengenai GST. GST katanya daripada 10% kepada 6%. GST lebih gagah kerana *broad base*, *tax* kan. Itu kerajaan. Kesemuanya itu sama ada rasionalisasi atau pun GST, kesemuanya adalah mekanisme kerajaan untuk mendapatkan *revenue* atau untuk meningkatkan pendapatan.

GST yang dikatakan *broad base* Tuan Yang di-Pertua, ia merupakan peralihan cukai daripada orang-orang kaya dan maha kaya kepada miskin dan kesemuanya. *Broad base* memberi erti bahawa Si OKU pun kena cukai, penerima BR1M kena cukai, nelayan subsidi kena cukai dan kesemua orang kena cukai. Pengalihan yang membawa yang menyebabkan jurang kekayaan, jurang miskin kaya semakin melebar. Golongan miskin makin terhimpit dan yang kaya terus kaya. Ia merupakan cukai regresif.

Tuan Yang di-Pertua di dalam pembentangan bajet yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, satu perkara saya perhatikan yang tidak disentuh secara bersungguh-sungguh yakni cita-cita tekad dan kesungguhan untuk memerangi gejala rasuah, memerangi gejala boros, memerangi gejala tiris. Tidak disebut, tidak nampak kesungguhan kerajaan. Walhal di dalam perbelanjaan ini, itu lah perkara penting, pengurusan yang adil, pengurusan yang amanah itulah sebenarnya tata kelola itu yang disebut tata kelola seperti mana yang saya sebutkan tadi. Mengatasi perkara rasuah, tiris, boros dan bocor ini serta monopoli di keluarkan dan juga cara pemberian kontrak secara tender terbuka, ini lah yang boleh menyelamatkan kewangan negara kita.

#### ■1710

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian saya dengan penuh harapan sungguh-sungguh berharap pada pihak kerajaan untuk sama-sama memerangi sungguh-sungguh gejala

rasuah ini yang indeks persepsi rasuahnya negara kita adalah tinggi. Juga sungguh-sungguh memerangi gejala-gejala yang boleh merosakkan kewangan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sedikit mengenai pengagihan kekayaan antara wilayah, Sabah Sarawak, Kelantan, Kedah, Perlis, Terengganu. Semuanya negeri-negeri miskin di Tanah Melayu. Miskin ini ditunjukkan dengan *indicator mortality, mobility, ratenya tinggi, maternal death rate* tinggi, kadar keciciran tinggi dan kesemuanya mendefinisikan sebuah negeri itu miskin. Negeri-negeri yang saya sebutkan tadi adalah negeri miskin. Tuan Yang di-Pertua, negeri-negeri yang miskin ini adalah sebahagian daripada negeri-negeri Persekutuan di bawah Dasar Federalisme. Negeri-negeri ini juga menyumbang kepada kekuatan ekonomi negara. Segala cukai juga dikenakan kepada mereka dengan kadar yang sama dan kesemua perkara yang sama sahaja di cukai. Oleh yang demikian, negeri-negeri miskin ini Tuan Yang di-Pertua, bukan untuk diratibkan, bukan untuk dihina tetapi negeri-negeri ini mesti diberi bantuan yang lebih daripada negeri-negeri lain untuk mereka keluar daripada kepompong kemiskinan itu. Mereka mesti diberi bantuan untuk mereka keluar daripada kepompong kemiskinan, untuk merancakkan ekonomi negeri masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, untuk...

**Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]:** Yang Berhormat Pengkalan Chepa.

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Sila.

**Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma ingin mengambil perhatian daripada Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Apabila Yang Berhormat menyebut berkaitan dengan negeri-negeri miskin dan seumpama Sabah, Sarawak, Kelantan dan Terengganu, prasangka Yang Berhormat bahawa negeri-negeri ini sebenarnya adalah negeri pengeluar minyak, petroleum. Negeri yang hasil buminya sangat kaya tetapi masih lagi berada dalam senarai negeri miskin. Kenapa perkara ini masih lagi boleh berlaku?

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian. Saya ingat saya akan sebut di akhir perbahasan saya mengenai royalti. Tuan Yang di-Pertua, sayang terutamanya Terengganu. Royalti dapat, kemudian ihsan dapat tetapi masih tersenarai di dalam negeri miskin. Saya rasa ini semua tidak boleh lari daripada apa yang disebutkan tadi. Persoalan rasuah, tiris dan bocor ataupun pembaziran. Ini yang menyebabkan kerajaan walaupun duit banyak. Ingatkah Yang Berhormat sekalian walaupun Terengganu mengambil contoh dan negeri lain contohnya, pendapatan yang tinggi tidak semestinya keluar daripada kepompong kemiskinan sekiranya urus tadbir itu tidak cekap dan tidak amanah. Itu bagi menjawab persoalan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, bagi negeri Kelantan, saya sangat bersyukur kerana ada rakyat Kelantan yang menjadi Menteri, Menteri Kewangan pula. Dalam pembentangan bajet baru-baru ini saya tertunggu-tunggu, ternanti-nanti pengumuman-pengumuman daripada kerajaan bagi projek-projek pembangunan di Kelantan. Antara yang sering disebutkan oleh kawan-kawan ialah pembesaran lapangan terbang. Dalam Laporan Bajet 2015, pengangkutan udara memberi pulangan ekonomi yang baik kepada negara. Justeru itu, kerajaan mengumumkan penambahbaikan lapangan terbang di Sabah dan Sarawak. *Alhamdulillah*, suatu yang bagus.

Cuma Tuan Yang di-Pertua, lapangan terbang domestik yang paling maju di Malaysia ialah Kota Bharu. Penerbangannya 31 buah sehari. Tanahnya telah diambil tahun 70-an. Saya masih bermain guli pada masa itu di tapak lapangan terbang itu.

Kini saya dengan umur sekarang saya sudah jadi wakil rakyat, masih sedemikian, masih sedemikian. Sepatutnya tanah telah diambil itu sedikit sahaja untuk memanjangkan landasan lapangan terbang, memperbesarkan sedikit *parking bay* dia dan mengadakan sedikit kemudahan infrastruktur. Itu sahaja saya tunggu. Namun demikian, saya cukup yakin dan percaya oleh kerana perkara ini ada kaitan dengan pilihan raya, ada kaitan dengan politik. Saya rasa tahun 2017 akan diumumkan kerana dekat dengan tempoh pilihan raya. Sepatutnya perkiraan itu dikemudiankan. Keperluan mendesak ini yang seharusnya diutamakan, satu. Kedua, Lebu Raya Pantai Timur. Saya sebut tadi walaupun kawan-kawan telah menyebut tetapi saya masih ingin menyebut kerana ia suatu benda yang tidak masuk akal. Lebu Raya Pantai Timur berhenti di Besut. Adakah Kelantan tidak sebahagian daripada Negeri Persekutuan. Terasa malu, terasa malu. Bukan malu kerana tidak ada jalan raya. Malu kerana keputusan kerajaan sedemikian rupa terhadap rakyat negeri Kelantan. Itu yang memalukan.

Begitu juga dengan tebatan banjir Sungai Golok. Alih-alih diisytiharkan penempatan banjir. Apa yang ditambah? Tandas. *Allahuakbar*. Kita tahu banjir di Rantau Panjang sampai ke Pengkalan Kubor berlaku setiap tahun dalam keadaan yang besar, yang merugikan rakyat, yang merugikan tanaman rakyat, yang rugikan belaan rakyat, yang merugikan kerajaan negeri sendiri. Nun di sebelah sana, Thailand telah dibuat tebatan banjir. Kita yang satu masa tanah yang lebih tinggi daripada Thailand kerana itu menjadi rendah selepas negara tersebut membuat benteng. Ini satu benda yang saya menunggu-nunggu Kerajaan Pusat tetapi hampa tidak berlaku. Begitu jugalah jaringan jalan raya daripada Merapoh kepada Gua Musang. Gua Musang ke Kuala Krai, Kuala Krai ke Kota Bharu juga tidak diambil kira. Sedangkan jaringan ini, perhubungan ini daripada sejarah, daripada mana-mana ekonomi pun juga apabila perhubungan ini baik sudah tentulah perkembangan ekonomi dan sebagainya akan menjadi rancak.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Lalan.

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Sila.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tentang Rantau Panjang ini kita tahu di Thailand, mereka sedang berperang, berlaku kekacauan di sana. Dalam keadaan demikian pun Kerajaan Thailand membuat benteng untuk menjaga sempadan mereka. Kenapa kita di negeri Kelantan yang begitu aman, tidak ada masalah apa-apa dan wakil-wakil rakyat kita pun ada di sini, Menteri dari Kelantan pun ada. Pembahas kita pagi tadi Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Yang Berhormat Ketereh pun ada. Kenapa masih lagi negeri Kelantan dianaktirikan sedemikian rupa? Terima kasih.

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Puteh. Kalau kita perhatikan keutamaan perbelanjaan walaupun Thailand dalam keadaan bergolak di Selatan Thailand. Akan tetapi kerana itu adalah keutamaan bagi rakyatnya, maka mereka melakukan perkara yang tersebut. Bagi kita walaupun kita ada semua Ahli-ahli daripada kerajaan yang asal daripada Kelantan tetapi mereka tidak berasa prihatin barangkali kepada



rakyatnya. Ataupun saya harap, saya harap janganlah ucapan Perdana Menteri bersama masyarakat Tionghoa itu dipraktikkan di Kelantan. Maknanya, kalau tidak sokong Barisan Nasional, tidak ada peruntukan. Janganlah didera rakyat Kelantan.

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta mencelah.

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Sekejap, sekejap saya habiskan dahulu.

■1720

Nak kata dera pun boleh, nak kata buli pun boleh, nak kata anak tiri pun boleh. Apa salah, kerana semua yang dilakukan oleh kerajaan *insya-Allah* sekiranya memberi perkara-perkara tersebut dan ekonomi Kelantan pulih, ekonomi Kelantan maju semuanya hasil itu juga kita berkongsi dengan kerajaan pusat dan kesemuanya itu maju, namanya juga boleh kepada kerajaan pusat. Akan tetapi kenapa...

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya tanya sedikit? Saya hendak tanya Yang Berhormat Pengkalan Chepa sama ada, ada dengar tidak apa yang PM cakap pada Perhimpunan Agung MCA, itu bukannya yang dia cakap. Dia cuma cakap bahawa kerajaan sudah banyak bantu masyarakat Cina, harap masyarakat Cina juga sokong BN. Dia tidak kata, tidak sebut sokong tidak bagi apa, dia ini bukan satu ancaman. *[Dewan riuh]*

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Terima kasih. *[Ketawa]* Minum airkah, air minumkah sama sahajalah. Apa itu, kalau saudara tanya saya, saya pergi dengarkah tidak? Saya tidak dengar kerana alat-alat perhubungan komunikasi terlalu banyak, jadi saya kutip dari yang itu. Baiklah. *[Disampuk]* Bangun kalau hendak tanya. *[Disampuk]* Ada jangan dok bergaduh. Rehat sekejap.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang amat sensitif tetapi sudah pun dibuat keputusan itulah royalti. Saya difahamkan bahawa Jawatankuasa Khas telah memutuskan bahawa royalti Kerajaan Negeri Kelantan tidak berhak. Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi rasa kecewa dengan Menteri daripada Kelantan. Daripada sahabat-sahabat daripada Kelantan yang tidak sama-sama membangkitkan hak negeri Kelantan, hak rakyat Kelantan ini.

Tuan Yang di-Pertua, orang yang menggubal undang-undang ini, orang yang menggubal perjanjian ini masih hidup, Tun Salleh Abas. Orang yang melakukan perjanjian ini juga masih hidup, Yang Berhormat Gua Musang. Kenapa dua orang ini tidak diambil kira dalam pembentukan Jawatankuasa Khas ini? Saya faham, kerajaan tidak memberi royalti dan boleh jadi kerajaan akan tukar dengan ihsan tetapi Kelantan bukan mengemis. Dia menuntut haknya dan ihsan pula tidak diberi kepada kantung kerajaan negeri yang sah. Diberi kepada ...

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Minta penjelasan Yang Berhormat Pengkalan Chepa boleh?

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Silakan.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Terima Kasih. Kanda saya daripada Pengkalan Chepa bagi saya peluang. Saya hendak maklum, saya sebagai orang rakyat Kelantan sudah tentulah kalau royalti kalau kita berhak untuk terima kita wajib dan patut menuntutnya. Akan tetapi dalam hal ini mereka sudah buat Jawatankuasa Khas dan negeri kita pula diwakili oleh Tengku Mahkota sendiri dan dipengerusikan orang yang pakar-pakar

tentang undang-undang sejarah dan didapati mereka telah memutuskan bahawasanya Kelantan tidak berhak.

Jadi contohnya adakah patut, kadang-kadang saya pun merasa malu kita hendak menuntut bukan barang kita. Contohnya, kalau yang di Sarawak bolehkah kita tuntutan minyak ada dekat Sarawak. Itu bukan hak kita. Jadi memanglah ada *grey area* mungkin Ahli Parlimen Kota Bharu dia pakar undang-undang juga mungkin boleh tetapi dalam hal ini saya rasa kita tidak patut menuntut bukan hak kita. Terima kasih.

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Terima kasih Yang Berhormat Tanah Merah. Yang Berhormat Tanah Merah sebut *grey area*. Yang Berhormat Tanah Merah sebut *grey area*. Benda yang boleh diperbahaskan. Pakar-pakar undang-undang yang membincangkan soal royalti ialah yang datang pada peringkat akhirnya. Orang yang merangka perjanjian, orang yang menandatangani perjanjian, orang yang maklum situasi semasa itu masih ada dan masih wujud. *[Tepuk]* Kalau *grey area* itu betul kita boleh berbincang.

Pada pandangan saya ialah itu hak kerajaan negeri. Seperti mana juga Terengganu juga tahun 1978 diberikan hak royalti tetapi ditarik balik akhirnya kerana pertukaran pentadbiran ataupun pemerintah. Itu sahaja kemudian kekalkan dengan wang ihsan diberi seperti itu juga, dialihkan sahaja. Sebab apa perbezaan wang ihsan dengan royalti, Tuan Yang di-Pertua, kalau royalti mesti masuk kepada kantung kerajaan negeri, ihsan boleh kepada JPP.

**Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]:** *[Bangun]*

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Ya, sila Yang Berhormat Kubang Kerian.

**Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]:** Terima kasih Yang Berhormat Pengkalan Chepa sedikit sahaja. Agak-agak Yang Berhormat Pengkalan Chepa kalaulah takdir minta jauh daripada Allah, Kelantan itu diperintah oleh BN agak-agak boleh kah tidak royalti itu?

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Mudah sahaja hendak jawabnya. Jawapannya begini, dia tidak bagi royalti, dia bagi ihsan juga tetapi JPP itu tidak ada. JPP itu tidak ada seperti mana JPP tidak ada di negeri-negeri lain diperintah oleh UMNO-Barisan Nasional semudah itu sahaja. Duit yang sama sahaja. Sekarang ini hendak lari duit itu daripada masuk kantung kerajaan negeri, itu sahaja. Okeylah, habislah royalti sedikit sahaja. Saya sentuh sedikit sahaja. Saya harap kawan-kawan saya daripada Barisan Nasional rakyat Kelantan memperjuangkan hak yang sama untuk kebajikan, keperluan rakyat Kelantan agar ianya keluar daripada kepompong kemiskinan kita.

Tuan Yang di-Pertua, habis bahagian royalti rasional dari Kelantan saya ingin menyentuh sedikit mengenai kebanjiran warga asing. Saya melihat seolah-olah tidak terkawal tentang kebanjiran warga asing ke Malaysia ini sama ada yang datang berdokumen ataupun yang tidak berdokumen. Itu memberi kesan yang sangat besar kepada negara kita dari sudut jenayah, dari sudut perkongsian tenaga kerja, dan juga dari sudut pengalihan tempat-tempat perniagaan seperti kedai-kedai runcit dan sebagainya.

Saya berharap sangat kerajaan memantau seperti mana negara-negara lain yang juga mempunyai undang-undang yang tegas. Saya melihat seolah-olah warga asing yang datang

ke sini boleh mengaut keuntungan kekayaan, boleh membina empayar perniagaan dan sebagainya. Saya harap perkara ini diambil kira oleh pihak kerajaan.

Seperkara lagi Tuan Yang di-Pertua, di dalam...

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Yang Berhormat Pengkalan Chepa, Yang Berhormat Pengkalan Chepa laluan.

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Silakan.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat Pengkalan Chepa dalam isu berkenaan dengan warga asing ataupun pekerja-pekerja asing yang ada di dalam negara kita yang kita lihat semakin hari semakin bertambah. Terutama kalau kita lihat di kawasan saya sendiri di kawasan Parlimen Bukit Gantang, di kawasan-kawasan kilang, kita kadang-kadang kita sudah merasakan kita berada bukan di dalam negara kita.

Soalan saya ialah apakah kebanjiran pekerja-pekerja asing dalam negara kita ini ialah sebagai salah satu usaha untuk membuat perniagaan di kalangan kroni-kroni tertentu seperti mana yang pernah disebut oleh Allahyarham P.Ramlee, berniaga manusia lebih untung daripada berniaga binatang. Terima kasih.

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gantang. Patut kena tambah perkataan "Wow!" itu baru betul. Saya tidak ada maklumat mengenai perniagaan manusia seperti mana cerita P.Ramlee. Namun demikian, kita semua maklum daripada pihak kerajaan mahupun kita sini amat maklum mengenai kebanjiran warga asing bukan sahaja di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur malah seperti di Kota Bharu dan mana-mana sahaja mereka menguasai hampir semua bidang daripada pekerja rendah sehinggakan menguasai perniagaan.

Itu yang kita memang perhatikan dan juga statistik juga menunjukkan bahawa kadar jenayah sama ada jenayah pengedaran dadah, jenayah seksual mahupun jenayah rompakan sangat tinggi berlaku di kalangan warga asing. Oleh yang demikian, saya berharap kerajaan mengambil inisiatif yang bersungguh-sungguh untuk membendung, mengatasi perkara-perkara ini.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, mengenai biasiswa yang ini saya ingin fokuskan sedikit kepada Bumiputera sesuai dengan fasal 153 Perlembagaan Malaysia hak pendidikan dan hak bantuan pendidikan. Kalau dahulunya kita ada dermasiswa, ada biasiswa semasa saya belajar, kemudian dermasiswa ditarik, biasiswa hendak diberikan kepada kursus-kursus profesional secara automatik dan kini kursus-kursus profesional seperti mana kedoktoran tidak secara automatik.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mendapat peluang belajar dalam kursus profesional seperti kedoktoran ini, mereka telah bersaing sedemikian rupa untuk mendapat CGPA 3.8 atau 4.00. Begitu sekali susah. Mereka telah bersaing dengan penuh kesusahan untuk mendapat tempat di bahagian profesional ini. Tiba-tiba dasar baru pula, kita meletakkan syarat pula di dalam fakulti profesional ini untuk bersaing untuk CGP tertentu pula baru boleh biasiswa.

■1730

Saya ingin mencadangkan kepada kerajaan agar kursus-kursus profesional ini seperti doktor, *dentist* dan sebagainya ini diberi biasiswa secara automatik bersesuaian dengan hak-

hak istimewa Melayu dalam Fasal 153 Perlembagaan Malaysia. Saya tidak mahu perkara-perkara kepentingan ataupun hak asasi itu tercatat di dalam hak istimewa tetapi tidak dilaksanakan. Ia mendapat perhatian daripada orang lain seolah-olah Melayu dapat semua tetapi ia hanya terletak pada catatan sahaja. Saya berharap Menteri Pendidikan melaksanakan perkara yang tersebut itu. Itu satu.

Kedua... Hendak bangun?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, masa sudah habis, Yang Berhormat.

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Apa dia?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Masa habis.

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Saya gulunglah sikit, Tuan Yang di-Pertua. Daripada apa yang disebut awal tadi, pendapatan negara, walau sebanyak mana sekalipun pendapatan negara diraih melalui apa cara sekalipun, sama ada rasionalisasi subsidi mahupun GST, selagi mana pengurusan kewangan tidak ditadbir urus dengan baik, maka ia akan menjadi tempang. Apabila pengurusan ini tempang, tidak ada jaminan bahawa GST itu akan kekal pada 6%. Tidak ada jaminan bahawa senarai barangan yang dikecualikan itu tidak dikurangkan dan tidak ada jaminan bahawa *zero rated item* itu akan tidak dikenakan. Tidak ada jaminan. Oleh yang demikian, kesimpulan dari sudut pengurusan tata kewangan yang beramanah itu amat penting. Itu satu.

Kedua, saya sebagai rakyat sebuah negeri yang miskin, sekali lagi meminta agar perkara-perkara yang saya sebutkan tadi seperti pengangkutan udara, pengangkutan darat, boleh jadi pelabuhan, diwujudkan di Kota Bharu bagi mengembangkan perkembangan ekonomi negeri Kelantan.

Akhirnya, hak-hak istimewa Melayu yang ada pada Fasal 153, Perlembagaan Malaysia itu perlulah ditunaikan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tanah Merah.

### 5.33 ptg.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk turut mengambil bahagian dalam berbahas Rang Undang-undang Perbekalan atau Bajet 2015 yang dibentangkan pada Jumaat lalu.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Pekan selaku Menteri Kewangan kerana membentangkan satu bajet yang saya anggap telah menghapuskan segala kegelisahan, menghilangkan segala kebimbangan dan melenyapkan segala keraguan rakyat berhubung langkah kerajaan bagi membela nasib mereka.

Bajet 2015 yang memperuntukkan RM273.9 bilion bukanlah satu fantasi mahupun ilusi sepertimana yang sering dilakukan oleh pakatan pembangkang bagi meraih populariti. Ia adalah satu bajet realiti yang akan mampu mengurangkan beban hidup rakyat. Kalau diteliti, tiada mana-mana kelompok yang terpinggir atau di pinggir, terasing atau diasingkan. Sebaliknya, daripada kanak-kanak di bangku sekolah hingga pelajar di universiti, daripada pak

tani di sawah hingga Ahli Parlimen, semuanya mendapat pembelaan. Malah, sama ada seorang itu tinggal di desa mahupun di kota, Bajet 2015 pasti membawa limpahan pembangunan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada apa yang dibentangkan oleh Perdana Menteri, adalah jelas ia membuktikan kesungguhan untuk membela nasib rakyat. Walau bagaimanapun, sama ada matlamat kerajaan itu mampu dicapai atau tidak, ia bergantung kepada sejauh manakah pelaksanaan sesuatu perancangan tersebut dilakukan secara telus dan penuh integriti.

Menyentuh soal ini, saya berharap kerajaan akan memberi penekanan untuk meningkatkan integriti dalam kalangan penjawat awam bagi memastikan mereka bukan sahaja mampu melaksanakan apa yang sudah dirancang dalam Bajet 2015 dengan berkesan tetapi juga mengelakkan diri daripada terjebak dalam penyelewengan mahupun ketirisan. Sama ada kita hendak mengakui ataupun tidak, penyelewengan dan ketirisan inilah yang menyebabkan kerajaan menanggung kerugian berbilion ringgit setiap tahun hingga mendorong kepada peningkatan perbelanjaan kerajaan.

Sebagai contoh, sepertimana yang ditegaskan oleh Perdana Menteri ketika membentangkan Bajet 2015, kerajaan telah memperuntukkan RM588 juta bagi berbagai-bagai subsidi pada tahun 1994. Jumlah ini telah meningkat kepada RM40.5 bilion pada tahun 2014. Oleh itu, saya menyokong penuh langkah kerajaan untuk merasionalisasikan subsidi khususnya bagi petroleum bagi memastikan pemberian subsidi lebih tersasar serta mengurangkan ketirisan dan penyelewengan.

Baru-baru ini, akhbar Utusan Malaysia telah mendedahkan mengenai penyelewengan bahan bakar itu yang mengakibatkan kerajaan kerugian berjuta-juta ringgit. Bagaimanapun, melalui Ops Titik yang dilancarkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, kegiatan tersebut mampu dikurangkan.

Walaupun bagaimanapun, apa yang menjadi kegelisahan kepada kita ialah bagaimana penyelewengan ini juga dikatakan turut melibatkan peranan oleh segelintir penguat kuasa yang bekerjasama dengan sindiket. Begitu juga apabila pasukan khas mendedahkan mengenai amalan rasuah yang menyebabkan kegiatan penyeludupan arak dan rokok bermaharajalela.

Dua contoh ini harus dijadikan sandaran kepada kerajaan untuk meningkatkan integriti di kalangan penjawat awam khususnya mereka yang terlibat dengan penguatkuasaan undang-undang. Saya percaya dan yakin, jika mereka yang tidak jujur dan amanah ini dapat dihapuskan daripada menjadi barah dalam perkhidmatan awam, sudah pasti apa yang dirancang dalam Bajet 2015 akan tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, selama ini, apabila kerajaan membentangkan bajet, kita dimaklumkan mengenai pelbagai program yang akan dilaksanakan sama ada untuk meningkatkan taraf hidup rakyat mahupun pembangunan. Sepertimana yang saya katakan tadi, niat kerajaan sememangnya baik. Akan tetapi, kita tidak pasti bagaimana di peringkat pelaksanaan di semua agensi yang terlibat.

Oleh itu, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan di Dewan yang mulia ini untuk mewujudkan satu jawatankuasa khas yang akan bertanggungjawab memantau semua perkara yang sudah digariskan di dalam Bajet 2015. Jawatankuasa ini bolehlah diketuai oleh seorang

Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab untuk menjawab di Dewan Rakyat apa yang sudah, belum dan sedang dilaksanakan apabila peruntukan dalam Bajet 2015 berkuat kuasa pada tahun hadapan.

Melalui cara ini, ia akan menampakkan ketelusan kerajaan dalam membawa kesejahteraan rakyat dan mengelakkan ia dijadikan bahan oleh pakatan pembangkang untuk menuduh kerajaan tidak menunaikan janji sepertimana apa yang sudah tertera di dalam Bajet 2015. Saya juga percaya penubuhan jawatankuasa khas ini akan mampu mengelakkan ketirisan dan penyelewengan yang akhirnya boleh menjejaskan imej kerajaan. Saya juga dalam bab ini, seperti yang disentuh oleh rakan saya Yang Berhormat Pengkalan Chepa mengenai tuntutan amanah, saya setuju dengan beliau dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana menaikkan pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia mulai tahun hadapan. Saya percaya, sumbangan ini akan sedikit sebanyak mengurangkan beban hidup penerima.

Walau bagaimanapun, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan untuk membuat satu kaji selidik mengenai kehidupan penerima-penerima ini. Saya akui, dengan jumlah penerima yang agak besar, sudah pasti sukar untuk menumpukan kepada semua penerima tetapi kerajaan boleh menyasarkan kelompok tertentu dalam bilangan tertentu untuk membuat kaji selidik mengenai kehidupan mereka. Kaji selidik ini bertujuan untuk melihat daripada aspek apakah kerajaan boleh membantu mereka untuk keluar daripada kategori penerima BR1M. Saya percaya, kalau ini boleh dilakukan, ia adalah satu kejayaan kepada program BR1M kerana program itu bukan sahaja sekadar memberi wang tunai tetapi juga membantu mengubah nasib penerimanya.

Berhubung langkah kerajaan mengurangkan cukai pendapatan individu dari 1% hingga 3% hingga membolehkan 300,000 pembayar cukai tidak lagi perlu membayar, saya menyokong langkah ini. Namun, dalam masa yang sama, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan untuk mempertimbangkan pembayaran bonus khususnya kepada pekerja-pekerja swasta juga dikecualikan daripada cukai. Saya sering mendengar keluhan dari kelompok ini yang bekerja bertungkus-lumus bagi meningkatkan hasil pendapatan syarikat bagi membolehkan mereka mendapat bonus pada hujung tahun sebagai ganjaran.

#### ■1740

Akan tetapi malangnya potongan yang dikenakan terlalu tinggi. Sebagai contoh jika seorang itu menerima bonus sebulan gaji, cukai yang dipotong hampir tiga suku daripada gaji mereka. Jadi jumlah itu seolah-olah menyebabkan pembayaran bonus tidak membawa apa-apa makna kepada penerima. Oleh itu, adalah lebih baik jika jumlah potongan sedia ada bagi pembayaran bonus selaras dengan hasrat kerajaan untuk membantu mengurangkan beban rakyat dan meningkatkan pendapatan mereka.

Tuan Yang di-Pertua dalam bidang pendidikan pula, Bajet 2015 telah membuktikan komitmen kerajaan bagi mengukuhkan bidang pendidikan khususnya dari segi infrastruktur. Saya tertarik untuk mengolah mengenai usaha kerajaan melalui Bajet 2015 untuk mewujudkan keyakinan diri dan berkomunikasi dalam bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun saya ingin melahirkan sedikit kebimbangan berhubung nasib pelajar-pelajar di luar bandar jika pencapaian dalam *Malaysian University English Test* (MUET) ditingkatkan.

Saya bukanlah mahu membantah ataupun tidak menyokong langkah ini. Akan tetapi apa yang saya minta ialah pertimbangan kerajaan untuk memikirkan satu usaha ataupun program yang boleh meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar-pelajar luar bandar khususnya bagi mereka yang ingin melanjutkan pelajaran ke IPTA. Kita perlu faham kebanyakan pelajar luar bandar bukanlah datang dari keluarga yang berada dan ibu bapa mereka juga mempunyai kemampuan kewangan yang terhad. Oleh itu adalah baik jika kerajaan melancarkan satu program yang membolehkan pelajar-pelajar ini mengikuti kelas bahasa Inggeris yang diwujudkan khas di sekolah-sekolah.

Menyentuh perkara ini, kita harus mengakui bahawa salah satu sebab utama graduan tidak mendapat pekerjaan adalah kerana kelemahan ketara dalam bahasa Inggeris. Perkara ini diakui oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Abdul Wahid Omar baru-baru ini yang mendedahkan kelemahan berkomunikasi, gagal menguasai bahasa Inggeris dan kurang keyakinan diri adalah faktor graduan di negara ini gagal mendapat kerja. Apa yang berlaku sudah tentulah merugikan kerana walaupun memiliki segulung ijazah atau diploma para graduan tidak boleh mendapatkan pekerjaan. Bukan kerana mereka tidak mampu membuat kerja tetapi gagal di peringkat temu duga lagi akibat kegagalan menguasai bahasa Inggeris.

Oleh itu saya ingin mencadangkan supaya satu program khas belajar bahasa Inggeris diwujudkan di semua IPTA. Satu ketika dahulu di UiTM dikatakan mempunyai program seperti ini dan ia berjaya menghasilkan graduan yang mampu menulis dan bertutur dalam bahasa Inggeris dengan baik. Justeru itu saya percaya jika program ini diadakan di semua IPTA ia sudah pasti akan mencapai matlamat kerajaan untuk melahirkan graduan yang berupaya menguasai bahasa itu. Kelas khas ini wajib diikuti oleh semua pelajar di IPTA yang lemah dalam bahasa Inggeris dan ia boleh diadakan dalam tempoh satu semester iaitu antara empat bulan hingga enam bulan. Pelajar bolehlah mengikuti kelas bahasa Inggeris ini ketika berada pada tahun pertama lagi.

Tuan Yang di-Pertua langkah kerajaan menambah jumlah barangan yang dikecualikan daripada cukai barangan dan perkhidmatan (GST) juga telah mendapat respons yang amat baik daripada rakyat. Pengumuman kerajaan itu sekali gus menghapuskan kegelisahan rakyat yang sebelum ini dimomok-momokkan oleh sebelah sana di mana pelaksanaan GST akan menekan kehidupan mereka dan kononnya akan berlaku kenaikan harga barangan. Walau bagaimanapun, dalam soal ini peranan KPDNKK sangat penting untuk memastikan tiada peniaga-peniaga yang mengambil kesempatan untuk menaikkan harga barangan apabila GST dilaksanakan.

Oleh itu saya ingin mencadangkan kepada KPDNKK bukan sahaja meningkatkan penguatkuasaan tetapi juga perlu mewujudkan sebuah pasukan petugas khas ataupun *task force*, dengan izin, untuk memantau pelaksanaan GST dalam kalangan peniaga-peniaga. *Task force* ini perlu diwujudkan di semua daerah dan negeri bagi memastikan tiada peniaga yang mengambil kesempatan menaikkan harga barangan sehingga membebankan pengguna. Mana-mana peniaga yang didapati melakukan perbuatan ini harus dikenakan tindakan setegas-tegasnya kerana mereka inilah musuh dalam selimut dalam usaha kerajaan mengurangkan beban hidup rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan mengarusperdanakan pendidikan teknikal...

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bukit Katil bangun Yang Berhormat.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Bagi saya habis selepas itu saya bagi peluang. *Confirm* saya bagi peluang. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua berkaitan mengarusperdanakan pendidikan teknikal dan vokasional pula saya ingin mencadangkan supaya lebih banyak institut-institut kemahiran diwujudkan di kawasan Parlimen khususnya di luar bandar bagi memberi peluang kepada golongan belia untuk menjalani kursus tersebut. Pada kesempatan ini saya ingin tahu status IKBN di kawasan Parlimen Tanah Merah yang sudah terbengkalai sekian lama. Bilakah kontraktor baru yang akan dilantik? Kontraktor penyelamat.

Saya juga berharap masalah pengangguran dalam kalangan belia akan turut menjadi tumpuan utama kerajaan dan satu kaji selidik secara mendalam perlu dijalankan di seluruh negara untuk mengenal pasti belia-belia yang tiada pekerjaan. Melalui kajian itu mereka boleh dibantu sama ada untuk dipilih memasuki institut kemahiran atau terlibat dalam bidang pendidikan keusahawanan.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Kita tidak mahu gejala belia menganggur ini berterusan kerana ia adalah satu kerugian kepada negara pada masa hadapan. Okey, Yang Berhormat Bukit Katil hendak tanya tadi. Maaf Tuan Yang di-Pertualah.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Boleh?

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Dia hendak tanya tadi, hendak mencelah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, ya sila Yang Berhormat Bukit Katil.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat Tanah Merah tadi tentang *task force* yang dicadangkan supaya kementerian dapat memastikan agar tidak ada peningkatan harga barang yang saya ingat itu satu pandangan yang baik. Cuma saya hendak tanya Yang Berhormat Tanah Merah untuk minta satu penjelasan. Bagaimana kita hendak imbangkan harga barang yang meningkat itu kerana kos yang terpaksa ditanggung oleh mereka yang menjual barang itu tidak mampu lagi dipertahankan pada kos yang lama dengan cukai dan sebagainya, tentulah akan ada peningkatan kos dengan harga minyak naik dan sebagainya. Itu adalah peningkatan kos.

Adakah satu perkara yang adil untuk menekan mereka yang menjual barang ataupun peniaga menekan peniaga sedangkan kos yang terpaksa mereka tanggung itu adalah berlaku peningkatan. Jadi apakah ada satu mekanisme supaya kerajaan juga memberikan satu pendekatan pembelaan kepada para peniaga ini. Ini supaya harga kos yang meningkat akibat



daripada tindakan-tindakan kerajaan ini tentunya akan menganiaya mereka yang berniaga ini. Terima kasih.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Okey, Yang Berhormat Bukit Katil. Pertama, kita sudah dengar bahawa GST ini hanya bukan semua barang dikenakan GST. Keperluan asas tidak dikenakan GST. GST ini hanya akan berkuat kuasa pada tahun hadapan. Jadi kita tunggulah pada tahun depan dan jika cadangan *task force* ini boleh dilaksanakan sudah pastilah ia boleh- bagi sayalah kadang-kadang kita takut sangat, padahal saya percaya kalaulah perkara GST ini telah 160 negara telah mengamalkan dan menggunakan, sudah tentu ia satu perkara yang betul. Apa pun kita tunggulah pada tahun hadapan, kita tengok kesan GST kepada peniaga. Ini hendak bercakap juga Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu? Silakan.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Boleh Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Ya, saya juga hendak tanya pendapat Yang Berhormat Tanah Merah, adakah hari ini apabila pembangkang ini dia cuba mengapi-apikan peniaga-peniaga bahawa hari ini mereka mempunyai satu peluang yang cukup baik untuk meningkatkan harga kerana GST dan subsidi ini juga akan memberikan satu keberanian kepada peniaga-peniaga ini untuk mengambil kesempatan meningkatkan harga dan ia juga akan memberi satu cabaran yang besar kepada pihak penguasa.

Ini kerana esok akan timbul pula demonstrasi-demonstrasi ini yang di dalang oleh pembangkang untuk menunjukkan ketidakpuasan hati rakyat konon-kononnya di bawah. Adakah ini satu kemungkinan yang boleh berlaku dan apa sepatutnya kerajaan lakukan sekiranya ia berlaku.

**Seorang Ahli:** Dia hendak buat demonstrasilah itu.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Terima kasih Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu, pandangan daripada Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu cukup baik. Walau bagaimanapun...

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** *[Bangun]*

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** ...Tidak apalah Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu kita tunggulah.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Akan tetapi saya difahamkan kita mungkin boleh mencadangkan satu akta *profiteering*, maaf ya dengan izin, *anti-profiteering*.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Boleh, Sibuti?

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Boleh saya hendak sambung?

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Sibuti.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Yang Berhormat Sibuti silakan.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Kita selalu mendengar...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sibuti.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selalu kita mendengar kita katakan GST, GST akan naik barang, naik barang. Akan tetapi kita terlupa untuk menerangkan juga Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu bahawa kita sebelum ini memang sudah ada dikenakan cukai 10%, 5%.

■1750

Sebanyak 10% dan 5% kalau kita campur 15% sedangkan yang akan datang GST ini hanya 6%. Bukankah barang yang sudah ada ini boleh dinaikkan walaupun kita sudah ada 15% ini. Memang sudah ada peniaga menaikkan walaupun tanpa GST mereka naik juga. Apa pandangan Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu. Terima kasih.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Silaplah sentuh GST ini ramai pula yang mencelah. [Ketawa]

Apa pun saya percaya GST sebab contohnya rakan-rakan dalam kalangan peniaga kereta bila kita buat *calculation* itu ada kemungkinan harga kereta akan turun. Jadi sebab itulah kita tunggu pada bulan April nanti. Kita tunggu dan lihat sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sambung. Tuan Yang di-Pertua, dari segi... [Dewan riuh]

Saya mohon untuk sambung. Dari segi infrastruktur di kawasan luar bandar pula saya menyokong usaha kerajaan dalam usaha tersebut. Walau bagaimanapun apa yang diharapkan bagi sesetengah projek contohnya pemasangan lampu jalan di kampung-kampung ia harus disegerakan termasuklah di Parlimen saya Tanah Merah yang amat perlukan lampu jalan kampung dapat dipasang dengan segera. Ini memandangkan kemudahan tersebut amat penting kepada penduduk kampung kerana ia turut berkaitan dengan keselamatan mereka.

Jalan yang gelap, tidak mempunyai lampu mengundang pelbagai risiko kepada penduduk. Penduduk malam-malam hendak pergi surau, anak hendak hantar tuisyen dan sebagainya. Oleh itu, usaha kerajaan bagi menambah pemasangan lampu jalan 20 batang satu kampung amat dihargai dan dipuji. Biarpun bagi sesetengah pihak ia tidak apa-apa yang signifikan. Begitu juga program membina dan membaik pulih ruang usang melibatkan 9,500 buah rumah dengan peruntukan sebanyak RM200 juta. Saya berharap ia akan dilaksanakan dengan segera pada tahun hadapan dengan pemantauan rapi oleh pihak kerajaan bagi memastikan tiada penerima yang benar-benar layak tercicir.

Selain itu juga saya ingin mencadangkan kepada kerajaan untuk mendapat maklum balas daripada semua Ahli Parlimen berhubung kekurangan infrastruktur di kawasan masing-masing. Saya percaya banyak kawasan yang menghadapi masalah tersebut termasuklah jalan raya yang memerlukan yang sempurna, jejantas dan jambatan. Saya mengemukakan cadangan ini kerana mahu memastikan peruntukan kerajaan yang disediakan dalam Bajet 2015 benar-benar sampai ke kawasan luar bandar yang memerlukan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh soal keselamatan dan ketenteraman awam sementara saya memuji usaha kerajaan untuk meningkatkan tahap keselamatan dan ketenteraman awam serta pertahanan negara dalam masa yang sama saya berharap tahap keselamatan di kawasan luar bandar perlu dipertingkatkan khususnya di kawasan Parlimen yang mempunyai institusi ataupun IPTA seperti UiTM contohnya. Ini memandangkan di kawasan berkenaan terdapat kawasan perumahan yang disewa oleh pelajar-pelajar. Banyak beberapa kejadian

sejak kebelakangan ini seperti pecah rumah pelajar sehingga ada yang cedera dan kehilangan tidak boleh dipandang ringan.

Mungkin bagi setengah antara kita ia kes terpencil tetapi persoalannya apakah kita hendak menantikan kes besar yang mendapat perhatian negara berlaku barulah langkah-langkah pencegahan lebih efektif dilakukan. Oleh itu, saya menyokong langkah kerajaan untuk menambah jumlah anggota polis untuk mencegah jenayah dan amat berharap kawasan-kawasan yang disebutkan tadi akan turut diberi tumpuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menggulung perbahasan ini dengan melahirkan seribu harapan kepada kerajaan untuk memastikan apa yang sudah dirancang melalui Bajet 2015 dapat dilaksanakan secara berkesan, telus dan berjaya demi kesejahteraan rakyat dan masa depan negara. Biarlah rakan-rakan di sebelah sana meneruskan agenda politik memburu kekuasaan mereka. Apa yang lebih penting bagi Kerajaan Barisan Nasional ialah meneruskan tradisi membela nasib rakyat.

Sesungguhnya sebagai pemimpin, kita semua mempunyai tanggungjawab yang harus dilaksanakan dengan sepenuhnya. Rasulullah SAW mengingatkan melalui sabda Baginda yang bermaksud;

*“Tiadalah seorang hamba Allah SWT yang diberi tugas pemimpin untuk memimpin rakyat kemudian dia mati pada hari kematiannya dalam keadaan yang dia menipu rakyat melainkan Allah SWT mengharamkannya dari memasuki syurga”.*

Atas peringatan ini saya percaya kerajaan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berusaha sedaya-upaya melaksanakan tanggungjawab dan amanah yang diberikan dengan sebaik-baiknya walaupun terpaksa berhadapan dengan pelbagai tohmahan dan fitnah oleh pakatan pembangkang. Walau bagaimanapun, saya yakin melalui pembentangan Bajet 2015 ia telah berjaya menghapuskan propaganda murahan pihak sana yang menyatakan Barisan Nasional tidak prihatin untuk membela rakyat dalam menghadapi kos sara hidup yang semakin meningkat.

Saya juga hendak sentuh sedikit semalam saya tidak faham kenapakah Setiausaha Agung, Ahli Parlimen Pandan Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli boleh membuat kenyataan dalam Dewan yang mulia ini mengatakan rakyat Kelantan dibuli hanya kerana memanipulasi isu royalti minyak. Begitu juga yang disentuh oleh rakan saya Ahli Parlimen Pengkalan Chepa. Kalau benarlah rakyat Kelantan menerima dakwaan itu sudah pasti mereka akan menolak Barisan Nasional habis-habisan kerana kes kena buli seperti dakwaan Ahli Parlimen Pandan. Akan tetapi syukur rakyat Kelantan tidak mudah terperdaya dengan tohmahan ini. Oleh sebab itulah dalam Pilihan Raya Kecil Dewan Undangan Pengkalan Kubor baru-baru ini rakyat Pengkalan Kubor beri kemenangan besar kepada Barisan Nasional. Pada pilihan raya itu calon BN Mat Razi bukan sahaja menang dengan majoriti besar 2,635 majoriti yang diperolehi oleh Yang Berhormat Mat Razi ini meningkat hampir 900 berbanding dengan penyandang sebelum itu iaitu Allahyarham Dato' Norzaiddi. Kemenangan ini bukti rakyat Kelantan tidak termakan ataupun muak mainan politik pihak sana yang terus mempolitikkan isu royalti minyak tersebut dalam usaha meraih sokongan di Kelantan.

Saya menghormati Ahli Parlimen Pandan yang dianggap pakar strategi untuk PKR tapi buatlah kajian sedikit kerana selama ini Kerajaan Pusat tidak meminggirkan Kelantan. Saya juga tidak setuju dengan Ahli Parlimen Pengkalan Chepa yang mengatakan rakyat Kelantan dipinggirkan. Malah peruntukan berbilion ringgit disalurkan bagi membantu pembangunan Kelantan. Terbaru pada 1 September Kerajaan Pusat sudah bersetuju akan menyalurkan sebahagian daripada wang ihsan secara terus kepada Kerajaan PAS Kelantan melalui Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK).

Kaedah agihan terbaru akan berkuat kuasa tahun depan untuk menjaga kebajikan rakyat negeri Kelantan terutama dalam bidang pendidikan. Kerajaan Pusat juga sebelum ini telah memperuntukkan RM50 juta setahun bagi membantu kebajikan rakyat negeri Kelantan. Agihan itu di mana sebelum ini disalurkan melalui JPP dan Unit Penyelarasan Pelaksana (ICU) di Jabatan Perdana Menteri.

Jadi akhirnya sesungguhnya keghairahan pembangkang untuk memburuk-burukkan Kerajaan Barisan Nasional tidak akan ke mana-mana kerana mereka sering terlupa dalam bagaimana keadaan sekalipun kebenaran pasti menumpaskan kebatilan dan kepalsuan tidak boleh selama-lamanya dilindungi dengan kepura-puraan.

Saya hendak sentuh juga yang semalam Ahli Parlimen Shah Alam ketika berbahas dengan Ahli Yang Berhormat Ketereh berhubung undi popular. Undi ini adalah modal ataupun lagu lama yang didendangkan oleh pembangkang sejak Pilihan Raya Umum berakhir tahun lalu. Kita kena ingat sistem yang diguna pakai oleh mesin adalah sistem undi Parlimen ataupun *electoral vote*. Kemenangan wakil sesuatu parti politik iaitu kawasan Parlimen dikira memberi satu Kerusi kepada parti politik tersebut dalam Parlimen. Kini kita tahu ada 222 di mana dalam 222 saya hendak...

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** *[Menyampuk]*

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** ...BN 133, pembangkang dapat 89. Kalaulah sistem undi popular mutlak hendak diambil kira seperti yang Ahli Parlimen Shah Alam semalam berdebat dengan Yang Berhormat Ketereh semalam, perlu ada satu kertas undi berasingan yang menyenaraikan calon-calon yang menawar diri contohnya jawatan Perdana Menteri. Di situ akan ada pertimbangan khusus sama ada pengundi itu mahu mengundi Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak atau siapa sahaja calon lain. Jika ini berlaku maka kaedah kiraan undi popular mutlak bolehlah diguna pakai. Akan tetapi tidak disentuh oleh Ahli Parlimen Shah Alam.

Kalaulah soal undi popular mahu diambil kira maknanya sebagai contoh Parlimen Tanah Merah BN sepatutnya menguasai kesemua tiga-tiga DUN tetapi BN hanya menang satu Kerusi sahaja walaupun undi popular Pakatan Rakyat hanya 44% tetapi Pakatan Rakyat menang dua DUN. Kami BN satu DUN walaupun Pakatan Rakyat hanya 44% undi popular. Walau bagaimanapun saya akur inilah sistem yang dipakai sejak merdeka lagi. Jadi saya rasa semua orang sudah faham dalam sistem ini. Jadi janganlah kita sengaja membutakan mata, memekakkan telinga untuk menerima kebenaran ini.

Jadi saya akhiri perbahasan ini untuk mengingatkan kita semua mengenai firman Allah SWT dalam surah al-Ankabut ayat 23 yang bermaksud:

“Apakah manusia itu mengira bahawa mereka dibiarkan sahaja mengatakan kami telah beriman sedangkan mereka tidak diuji dan sesungguhnya kami telah menguji orang-orang yang sebelum mereka. Maka sesungguhnya Allah SWT mengetahui orang-orang yang benar dan sesungguhnya Dia mengetahui orang-orang yang dusta”.

Jelas yang benar hari ini ialah B dan yang dusta ialah sebelah sana Pakatan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bayan Baru.

### 5.59 ptg.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil kesempatan untuk berdebat tentang beberapa isu dalam Bajet 2015. Antaranya ialah cukai GST berbanding dengan cukai CGT, isu pendidikan, isu *high speed broadband*, persempadanan semula oleh SPR dan juga isu MAS dan KTM.

### ■1800

Bajet 2015 yang diumumkan oleh Barisan Nasional dan Belanjawan 2015 yang diumumkan oleh Pakatan Rakyat menyaksikan pertembungan dua ideologi iaitu *new liberal capitalism* yang disokong kuat oleh Barisan Nasional dengan *equitable distribution of wealth* yang diujahkan oleh Thomas Piketty dan dicadangkan oleh Pakatan Rakyat. Maka berlakunya cukai GST yang dicadangkan oleh Barisan Nasional *versus* cukai *capital gain taxes* oleh Pakatan Rakyat. GST adalah cukai regresif di mana orang miskin dan paling miskin pun dikenakan cukai. Paling malang sekali orang yang bersara, orang belajar, ibu tunggal dan sebagainya dan juga pelajar-pelajar yang masih bersekolah lagi juga dikenakan GST. Akan tetapi CGT ini berbentuk progresif di mana orang kaya sahaja yang dikenakan cukai.

Jadi, maka kesimpulannya Barisan Nasional menyokong tauke-tauke besar. Pakatan Rakyat menyokong rakyat marhaen. Jadi Malaysia perlu menuju ke arah cukai yang memupuk kesamarataan atau *equality*. Mengapa? Pada tahun 2010, orang yang paling kaya di Amerika Syarikat, Warren Buffett mengumumkan *tax return* atau laporan cukai pendapatan beliau. Beliau hanya membayar cukai 7.3% sahaja manakala setiausaha beliau yang gajinya jauh lebih rendah membayar lebih kurang 30% cukai, ini amat mengejutkan. Tujuan Warren Buffett mengumumkan cukai tersebut adalah menunjukkan *in equality* yang berlaku di Amerika Syarikat. Jadi beliau berpendapat bahawa top 1% orang yang paling kaya harus membayar cukai yang lebih tinggi.

Maka timbullah debat *tax the fat cat* atau *Warren Buffett Tax* di Amerika Syarikat. Ramai taikun memberi gaji yang rendah di mana-mana dunia di Malaysia juga, memberi gaji yang rendah kepada diri sendiri untuk mengelakkan dikenakan cukai tetapi mereka memberi saham yang lumayan kepada diri sendiri untuk mendapat keuntungan besar di pasaran saham. Sekali gus mengelakkan cukai kerana di Malaysia tidak ada CGT, *Capital Gain Taxes*. Itu sebab Pakatan Rakyat mencadangkan CGT dan mungkin *inheritance tax* yang cuba memperbetulkan keadaan *in equality*.

Dalam ucapan debat Akta LHDN, Ketua Pembangkang menyeru kerajaan mengumumkan cukai yang dikutip oleh LHDN ke atas 20 orang taikun terkaya di Malaysia dan isu ini kita minta kerajaan jawab soalan ini. Orang yang paling kaya di Malaysia tidak semestinya membayar cukai yang secukupnya. Kerajaan mengatakan orang kaya akan membayar lebih GST. Mereka perlu membayar lebih kerana mereka *consume more*, saya ingin membidas mitos ini.

Kita tahu bahawa orang kaya mempunyai banyak cara mengelakkan cukai, *tax avoidance*. Saya beri contoh, apabila mereka membeli kereta mewah untuk diri sendiri tetapi ia diletakkan sebagai *company spending* yang dikategorikan sebagai *taxes deductible*. Bayar gaji *driver* juga *tax deductible* sebagai pekerja. Apabila mereka makan di restoran pun *tax deductible* sebagai *entertainment fees*. *Tax deductible* ini kadangkala boleh naik sebagai 100% jika mereka dikategorikan sebagai *tax incentive* oleh kerajaan. *Entertainment fees* juga *tax deductible* sampai 50%. Maka jelas bahawa GST 6% yang dikenakan terhadap orang kaya, akhirnya semuanya percuma. Ini kerana selepas *tax deductible* mereka tidak bayar, *consider left pocket, right pocket* dan mereka tidak payah bayar cukai GST. Dengan adanya GST, 20 orang yang paling miskin di Malaysia pun kena bayar cukai. Maka wajarlah kerajaan mengumumkan cukai yang dibayar oleh *20 richest man and women* dalam Malaysia. Paling minimum pun cukai yang dibayar secara kolektif atau secara jumlah bagi 20 orang tersebut harus diumumkan oleh kerajaan untuk memberi satu keadilan kepada orang-orang yang membayar cukai di Malaysia.

Dalam isu pendidikan, saya ingin merujuk kepada program PISA yang dikendalikan oleh OECD yang menguji setengah juta budak sekolah berumur 15 tahun dalam tiga aspek, matematik, sains dan membaca. Saya ingin membandingkan Malaysia berbanding dengan negara serantau kita iaitu Korea, Vietnam, Singapura dan keputusan tahun 2012 amat memeranjatkan. Daripada segi pencapaian matematik, Singapura *world ranking number two*. Korea *number five*, Vietnam *number 17* manakala Malaysia nombor 52 daripada 65 negara yang dikaji. Daripada segi pencapaian sains, Singapura nombor tiga, Korea nombor tujuh, Vietnam tangga kelapan manakala Malaysia di tangga ke-53. Daripada segi pencapaian membaca, Singapura *world ranking number three*, Korea tangga kelima, Vietnam tangga ke-19 manakala Malaysia di tangga ke-59.

Kita sekarang dibandingkan setanding dengan Kazakhstan, Tunisia, Mexico pada *bottom top percent* iaitu *10% bottom ranking* sedunia. Keputusan yang cukup amat sedih sekali. Saya tidak sangka bahawa Vietnam lagi hebat daripada Malaysia. Kalau kita bandingkan *top 10%* pelajar cemerlang dari Malaysia, kita jauh ketinggalan daripada *bottom 10%* pelajar yang paling teruk daripada Korea, Singapura dan kita hanya setanding dengan *bottom 20%* daripada pelajar Vietnam. Kajian PISA ini adalah komprehensif dan semua aliran sekolah dimasukkan. Maka secara keseluruhan, pencapaian semua sekolah semakin merosot.

Bagaimana pelajar-pelajar kita boleh bersaing di persada dunia jika mutu pendidikan semakin merosot. Bagaimana negara mencapai status negara maju jika pendidikan rakyat semakin diabaikan? Seorang pakar ekonomi dari World Bank, Dr. Frederico Gil Sender yang fokus kepada Malaysia mengatakan masalah kualiti pendidikan Malaysia *very serious and*

*alarming*. Dia menyeru supaya kerajaan *reform* dan memberi kuasa yang lebih, *decentralize certain decision* daripada Kerajaan Pusat ke sekolah.

Daripada segi pengajian tinggi pula, baru-baru ini saya telah bangkitkan isu-isu STPM, Matrikulasi dan Diploma di mana pelajar yang cemerlang tidak dapat sebarang tawaran. Ada pula pelajar cemerlang, CGPA 4.0 mendapat kursus luar pilihan dan luar biasa dan saya telah minta Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata tidak benar dan itu sahaja. Saya minta penjelasan yang lebih teliti. Saya ingin bangkitkan isu ini sebab dia *cut across all races*. Dulu kita ingat bahawa masalah pelajar tidak dapat memasuki universiti kebanyakan terdiri daripada pelajar bukan bumiputera, betul. Akan tetapi masalah ini dihadapi ramai pelajar *non bumi*, tetapi daripada contoh yang akan saya bagi nanti, tidak kurang pelajar bumiputera dan bumiputera Sabah Sarawak juga terjejas.

Saya bagi contoh, pelajar cemerlang yang dapat kursus luar pilihan dan luar biasa contohnya seorang pelajar dari Pulau Pinang mendapat CGPA 4.0, SPM 10A memohon kursus Farmasi, Pergigian tetapi ditawarkan Kursus Sains dan Pengurusan Tumbuhan dari UNIMAS. Seorang pelajar Haziq Farhan mendapat CGPA 3.42 memohon Kursus Undang-Undang tetapi ditawarkan Kursus Pelancongan. Seorang pelajar, Ginita A/P Tiagarajan dari Selangor dapat keputusan matrikulasi 3.96, ini *consider very good result*. 4.0 sudah maksimum tapi dia dapat 3.96, SPM 10A. Dia memohon kursus Kedoktoran dan Doktor Pergigian tetapi langsung tidak dapat apa-apa tawaran.

#### ■1550

Seorang pelajar lagi, Mohd. Izzuddin bin Badrul mendapat CGPA 3.61 mohon Kejuruteraan Awam daripada IPTA tetapi gagal mendapat sebarang tawaran. Ini contoh-contoh yang kita dapat *as a fact* dan kita minta penjelasan daripada Menteri Pelajaran sebab isu UPU yang saya rasa sistemnya sudah, isu penempatan pelajar-pelajar universiti sudah lama, semenjak saya memohon masuk IPTA lebih kurang dua puluh tahun yang lalu.

Jadi adalah penting untuk kita menyemak semula sistem pemilihan UPU adakah ada kelemahan. Kalau ada kelemahan kita kena cuba perbaiki supaya kita memberi keadilan kepada anak-anak kita sebab kita minta anak-anak kita belajar dengan bersungguh-sungguh. Kita janjikan kalau *you* belajar dengan bersungguh-sungguh dapat 10A, dapat *4 flat you* boleh dapat masa depan yang lebih baik. Akan tetapi apabila mereka mendapat SPM 10A, dapat CGPA 4.0, masih mereka tidak dapat, dikecewakan dengan sistem yang sudah lapuk, sistem yang tidak efektif dan sistem yang tidak adil.

Jadi pengurangan ini, saya rasa ini adalah penting bahawa Yang Berhormat Menteri kena jawab. Satu isu adalah disebabkan oleh pengurangan pengambilan pelajar yang drastik. Saya dengar laporan akhbar mengatakan bertujuan untuk memindahkan beban tanggungan kewangan kepada ibu bapa dan pelajar. Sekali gus mengurangkan beban tanggungan kewangan kerajaan kerana kerajaan sekarang defisit. Ia juga dijangka untuk membantu IPTS mendapat *business* yang lebih baik. Ada juga yang mengatakan IPTA ingin mendapat *world ranking* yang lebih baik maka mereka terpaksa masukkan lebih ramai pelajar asing dan pelajar tempatan pula dikurangkan. Saya minta penjelasan yang lebih mendalam daripada Yang Berhormat Menteri.

Satu lagi masalah yang dihadapi oleh pelajar matriks ialah di mana matrikulasi tidak diiktiraf di peringkat antarabangsa. Tadi kita ada pelajar Ginithia yang dapat matrikulasi 3.96 dan pelajar Mohd. Izzuddin yang dapat 3.61. Sekarang mereka tidak menemui, kebuntuan jalan kerana tidak dapat masuk ke universiti kerana lepas matriks tidak diiktiraf. Kalau mereka tidak dapat masuk ke IPTA, maka tidak ada jalan lain kerana swasta ada yang *recognize as a matrix* dan ada yang tidak. Universiti di luar negara kebanyakannya tidak mengiktiraf. Jadi mereka punya *qualification* sekarang adalah SPM sahaja.

Jadi ini adalah isu yang serius. Kita minta supaya Yang Berhormat Menteri dan juga kementerian supaya mendapatkan *recognition* supaya menjadi *A-Level* kerana kalau STPM, pelajar-pelajar yang cemerlang dari STPM mereka masih *considered as A-Level* kerana mereka dapat *world recognition* sebagai *A-Level* tetapi matrikulasi tidak dapat pengiktirafan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membangkitkan isu *high speed broadband*. Pada bulan April dalam satu laporan *Asian Briefing*, negara Asian jiran kita Singapura dan Thailand mempunyai *Internet* paling pantas. Purata *Internet speed* pada *61 megabits per second* dan *17.7 megabits per second*. Di Vietnam – *13.1 megabits per second*. *Cambodia* – *5.7 megabits per second*, Malaysia hanya *5.5 megabits per second*. Maksudnya Malaysia di belakang *Cambodia*.

Mengikut maklumat yang saya terima, kelajuan *Internet* amat mengecewakan di kawasan luar Kuala Lumpur atau Selangor, *Klang Valley*. Di bandar Seremban, hanya 90 kilometer daripada Kuala Lumpur, *internet speed* hanyalah *0.09 megabits per second*. Itu *consider second tier city* di Malaysia tetapi keadaan internet cukup tidak memuaskan. Saya rasa keadaan akan lagi mengecewakan di kawasan-kawasan luar bandar, mungkin Tanah Merah, di kawasan-kawasan luar bandar di Sabah dan Sarawak lagi teruk.

Di peringkat antarabangsa, Malaysia juga berada di tempat 124 daripada 194 negara yang dikaji. Thailand tangga ke – 48. Vietnam – 53, Australia – 57. Maksudnya Malaysia masih sekali lagi kalah kepada Vietnam dan Thailand. Harga internet di Malaysia pun bukan murah, sangat mahal. RM199 untuk UniFi 10 megabait *per second* tetapi harga di Thailand hanya RM75 untuk 12 megabait *per second*.

Mengapa internet di Malaysia lembap lagi mahal? Hal ini kerana TM mempunyai status dominasi di Malaysia. TM memiliki hampir 90% telefon *landlines* dan *fiber infrastructure*. TM juga memonopoli HSBB infrastruktur di Malaysia. Mereka juga memiliki *last mount access*. Ini bermaksud syarikat-syarikat telco yang lain terpaksa *least internet* daripada TM untuk pelanggan syarikat telco-telco yang lain. Maka mereka mengenakan fee yang tinggi kepada syarikat telco kerana mereka terpaksa membayar Telekom Malaysia pada kadar yang tinggi.

Jadi ini menyebabkan harga *Internet* di Malaysia tidak kompetitif dan mahal. Syarikat lain tidak dibenarkan masuk pasaran infrastruktur HSBB. Kerajaan telah menandatangani HSBB dengan TM tetapi perjanjian adalah terletak dalam OSA, semuanya rahsia. Dalam Bajet 2015, kerajaan ingin membelanjakan RM2.7 bilion untuk HSBB 2.0 daripada tahun 2015 hingga ke tahun 2017. Purata RM900 juta satu tahun.

Kita tidak tahu bagaimana TM akan pakai perbelanjaan tersebut kerana semuanya rahsia. Saya minta menteri jawab, kalau boleh umumkan perjanjian antara kerajaan dengan



TM. Status dominasi dan monopoli itu menyebabkan tidak ada persaingan terhadap TM. Mereka tidak ada insentif untuk melabur, meningkatkan infrastruktur internet di Malaysia terutamanya kawasan separuh bandar dan luar bandar. Hakikatnya TM adalah sebuah syarikat yang cukup berjaya.

Tahun 2013, *total group revenue* mereka adalah sebanyak RM10.63 bilion. *Net profit* – RM1.04 bilion, *one of the best companies in Malaysia*. Saya yakin dengan kebolehan mereka. Saya yakin mereka boleh bersaing dengan apa jua syarikat telekomunikasi di Malaysia. Tidak kira berapa banyak wang ringgit kerajaan peruntukkan dalam bajet, jika kita tidak menyelesaikan masalah yang fundamental iaitu monopoli oleh TM dalam infrastruktur HSBB, internet Malaysia tidak akan maju.

Pada hakikatnya, sebenarnya Korea juga pernah mengalami masalah yang sama. Pada tahun 1990-an, *Korean Telecom* milik Kerajaan Korea mempunyai status monopoli. Akan tetapi pada tahun 1999, Kerajaan Korea mula membuka pasaran internet kepada syarikat yang lain. Dalam masa dua tahun sahaja pada tahun 2001, Korea sudah berjaya menjadi juara internet di dunia disebabkan oleh liberalisasi pasaran internet. Sekarang orang Korea hanya bayar RM64 untuk internet 100 megabait *per second*.

Dalam peruntukan HSBB 2.0 yang berjumlah RM2.7 bilion, kerajaan seharusnya melaksanakan tender terbuka atau RFP kepada semua syarikat telekomunikasi dan menilai cadangan syarikat yang boleh menyediakan infrastruktur HSBB yang komprehensif, *competitive*, bagus dengan kadar internet yang rendah.

#### ■1820

Tugas kerajaan adalah untuk menyediakan pasaran yang kompetitif supaya syarikat telco akan berlumba-lumba menyediakan infrastruktur internet yang hebat dan menurunkan harga internet. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Isu persempadanan semula. Kerajaan dijangka akan memulakan proses persempadanan semula mengikut *Part II, Schedule 13, Perlembagaan Persekutuan* di Parlimen tidak lama lagi. Mengikut khabar, mungkin sebanyak 25 kerusi baru akan diwujudkan ke Parlimen ke-14. Ini sekali gus meningkatkan Parlimen ke 247 kerusi. SPR memberi alasan bahawa peningkatan kerusi Parlimen adalah perlu kerana sejajar dengan peningkatan pengundi di Malaysia. Kata mereka, Ahli Parlimen lebih senang jika pengundi dihadkan sebanyak lebih kurang 60,000 ke 80,000.

Saya rasa hujah tersebut tidak betul. Saya ingin mengambil dua negara sebagai contoh. Pada tahun 1911, Amerika Syarikat mempunyai 94 juta pengundi. Ahli Parlimen mereka, *Congressman* adalah seramai 435 orang. Purata setiap Ahli Parlimen mempunyai 200,000 pengundi. Pada tahun 2013, Amerika mempunyai 314 juta pengundi. Akan tetapi Ahli Parlimen tetap sama iaitu 435 *Congressman*.

Purata pengundi sekarang 720,000 setiap kawasan. Mereka tidak *complain* pengundi terlalu ramai. Di India, Parlimen di India dihadkan kepada 552 Ahli Parlimen sahaja walaupun pengundi telah mencecah lebih 1 bilion. Mengapa India dan Amerika Syarikat berbuat demikian? Sebabnya adalah untuk memastikan kuasa Ahli-ahli Parlimen. Kuasa Ahli-ahli Parlimen termasuk kuasa Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional dan juga Pakatan

Rakyat supaya kuasa kita tidak terhakis. Semakin ramai Ahli Parlimen, kuasa Ahli-ahli Yang Berhormat akan terhakis.

Saya ambil contoh dalam bajet 2015, majoriti Ahli Parlimen hanya secara purata boleh bercakap lebih kurang 15 minit sahaja. Minggu depan mungkin turun sampai lima minit. Jika tambah Ahli-ahli Parlimen lagi, masa kita berucap akan dipotong lagi. Mungkin kita tidak mempunyai peluang untuk bercakap. Bagaimana kita boleh memperjuangkan hak rakyat kawasan kita jika kita tidak diberi peluang untuk berucap?

Lebih ramai Ahli Parlimen, fungsi Parlimen sebagai cabang demokrasi yang *check and balance* terhadap eksekutif juga akan terjejas. Semakin ramai Ahli Parlimen, semakin susah Ahli Parlimen mencapai *consensus* terhadap isu-isu. Semakin senang kerajaan memecahbelahkan ketidaksepakatan Ahli-ahli *backbenchers*, baik dari Barisan Nasional sama juga dengan pakatan. Maka, saya di sini ingin menyeru Ahli-ahli Yang Berhormat, baik dari Barisan Nasional mahupun dari Pakatan Rakyat sama-sama kita menolak penambahan kerusi Parlimen.

Saya ingin membangkitkan isu *last*, isu yang akhir sekali adalah isu tentang *union*. Kita baru-baru ini Malaysia semuanya kebetulan adalah daripada Kementerian Pengangkutan. Kita mempunyai masalah *union* di MAS dan juga KTM. Untuk KTM, 37 orang *unionist* termasuk presiden mereka dipecat kerana meluahkan isu tentang KTM kepada pengurusan. Akan tetapi pengurusan tidak menghiraukan akta yang memberi *protection* kepada *union* dan memecat mereka tanpa sebab yang kukuh. Saya rasa ini ialah sesuatu yang cukup tidak munasabah. Kita tahu bahawa pengurusan KTM mempunyai banyak masalah. Bukannya pekerja-pekerja. Pekerja-pekerja hanya menjalankan tugas yang diberikan oleh pengurusan.

Akan tetapi apabila pengurusan buat salah, pengurusan menyebabkan KTM rugi tetapi pekerja-pekerja pula disalahkan. Saya rasa ini adalah amat tidak adil sekali. Apabila pekerja membangkitkan isu kepada pengurusan harus ada *tripartite discussion* termasuk daripada *union*, termasuk daripada pengurusan dan daripada kerajaan supaya kerajaan boleh menjadi pengadil kepada kedua-dua pihak. Bukan kerajaan hanya memihak kepada semuanya pengurusan tetapi suara daripada *union* diketepikan. Sekarang lagi teruk adalah apabila menyuarakan isu, dipecat. Bagaimana dengan ahli keluarga yang 37 orang *unionist*, mereka mewakili- suara mereka dipilih oleh pekerja-pekerja sebagai *union leader* untuk menyuarakan isu-isu.

Begitu juga dengan MAS yang menghantar memorandum bahawa ada banyak masalah yang MAS akan hadapi.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sungai Petani bangun.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak sebelum Yang Berhormat Bayan Baru bergerak ke MAS, tentang kereta api ini ya. Oleh sebab saya ialah di antara Ahli Parlimen yang sentiasa naik kereta api setiap minggu balik dari Kuala Lumpur ke Sungai Petani. Apabila bercakap dengan pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja kereta api, ada dua tiga isu yang mereka telah bangkitkan kepada pengurusan. Akan

tetapi isu-isu ini tidak dihiraukan, maka mereka telah melaporkan kepada *union* dan *union* juga telah membuat laporan serta memorandum kepada pengurusan.

Akan tetapi apabila tidak diendahkan, maka *union* telah mengambil keputusan untuk berpiket contohnya. Isu-isu yang besar di antara yang dibangkitkan oleh *union* ialah bagaimana aset-aset kereta api itu sendiri tidak diselenggarakan dengan baik dan *union* tidak mengambil kisah. Sebagai contoh, dahulu mereka mempunyai terminal-terminal untuk menyimpan, tempat-tempat memperbaiki enjin kereta api, bagaimana selenggara dibuat dengan tempat yang elok. Akan tetapi akhirnya sedikit demi sedikit harta-harta kereta api itu diambil dan dibuat kerja-kerja lain, dibina benda-benda lain hinggalah ianya bukan bertujuan untuk memperbaiki perkhidmatan kereta api, sebagai contoh.

Yang kedua, tempat mereka bertugas yang cukup tidak selesa. Ada *formen* terpaksa berpanas kerana tidak mempunyai *hangar* sedangkan dahulu mereka mempunyai *hangar*. Inilah benda-benda yang saya rasa substantif, benda-benda yang memang menjejaskan *performance* mereka. Akan tetapi apabila dikemukakan kepada pengurusan, pengurusan tidak endah, maka mereka bersuara kepada *union*. Apabila *union* juga tidak endah, mereka tidak ada pilihan.

Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat Bayan Baru, kerajaan harus- *chairman* kereta api juga Ahli Parlimen, Menteri pun ada, saya rasa kita bukan sahaja terus mengiakan apa yang pengurusan kata tetapi saya rasa kerajaan harus mengambil tindakan untuk melihat adakah benar tuntutan *union* ini. Apa pandangan Yang Berhormat Bayan Baru? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Itulah sikap yang harus *chairman* dan juga menteri kerajaan harus ambil. Panggillah mesyuarat, dengar daripada kedua-dua pihak. Jadi satu orang tengah untuk mengadili supaya menjaga keadilan kepada semua. Jangan hanya dengar pengurusan. Saya tahu bahawa *chairman* selalu bermesyuarat dengan pengurusan, mungkin berpihak kepada pengurusan.

Akan tetapi sebagai *chairman* yang adil dia kena dengar rungutan. Saya rasa *chairman* pun terima memorandum juga daripada *union*. Jadi, haruslah teliti dan adakan mesyuarat *tripartite* yang *official*. Jangan biarkan isu ini berlarutan kerana anak bini 37 orang *unionist* itu *in limbo*, gaji digantung. Saya hendak masuk ke...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bayan Baru, boleh gulung.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Okey, gulung ya. Saya masuk ke isu MAS. Sekarang *restructure* tentang MAS. Khazanah sudah ambil balik dan ingin menubuhkan *new company* untuk *take over asset* dan juga pekerja-pekerja MAS.

#### ■1830

Tiada hala tuju yang *clear*. Jadi pekerja-pekerja MAS *in limbo*, mereka tidak tahu hala tuju. Adakah esok mereka masih ada kerja lagi atau tidak? Jadi pengurusan MAS ada juga janji VSS, tidak umumkan. Saya cadangkan supaya panggillah mesyuarat untuk bagi *clear* strategi atau bagaimana kerana saya difahamkan lebih kurang 4,000 orang hingga 6,000 orang pekerja akan di *lay-off*. Ini jumlah yang agak besar.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Saya minta laluan Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya sila Yang Berhormat Jelutong.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Terima kasih. Apabila kita dengar ada persengketaan antara tuan majikan dan juga *union*, kesatuan barangkali dalam bidang *aviation*, penerbangan awam itu, kalau kedua belah pihak bersengketa dan keselamatan penumpang itu tergendala atau terjejas, saya rasa itu adalah satu perkara yang penting dan harus diambil kira semasa kita hendak menyelesaikan persengketaan antara majikan dan kesatuan.

Saya cuma ambil satu misalan, satu dua minit sahaja. Saya hendak kupas kembali penerbangan MH66, 24 Mac, lebih kurang seminggu selepas malapetaka MH370 di mana satu penerbangan daripada KLIA ke Incheon, Korea telah tergendala dan mendarat secara cemas di Hong Kong. Setelah siasatan dibuat, adalah dijumpai bahawa penerbangan itu terpaksa dipintas kerana terdapat enjinnya hanya satu daripada dua enjin itu beroperasi. *Running on one generator*. Setelah siasatan dalaman telah dibuat, telah dijumpai bahawa perkara ini berlaku oleh kerana majikan menggunakan prinsip *cost cutting*. Jadi mereka juga menjejaskan keselamatan penerbangan supaya walaupun dua enjin yang menerbangkan pesawat, walaupun satu enjin itu sudah rosak, masih memenuhi syarat MEL (*minimum equipment list*).

Kalau daripada segi teorinya ia masih boleh terbang dalam keadaan yang cemas tetapi ini ialah satu penerbangan *with single engine* dari Kuala Lumpur ke Incheon enam jam lebih. Penumpang terjejas. Majikan dengan kesatuan bersengketa tetapi perkara macam inilah. Apa yang terjejas adalah keselamatan penumpang dan juga anak-anak kapal terbang. Macam manalah kita hendak selesaikan perkara macam ini antara majikan dan kesatuan? Terima kasih.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Isu yang sama berkenaan dengan Jabatan Kejuruteraan MAS.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Gopeng.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Bayan Baru. Kita tahu kalau kita lihat kepada laporan *Annual Report MAS* 2013, perbelanjaan keseluruhan MAS untuk *aircraft maintenance* dan *overhaul* adalah sebanyak RM1.15 bilion. Saya pasti kebanyakan perbelanjaan tersebut adalah dikendalikan oleh Jabatan Kejuruteraan sendiri untuk *overhaul* dan untuk *maintenance* kapal terbang sendiri. Kita juga tahu bahawa Jabatan Kejuruteraan ini juga memberi perkhidmatan kepada syarikat kapal terbang yang lain yang membawa *revenue* pendapatan sebanyak RM460 juta dalam tahun yang lepas. Ini merupakan satu sumbangan yang besar daripada jabatan tersebut.

Akan tetapi kita lihat apabila dalam usaha penstrukturan semula MAS, Jabatan Kejuruteraan itu nampaknya di *downsize* dan bukan dimajukan di mana jabatan tersebut di Subang akan ditutup dan dipindahkan di KLIA. Bukan setakat ini akan menjejaskan keseluruhan keuntungan MAS tetapi juga akan menjejaskan dari segi keselamatan seperti mana yang diberikan oleh Yang Berhormat Jelutong dan juga memberi kesusahan kepada

anggota-anggota yang sekian lama bertugas di Lapangan Terbang Subang. Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat Bayan Baru berkenaan dengan isu ini. Sekian.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih kedua-dua Ahli Yang Berhormat dan saya masukkan ucapan mereka dalam ucapan saya. Kita minta supaya Menteri jawab. Ini isu yang paling serius selepas MH370 dan juga MH17. Ini masalah yang serius kerana MAS Engineering itu adalah syarikat yang membawa keuntungan. *Only the two subsidiaries. One of the two subsidiaries* yang membawa keuntungan besar kepada MAS. Akan tetapi sekarang MAS Engineering mempunyai banyak masalah seperti menggunakan CEO yang tidak berwibawa dan import daripada AirAsia. Jadi rungutan daripada pekerja-pekerja adalah dianaktirikan, tidak hirau.

Sekarang saya hendak beritahu Subang antara fasilitet yang paling baik di Asia dan MAS Engineering ada 11 *line*, boleh servis Lufthansa daripada Saudi Arabia, daripada syarikat-syarikat penerbangan di seluruh dunia dan kontraknya banyak.

Kebelakangan ini selepas ada *share swap* dengan AirAsia dan CEO yang baru daripada AirAsia masuk ke MAS Engineering, sekarang 11 *line* hanya tiga *line* sahaja yang beroperasi. Lapan *line* dibiarkan begitu sahaja. Ribuan orang pekerja lebih kurang 3,000 orang pekerja MAS Engineering tidak *function at the fullest*.. Mereka sepatutnya *utilize* supaya MAS Engineering membawa *profit* kepada MAS dan naikkan *profitability* kepada MAS. Akan tetapi sekarang *cash cow* itu biarkan. Saya tidak tahu kenapa MAS itu dan Menteri kena jawab kenapa pengurusan MAS membiarkan *cash cow* mereka dibiarkan begitu sahaja.

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Minta penjelasan. Yang Berhormat Bayan Baru, saya ingin bertanya mengapa ada CEO AirAsia yang dipinjam atau ditransfer ke MAS walaupun kerjasama antara mereka telah dibatalkan. Mengapakah keadaan ini masih berlaku?

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Yang Berhormat Tanjong. Itu sebab Menteri kena jawab soalan ini. Yang Berhormat Tanjong, soalan yang cukup bagus kerana saya difahamkan 15 orang eksekutif daripada AirAsia masuk ke MAS kerana ada rancangan untuk *swap*.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bayan Baru...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Akan tetapi selepas ini 10 masih tinggal di sana.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cukup, cukup. Saya tidak benarkan. Saya minta ....

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Last isu sekali. Jadi tentang AirAsia ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cukup, cukup. Ini tadi Yang Berhormat Bayan Baru cerita pasal hendak bagi peluang kawan-kawan yang lain berucap. Jadi kalau ambil masa yang panjang jadi kita mengambil masa kawan-kawan kita yang lain.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Okey jadi saya minta supaya Menteri jawab isu-isu yang serius terhadap MAS dan juga KTM. Sekian sahaja ucapan saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Pulau.

**6.37 ptg.**

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulau]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, Tuan Yang di-Pertua. Minta maaf, saya sudah lama tidak berucap. *[Ketawa]*

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya peluang untuk membahaskan Bajet 2015 pada hari ini. Kita semua sedar bahawa Bajet 2015 adalah bajet terakhir bagi kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh sebelum Rancangan Malaysia Kesebelas dibentangkan di Dewan yang mulia ini pada Mei tahun depan. Pada masa yang sama bajet ini juga adalah bajet terakhir sebelum pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang akan mula dilaksanakan pada April 2015, April tahun depan.

Justeru itu, ada beberapa perkara yang saya hendak sentuh dalam ucapan ini iaitu sebagai satu cadangan untuk dipertimbangkan oleh kerajaan dalam merencanakan pentadbiran pengurusan dan pelaksanaan segala dasar untuk rakyat Malaysia secara keseluruhan tanpa mengira bangsa, agama atau fahaman politik.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak sebagai Menteri Kewangan kerana telah membentangkan Bajet 2015 pada Jumaat lepas. Jika diimbaz semula pembentangan Bajet 2015 pada Jumaat lepas, kita menyaksikan kerajaan memperuntukkan sebanyak RM273 bilion meningkat sebanyak hampir RM10 bilion berbanding dengan tahun 2014 dengan RM223 bilion diperuntukkan sebagai perbelanjaan mengurus dan RM50 bilion sebagai perbelanjaan pembangunan.

Dalam pembentangan Bajet 2015 ini juga, kita turut menyaksikan kerajaan terus berbelanja besar bagi projek infrastruktur awam seperti pembinaan lebuh raya baru jajaran baru (MRT) dan LRT serta berbelanja besar untuk pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia. Namun saya ingin timbulkan persoalan sama ada projek yang bakal dilaksanakan oleh kerajaan ini sama ada membabitkan infrastruktur awam atau perbelanjaan lain benar-benar diteliti dan diperhalusi dengan mendapatkan input dan maklum balas dari semua pihak yang berkepentingan.

■1840

Atas sebab itu, saya berpendapat, bagi melindungi kepentingan kerajaan, hasrat serta niat murni kerajaan dalam melaksanakan semua projek demi kepentingan rakyat daripada terus dipolitikkan dan diperkotak-katikkan pihak-pihak tertentu, adalah lebih baik sebuah jabatan yang dikenali sebagai *Office of Budget Estimate* atau OBE yang dianggotai oleh profesional yang bebas dan berkecuali dapat meneliti bajet-bajet tersebut dan memberikan input kepada Ahli Parlimen dalam membahaskan bajet kerajaan. Pejabat ini akan dianggotai oleh golongan profesional pelbagai disiplin seperti akauntan, *engineer* dan sebagainya, yang berkecuali daripada pengaruh kerajaan dan akan dapat meneliti dengan segera bajet yang dibentangkan oleh kerajaan selepas ia dibawa dalam pembentangan di Parlimen.

Melaluinya juga, Ahli Parlimen dan rakyat akan mendapat segala input yang berkecuali dan bebas dalam memastikan bahawa bajet yang disediakan oleh Kementerian Kewangan dan

Unit Perancang Ekonomi benar-benar menepati apa yang dimahukan oleh rakyat dan bukannya kerajaan menentukan sewenang-wenangnya apa yang hendak dilakukan dengan wang rakyat.

Ini sekali gus memudahkan Ahli Parlimen untuk membahaskan bajet berkenaan, tidak seperti amalan sebelum ini, kerana selama ini wakil rakyat atau Ahli Parlimen tidak mendapat input daripada pakar dan terpaksa mencari maklumat dengan sendiri. Input daripada badan ini juga akan menjadikan bajet lebih telus dengan memberikan analisa bajet yang lebih terperinci kepada rakyat.

Langkah ini bukanlah kerana kita tidak percaya kepada MoF dan juga kepada EPU tetapi ia juga adalah merupakan satu bentuk pengiktirafan kepada kerajaan terutamanya membabitkan projek berperuntukan besar seperti BR1M selain daripada projek mega seperti perumahan rakyat, PR1MA, MRT dan juga *high-speed rail*. Input awal ini juga dapat memberikan maklumat yang lebih tepat kepada kerajaan mengenai segala kemungkinan sesebuah cadangan kerajaan akan berjaya atau tidak dalam jangka masa yang panjang.

Ini juga akan membolehkan kerajaan mengkaji semula projek-projek mega jika didapati ia mempunyai unsur pembaziran atau ketirisan. Ia membolehkan kerajaan mengurangkan bajet tambahan yang selalu menjadi kelaziman dalam pentadbiran kerajaan dan menjadi bahan kepada kritikan pembangkang yang menyatakan bahawa kerajaan tidak tahu membuat bajet tahunan.

OBE ini bukanlah satu perkara baru dan ia sudah lama dipraktikkan di negara maju seperti Amerika Syarikat serta Australia. Dengan pembabitkan wakil rakyat pembangkang yang menggunakan input daripada OBE ini juga, kerajaan benar-benar akan dapat menguasai segala maklumat yang diperlukan dalam menyediakan bajet.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) yang dilantik oleh Dewan yang mulia ini pada tahun lepas, terus-terang saya akui tanggungjawab dan peranan Jawatankuasa ini amat dituntut sebagai *check and balance*, dengan izin, kepada kerajaan.

Jika sebelum ini ramai beranggapan jawatan Pengerusi PAC ini hanya bersifat bermusim memandangkan Laporan Ketua Audit Negara menjadi kitab rujukan PAC ini hanya dibentangkan setahun sekali, namun, sejak Januari 2014, kerajaan melalui inisiatif Pelan Transformasi Kerajaan (GTP) 2.0 dengan izin, LKAN dibentangkan sebanyak tiga kali setahun. Tahniah juga kepada Perdana Menteri, Dato' Seri Najib di atas usaha ini yang benar-benar menjadi satu langkah untuk mentransformasikan pentadbiran kerajaan supaya menjadi lebih telus, berakauntabiliti dan juga berkredibiliti.

Sejajar dengan pembentangan LKAN sebanyak tiga kali setahun, tugas dan tanggungjawab PAC juga bertambah. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, PAC sudah mengadakan sebanyak 40 kali mesyuarat sejak ia dibentuk tahun lepas.

Dalam 40 kali persidangan berkenaan, PAC sudah memanggil 10 buah kementerian, manakala dua Menteri iaitu Menteri Pendidikan II, Dato' Seri Haji Idris Jusoh dan juga Yang Berhormat Menteri Komunikasi yang juga bekas Menteri Belia dan Sukan, iaitu Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek, juga hadir di hadapan Jawatankuasa ini bagi memberikan keterangan

berhubung isu kementerian yang dibangkitkan dalam LKN. Tahniah kepada mereka kerana telah sudi datang berdepan dengan PAC.

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, PAC sudah membentangkan empat Laporan PAC dalam sidang Dewan yang lepas dan Jawatankuasa PAC juga akan membentangkan sekurang-kurangnya enam lagi Laporan PAC dalam sidang Dewan kali ini.

Setiap Ahli PAC sentiasa komited untuk menjalankan tanggungjawab dengan cekap kepada *stakeholders* dan bertanggungjawab...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Minta laluan Yang Berhormat Pulai. Boleh minta laluan?

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]:** Tak ada masa ini.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Sikit sahaja, sikit sahaja.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]:** Okeylah, beri laluan sikit sahaja.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Ini Pengerusi PAC..

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]:** Jangan panjang-panjanglah.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Pulai menyatakan bahawa...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kota Bharu, saya tak jemput lagi.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Allah... [Ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila, sila.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Baaru]:** Okey, terima kasih. Sebab jimat masa, Tuan Yang di-Pertua.

Tadi Yang Berhormat ada sebut dalam mesyuarat ataupun perbicaraan PAC ini, dua orang Menteri telah tampil untuk memberi keterangan. Saya rasa, tentulah hasil daripada teguran-teguran Laporan Ketua Audit Negara. Jadi daripada ramai-ramai itu, hanya dua orang? Yang lain-lain kementerian, Menteri dari kementerian lain, adakah tidak dipanggil ataupun panggil tidak datang? Terima kasih.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]:** Okey, mengikut prosedur yang kita guna pakai sekarang ini, hanya pegawai pengawal iaitu KSU kementerian sahaja yang dikehendaki menghadiri PAC. Maknanya kalau kita panggil mereka dan mereka ingkar untuk datang, kita boleh ambil tindakan.

Menteri ini datang kerana mereka sudi hendak datang. Isu di Kementerian Pendidikan iaitu isu kawalan keselamatan sekolah, Dato' Seri Idris Jusoh, dia sendiri mengambil inisiatif untuk datang untuk memberikan penjelasan mengenai perbelanjaan sekuriti sekolah yang berjumlah RM800 juta setahun sekarang ini. Jadi dia hendak tunjukkan bahawa dia ambil berat di atas isu ini, dia datang untuk hendak memberi keterangan dan juga mengambil tanggungjawab.

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek, dia telah datang tampil kepada PAC untuk menerangkan isu mengenai perbelanjaan Hari Belia yang telah disensasikan sebahagian daripada program Hari Belia itu iaitu mengenai isu K-Pop. Beliau terasa amat terpanggil untuk hendak datang hendak memberi penjelasan supaya kenyataan dalam media yang telah disensasikan oleh pihak pembangkang itu dijawab oleh beliau secara langsung. Itu sebab



kenapa beliau telah datang untuk memberi keterangan kepada PAC. Jadi, boleh saya sambung?

Setiap Ahli PAC sentiasa komited...

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Penjelasan sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Ipoh Barat.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]:** Nak dekat pukul tujuh dah.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terpulang kepada Yang Berhormat Pulai.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]:** Okeylah, bagi sedikitlah.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pun seorang anggota PAC sebelum ini *at one time*. Masa itu kita juga ada banyak masalah bila kita hendak memanggil Menteri. Adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya ada suatu rang undang-undang yang tertentu untuk memaksa atau bila ada arahan dari PAC, Menteri mesti datang, tidak ada pengecualian?

Kedua, adalah kita tahu sekarang, repot-repot PAC adalah boleh didapati di *online* tetapi belum lagi ada *online coverage* seperti RTM di PAC. Adakah PAC akan membuat itu juga *online hearing* yang bila ada *detail* di *website* itu, semua dapat tahu apa yang dibuat di PAC? Ini kerana ini bukan baru. Di luar negara, kalau kita tengok di UK, di India dan sebagainya, selepas sensitifnya sudah habis, ia akan supaya orang ramai dapat tahu apa yang dibincangkan dalam PAC.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Terima kasih Yang Berhormat Pulai.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]:** Okey, bagi laluan kepada...

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Yang Berhormat Pulai, saya juga amat tertarik dengan cadangan tadi. Apakah pandangan Yang Berhormat Pulai kalau untuk kita membuat keterbukaan ini, kita bermula daripada kecil-kecilan? Apa kata kalau kita tengok kalau di Selangor dan Pulau Pinang, sama ada dia bersetuju atau tak PAC mereka ini buat secara terbuka?

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]:** Itulah, sudah dekat pukul tujuh pun hendak mula mencetuskan satu debat yang panas.

Sebenarnya, jawapan kepada Yang Berhormat Ipoh Barat senang sahaja. Kalau kita hendak gubal undang-undang untuk paksa Menteri datang, tak perlu sebenarnya.

#### ■1850

Kita sendiri buat perubahan dalam peraturan Parlimen. Ya, boleh. Kita boleh adakan *standing committee* dalam Parlimen seperti yang dikatakan oleh pembangkang selama ini yang pembangkang minta ada *permanent select committee* untuk kementerian-kementerian di mana ada jawatankuasa khas yang dianggotai oleh Ahli Parlimen daripada dua-dua pihak khusus untuk kementerian-kementerian tertentu dan untuk meneliti untuk isu-isu yang berlaku dan kita boleh panggil Menteri datang. Akan tetapi saya setuju juga dengan cadangan Yang Berhormat Titiwangsa tadi kalau betul-betul pembangkang rasa perkara ini perkara yang begitu serius, buat dulu di Penang, buat dulu di Selangor. Jadi kita...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Saya jawab, saya jawab.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]:** ...Kita pun boleh sama-sama...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tuan Yang di-Pertua, di Selangor kita ada Jawatankuasa Pilihan Khas yang dipanggil Selcat. Malah Menteri Besar...

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]:** Yang Berhormat Seputeh, saya tidak bagi laluan.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** ...Pernah dipanggil beberapa kali. Siapa kata tidak ada?

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ada *next casting* juga.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Pulai, sekejap ya.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]:** Ya, saya Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sudah macam tidak ada Tuan Yang di-Pertua dalam Dewan ini.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]:** *[Ketawa]*. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Okey, minta saya sambung, bagi saya habis ya. Jadi ulang sekali lagi setiap ahli PAC sentiasa komited untuk menjalan tanggungjawab dengan cekap kepada *stakeholders* dan bertanggungjawab penuh bagi memeriksa semua kira-kira persekutuan dan negeri dan peruntukan wang diberi oleh Parlimen dan Dewan Negeri kepada perbelanjaan Persekutuan dan negeri.

Sejajar itu saya juga melihat PAC perlu ada satu anjakan paradigma di mana satu pelaksanaan transformasi juga perlu ada. Tujuan transformasi PAC ini adalah ke arah perubahan baru secara menyeluruh melalui landasan yang terbaik dan bergerak ke arah penambahbaikan serta kemajuan daripada kedudukan yang semasa. Sebenarnya transformasi ini telah bermula sejak saya dilantik sebagai Pengerusi PAC di mana perubahan berlaku bukan sekadar memastikan peranan PAC melebar tapi perubahan turut melibatkan rombakan struktur dan sistem prosiding termasuklah penyediaan draf laporan PAC yang lebih baik. Pelaksanaan Program Transformasi PAC ini akan diperkukuh dengan memberikan tumpuan ke atas usaha untuk mengubah persepsi dan mengembalikan masyarakat awam ke atas keberkesanan PAC dalam usaha memantau dan mencegah ketirisan atau tidak mempunyai aspek akauntabiliti, integriti berasaskan kepada empat teras utama iaitu berimbang, kebebasan, ketelusan dan profesionalisme.

Tuan Yang di-Pertua, antara pelaksanaan Program Transformasi PAC ialah menyentuh soal pemerkasaan sistem penyampaian di mana strategi yang pertama adalah untuk pemantapan pengurusan dan operasi organisasi. Jadi antara langkah-langkah yang boleh diambil adalah dari segi langkah memperbaiki proses penyediaan, pembentangan dan susulan terhadap laporan jawatankuasa ini sendiri dan laporan ini perlu dipercepatkan kerana jumlah prosiding pun makin bertambah.

Di samping itu, saya mengesyorkan juga satu seksyen baru perlu diperkenalkan dengan segera yang dikenali sebagai Seksyen Editorial Laporan Audit Jawatankuasa Kira-kira

Wang Negara. Penubuhan seksyen baru ini adalah untuk menyokong dan menyegerakan proses penyediaan pembentangan dan susulan terhadap Laporan Audit PAC untuk dibentangkan kepada Dewan Rakyat. Seksyen ini di bawah Parlimen ya. Menerusi seksyen baru itu, ia akan diketuai oleh pegawai kanan kerajaan yang mempunyai kepakaran dari aspek penyediaan laporan, penulisan, bahasa dan pengauditan sambil dibantu oleh pakar runding atau kader-kader Jabatan Audit Negara yang akan diserapkan dalam Seksyen Editorial Laporan PAC ini.

Untuk makluman, kita juga sudah memohon kepada Jabatan Audit Negara dan sekurang-kurangnya dua pegawai gred 41 dan 44 akan ditempatkan dalam tempoh terdekat di PAC ini di samping penempatan seorang pegawai penyelidik gred 48 di Parlimen. Dalam seksyen baru ini juga antara staf sokongan yang perlu diambil adalah kumpulan pegawai penerbitan dan dokumentasi, jurubahasa dan pegawai teknologi maklumat secara tetap dan saya ingin mengemukakan di sini bahawa pengurusan Parlimen Malaysia mengambil kira keperluan mendesak untuk menubuhkan Seksyen Editorial Laporan Audit PAC ini.

Selain daripada itu, transformasi PAC lain yang perlu diberikan penekanan adalah pemantapan perkhidmatan kepada ahli-ahli PAC. Saya syorkan bahawa satu elaun khas diwujudkan kepada ahli PAC serta kemudahan sampingan kepada ahli-ahli PAC. Sebabnya kadang-kadang kerana daripada 14 ahli kita, kadang-kadang hanya lima atau enam saja ahli PAC yang hadir pada setiap mesyuarat. Walaupun kuorum kita tiga orang dan kadang-kadang keahlian itu pun tidak seimbang kerana melebihi daripada Ahli-ahli Parlimen di seberang kanan saya ini.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]:** Jadi kita adil. Kita adil. Saya jalankan mesyuarat walaupun mesyuarat itu dihadiri oleh majoriti ahli daripada pembangkang. Tidak ada masalah tapi cuma saya fikir patutnya ahli-ahli PAC juga diberikan elaun tambahan memandangkan kerja sudah meningkat.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]:** Bukan keretalah, elaun mesyuarat pun cukuplah. Saya syorkan, saya juga ingin mengesyorkan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Pulai, ahli jawatankuasa saja. Setiausaha PAC tidak dinaikkan elaun.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]:** *[Ketawa]* Itu dia kena jawab dengan bahagian pentadbiran Parlimen. Akan tetapi boleh dipertimbangkan juga. *[Ketawa]*

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]:** Saya syorkan perlu adanya peruntukan sendiri yang hendaklah disediakan oleh Parlimen Malaysia menerusi peruntukan Bajet 2015. Peruntukan kewangan khusus kepada PAC ini adalah untuk membolehkan PAC beroperasi dengan lebih efektif, dengan efisien. Di samping itu juga PAC amat memerlukan peningkatan kemudahan infrastruktur ICT dan kapasiti organisasi di bawah langkah transformasinya serta pengukuhan jalinan hubungan antara PAC yang lebih kerap tidak kira di peringkat DUN dan antarabangsa juga sebagai salah satu strategi untuk meningkatkan kefahaman dan kerjasama dalam PAC.

Saya percaya menerusi beberapa transformasi yang dikatakan itu, PAC boleh meningkatkan kualiti prestasi dan mekanisme pengurusan penyeliaan dan mesyuarat prosiding pada setiap kes kajian, melaksana dan memantau reformasi struktur barisan pengurusan ahli PAC dan urus setia PAC itu sendiri.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]:** Membangunkan hala tuju pembangunan modal insan PAC termasuklah memperkembangkan keupayaan Seksyen Editorial Laporan Audit PAC.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Lumut bangun.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]:** Sudah pukul 7.00 sudah.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila, sila.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengikuti laporan ini. Ini mungkin laporan yang keempat. Kalau saya jemput Ahli Parlimen sekalian buka muka surat 17, kita tengok Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara dalam rumusan dan syor. Pada pandangan saya rumusan itu tidak begitu komited macam kena menjaga pihak-pihak tertentu. Sebagaimana saya telah baca kes K-Pop. Pembayaran K-Pop itu saya teliti ada penyalahgunaan kuasa oleh pengamal kewangan.

Jadi saya cadangkan supaya tindakan-tindakan diambil. Begitu juga dengan kehilangan pistol, gari, cuma setakat syor-syor saja. Sepatutnya sekurang-kurangnya saya hendak lihat jawatankuasa PAC membuat saranan supaya surat ataupun teguran keras diberi oleh Perdana Menteri kepada Ketua Polis Negara, seperti itulah contohnya. Akan tetapi malangnya kalau kita baca laporan ini tidak begitu kukuh. Oleh itu kalau hendak elaun, kita cadangkan buat laporan yang lebih berani, komited supaya kita boleh sokong elaun untuk ahli jawatankuasa PAC ini. Terima kasih.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]:** Yang Berhormat Lumut hendak mencadangkan elaun ditentukan melalui berapa banyak tindakan diambil. Kita sokong saja. Lagi banyak lagi banyak tindakan yang kita ambil untuk dapat elaun lebih tapi soalnya sekarang ini adalah mengenai penelitian yang dibuat pada setiap mesyuarat PAC dan jangan lupa mesyuarat PAC ini dia ada ahli daripada kedua-dua pihak dan kita membincangkan hal ini dengan secara menyeluruh. Timbalan Pengerusi, Yang Berhormat Kepong pun ada dalam Dewan ini dan bila kita buat rumusan, rumusan ini adalah rumusan yang dibentuk secara *consensus*, tidak ada undi-undi, tidak ada belah bahagi dalam penulisan laporan kita.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Yang Berhormat Pulai.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]:** Soalnya... Tidak, tidak.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Berkenaan dengan transformasi...

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]:** Sudah pukul 7.00 sudah.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Transformasi PAC. Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]:** Bagi saya habiskan kejap. Bagi saya habiskan penerangan ini. Jadi bila kita buat rumusan kita, yang pentingnya adalah kita memanggil semua pihak terlibat, kita dengar dia punya penjelasan. Kita bukukan dalam laporan. Lepas itu siapa yang berminat untuk baca laporan ini, macam Yang Berhormat Lumut baca, terima kasih banyak-banyak, ambil laporan tersebut dan *follow up* dengan tindakan sendiri. Dulu kalau tidak, kalau tidak ada PAC yang buat penyiasatan, maka perkara juga tidak ditimbulkan.

■1900

Sekarang ini apabila PAC membuat penyiasatan, PAC buat repot, dalam repot itu dibukukan secara *verbatim* dalam *Hansard*, boleh baca. Apa-apa keterangan salah cakapkah, salah penerangan daripada mana-mana pihak terlibat itu dijadikan asas untuk membuat laporan kepada SPRM dan sebagainya. Kita kadang-kadang masalah kita apabila kita bincangkan tentang hal tersebut tidak nampak dengan jelas siapa yang boleh dipersalahkan. Oleh sebab itu kita pun tidak boleh hendak buat apa-apa rumusan yang menyalahkan pihak tanpa ada asas yang kukuh. Akan tetapi soalnya ia tidak menghalang sesiapa yang membuat laporan. Sesiapa yang menggunakan laporan kita buat laporan kepada SPRMkah dan sebagainya, poliskah buat untuk mereka meneruskan siasatan. Akan tetapi yang pentingnya daripada dia tidak tahu kerana kita panggil orang sudah tahu. Itu yang penting. Yang Berhormat Jelutong hendak tanya apa lagi?

**Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Transformasi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sudah dijemput.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila, sila.

**Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Tadi saudara saya daripada Pulaui ada menyebut tentang keputusan yang dibuat dalam PAC adalah secara konsensus. Saya hendak tanya, minta penjelasan sama ada kiranya Pengerusi PAC itu diberikan kuasa veto. Saya bagi satu misalan, katakan baru-baru ini ada desas-desus daripada Tun Dr. Mahathir juga supaya 1MDB disiasat tetapi Pengerusi PAC kata bukanlah sebab sungutan daripada seorang itu, kita akan menjalankan penyiasatan. Sama ada pandangan Pengerusi PAC itu dikeluarkan sebagai satu kuasa veto yang belum mutlak dalam dia punya penstrukturan. Jadi bagaimana kalau kuasa veto itu diberikan kepada Pengerusi PAC seperti mana yang telah digunakan dalam 1MDB? Terima kasih.

**Datuk Nur Jazlan Mohamed [Pulai]:** Ya, minta maaf tidak ada kuasa veto pada Pengerusi. Soalnya sekarang ini setiap perkara yang kita hendak siasat sumbernya mestilah datang daripada Laporan Ketua Audit Negara, itu tanggungjawab kita yang pertama. Perkara-perkara lain yang di luar Laporan Ketua Audit Negara, ia perlu dibincangkan dalam jawatankuasa dan perlu dipersetujui oleh semua ahli jawatankuasa sebelum kita bentangkan. Yang Berhormat Kepong ada di dalam Dewan ini, kan.

**Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** [Menyampuk]

**Datuk Nur Jazlan Mohamed [Pulai]:** Tidak ada masalah, saya tidak pernah menggunakan kuasa veto...

**Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** [Menyampuk]

**Datuk Nur Jazlan Mohamed [Pulai]:** ...Dalam...

**Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** ...Kerana 1MDB itu tidak diberikan peruntukan dalam bajet, ia *off balance sheet*. Jadi bagaimana kita hendak kejarkan butir-butir *off balance* tetapi ia membebankan rakyat pada akhirnya kerana *fund* itu ditanggung dia punya risiko oleh kerajaan dan ia diletakkan di bawah Kementerian Kewangan. Jadi bagaimana kita hendak cari ini? *So I hope you can give some* penjelasan. Terima kasih.

**Datuk Nur Jazlan Mohamed [Pulai]:** Tidak, saya juga menyatakan bahawa isu 1MDB dalam radar PAC belum lagi. Akan tetapi cuma kita tidak putuskan lagi. Akan tetapi apa yang pentingnya PAC adalah jawatankuasa kepada Parlimen. Sekarang ini isu 1MDB ini dibawa ke dalam Parlimen, dijawab oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan secara langsung. Jadi daripada segi *value added* isu 1MDB ini PAC pun menilai *value added* itu hendak tambah kepada peluang yang diberikan kepada semua Ahli Parlimen untuk bertanya mengenai PAC ini apa dia punya perbezaannya. Ini kerana sekarang ini Ahli-ahli Pembangkang boleh bertanya terus kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan. Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan terus jawab terus mengenai isu 1MDBkan.

Jadi kita sebagai induk, sebagai anak kepada Dewan ini kita – Saya tidak nampaklah apa *additional value* untuk kita hendak menyiasat 1MDB memandangkan perkara tersebut telah dibincangkan berkali-kali, maklumat telah diberikan berkali-kali. 1MDB memberikan penjelasan berkali-kali dalam media. Apa lagi yang kita boleh tambah nilai daripada segi penyiasatan khas atau khusus yang perlu dibuat oleh kita. Alamak bangun lagi. *[Ketawa]*

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *[Bangun]*

**Datuk Nur Jazlan Mohamed [Pulai]:** Yang Berhormat Batu.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Sedikit sahaja. Saya ingat yang kata *added value* ini, semua perkara yang PAC siasat, kita terus tanya kepada Menteri berkenaan tetapi *added value* ialah dalam PAC, dalam sistem *committee* kita boleh dapatkan secara lebih detil dan kita juga *put aside partisan differences* yang boleh kita bersama-sama untuk *go to the bottom of everything*, dengan izin. Jadi saya ingat agak tidak sesuai bagi Pengerusi mengatakan tidak ada *added value* untuk menyiasat 1MDB. Terima kasih.

**Datuk Nur Jazlan Mohamed [Pulai]:** Jangan salah faham bukan saya kata tidak ada *added value* langsung. Saya cuma kata kerja kita pun adalah berasaskan kepada Laporan Ketua Audit Negara, itu kita tumpukan dahulu. Sekarang ini banyak masa telah diluangkan di Dewan ini untuk tanya langsung kepada Yang Berhormat Menteri, biarlah Yang Berhormat Menteri jawab. Kita di PAC, kita buatlah kerja kita untuk hendak meneliti Laporan Ketua Audit Negara. Kalau ada masa untuk kita pergi kepada 1MDB, kita pergilah. Akan tetapi setakat ini masa itu belum lagi ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Pulai, gulung.

**Datuk Nur Jazlan Mohamed [Pulai]:** Kacaulah, tidak habis lagi kita punya. Saya hendak sebut tentang isu Akaun Akruan tetapi tidak sempat sebab terlalu banyak sangat. Akan tetapi saya mengalu-alukan cadangan kerajaan untuk hendak melaksanakan Akaun Akruan ini kerana tujuannya adalah untuk memastikan bahawa perbelanjaan kerajaan akan dapat ditelusuri dengan lebih mendalam dan juga satu *balance sheet*, kedudukan kewangan kerajaan dapat dibentuk yang akan dapat *quantify* aset dan liabiliti negara kita ini.

Akan tetapi perkara akhir yang saya hendak sebut di sini adalah mengenai penambahbaikan dan masa depan profesion perakaunan di negara ini. Saya amat terharu dengan pengiktirafan kerajaan terutama sekali mengenai keprihatinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Najib terhadap profesion akauntan terutamanya untuk golongan bumiputera. Saya melihat menjelang Malaysia mencapai status negara maju dalam tempoh enam tahun lagi adalah menjadi harapan kerajaan untuk menghasilkan lebih ramai golongan profesional Melayu dan bumiputera dalam bidang perakaunan. Tidak timbul sama sekali seandainya langkah progresif Institut Akauntan Malaysia yang dikatakan cuba meminda Akta Akauntan 1967 untuk mengukuhkan lagi profesional perakaunan ini tidak ditentang oleh pihak-pihak tertentu.

Saya amat percaya usaha yang dibuat oleh Malaysian Institute of Accountants (MIA) untuk meminda akta ini supaya menggalakkan lebih banyak lagi graduan perakaunan bumiputera untuk mendapatkan kelayakan yang ditauliahkan oleh badan-badan perakaunan dunia dalam usaha untuk menyelesaikan isu pengiktirafan akauntan di Malaysia ini. Saya sebagai bekas Ahli Majlis Akauntan Malaysia dan juga sekarang ini sebagai Ahli Majlis ACCA Global memahami betapa pentingnya akauntan di negara kita ini mendapat pengiktirafan dunia.

Jadi jangan akauntan di Malaysia ini terutamanya akauntan bumiputera berfikir bahawa ijazah akaun yang mereka ada itu cukup untuk memberikan kelebihan kepada mereka. Seharusnya mereka mendapatkan kelulusan atau kelayakan profesional antarabangsa yang akhirnya akan dapat memberikan kelebihan kepada mereka untuk bekerja di mana-mana saja di dunia bukan sahaja di Malaysia dan mengharap Kerajaan Malaysia untuk membela nasib mereka sekiranya mereka tidak mendapat kerja yang baik.

Jadi dengan itu saya – Tujuan pindaan oleh MIA ini adalah untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan terutamanya di dalam bidang perakaunan ini untuk menjadikan mereka akauntan yang mampu bersaing di peringkat dunia. Jadi Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kerana telah pun memberikan saya peluang untuk berhujah pada hari ini dan saya dengan ini menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2015. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat kepong panjangkah?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Lebih 30 minit, sila.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini selepas mendengar Yang Amat Berhormat Pekan yang mengambil masa lebih dua jam. Dua jam dengan penuh kata-kata yang sangat besar hendak menjadikan negara ini *advance economy*.

#### ■1910

Jadi saya percayalah memang tidak ada gunung yang tinggi yang tidak dapat didaki, tidak ada lurah yang dalam yang tidak dapat dituruni. Memang macam itu, tetapi ada beberapa perkara yang hendak kita mendalami, mengapakah kita menghadapi masalah sekarang ini?

Bukan saja masalah yang ada orang yang hendak pergi ke Syria dan Iraq untuk mengambil bahagian di dalam perang di situ, itu salah satu masalah di negara ini walaupun Yang Berhormat Pulaui tidak sebut militan yang penting kita mendalami.

Tuan Yang di-Pertua apa yang pentingnya Yang Berhormat sudah mengulangi Dasar Transformasi Nasional dan Rancangan Malaysia Kesepuluh yang akan akhir pada bulan Mei tahun depan dan akan menjelang Rancangan Malaysia Kesebelas dan juga yang disebutkan sebagai Strategi Pembangunan Nasional Malaysia (*Malaysian National Development Strategy*). Tuan Yang di-Pertua, di sini saya hendak menekankan bahawa kalau kita hendak mencapai matlamat negara maju pada enam tahun lagi, kita mesti wujudkan lebih perpaduan di dalam negara ini. Dengan lima tahun melaksanakan 1Malaysia, rakyat diutamakan dan juga memang rakyat diutamakan.

Akan tetapi pada akhir-akhir ini Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Arau pun tahu di sesetengah negeri seperti Sarawak dan Sabah ada suara hendak pisahkan Sarawak atau Sabah daripada Semenanjung daripada Persekutuan kita. Suara ini tidak baik, saya tidak setuju. *[Tepuk] [Disampuk]* Memang saya tidak setuju walaupun Yang Berhormat Lenggong tidak setuju juga!

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Penjelasan, penjelasan. *[Dewan riuh]* Apakah Yang Berhormat sedar terdapat pemimpin-pemimpin DAP...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Mana ada.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Termasuk menggunakan orang muda seperti Dyana yang memakai baju untuk menyokong orang-orang yang berkata "Pisah-pisah". Apakah Yang Berhormat sedar ada - saya sebut terdapat dalam media sosial...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ini bohong punya, Yang Berhormat pun pergi percaya.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Eh 'lu' Yang Berhormat Seputeh, Cik Puteh, Cik Puteh *you* duduk dengarlah.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tidak benar langsung.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ini saya kata terdapat dalam media sosial. Apakah Yang Berhormat hendak nafikan?

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Peraturan mesyuarat, ini *hearsay* tetapi Yang Berhormat Menteri telah menggunakan masa Dewan yang sangat bernilai ini untuk membahaskan perkara yang dianggap sebagai *hearsay*.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ini Yang Berhormat Batu, saya kata...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Ini Menteri yang menjaga Parlimen.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Nanti.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Sepatutnya Tuan Yang di-Pertua tegur. Ini membazir masa.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Saya..

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Kita hendak dengar veteran untuk berucap.



**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya tunggu di sini untuk dengar, dengar Yang Berhormat Kepong.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Kamu duduk sekejap, kamu duduk sekejaplah hendak sambung.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya tidak mahu dengar daripada Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Saya pun tidak mahu dengar kamu!

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Yang Berhormat Arau...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Jangan sebut perkataan Arau.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Seputeh dan juga Yang Berhormat Ipoh Barat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Saya minta sedikit penjelasan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Peraturan mesyuarat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Apakah Yang Berhormat sedar bahawa dalam media sosial...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Kepong..

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Terdapat kata-kata kononnya pemimpin DAP menyokong - kononnya, kononnya la...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Belum habis.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Eh 'lu' duduk la saya cakap sama dia la!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat, ya sila, sila Yang Berhormat Kepong. Saya - Yang Berhormat Ipoh Barat duduk dulu sekejap.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Konvensi ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sekejap ya. Saya biarkan Yang Berhormat Menteri mencelah kerana Yang Berhormat Kepong telah memberikan laluan dan dia duduk. Kalau Yang Berhormat Kepong tidak beri laluan, saya tidak benarkan. Bila Yang Berhormat Kepong yang sedang berucap, mengalah dan dia duduk bermakna dia memberikan laluan kepada Yang Berhormat Menteri untuk bertanya.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Akan tetapi dia kena *respect* peraturan mesyuarat Tuan Yang di-Pertua. *By convention*, eksekutif tidak akan tanya apa-apa soalan, *we must understand that*. Walaupun saya syok dengar Yang Berhormat Menteri bercakap tapi...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sudah lah Yang Berhormat Ipoh Barat, habis masa setakat ini sahaja...

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Yang Berhormat sebagai Tuan Yang di-Pertua patut memberi arahan...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sudahlah Yang Berhormat Ipoh Barat, Yang Berhormat Ipoh Barat duduklah.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *That we don't understand.*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Ipoh Barat duduk, duduk, duduk. Yang Berhormat Kepong mahu cakaplah, kita mahu dengar, sambung tadi Yang Berhormat Kepong. Tadi macam - tadi, tadi sambung.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, "*Ikan kilat jala tiba, ikan kilat jala tiba.*" Telah dengar ucapan saya itu dengan cepat melatah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Oleh sebab itu, Yang Berhormat Lenggong! Yang Berhormat Kepong, "*Ikan kembung ikan kerapu, itulah jangan merapu.*" [*Dewan riuh*]

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Saya bukan... [*Ketawa*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, kita di dalam DAP tidak mahu sesiapa di mana-mana pun berpisah daripada Persekutuan, tidak akan buat macam itu. Apa yang pentingnya Yang Berhormat Arau, kita tengok Jata Negara di atas kerusi Tuan Yang di-Pertua. Di atas itu ada 13 bintang yang melambangkan 13 negeri kita dan dengan anak bulan itu melambangkan agama rasmi kita Islam dan juga di dalam perisai itu. Tengok ada 13 negeri dan di bawah itu ada bertulis "Bersekutu bertambah mutu" kedua-dua tulisan jawi dan rumi. Tulisan jawi itu cantik dan bertradisi. "Bersekutu bertambah mutu".

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Kepong, boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Kepong belum jawab lagi Yang Berhormat Menteri menyampuk. [*Ketawa*]

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** [*Ketawa*]

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Akan tetapi dia sudah duduk.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Duduk dulu Yang Berhormat Lenggong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kepong, saya tertarik dengan ucapan Yang Berhormat Kepong tadi. Petang-petang begini Yang Berhormat Kepong bercakap secara bijaksana, hebatlah seorang pemimpin yang telah lama di Dewan ini. Apabila Yang Berhormat Kepong sebut Jata Negara maknanya Yang Berhormat Kepong faham tentang apa yang ada dalam Perlembagaan Negara. Yang Berhormat Batu kena ikut contoh Yang Berhormat Kepong, Yang Berhormat Batu.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** ini Yang Berhormat Seputeh?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat kepong satu lagi hendak tanya ini, Yang Berhormat Kepong bersetuju, saya - satu daripada cara untuk meningkatkan semangat perpaduan rakyat ialah melalui pendidikan. Kita menghormati adanya pelbagai aliran sekolah. Tidak kiralah India, Cina, Melayu. Bolehkah Yang Berhormat Kepong bersetuju kalau di sekolah Cinakah, sekolah Indiakah, tidak apa, tetapi mesti sekolah-sekolah

ini memberikan penekanan soal apa yang Yang Berhormat Kepong cakap tadi. Saya hendak tanya pada Yang Berhormat Kepong sahaja.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Memang saya perhatikan Jata Negara ini diajar di semua aliran. Darjah 1 lagi ia bermula. Ini kerana saya tengok baru-baru ini buku teks daripada Darjah Satu, saya nampak ia, sebab itu. Saya nampak semua aliran diajar. Di sini saya pun berharaplah dari semua negeri termasuk Sabah dan Sarawak, kita ikut baca Jata Negara dengan...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Ipoh Barat tidak mahu dengarkah? Sudah lari ini.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Yang Berhormat Kepong, Yang Berhormat Ipoh Barat dia sudah hendak balik sudah.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ini kerana lambang ini sebahagian itu termasuk harimau itu lebih 100 tahun sudah, lebih 100 tahun.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Dengar Yang Berhormat Batu.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Dengan itu Yang Berhormat, yang penting sekali ini bermakna kita tidak boleh ada sesiapa pun...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Kepong tengok anak bulan itu Yang Berhormat Kepong, wakil apa itu? Bulan, bulan?

■1920

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Bulan itu agamalah itu, agamalah itu. *[Disampuk]* Yang Berhormat Lenggong tidak serius ini.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Dia memang budak-budak, memang budak-budak tidak serius.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Kepong betul, Yang Berhormat Kepong betul.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Macam mana main-main sahaja. Jata Negara bukan main-main lebih 100 tahun. Jawi di situ lebih 500 tahun.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Maknanya Yang Berhormat Kepong? Tafsir makna dia itu, apa maknanya itu?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Maknanya kita siapa sahaja termasuk Yang Berhormat Lenggong kalau bangkitkan perkara sensitif kita ambil tindakan terhadapnya. *[Tepuk]* Sesiapa sahaja termasuk Yang Berhormat Arau. *[Ketawa]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Akta Hasutan ya, Akta Hasutan.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Itu maksud kita.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Akta Hasutan boleh?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Di sinilah – Boleh bagi saya 20 minit?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya. Sila, sila.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Selepas ini ya. Selepas malam ini ada 20 minit lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada 15 minit.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ini kerana gangguan. Gangguan daripada pelbagai pihak terutamanya Yang Berhormat Lenggong. Di sini saya berharap Yang Amat Berhormat

Perdana Menteri boleh mengkaji semula. Kaji semula faktor-faktor yang menyebabkan ada suara hendak pisah daripada Persekutuan. Ini penting sebab di sini kita nampak ada usaha juga dalam ucapannya untuk memberi peruntukan kepada Sabah dan Sarawak. Misalnya mengenai Lebuhraya Pan Borneo ini, lebih 10 tahun sudah. Ada peruntukan sedikit waktu dahulu itu tetapi saya sudah pergi. Tahun lepas saya ada jalan di situ kerja, projek itu memang malang sekali, memang malang sekali. Kalau kita hendak orang bersekutu memang apabila kita melaksanakan projek, projek itu dijalankan dengan betul dahulu.

Sekarang dia hendak memperuntukkan lagi RM27 bilion untuk membina Lebuhraya Pan Borneo. Saya berharap dapat dilaksanakan dengan baik seperti infrastruktur yang lain hendak merencanakan pelaburan awam dan swasta. Termasuk Lebuhraya Pan Borneo dan juga MRT2 sebanyak RM23 bilion dan LRT3 sebanyak RM9 bilion. Apa yang penting sekali mesti ada tender terbuka. Yang Berhormat Pulaui di dalam Mesyuarat Jawatankuasa dia kata hendak tender terbuka tetapi dalam di Dewan dia tidak sebut langsung. Jadi itulah yang penting...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim [Arau]:** *[Bangun]*

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]:** Saya terpanggil hendak mencelah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kepong ada dua yang bangun, hendak bagi Yang Berhormat Arau atau hendak bagi Yang Berhormat Pulaui?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Dia belum lagi, Yang Berhormat Pulaui.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Pulaui, sila.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hairan Yang Berhormat Kepong ini dia buat kenyataan kata saya tidak menyokong tender terbuka dalam Dewan ini. Bila masa saya buat *statement* itu? Janganlah tarik saya masuk dalam perkara ini. Hendak buat ucapan buat ucapan sendirilah. *[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Dia senyap sahaja. Yang Berhormat Pulaui dia senyap sahaja. Oleh sebab di Ibu Pejabat Polis di Johor Bahru sekarang terbengkalai pula. Kontraktor dilantik bukan secara tender terbuka Yang Berhormat Arau. Rundingan terus.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] [Menyampuk]* Yang Berhormat Pulaui senyap.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Memang macam itu. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Patutlah *report* dia tidak tahu.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua saya menekankan di sini kita mesti ada tender terbuka dan semua projek di semua negeri termasuk Sabah dan Sarawak kita laksanakan dengan pantas, dengan cekap tanpa ada pembaziran yang sewenang-wenangnya. Ini memang penting sekali sebab Tuan Yang di-Pertua saya tekan sekali lagi, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mesti kaji keadaan di semua negeri kita. Macam mana kita boleh mengukuhkan keadaan supaya kita dapat tambahkan mutu dengan bersekutu, ini memang penting.

Seterusnya, saya nampak ada RM56 bilion diperuntukkan daripada RM273.6 bilion jumlah bajet kita iaitu lebih sedikit 20% diperuntukkan untuk pendidikan. Memang untuk

pendidikan 20% itu betul, itu bukan salah. Apa yang terpenting sekali RM56 bilion ini digunakan dengan baik. Walaupun Yang Berhormat Menteri tidak berminat, Yang Berhormat Ledang. Kita mesti gunakan RM56 bilion ini dengan betul. Misalnya kita hendak wujudkan 60,000 pemegang PhD, itu tidak salah. Memang tidak salah. Diperuntukkan wang hampir RM498 juta untuk mewujudkan 60,000 PhD.

Di sini Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bangkang, saya tidak kata bantah ini tidak betul. Akan tetapi yang penting sekali bukan sahaja kita hendak ada PhD. Kita hendak memastikan mutu kualiti PhD itu tinggi, itu juga penting. Kalau 60,000 orang pun tidak mahu memberi kerja dan sebagainya jadi PhD itu tidak gunalah. Hendak bungkus nasi lemak pun tidak boleh. Hendak bungkus nasi lemak pun tidak boleh PhD macam itu.

Saya berharap, ada dua minit lagi. Saya berharap pihak kerajaan dapat mengkaji bagaimana universiti *ranking* yang pertama Caltech di Amerika Syarikat (*California Institute of Technology*). Dia keluarkan banyak beratus-ratus Ph.D. Ph.D Caltech ini *ranking* yang pertama di universiti itu. Dia tahap tinggi, standard yang tinggi. Kita di Malaysia – Yang Berhormat Lenggong mesti pergi kalau tidak pergi dia memang melanggar peraturan Dewan. *[Disampuk]* PTPTN kah? Dia tidak bayar? Tuan Yang di-Pertua, teruklah itu. *[Ketawa]* Beribu-ribu tidak bayar, teruklah PTPTN itu sekarang.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Dahulu Tuan Yang di-Pertua, dahulu Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Jadi saya berharap termasuk Yang Berhormat Lenggong semua pihak kerajaan mesti mengkaji bagaimana Caltech boleh mencapai tahap yang tinggi. PhD kita kalau berbanding dengan Ph.D daripada Caltech apakah tahap kita. Akan tetapi saya setuju kita tidak boleh sampai tahap begitu tinggi dengan sekelip mata.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kepong hendak sambung esok atau habis hari ini?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Esoklah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Hendak sambung esok? Panjang lagi?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Baik, esoklah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Esok? Kita ada masa 15 minit lagi.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim [Arau]:** Hendak minta penjelasan tidak sempat?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Rabu 15 Oktober 2014.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 7.30 malam]***